



PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN PELAN HALA TUJU 2.0

MEMANGKIN TRANSFORMASI KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH



JABATAN PERDANA MENTERI

Reka bentuk kulit buku mencerminkan GTP 2.0 sebagai sebuah rangka tindakan bagi pembinaan 1Malaysia selaras dengan matlamat dan cita-cita tinggi yang digariskan dalam Wawasan 2020. Sebagai pemangkin kepada transformasi, GTP berusaha sedaya upaya menghayati semua aspek penting struktur negara, dengan demikian menjelaskan lakaran yang digunakan di sepanjang Pelan Hala Tuju ini.

Dalam reka bentuk kulit buku ini, setiap garisan yang dilukis merupakan pelan pelaksanaan yang memandu proses transformasi dalam usaha membina sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan maju bagi semua rakyat Malaysia. Perincian 1Malaysia pada latar hadapan mengungkapkan kepentingan konsep 1Malaysia sebagai rukun utama yang menyokong keunggulan keharmonian etnik, perpaduan negara dan pentadbiran yang cekap.

KANDUNGAN

MENGEKALKAN MOMENTUM 4 - 5

MENCIPTA MASA HADAPAN YANG LEBIH GEMILANG 6 - 7

BAB 1 10 - 16

Tinjauan Keseluruhan GTP 1.0

BAB 2 18 - 34

Tinjauan Keseluruhan GTP 2.0

BAB 3 36 - 51

NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

BAB 4 54 - 85

Mengurangkan Jenayah

BAB 5 88 - 114

NKRA Membanteras Rasuah

BAB 6 116 - 142

NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti

BAB	7	144 - 180
NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah		
BAB	8	182 - 204
NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar		
BAB	9	206 - 232
Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar		
BAB	10	234 - 238
Memastikan Pencapaian Diutamakan		
BAB	11	240 - 242
Bidang Keberhasilan Utama Kementerian		
BAB	12	244 - 246
Mentransformasikan Malaysia		
LAMPIRAN		
248 - 255		

MENGEKALKAN MOMENTUM

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri, Malaysia

Pelbagai perubahan yang mendadak dalam ekonomi global sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menegaskan lagi tentang betapa perlunya kita untuk bergerak pantas dengan langkah-langkah yang berani demi faedah jangka panjang seluruh rakyat Malaysia. Dalam konteks ini, saya berbesar hati menyatakan bahawa Kerajaan telah pun mewujudkan banyak pembaharuan yang diperlukan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat secara berkesan dan meluas.

Sejauh ini batu asas Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah berjaya mencipta keberhasilan pada tahap makro dan juga mikro, menangani isu-isu prestasi yang penting, dan pada masa yang sama mewujudkan keseimbangan yang sewajarnya dari segi pendekatan pelaksanaan. Strategi jangka pendek dan jangka panjang selain kejayaan pantas hasil daripada pelaksanaan telah pun meluas disampaikan kepada rakyat.

Akan tetapi, cabaran mengurus perubahan dan peralihan pada hakikatnya bukanlah mudah. Kita harus melakukan perubahan asas dalam strategi dan juga pemikiran kita. Namun, izinkan saya memberikan jaminan kepada anda semua bahawa cabaran yang sedemikian tidak sekali-kali melemahkan semangat kami daripada melaksanakan apa yang telah digariskan untuk dicapai. Keutamaan terbesar Kerajaan terus kekal untuk memastikan peralihan negara kita menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. Dasar dan keutamaan kami senantiasa didorong dan dipacu oleh matlamat keseluruhan ini.

Meskipun ketujuh-tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah GTP 1.0 telah memastikan seluruh segmen masyarakat – baik di bandar maupun di luar bandar – menikmati dan meraih manfaat daripada pelbagai peluang yang dicipta, namun pencapaian tersebut bukanlah sesuatu yang mudah digapai. Pencapaian

tersebut lahir daripada perancangan yang strategik dan komitmen yang tidak mengenal jemu dan lelah daripada semua pihak untuk memperbaik secara menyeluruh bidang-bidang keutamaan yang amat penting bagi masa hadapan Malaysia. Sejak tahun 2009, kita telah mencipta kejayaan yang memberangsangkan dalam membasmi kemiskinan, mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat, mengurangkan jenayah dan rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar dan infrastruktur luar bandar selain mempertingkatkan sistem pengangkutan awam bandar.

Walau bagaimanapun, ketika kita melangkah masuk ke dalam fasa kedua transformasi negara kita, kita perlu memastikan bahawa momentum yang dicetuskan oleh GTP 1.0 terus dikekalkan. Kita perlu menerjah melewati kebiasaan, berusaha dengan lebih gigih lagi dan menetapkan sasaran-sasaran yang lebih tinggi. Pelan hala

tuju GTP 2.0 merupakan kesinambungan inisiatif kukuh GTP 1.0 selain tugasan baharu untuk memperkuuh program transformasi ini lagi. Inisiatif-inisiatif ini, adalah untuk membawa negara sehingga tahun 2015, akan memberikan nafas baharu kepada hala tuju dalam penyampaian keberhasilan yang besar dan pantas selain menggerakkan negara lebih hampir lagi kepada Wawasan 2020. NKRA dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) di bawah GTP2.0, dilengkapi pula oleh Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) di Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan pemangkin yang penting bagi transformasi Malaysia untuk membolehkan kita mencipta masa hadapan yang lebih cerah dan lebih makmur.

Kerajaan telah memulakan usaha-usaha menjulang martabat negara untuk menyertai kelompok negara berpendapatan tinggi dalam tempoh satu dekad

ini. Rancangan ini pastinya menuntut kita bekerja dengan lebih pantas dan tangkas lagi untuk memacu produktiviti, kecekapan dan inovasi. Walau bagaimanapun, keputusan penting untuk mencetuskan perubahan perlu disepakati oleh semua pihak, iaitu semua rakyat Malaysia. Pada hari ini, penyertaan rakyat dalam program transformasi negara ternyata adalah lebih penting lagi berbanding sebelum ini. Menerusi sokongan dan komitmen anda, Kerajaan akan berupaya untuk menghulurkan bantuan dengan berkesan serta tepat pada masa mereka memerlukannya. Oleh hal yang demikian, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia agar bersatu padu untuk mencapai matlamat kita menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.



MENCIPTA MASA HADAPAN YANG LEBIH GEMILANG

Timbalan Perdana Menteri, Malaysia

Program Transformasi Negara (GTP) telah pun berlalu dengan pantas dan dalam tempoh tiga tahun pertama ini, ia telah pun menjulang Malaysia memasuki era baharu yang lebih dinamik. Hari ini kita mengorak langkah fasa GTP yang seterusnya dan kita sedar bahawa laluan yang terbentang di hadapan senantiasa sahaja sukar dan penuh berliku. Namun, Kerajaan akan terus komited untuk melaksanakan perubahan yang diperlukan demi mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Fasa kedua GTP (2013-2015) dalam tiga tahun yang berikut ini merupakan tempoh yang

penting dalam memastikan bahawa momentum yang telah dicipta sejauh ini dapat terus dipertahankan. Dalam konteks ini, saya berbesar hati menyatakan bahawa kesemua NKRA yang sedia ada hakikatnya telah pun mencatat keberhasilan yang besar. Malah dalam sesetengah kes, pencapaian yang telah diraih mengatasi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian hebat tersebut pastinya dapat mempercepat usaha berterusan yang kita laksanakan dalam fasa kedua GTP ini.

Meskipun fasa kedua GTP akan memfokuskan usaha memperkuuh inisiatif yang

sedia ada, namun kita perlu akur bahawa GTP kekal merupakan sebuah rancangan yang senantiasa terbuka kepada perubahan. Menerusi pelbagai iktibar dan pengajaran yang dipelajari dalam GTP 1.0, kita perlu merumuskan dan menerapkan kaedah yang paling berkesan untuk membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi.

Fasa GTP yang seterusnya perlu terus mencetus perubahan dalam Kerajaan yang lebih meluas serta memberikan impak yang lebih besar. Justeru, saya menyeru semua Kementerian dan rakan-rakan saya dalam

Kerajaan untuk terus komited dan menggembung usaha yang gigih demi memastikan kejayaan program GTP.

Saya juga ingin menyeru rakyat Malaysia agar terus memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Di sebalik kepelbagaiannya yang wujud dalam negara kita, kita bersyukur bahawa GTP berjaya membuktikan dengan jelas bahawa kita mampu bersatu dalam usaha untuk mencapai kehidupan yang lebih berkualiti dan masa hadapan yang lebih cerah.

Negara akan menyambut fajar tahun 2020 dalam tempoh kurang sedekad dari sekarang. Program GTP 2.0 yang digembleng oleh Kerajaan bakal mengorak langkah yang penting dalam mencipta kemajuan dan pembangunan Malaysia yang seterusnya. Dalam tempoh tiga tahun yang akan datang ini, marilah kita bersama-sama merealisasikan kejayaan Program Transformasi Kerajaan ini dan seterusnya mencipta masa hadapan Malaysia yang lebih gemilang.





**TINJAUAN
KESELURUHAN
GTP 1.0**

BAGAIMANA GTP BERMULA

Benih kisah Transformasi Malaysia telah mula disemai pada tahun 2009 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak sebagai sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan asas bagi transformasi negara ke arah menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Program Transformasi Kerajaan (GTP), iaitu sebuah pelan tindakan inisiatif yang berani dan nekad untuk mencapai keberhasilan yang pantas dan mampan kemudiannya dilancarkan. Matlamat GTP adalah untuk

mentransformasikan secara radikal cara Kerajaan bekerja supaya isu-isu sebenar dapat ditangani dengan penyelesaian sebenar dan dengan demikian mengerakkan negara maju ke hadapan. GTP memfokuskan bidang-bidang yang memerlukan perhatian besar Kerajaan dan dikumpulkan di bawah tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang kemudiannya menetapkan sasaran sebuah kerangka pelaporan yang jelas.

GTP dijajarkan dengan Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

ia merupakan usaha yang kohesif oleh Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang harmoni dan progresif.

GTP dipacu oleh dua tunggak utama, iaitu:

- Memberikan tumpuan terhadap keutamaan yang paling penting lagi bermakna kepada rakyat, iaitu "Rakyat Didahulukan".
- Mewujudkan perubahan asas di seluruh negara untuk menghasilkan keberhasilan besar yang pantas, iaitu "Pencapaian Diutamakan".

PM perkenalkan Dasar Transformasi Negara Ke Arah Mencapai Wawasan 2020

1Malaysia

(Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan)



Program
Transformasi
Kerajaan

Program
Transformasi
Politik



Program
Transformasi
Ekonomi



Rancangan Malaysia Kesepuluh

Bidang Keberhasilan Utama Negara

Kedua-dua tunggak GTP tersebut disokong oleh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), iaitu bidang keutamaan yang memerlukan keberhasilan yang besar dan pantas untuk menangani permintaan rakyat yang mendesak, dan juga oleh Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA). Sesi makmal yang khusus melibatkan 250 orang pegawai tinggi kerajaan dan juga wakil-wakil daripada sektor swasta dan sosial telah diadakan selama enam minggu.

Sesi-sesi makmal ini bekerja secara intensif untuk mengenal pasti penyelesaian yang terperinci dan boleh dilaksanakan bagi setiap NKRA. Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan pemimpin tertinggi perkhidmatan awam mengambil bahagian secara aktif dalam makmal-makmal ini, menzahirkan komitmen dan iltizam mereka terhadap matlamat program transformasi.

Sambil memantau kemajuan sesi makmal, mereka mencabar peserta untuk menghasilkan sasaran yang tinggi dan tempoh pelaksanaan yang lebih pantas. Program Hari Terbuka dianjurkan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu untuk menyampaikan hasil dan dapatkan makmal kepada rakyat serta mendapatkan maklum balas mereka berkaitan dengan sasaran yang akan dilaksanakan. Selepas sesi makmal tersebut, Enam NKRA yang berikut telah dirumuskan untuk menangani:

- Mengurangkan Jenayah
- Membanteras Rasuah
- Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar
- Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Ibu Rumah Berpendapatan Rendah
- Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar
- Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

NKRA yang ketujuh untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat yang tinggi telah diperkenalkan pada bulan Julai 2011. NKRA Menangani Kos Sara Hidup bertujuan menyediakan bantuan segera kepada rakyat melalui tindakan drastik di samping merumuskan strategi jangka panjang bagi menangani kos sara hidup rakyat yang kian meningkat. Hal yang demikian dilaksanakan menerusi usaha mempertingkatkan rantaian bekalan pertanian bagi memastikan kadar kerugian makanan yang minimum dalam proses pengeluaran dan penyaluran bekalan, pemantauan dan pengawalan harga barang keperluan serta menerusi pengurusan kos subsidi yang berkesan. Pelbagai inisiatif bersifat mesra rakyat termasuklah program bantuan kewangan Bantuan Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, dan Menu Rakyat 1Malaysia telah diperkenalkan.

Inisiatif GTP diterajui oleh Perdana Menteri dan Jemaah Menteri beliau, serta disokong oleh Ketua Setiausaha

Negara (KSN) dan perkhidmatan awam. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri ditugaskan untuk memacu inisiatif GTP ini. Jemaah Menteri secara kolektifnya menjadi pemilik NKRA, dengan kebertanggungjawaban penyampaian terletak pada seorang Menteri peneraju, yang dilantik dan dipantau secara rasmi oleh Perdana Menteri.

Seiringan dengan NKRA ialah Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian atau MKRA. Ia merupakan bidang yang tidak dicakupi oleh NKRA tetapi dianggap penting untuk diberikan perhatian oleh kerajaan pada peringkat kementerian. Hal ini akan memenuhi komitmen Perdana Menteri ke arah mewujudkan kerajaan yang berdasarkan prestasi dan bertanggungjawab bermula dengan peringkat Eksekutif, iaitu Jemaah Menteri. MKPI yang tinggi berserta dengan keberhasilan yang boleh diukur ditetapkan atas setiap Menteri dan markah akan dinilai berdasarkan pencapaian MKPI menteri tersebut serta NKRA yang terletak secara langsung di bawah Kementeriannya. MKRA dikaji dan dinilai pada setiap enam bulan untuk memastikan bahawa pencapaian KPI Kementerian mencapai kemajuan seperti yang ditetapkan.

Garis Masa

Sebuah pelan hala tuju yang mengambil masa sembilan tahun dalam tiga peringkat telah digariskan untuk memastikan bahawa GTP menghasilkan keberhasilan yang pantas dan nyata. Tiga fasa pencapaian GTP adalah seperti yang berikut:

Fasa 1 (2010-2012)


Fasa 1 merupakan langkah pertama untuk mengenal pasti dan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh NKRA dan MKRA untuk menyampaikan keberhasilan yang pantas tetapi ketara kepada rakyat. Dalam fasa satu ini, langkah keberkesanan sedia ada untuk meningkatkan tahap produktiviti perkhidmatan awam akan diperkenalkan dan diteruskan sepanjang dua fasa yang berikut. Untuk memastikan ketelusan, sebuah laporan tahunan akan diterbitkan pada suku pertama setiap tahun untuk memaklumi orang ramai berkaitan dengan pencapaian sasaran termasuklah kejayaan dan ketidak sempurnaan.

Fasa 2 (2012-2015)

Penambahbaikan terhadap kehidupan harian rakyat hasil daripada GTP dijangka meningkat dan menjadi lebih kukuh di bawah Fasa 2, sementara tahap produktiviti kerajaan dijangka akan terus dipertingkatkan. Struktur ekonomi dihasratkan bergerak seiring dengan Model Ekonomi Baru pada akhir fasa ini.

Fasa 3 (2015-2020)

Perubahan yang penting terhadap masyarakat Malaysia sebagaimana yang dihasratkan oleh Wawasan 2020 seharusnya sudah dicapai pada akhir Fasa 3. Perkhidmatan awam dan pentadbiran yang bertambah baik sewajarnya sudah dapat dirasai sementara rakyat pula seharusnya sudah mencapai tahap kemakmuran yang lebih tinggi. Kerajaan seharusnya menjadi lebih "kecil" tetapi tangkas, dan bekerjasama dengan lebih giat dalam perkongsian dengan sektor swasta untuk menyampaikan perkhidmatan awam yang cekap. Model penyampaian perkhidmatan awam yang inovatif serta berteraskan rakyat, dan yang menumpukan pilihan dan persaingan perlulah sudah diwujudkan pada ketika itu.



Menyampaikan Keberhasilan

Matlamat utama GTP adalah untuk menyampaikan keberhasilan dalam bidang-bidang yang menjadi keutamaan rakyat dalam tempoh masa terpantas yang mungkin. Untuk mencapai matlamat ini, GTP perlu menampilkan “sasaran yang diperluas” untuk memastikan bahawa perubahan transformasi memberikan makna kepada kehidupan rakyat sejak tahun pertama pelaksanaannya lagi. Meskipun terdapat beberapa “ketidak sempurnaan” dalam sasaran GTP, namun, kesemua NKRA telah mencipta keputusan yang belum pernah disaksikan sebelum ini, yang meletakkan Malaysia di landasan yang tepat ke arah menjadi sebuah negara yang berubah dan progresif.. Yang berikut merupakan ringkasan pencapaian utama di bawah pelbagai bidang tumpuan:

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

- Di bawah inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), sejumlah RM2.6 bilion diagihkan kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah, sekali gus memberikan manfaat kepada 5.2 juta isi rumah Malaysia.
- Pemansuhan yuran sekolah kerajaan mulai tahun 2012, lantas menjadikan sekolah kerajaan percuma buat kali pertamanya.
- RM530 juta disalurkan kepada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah untuk membayai perbelanjaan “kembali ke sekolah” dan lain-lain.
- RM260 juta dalam bentuk baucar buku Bantuan Buku 1Malaysia diagihkan kepada 1.3 juta pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan awam dan swasta, matrikulasi dan Tingkatan 6.
- Pelancaran Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Menu Rakyat 1Malaysia untuk menyediakan rawatan perubatan dan keperluan yang berharga patut kepada rakyat.



Mengurangkan Jenayah

- Pengurangan Jenayah Indeks sebanyak 15.4% dari tahun 2009 hingga 2010 dan pengurangan seterusnya sebanyak 11.1% pada tahun 2011.
- Pengurangan dalam Jenayah Jalanan yang dilaporkan sebanyak 34.7% dari tahun 2009 hingga 2010
- Menyelesaikan kes tertunggak jenayah keganasan.
- Kepuasan orang ramai terhadap prestasi polis meningkat daripada 35.8% kepada 55.8% pada tahun 2010, dan seterusnya kepada 65.3% pada tahun 2011.
- Indeks Keamanan Global memberikan penarafan kepada Malaysia sebagai negara yang paling selamat dan aman di Asia Tenggara, yang keempat di Asia Pasifik dan yang kesembilan belas di seluruh dunia.



Membanteras Rasuah

- Pewujudan unit pematuhan di agensi penguatkuasaan utama untuk memastikan para pegawai agensi mematuhi tingkah laku yang sewajarnya.
- Pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat pada tahun 2010 dan juga pembangunan garis panduan bagi pelaksanaan Akta tersebut.
- Pencepatan perbicaraan rasuah menerusi 14 Mahkamah Khas Rasuah dan empat Mahkamah Tinggi Khas Rasuah yang diwujudkan pada tahun 2010, dengan lebih 424 kes diproses dan 249 kes diselesaikan pada akhir tahun 2011.

- Pembangunan portal MyProcurement untuk meningkatkan ketelusan dalam pemerolehan kerajaan dan juga keyakinan terhadap proses tender kerajaan.
- Pakatan Integriti (Integrity Pact) Malaysia yang pertama dilaksanakan, dengan lebih 132,000 vendor dan pembekal mengambil bahagian.
- Ikrar Integriti Korporat juga diinstitusikan, dengan 64% daripada syarikat yang diumumkan di bawah Projek Permulaan (Entry Point Projects - EPP) untuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) menjanjikan komitmen masing-masing.



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

- Kadar enrolmen prasekolah meningkat kepada 77%, kurang sedikit daripada sasaran 80% tetapi masih mencerminkan pencapaian yang baik.
- 3,089 kelas prasekolah dilancarkan, membolehkan pelajar prasekolah yang berumur antara 4 hingga 5 tahun memulakan pendidikan awal.
- Kadar literasi sebanyak 97.5% dan kadar numerasi sebanyak 98.6% bagi pelajar Tahun 2 dicapai dalam ujian saringan program literasi dan numerasi (LINUS).
- 52 buah sekolah telah diiktiraf dan dianugerahkan status Sekolah Berprestasi Tinggi.



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

- 44,535 buah isi rumah dikeluarkan daripada kategori miskin tegar, mewakili 99.76% daripada sasaran yang dikenal pasti.
- Bilangan isi rumah miskin berkurangan sebanyak 15,868.
- 6,904 usahawan wanita dilatih.
- 35,095 rumah kos rendah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ditawarkan untuk dijual kepada penghuni sedia ada.
• Memproses 317,359, atau 96% daripada kes yang didaftarkan dengan e-Kasih.
• Memudahkan penyertaan 63,147 isi rumah berpendapatan rendah dalam program 1AZAM, mengatasi sasaran 57,793 isi rumah.



Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar

- Pada akhir tahun 2012, sejauh 3,147 kilometer jalan raya dijangka disiapkan, yang bakal memberikan manfaat kepada 98.6% penduduk luar bandar Semenanjung Malaysia, 87% penduduk luar bandar Sabah, dan 86% penduduk luar bandar Sarawak.
 - 310,742 buah rumah kini memperoleh akses kepada air bersih atau terawat, memberikan manfaat kepada 99% penduduk luar bandar Semenanjung
- Malaysia, 79% penduduk luar bandar Sabah, dan 90% penduduk luar bandar Sarawak.
- 93,712 rumah telah disambungkan kepada grid tenaga elektrik, memberikan akses tenaga elektrik 24 jam kepada 99.8% penduduk luar bandar Semenanjung Malaysia, 88.7% penduduk luar bandar Sabah dan 82.7% penduduk luar bandar Sarawak.



Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

- 35 tren empat gerabak untuk Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya dilancarkan, sekali gus meningkatkan kapasiti penumpang harian kepada 258,156 berbanding dengan 254,745 penumpang pada tahun 2010.
- Empat set tren enam gerabak mula beroperasi pada bulan Mac 2012 bagi perkhidmatan KTM Komuter, dengan itu membantu melegakan kesesakan awal pagi melalui peningkatan penumpang sehingga 32,000 orang.
- 1,102 perhentian bas di Sepang, Subang Jaya, Ampang Jaya,

Selayang, Shah Alam dan yang lain-lain dinaik taraf, sementara reka bentuk dan perancangan 306 buah perhentian bas baharu sedang dilaksanakan. 470 buah bas RapidKL dilancarkan untuk meningkatkan kekerapan bas di Lembah Klang, lantas membolehkan lebih 4.04 juta penumpang menggunakan perkhidmatan berbanding dengan tahun yang sebelumnya.

- Terminal Puduraya yang merupakan mercu tanda ikonik berusia 35 tahun telah dibaik pulih dan ditransformasikan menjadi sebuah

terminal bas antara bandar. Dinamai semula sebagai Terminal Pudu Sentral dan dilengkapi penyaman udara, terminal bas yang sejuk dan nyaman dengan 50 kaunter tiket telah dibuka dengan rasminya pada 16 April 2011.

- Terminal Bersepadu Selatan atau juga dikenali sebagai “The Integrated Transport Terminal Bandar Tasik Selatan” (ITT BTS) terdiri daripada 55 buah platform bas, 150 ruang meletak teksi, 1,000 tempat parkir dan 1,800 tempat duduk untuk orang ramai, memulakan operasi pada 1 Mac 2011.

Penjelasan penuh bagi setiap daripada pencapaian di bawah NKRA dibincangkan dalam bab-bab berkaitan yang berikut.



Mengukur Pencapaian GTP

GTP diukur pada dua peringkat untuk memastikan ia mencapai keberhasilan yang boleh diukur dan dikira selain memastikan ketelusan awam dan akauntabiliti didukung dan dipertahankan. Peringkat pertama pada tahap NKPI individu dengan setiap NKPI mempunyai sasaran yang tersendiri. Keputusan setiap NKPI ini kemudiannya dikira untuk mendapatkan skor gabungan bagi NKRA keseluruhan. Bagi memastikan pencapaian di bawah setiap NKRA benar-benar ketara dan berwibawa, tiga kaedah pemarkahan yang berbeza telah digunakan. Untuk memelihara integriti data NKPI, langkah yang berhati-hati diambil untuk memastikan bahawa proses pengukuran prestasi kekal tepat dan tidak memihak. Apabila difikirkan bersesuaian, pihak ketiga yang bebas akan dilantik untuk melaksanakan pengumpulan data. Sistem pemarkahan NKRA terus dikaji semula dan diperhalus untuk memastikannya kekal telus dan tepat.

Pengesahan Bebas Pihak Ketiga

Bagi memelihara ketelusan dan mendukung integriti proses GTP, sebuah panel pakar antarabangsa telah dijemput setiap tahun untuk menganggotai Jawatankuasa Penilaian Antarabangsa GTP atau Jawatankuasa IPR. Proses IPR yang bermula pada tahun 2010 dengan pemilihan beberapa pakar bidang akan menilai secara bebas skop program secara keseluruhan. Mereka juga akan memberikan pandangan masing-masing yang tidak memihak dan berkongsi idea untuk memastikan kejayaan GTP. Di samping Jawatankuasa IPR, bagi memastikan kesahan dan ketepatan keputusan, pihak ketiga yang bebas, PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC) telah dilantik untuk melaksanakan beberapa tatacara yang dipersetujui bersama (agreed-upon procedures, AUP) terhadap keberhasilan GTP. Proses AUP akan mengesahkan maklumat dan input data yang digunakan untuk menentukan NKPI yang dilaporkan bagi memastikan kepatuhan oleh kementerian, agensi atau jabatan yang mengambil bahagian. Pengiraan NKPI masing-masingnya juga akan disemak berbanding dengan garis panduan dan rumusan yang diterapkan dan digunakan oleh PEMANDU.



Mencapai Wawasan 2020

Sambil kita menghampiri penghujung Fasa 1, sewajarnya kejayaan yang besar dan pantas yang dicapai dalam dua tahun pertama program dinilai semula. GTP 1.0 telah berjaya menyampaikan dan malahan mengatasi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian ini jelas membuktikan dan menggambarkan kesungguhan perkhidmatan awam untuk meletakkan sasaran yang mustahil dan mencapainya. Untuk memastikan bahawa kerajaan menyampaikan semua janjinya, program transformasi perlu dipertingkatkan dalam GTP 2.0 dengan melaksanakan langkah-langkah yang lebih kukuh dengan lebih bersungguh-sungguh. Untuk tujuan ini, kerajaan berlitzam untuk bekerjasama dengan rakyat untuk mencapai matlamat utama meraih status sebagai sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi.



**TINJAUAN
KESELURUHAN
GTP 2.0**

MELANGKAH MAJU KE HADAPAN (2013-2015)


Apa yang Baharu dalam GTP 2.0

Program Transformasi Kerajaan, yang memulakan langkahnya pada tahun 2009, menghasilkan kejayaan yang pantas dan ketara yang dirasai oleh segenap lapisan masyarakat. Melalui pelan tindakan yang menyeluruh ini, kebimbangan terbesar rakyat didengari dan langkah-langkah yang konkret diambil bagi menanganinya. Walau bagaimanapun, GTP 1.0

merupakan semata-mata batu asas, iaitu sebuah asas bagi Kerajaan untuk terus merintis jalan ke arah merealitikan impian negara menjadi suatu kenyataan, iaitu menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020. Meskipun hasil yang memberansangkan diraih dalam fasa pertama, penting untuk disedari bahawa lebih banyak perkara yang boleh

dan mesti dilakukan untuk terus membawa negara mengorak langkah ke hadapan.

Dari perspektif inilah timbulnya rancangan GTP 2.0. Dibentuk untuk melonjakkan pencapaian GTP 1.0 ke tahap yang lebih tinggi, ia difokuskan untuk merapatkan jurang dalam sistem dan memurnikan kaedah penyampaian.



Fasa pertama menghasilkan kejayaan yang mengagumkan dengan mengutamakan keperluan rakyat yang paling mendesak, dan meskipun GTP 2.0 akan menyaksikan sebahagian usaha ini diteruskan, ia juga akan menyaksikan penambahbaikan dan peningkatan selanjutnya pada peringkat makro.

GTP 2.0 akan memberikan tumpuan terhadap segmen masyarakat yang lebih luas, dan berusaha mendapatkan penglibatan yang lebih giat daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta sektor korporat. Hal ini selaras dengan iltizam Kerajaan untuk memberikan sokongan terhadap inisiatif swasta, yang matlamatnya adalah sejajar dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Ini akan menjadi detik-detik yang mengujakan bagi Malaysia seiring dengan pelancaran himpunan inisiatif baharu. Rakyat dapat menjangka untuk menyaksikan lebih banyak perubahan ketara berlaku pada peringkat individu dan juga masyarakat. Perubahan lebih mendalam ini akan memberikan lebih daripada sekadar kelegaan yang bersifat sementara terhadap bebanan yang dipikul mereka, kerana Kerajaan memberi tumpuan terhadap pengupayaan ekonomi individu dan masyarakat.

GTP sentiasa berpegang teguh pada prinsip ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ yang bersandarkan matlamat untuk meningkatkan kehidupan rakyat dari segenap sudut dengan keberhasilan besar. Ketujuh-tujuh NKRA

akan terus menjadi tiang seri yang memberikan panduan untuk terus mempertingkatkan pencapaian dan kemajuan yang telah diraih setakat ini. Setiap kementerian telah mengenal pasti matlamat baharu untuk berusaha dengan gigih menuju GTP 2.0, yang akan membentuk rangka kerja lebih kukuh menerusi penjajaran dengan Model Ekonomi Baru Kerajaan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tujuh NKRA

	Menangani Kos Sara Hidup
	Mengurangkan Jenayah
	Membanteras Rasuah
	Memastikan Pendidikan Berkualiti
	Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah
	Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar
	Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Pembaharuan Struktur untuk Perubahan Jangka Panjang

Setelah usaha diambil untuk melenyapkan kebimbangan semasa rakyat, pembaharuan struktur kini pula menjadi tumpuan utama. Fasa kedua GTP telah mengenal pasti bidang-bidang utama yang memerlukan perubahan untuk meningkatkan kecekapan, akauntabiliti dan juga keberhasilan. Pembaharuan struktur adalah penting dalam membentuk secara berterusan sebuah Kerajaan yang berkhidmat untuk rakyat dengan cara yang sebaik mungkin. Hal ini bermakna penggabungan dengan berani kaedah terkini, penyelesaian yang inovatif, dan idea-idea yang kreatif yang bukan sahaja akan mencapai malah mengatasi semua sasaran ketujuh-tujuh NKRA pada tahun 2015.

Perubahan struktur merupakan bahagian yang penting dan tidak dapat dipisahkan bagi GTP kerana ia secara terus menunjukkan dengan tepat dan menangani bidang-bidang yang lemah yang menghalang dan menghambat kemajuan. Oleh hal yang demikian, setiap kementerian telah bersedia untuk dinilai dan dikaji secara terperinci, sekali gus mengenal pasti bidang-bidang yang perlu ditingkatkan dan mesti diubah untuk menjamin kejayaan GTP 2.0. Kementerian Pelajaran misalnya, kini akan menumpukan perhatian untuk menyediakan inisiatif yang disasarkan untuk merangsang modal insan dan kaedah-kaedah pendidikan yang menyasarkan pada dasarnya transformasi sistem pendidikan negara.

Sementara itu, di bawah NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah, GTP 2.0 akan mengambil pendekatan holistik dalam menangani kemiskinan yang dideritai oleh kumpulan mudah terjejas dalam masyarakat. Selain meningkatkan potensi penjanaan pendapatan mereka bagi pengupayaan ekonomi yang berjaya, inisiatif akan diambil untuk membina masyarakat yang lebih progresif dan inklusif.

Huraian lanjut tentang inisiatif NKRA baharu akan dibentangkan dalam bab-bab yang seterusnya.

Menyarikan Pelan Hala Tuju GTP 2.0

Inisiatif yang dibentangkan dalam GTP 2.0 tidak dibentuk dengan sewenang-wenangnya dan merupakan hasil beberapa proses intensif yang melibatkan semua pihak berkepentingan bagi memastikan bahawa rancangan transformasi adalah sekomprehensif yang mungkin. Daripada pasukan usaha sama yang kecil kepada perbincangan teh tarik terbuka tidak formal hingga ke Hari Terbuka berskala besar, inisiatif GTP 2.0 telah disemak dengan teliti dan menjadi bukti tentang apa yang boleh dicapai oleh Malaysia melalui kerjasama. Beberapa buah bengkel penglibatan yang diadakan sebelum penghasilan reka bentuk dan pelaksanaan GTP 2.0 dijelaskan di sini. Antara yang terpenting termasuklah:



- **Tinjauan Pramakmal dan Maklum Balas**
Dua buah tinjauan dilaksanakan oleh pihak bebas ketiga mengenai persepsi orang ramai terhadap GTP 1.0 untuk mengukur maklum balas mereka terhadap pelbagai inisiatif yang dilaksanakan.
- **Proses Makmal**
Sesi perbincangan intensif selama enam minggu yang menyaksikan

pihak berkepentingan dikumpulkan untuk mencerna fikiran dan mengemukakan idea yang paling sesuai dengan keseluruhan tema GTP.

- **Perbincangan teh tarik terbuka**
Secara literalnya, NKRA dibawa turun padang, untuk berinteraksi dengan orang ramai dan mendapatkan input serta maklum balas berkaitan dengan inisiatif GTP.

• **Bengkel Jemaah Menteri**

Jemaah Menteri dan Perdana Menteri diberi taklimat tentang tanggungjawab masing-masing serta peranan Kementerian mereka sepanjang tiga tahun yang akan datang

• **Hari Terbuka**

Hari Terbuka menggalakkan penglibatan dan maklum balas orang

ramai terhadap inisiatif semua NKRA sebelum pelaksanaan. Langkah ini dilaksanakan untuk menggalakkan ketelusan dan juga akauntabiliti.

Kerajaan menyakini bahawa bengkel yang dinyatakan sebelum ini telah membantu untuk memastikan bahawa inisiatif GTP 2.0 meraih sokongan dan penerimaan sebesar yang mungkin

dan akan dilengkapi selanjutnya oleh bengkel-bengkel akauntabiliti sepanjang tempoh pelaksanaan GTP 2.0 Sesi-sesi ini akan memastikan bahawa GTP 2.0 bukan sahaja menyasarkan inisiatif dengan impak yang paling berkesan tetapi juga pelbagai Kementerian akan dipertanggungjawabkan terhadap kejayaan atau kegagalannya sepanjang tiga tahun yang akan datang.

Tinjauan Pramakmal dan Maklum Balas

Untuk mengukur keberkesanannya GTP melewati batasan statistik dan KPI rangka kerja keseluruhan, PEMANDU juga melantik penyelidik pihak ketiga untuk menilai respons dan persepsi orang ramai terhadap keberhasilan yang dijana oleh GTP 1.0. PEMANDU melihat kepada dua buah kajian - pertama yang dijalankan oleh firma penyelidikan dan perunding antarabangsa, Frost and Sullivan, dan yang kedua oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk memberikan sebuah gambaran keseluruhan berkaitan dengan sentimen orang ramai.

Kajian sedemikian terbukti amat penting kepada Kerajaan kerana ia membantu memfokuskan bidang-bidang yang paling wajar diberikan perhatian, dan bagaimana rakyat dapat dibantu dengan cara yang terbaik melalui inisiatif GTP.

Sebagai contoh, tinjauan oleh Frost and Sullivan menangani matlamat yang berikut:

- Menilai kesedaran dan persepsi orang ramai terhadap GTP
- Mengukur sejauh mana orang ramai percaya bahawa GTP memberikan impak yang positif

- Menilai kesedaran orang ramai dan persepsi mereka terhadap setiap NKRA
- Mengukur sejauh mana orang ramai percaya bahawa NKRA yang berkaitan memberikan impak yang positif

Tinjauan tersebut yang meninjau 2,040 responden telah membantu untuk menggambarkan penerimaan GTP dalam kalangan orang ramai. Lebih separuh daripada responden sedar akan trajektori dan matlamat GTP, dengan sebahagian besar mengungkapkan persepsi yang positif terhadap keberkesanannya.

Secara purata, persepsi rakyat terhadap GTP memperoleh skala indeks 7.4 daripada 10 dalam indeks persepsi Frost and Sullivan. Sementara itu, tinjauan oleh IIM, yang mengukur prestasi enam NKRA, termasuk Kos Sara Hidup, memperoleh penarafan indeks persepsi purata sebanyak 7.2 daripada 10, iaitu keputusan yang sama dengan tinjauan Frost and Sullivan.

Dalam konteks kajian IIM, responden mendedahkan bahawa mereka paling berpuas hati dengan pencapaian dalam

NKRA Pendidikan (8.4 skala indeks) dan paling kurang berpuas hati dengan NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (5.3 skala indeks).

Hakikatnya GTP tidak pernah diharatkannya untuk menjadi sebuah penyelesaian yang cepat dan tetap bagi setiap masalah di dalam negara, tetapi ia sebenarnya berusaha untuk memperkenalkan perubahan struktur jangka panjang di samping menjana "kejayaan besar" apabila berkemungkinan berbuat demikian. Justeru, Kerajaan mengakui beberapa ketidakpuasan hati orang ramai dan hal yang demikian bukanlah tidak wajar sepenuhnya.

Maklum balas daripada orang ramai berperanan sebagai pendorong yang seterusnya bagi Kerajaan dan PEMANDU untuk memperbaik dan memperluas proses transformasi dalam GTP 2.0 agar tinjauan sama yang akan dilaksanakan pada masa hadapan akan memberikan himpunan keputusan yang bertambah baik sejajar dengan falsafah "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".



Proses Makmal GTP 2.0

GTP telah dijulang sebagai sebuah kisah transformasi yang berjaya disebabkan inisiatif yang diambil untuk menangani kebimbangan masyarakat dan juga ekonomi negara. Namun tidak ramai yang mengetahui faktor di sebalik kejayaannya. Proses makmal Pemandu merupakan tulang belakang GTP, sistem sokongan struktur penting yang bertujuan mencapai keberhasilan yang segera. Untuk mencapai tujuan ini, proses makmal intensif, satu bagi setiap NKRA, menganalisis cabaran-cabaran tertentu dan menyaring kesemuanya menjadi penyelesaian terbaik dengan pelan tindakan yang konkret.

Tidak lagi menggunakan pencernaan fikiran dan sesi mesyuarat yang

bersifat konvensional, pasukan makmal sebaliknya menggunakan pendekatan berfikiran terbuka baharu yang radikal lagi agresif terhadap masalah. Berbanding dengan menetapkan secara terus sasaran jangkaan mereka, pasukan ini sebaliknya pula berusaha untuk meninjau apa yang benar-benar diperlukan hanya selepas melalui proses makmal tersebut. Hal ini membolehkan mereka sentiasa dapat membuat penilaian dan memeriksa sasaran serta keperluannya secara berterusan, mengetepikan apa yang ternyata tidak perlu dan menerima idea-idea yang sebelum ini tidak pernah difikirkan langsung. Setiap aspek bagi setiap masalah diteliti dengan cermat untuk mengenal pasti kelemahan dan

kekuatannya. Jurang dan peluang diberikan perhatian sewajarnya sementara pelan strategik diterjemahkan menjadi projek sebenar dengan hasil yang ketara. Setiap proses makmal biasanya mengambil masa antara enam hingga lapan minggu daripada pembentukan konsep sehingga penyelesaiannya.

Kekal komited terhadap sasaran Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020, proses makmal berperanan sebagai kompas untuk memastikan inisiatif yang dilaksanakan terus berada di landasan yang tepat. Pasukan makmal tidak bekerja bersendirian malah berganding bahu bersama-

sama dengan pemimpin atasan serta pembuat keputusan. Hal ini akhirnya diterjemahkan menjadi Keberhasilan Besar yang Pantas disebabkan input yang berterusan ditukarkan untuk menghasilkan penyelesaian yang paling berdaya maju. Kerjasama berterusan sedemikian dengan pihak-pihak berkepentingan juga melenyapkan keperluan terhadap semakan idea dan penyelesaian yang hanya membazirkan masa, sekiranya pihak pengurusan atasan menolak apa yang telah dihasilkan.

Perumusan inisiatif baharu yang hebat memerlukan pakar yang terhandal dan kualiti kepemimpinan. Anggota pasukan makmal dilipih berdasarkan keupayaan untuk menyeimbangkan antara inovasi dengan praktikaliti, di samping etika kerja yang teguh dan dorongan untuk mencapai kejayaan.

Setiap struktur makmal terdiri daripada pemudah cara, penaja, penolong ketua, dan anggota. Ketua makmal memainkan peranan yang penting dalam memastikan proses makmal mencapai kemajuan yang diharapkan. Mereka menggesa sasaran yang bercita-cita tinggi dan “mustahil untuk dilaksanakan” yang mencabar pasukan mereka untuk membuat perubahan terhadap keadaan semasa (status quo).

Sesi cabaran dan kajian semula dijadualkan oleh ketua makmal. Sesi ini melibatkan pihak-pihak berkepentingan, termasuklah:

- **Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak**

Untuk terlibat dalam sesi cabaran dengan ketujuh-tujuh makmal semasa sesi penilaian

- **Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, Datuk Seri Idris Jala**

Taklimat mingguan/sesi perkongsian dengan ketua makmal, dan penggiliran sesi dengan setiap makmal

- **Penaja Makmal (Menteri)**

Kajian semula dua minggu sekali/sesi cabaran

- **Ketua Setiausaha (KSU) dan pihak-pihak berkepentingan swasta**

Kajian semula mingguan/sesi cabaran

- **Bengkel Formal**

Untuk semua Menteri peneraju, KSU dan peserta-peserta makmal untuk terlibat dan membincangkan cabaran serta penyelesaian

- **Makmal terbuka tidak formal (informal lab walk-ins)**

Bagi semua peserta dan pihak-pihak berkepentingan untuk meninjau kemajuan yang dibuat melalui kemas kini harian

Proses makmal berjaya disebabkan pasukannya sentiasa tertekan untuk menghasilkan output yang paling bermutu. Mereka menilai sesama mereka secara kritis dan mendorong setiap pasukan untuk menghasilkan yang terbaik. Perbezaan pandangan sentiasa dialu-alukan sementara setiap kejayaan; kecil mahupun yang besar diraikan bersama-sama.

Pihak-pihak berkepentingan yang bertindak sebagai pemerhati dibawa untuk turut serta melalui kumpulan fokus dan cadangan, selain lawatan

lapangan serta makmal. Idea-idea yang dikemukakan dirumus menjadi penyelesaian, penyelesaian seterusnya pula diperhalus dan diuji. Pasukan mengambil masa sepenuhnya 300 jam dalam enam minggu untuk menyerahkan output mereka, berbanding dengan jawatankuasa tradisi yang mengambil masa berbulan-bulan malah bertahun-tahun lamanya untuk menghasilkan penyelesaian.

Ringkasnya, proses makmal PEMANDU telah berjaya menghasilkan idea yang radikal dan inovatif yang memberikan kesan secara langsung terhadap rakyat. Daripada debat terbuka yang rancak, penghapusan amalan bekerja secara bersendirian, pengujian idea-idea yang radikal, sehingga lahir kaedah-kaedah yang membawa pembaharuan, GTP setakat ini telah mencapai Keberhasilan yang Besar dan Pantas.



Perbincangan Teh Tarik Terbuka

Matlamat GTP adalah untuk mempertingkatkan kebajikan umum seluruh rakyat Malaysia. Oleh hal yang demikian, penting bagi rakyat untuk menyokong dan peka terhadap inisiatif rancangan GTP ini. Memandangkan bengkel formal dan berskala besar mungkin merupakan acara yang menggerunkan bagi orang biasa, PEMANDU lantas mengambil keputusan untuk membawa bengkel terus kepada rakyat di jalanan.

Lazimnya diadakan di kedai kopi dan restoran berdekatan dengan pusat bandar, perbincangan teh tarik merupakan acara bersama-sama dengan rakyat yang tidak formal. Di sini

rakyat dan pihak berkepentingan NKRA berkumpul untuk membincangkan bersama-sama inisiatif dan memberikan cadangan penambahbaikan antara satu sama lain. Ini juga merupakan peluang bagi NKRA untuk menerangkan dan memberikan penjelasan lanjut berkaitan dengan inisiatif selain mengambil soalan dan kritikan daripada orang ramai.

Perbincangan yang melibatkan inisiatif GTP 2.0 berjalan dengan penuh rancak dan pada masa-masa tertentu menjadi agak panas juga apabila rakyat bukan sahaja berinteraksi dengan NKRA tetapi juga sesama mereka tentang bagaimana hendak memajukan negara lagi pada masa hadapan. Pelbagai pandangan dan

cadangan yang berbeza lahir daripada perbincangan ini, dan sebahagiannya telah pun dimasukkan dalam NKRA. Hakikatnya, perbincangan tersebut sebenarnya berlangsung dalam suasana persahabatan dan rakyat yang datang hadir berkongsi keprihatinan mereka.

Beberapa buah bengkel teh tarik telah diadakan sebelum pelaksanaan GTP 2.0 dan lebih banyak lagi bengkel seumpamanya dirancang pada masa hadapan bagi memastikan maklum balas yang berterusan diterima berkaitan dengan pelaksanaan rancangan GTP ini.



Bengkel Jemaah Menteri

Langkah Ini merupakan fasa yang penting dalam proses makmal GTP 2.0. Menerusi bengkel ini, inisiatif dan idea baharu yang dicadangkan dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Diadakan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PICC) pada 4 Julai, setiap pasukan makmal memperoleh peluang untuk mengadakan perundingan secara mendalam dengan para menteri. Hal yang demikian menghasilkan pemurnian inisiatif yang lebih halus memandangkan para menteri berkongsi sendiri pandangan dan syor masing-masing dengan pasukan NKRA.

Membolehkan para menteri untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam berkaitan dengan

inisiatif baharu adalah penting dalam memastikan bahawa mereka akan memandu dan membimbing kementerian masing-masing dengan betul ketika proses pelaksanaan.

Jemaah Menteri dan pihak lain yang penting termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Peguam Negara juga dirujuk untuk memastikan pemahaman dan sokongan terhadap inisiatif NKRA sebelum Hari Terbuka. Mereka menunjukkan kepada pasukan NKRA fakta lemah yang mungkin wujud dalam kertas cadangan selain memberikan cadangan baharu untuk menambah baik inisiatif.

Bengkel Jemaah menteri juga merupakan batu loncatan yang penting sebelum sesi Hari Terbuka bersama-sama dengan orang ramai diadakan. Pada peringkat ini, pasukan makmal telah mengambil kira pandangan dan syor Jemaah menteri, selain membuat pengubahsuaian yang perlu untuk mempertingkatkan GTP 2.0. Hal yang demikian membantu mereka untuk lebih bersedia apabila mereka memberikan penerangan kepada orang ramai dan mendapatkan pandangan mereka terhadap inisiatif baharu.



Hari Terbuka

Hari Terbuka GTP 2.0 telah dianjurkan pada bulan Julai yang lepas di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Hotel Pullman Kuching dan Hotel sutera Harbour Kota Kinabalu pada bulan Julai dan Ogos 2012. Daripada kakitangan awam yang melontarkan soalan bagaimana GTP 2.0 dapat mengubah cara mereka bekerja hingga hal wanita berusia yang bersiar-siar di jalanan, Hari Terbuka tersebut benar-benar merupakan acara terbuka bagi semua rakyat Malaysia.

Dengan semangat 1Malaysia, Hari Terbuka direka khas untuk menjulang prinsip ‘rakyat didahulukan’ dan merupakan satu lagi ukuran terhadap komitmen Kerajaan dalam memangkinkan transformasi demi

masa hadapan negara yang lebih cerah. Peranan Hari Terbuka tidak hanya terhad kepada penyebaran maklumat tetapi ia juga berperanan untuk memperhebat langkah ketelusan dan akauntabiliti dengan membenarkan rakyat menilai sendiri dengan sebenarnya prestasi NKRA.

Gerai maklumat di lokasi-lokasi didirikan untuk menghebahkan maklumat selain pegawai disediakan di situ untuk menjawab soalan dan kebimbangan rakyat. Sesi Soal Jawab secara berkumpulan juga diadakan oleh setiap NKRA tertentu untuk menyediakan maklumat yang terperinci berkaitan dengan program pelaksanaan masing-masing dan juga menenteramkan kebimbangan

yang mungkin disuarakan rakyat. Pengunjung juga mengemukakan soalan berkaitan dengan kejayaan dan cabaran GTP 1.0 dan bagaimanakah strategi akan berubah dalam GTP 2.0 untuk memastikan bahawa ketidak sempurnaan ini tidak akan berulang lagi dalam tempoh tiga tahun yang seterusnya.

GTP sesungguhnya merupakan kontrak yang eksplisit dan jelas antara Kerajaan dengan rakyat. Kerajaan berjanji untuk melaksanakan transformasi ini dengan cara yang paling berkesan supaya rakyat dan generasi yang akan datang dapat membayangkan dan mengimpikan masa hadapan yang lebih cerah dan gemilang.



Penemuan Makmal: Ringkasan Kesemua Tujuh NKRA

Menangani Kos Sara Hidup

NKRA Kos Sara Hidup (COL) telah diperkenalkan pada Julai 2011, dua tahun selepas GTP pertama kalinya dilancarkan untuk memberikan tindak balas terhadap kos sara hidup rakyat yang kian meningkat. Kerajaan menyedari keperluan untuk memberikan kelegaan segera dan dengan demikian membentuk NKRA ini untuk melaksanakan inisiatif yang boleh memberikan bantuan segera.

Pelbagai program bantuan Kerajaan daripada GTP 1.0 telah membantu lebih empat juta isi rumah, dan lebih 6 juta pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, dan peringkat tinggi.

Selain itu, melalui inisiatif seperti Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), dan Menu Rakyat 1Malaysia, rakyat kini memiliki akses yang meningkat kepada rawatan perubatan bersubsidi Kerajaan, barang keperluan dengan harga 30-40% lebih murah, dan hidangan lengkap yang mampu dibayar. GTP 2.0 akan menyaksikan inisiatif yang berikut dilaksanakan oleh NKRA:

- Menangani isu kenaikan kos makanan, pengangkutan, dan perumahan
- Membentuk semula dasar, seperti tindak balas terhadap permintaan spekulatif bagi harta tanah
- Mempertingkatkan rantaian bekalan pertanian untuk meminimumkan kerugian daripada proses pengeluaran dan bekalan

Kerajaan juga akan meneruskan beberapa program bantuan seperti:

- Klinik 1Malaysia yang memberikan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar
- Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) – pasar mini yang menjual barang keperluan kepada rakyat berpendapatan rendah di kawasan-kawasan luar bandar. Inisiatif ini akan ditingkatkan selanjutnya dalam GTP 2.0.
- Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), yang menyasarkan untuk membolehkan lebih banyak rumah kos sederhana tersedia untuk golongan berpendapatan sederhana dan juga bagi menggalakkan pemilikan rumah yang lebih giat dalam kalangan golongan tersebut.
- Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA), program kebajikan kerajaan yang dilancarkan pada tahun 2011 untuk golongan kurang berkemampuan termasuk warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak, ibu tunggal, serta balu anggota tentera dan polis.
- Menu Rakyat1Malaysia, program yang menyediakan sarapan pagi dan makan tengah hari yang mampu dibeli untuk golongan berpendapatan rendah serta pelajar melalui penyertaan secara sukarela oleh restoran swasta dan pengendali makanan.
- Kedai Buku1Malaysia, program untuk melengkapi Program Bantuan Buku 1Malaysia dengan membantu



membiayai selanjutnya kos pendidikan.

- Kedai Kain 1Malaysia (KK1M), yang akan membuka kedai-kedai tekstil yang menawarkan produk dengan harga lebih berpatutan dan mampu dibeli untuk rakyat dalam kumpulan berpendapatan rendah.

Mengurangkan Jenayah

Meskipun dengan kejayaan yang dicapai oleh inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah, persepsi orang ramai masih terhadap keselamatan kekal merupakan suatu keimbangan. GTP 2.0 menangani cabaran yang dihadapi untuk membuatkan rakyat Malaysia percaya bahawa jenayah telah dapat dikurangkan selain mengekalkan usaha pengurangan jenayah. Rangka kerja fasa ini bergerak di sekitar kepolisan berasaskan perisikan dan terdapat tiga matlamat yang disasarkan untuk dicapai, iaitu

1. mengekalkan kadar pengurangan jenayah keseluruhannya,
2. meningkatkan persepsi keselamatan orang ramai dengan ketara, dan
3. memacu perubahan dalam budaya prestasi.

Sasaran besar telah ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2015. Antara yang terpenting ialah kadar kepuasan orang ramai sebanyak 85% dan indeks persepsi keselamatan orang ramai sebanyak 65%. Fasa ini juga menyasarkan untuk mengekalkan pengurangan tahunan dalam jenayah indeks sebanyak 5% dan kertas siasatan dibuka yang dibawa ke muka pengadilan pula sebanyak 35%. GTP 2.0 juga akan mempunyai fokus baharu, iaitu mengurangkan kejadian pecah masuk rumah tahunan sebanyak 5% memandangkan ia menyumbang 17.9% kepada jenayah indeks pada tahun 2011.

Bidang-bidang yang akan disasarkan oleh NKRA Jenayah dalam GTP 2.0 ialah:

- **Kejadian Pecah Masuk Rumah**

Membentuk 18% daripada jenayah harta benda pada tahun 2011, kejadian pecah masuk rumah secara khususnya menimbulkan trauma kepada mangsa kerana ia mencabuli privasi dan perasaan selamat berada di rumah.

- **Pencegahan Kecurian Kenderaan**

Kecurian kenderaan kekal merupakan suatu cabaran. Fokus yang lebih besar terhadap usaha melumpuhkan infrastruktur sokongan bagi isu ini akan diperkenalkan.

- **Pemulihan penghuni penjara**

Residivisme dalam kalangan bekas pesalah terus menjadi isu yang diperkatakan. Meskipun terdapat beberapa pencapaian dalam bidang ini dalam GTP 1.0, masih banyak perkara yang boleh diusahakan. GTP 2.0 memfokuskan penyediaan sokongan kepada penghuni penjara semasa mereka menjalani hukuman dan selepas dibebaskan. Hal ini bertujuan membantu mereka untuk memiliki keupayaan bagi memperoleh pekerjaan dan dengan demikian, sukar bagi mereka mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan.

- **Pemulihan penagih dadah**

Penagih dadah yang sedang menjalani proses pemulihan juga merupakan sumber recidivism (berulang) yang berkemungkinan, dan program



yang sama akan dilaksanakan untuk membantu mereka kembali ke pangkuhan masyarakat.

NKRA Jenayah juga akan menyaksikan usaha-usaha dibuat untuk mempertingkatkan hubungan antara rakyat dengan polis yang bertujuan membentuk hubungan kerja yang lebih besar. Hal ini akan membantu rakyat berasa lebih selamat dalam kawasan kejiranan mereka. Bermula daripada usaha meningkatkan kehadiran kepolisan dalam kawasan-kawasan yang kadar jenayahnya tinggi sehingga memperluas komunikasi polis untuk memberikan data yang tepat dan pantas, matlamatnya di sini adalah untuk memberikan ketenteraman fikiran kepada rakyat.

GTP 2.0 juga akan meningkatkan usaha sama antara rakyat dengan polis melalui beberapa inisiatif yang dibentuk untuk mendapatkan input orang ramai terhadap isu-isu tertentu seperti inisiatif Kawasan Black Spot.

Memanteras Rasuah

Batu asas yang diperkenalkan dalam GTP 1.0 akan dipertingkatkan selanjutnya menerusi beberapa inisiatif baharu yang menangani isu rasuah bermula daripada penguatkuasaan hingga ke pendidikan orang ramai.

Ketirisan yang disebabkan oleh rasuah bukan sahaja merompak kekayaan negara malah juga berperanan melemahkan kemasukan pelaburan asing ke dalam negara. Kedua-dua perkara adalah penting sekiranya kita ingin merealisasikan Wawasan 2020 untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Oleh hal yang demikian, perjuangan membanteras rasuah hendaklah dipertingkatkan. Dalam GTP 2.0, NKRA Membanteras akan memfokuskan inisiatif dan aliran kerja yang berikut:

- **Mentransformasikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Transformasi SPrM merupakan suatu proses yang berterusan dan GTP 2.0 bakal menyaksikan beberapa aspek suruhanjaya diubah untuk mempertingkatkan ketelusan pelaporan yang lebih tinggi dan membantu memantau perubahan dalam suruhanjaya itu sendiri.

- **Sistem Integriti Korporat Malaysia**

Usaha akan dilakukan untuk membangunkan selanjutnya inisiatif

yang diperkenalkan dalam GTP 1.0 ini dengan mendapatkan komitmen daripada syarikat korporat Malaysia untuk memerangi masalah rasuah dalam organisasi masing-masing.

- **Kemasukan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM**

Pada masa ini, meskipun suatu amalan rasuah dilakukan bagi pihak syarikat, hanya individu sahaja yang boleh didakwa bagi amalan rasuah. Enakmen peruntukan yang sedemikian boleh menjadi alat yang berkuasa untuk mencegah rasuah dan menyediakan rangsangan kepada syarikat untuk memperkuuh proses dalam masing-masing untuk memerangi rasuah.

- **Mentransformasikan proses pelaporan Ketua Audit Negara**

Inisiatif ini akan mempercepat penyampaian audit prestasi Ketua Audit Negara dan dengan demikian membolehkan agensi-agensi yang berkaitan mendakwa kes rasuah dengan cara yang lebih tepat pada masanya. Ia juga akan membantu menyelesaikan isu-isu tertunggak yang dikenal pasti oleh laporan Ketua Audit Negara yang terdahulu.

- **Menambah baik proses pemerolesan**

E-portal MyProcurement akan ditambah baik untuk menjadi



laman sesawang yang paling tuntas berkaitan dengan amalan e-perolehan.

- **Pendidikan dan sokongan orang ramai**

Berusaha untuk menyemai nilai-nilai pencegahan rasuah yang kukuh dalam kalangan pelajar sekolah Malaysia dengan memperkenalkan mata pelajaran tersebut dalam buku teks sekolah. Inisiatif ini juga menyediakan guru dengan latihan tambahan untuk membantu dalam menyampaikan mesej tersebut di sekolah.

Memastikan Pendidikan Berkualiti

Tenaga kerja berpendidikan merupakan salah satu unsur terpenting bagi negara berpendapatan tinggi, dan inilah sebabnya mengapa pendidikan kekal merupakan komponen yang penting dalam GTP 2.0. Matlamat dalam NKRA Pendidikan adalah besar dan bercita-cita tinggi, iaitu untuk memperbaik sistem pendidikan negara dalam jangka masa yang secara relatifnya pendek untuk membawa pelajar kita lebih hampir dengan standard antarabangsa. Kerajaan, menerusi Kementerian Pelajaran, sudah pun memulakan sebuah proses transformasi selama 13 tahun yang bercita-cita tinggi melalui Rangka Tindakan Pendidikan Kebangsaan dan inisiatif di bawah GTP 2.0 merupakan gelombang pertama bagi transformasi tersebut. Tidak seperti Rangka Tindakan, inisiatif GTP direka bentuk untuk menangani matlamat segera jangka pendek. Sepanjang tiga tahun yang akan datang ini, inisiatif ini akan menangani bidang-bidang yang berikut:

- **Prasekolah dan penjagaan awal kanak-kanak**

Enrolmen dalam prasekolah kekal merupakan fokus NKRA. Inisiatif ini akan diperlengkapkan selanjutnya dengan penetapan standard yang memfokuskan penetapan standard kualiti bagi prasekolah awam dan swasta.

- **LINUS 2.0**

Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) menikmati kejayaan yang cemerlang dalam GTP 1.0, dan akan dipertingkatkan selanjutnya

dalam GTP 2.0 untuk menyediakan pemantauan dan sokongan pemulihan bagi mata pelajaran Literasi Bahasa Inggeris.

- **Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)**
GTP 1.0 mengakui keperluan untuk memberikan insentif kepada sekolah yang berada dalam sistem pendidikan negara untuk mempertingkatkan prestasi, justeru kerajaan melaksanakan SBT ke arah mencapai matlamat tersebut. SBT akan diteruskan dalam GTP 2.0 dengan fokus terhadap usaha memastikan SBT mengekalkan standard masing-masing.
- **Program Transformasi Daerah (District Transformation Programme, DTP)**
DTP terletak dalam Program Penambahbaikan Sekolah GTP 1.0 tetapi akan diperkenalkan dengan fokus untuk mentransformasikan Pejabat Pelajaran Daerah. Berada di barisan hadapan sistem pendidikan, PPD berada dalam kedudukan yang sesuai untuk menyelaraskan perubahan pada peringkat sekolah, dan ia akan dipertingkatkan dengan kuasa dan autoriti yang lebih besar untuk melaksanakan intervensi di sekolah tempatan.
- **Pakej Kerjaya Pengetua**
Pengetua akan diberi pakej kerjaya baharu yang memfokuskan pembangunan prestasi profesi pengetua sementara pelan penggantian dan pelantikan pengetua akan ditambah baik.



- **Pakej Kerjaya Guru**

Profesjon perguruan juga akan menerima rangsangan dalam bentuk yang serupa dengan memperkenalkan pakej kerjaya baharu selain instrumen penilaian baharu untuk memastikan guru yang berprestasi tinggi memperoleh laluan yang pantas dari sudut kerjaya.

- **Program Peningkatan Profesionalisme bagi Guru Bahasa Inggeris**

Aliran kerja ini bertujuan menghasilkan seorang guru mahir bahasa Inggeris dalam setiap kelas di seluruh negara untuk menyediakan pelajar dengan lebih mantap dalam menghadapi cabaran dan peluang pada masa hadapan mereka.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Makmal LIH telah mengenal pasti beberapa bidang utama untuk membantu selanjutnya rakyat Malaysia berpendapatan rendah, termasuklah mereka yang diklasifikasi di bawah kategori miskin dan miskin tegar. Makmal LIH mendapatkan bahawa masih terdapat satu segmen rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan Kerajaan. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan bersasaran adalah penting untuk memastikan projek memenuhi keperluan kumpulan sewajarnya yang memerlukan bantuan.

Kumpulan mudah terjejas yang akan disasarkan termasuk golongan gelandangan, orang kurang upaya, bekas penagih dadah, bekas banduan dan masyarakat seperti kaum Penan dan Orang Asli.

Makmal mendapatkan bahawa 47,000 isi rumah perlu dibebaskan daripada belenggu kemiskinan untuk mengurangkan kadar kes kemiskinan kepada 2% daripada 3.8% pada tahun 2015. Inisiatif akan mendidik kumpulan berpendapatan rendah untuk menjadi lebih berdikari dari segi kewangan berbanding hanya sekadar bergantung pada bantuan Kerajaan akan dimajukan. Program “pengupayaan ekonomi” (economic empowerment) ini akan dilaksanakan melalui program AZAM

dan juga melalui program jangkauan oleh NGO dan sektor swasta. Secara keseluruhannya, GTP 2.0 menyasarkan untuk mentransformasikan kehidupan sejumlah 100,000 rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah dengan inisiatif yang mencakupi:

- **Pendidikan literasi kewangan bagi 70,000 peserta AZAM pada tahun 2015**
 - Dilaksanakan oleh NGO yang diluluskan untuk menjalankan program pendidikan yang diiktiraf oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
 - Latihan akan dikendalikan secara berkumpulan dalam jumlah 20-30 individu
- **Peserta 1AZAM yang berjaya akan berperanan sebagai mentor kepada peserta baru**
- **Dipilih berdasarkan himpunan kriteria yang ketat dan diberi latihan yang berkaitan**
Melaksanakan program sukarelawan (AZAM RELA)
- **Tenaga kerja sukarelawan untuk memantau projek di daerah yang mempunyai sumber yang tidak mencukupi**
- **Melibatkan kerjasama dengan NGO, universiti dan sektor korporat untuk mendapatkan sumber**
- **Laluan kerjaya dan pemprofilan kerja bagi kerja yang dibayar upah rendah**



Membantu orang ramai untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dan membebaskan diri daripada kepompong kemiskinan

- **Perlindungan insurans bagi semua peserta 1AZAM**
 - Membantu untuk berfungsi sebagai jaring keselamatan (safety net)
 - Pelbagai penyedia akan menawarkan perlindungan yang lebih murah dan difokuskan kepada ketua isi rumah, bagi tujuan perlindungan pendapatan
 - Hampir 100,000 isi rumah akan meraih manfaat pada tahun yang pertama

Mempertingkatkan Pembangunan Bandar

Makmal NKRA Pembangunan Luar Bandar telah memulakan beberapa inisiatif baharu untuk melonjakkan kemajuan bidang ini ke tahap yang tinggi dalam tempoh tiga tahun yang berikut. Daripada sekadar memastikan rakyat menikmati akses kepada kemudahan asas, iaitu jalan, air dan elektrik, sasaran GTP 2.0 adalah lebih bercita-cita tinggi dengan keberhasilan positif yang lebih meluas kepada rakyat. Selain memastikan pembangunan kemudahan asas yang berterusan, aspek penyenggaraan sumber-sumber awam ini, termasuk 2,400km jalan raya, selain penaiktarafan berterusan untuk memenuhi pertumbuhan penduduk yang semakin pesat akan diperkenalkan. Untuk tujuan ini, makmal telah menyusun sebuah pangkalan data yang mempunyai lebih 4,000 projek yang dikendalikan di seluruh Malaysia.

Antara yang penting bagi NKRA ini ialah pewujudan Kampung Abad Ke-21 (21st Century Village, 21CV), yang dilihat sebagai titik perubahan ekonomi yang penting untuk membantu hampir 2.2 juta rakyat meraih manfaat dan hidup dengan lebih makmur. Hal ini bermaksud mewujudkan dengan jayanya sebuah ekonomi yang dinamik dan sihat

yang menyediakan pendapatan yang kukuh dan stabil. Berusaha gigih untuk terus melihat ke hadapan dalam membangunkan negara, konsep Kampung Abad Ke-21 merupakan inisiatif untuk memastikan belia berasa tertarik dengan Kampung Abad ke-21 ini selain bersedia untuk bekerja dan tinggal di situ berbanding dengan meninggalkan kampung halaman dan berhijrah ke kawasan bandar.

Terdapat kira-kira 3.3 juta belia luar bandar, dan antara jumlah tersebut, 2.4 juta masih tinggal di kampung. Masalah yang dihadapi oleh belia luar bandar termasuk:

- Kekurangan peluang pekerjaan, kemudahan sosial, aktiviti belia dan juga pendedahan serta pengetahuan
- Kekurangan bantuan kewangan

Justeru, terdapat keperluan yang amat penting untuk menyusun semula kampung supaya ia dapat mengekalkan belia yang ada diakui oleh NKRA ini, dengan tiga inisiatif bakal diwujudkan:

- Memperkenalkan jentera moden dan teknik perladangan moden untuk mengurangkan intensiti buruh dan menambahkan nilai kepada aktiviti pertanian.



- Menyediakan bantuan kewangan dan latihan untuk menyokong belia dalam perniagaan pertanian berdasarkan luar bandar.
- Meningkatkan kesedaran terhadap peluang dan potensi yang boleh dicipta di kawasan luar bandar untuk menarik hati belia memulakan perniagaan di kampung

Inisiatif ini akan digabungkan dalam program utama Kampung Abad Ke-21, yang menyasarkan untuk mentransformasi ekonomi luar bandar menjadi sebuah destinasi yang dinamik dan menarik bagi belia bandar.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Pengangkutan awam merupakan satu infrastruktur keperluan di mana-mana negara dan ia membantu dalam menentukan standard pembangunan negara. Memajukan sebuah sistem pengangkutan bertaraf dunia bukan sahaja akan memastikan perjalanan yang lancar dan selesa kepada berjuta-juta rakyat, malah ia juga mentransformasikan seluruh industri pengangkutan awam menjadi sebuah industri yang memenuhi kepentingan terbaik rakyat.

Melalui pelbagai inisiatif Kerajaan selama bertahun-tahun, sebuah kerangka kerja yang mantap bagi pengangkutan awam bandar telah pun diwujudkan. Makmal NKRA UPT bukan sahaja akan memfokuskan transformasi semata-mata malahan juga penambahbaikan dan pemurnian struktur dan inisiatif sedia ada.

Untuk tujuan ini, sasaran yang ditetapkan termasuk memastikan bahawa 75% daripada penduduk tinggal dalam lingkungan 400 meter dari laluan UPT, 25% daripada teksi Greater KL mencapai standard yang setara dengan penyedia perkhidmatan teksi terbaik di bandar-bandar ASEAN, di samping

mencapai 750,000 penumpang ketika waktu puncak pagi pada tahun 2015. Keandalan dan kualiti sejajar dengan hasrat memenuhi harapan rakyat untuk memiliki sebuah sistem pengangkutan awam bertaraf dunia yang boleh dibanggakan akan menjadi matlamat paling utama. Inisiatif yang dikemukakan oleh makmal bagi NKRA ini kini bersedia untuk memberikan impak kepada 1.5 juta pengguna pengangkutan awam harian dan melibatkan:

- **Penyusunan semula rangkaian bas berhenti-henti Greater KL:** Inisiatif ini berusaha untuk memperbaiki rangkaian bas pengantara dan memperkenalkan bas antara bandar untuk melegakan masalah kesesakan.
- **Mentransformasikan industri teksi:** Memperkenalkan model baharu yang berpusat yang menyediakan bantuan serta insentif kepada pemandu teksi individu.

NKRA UPT juga akan memastikan beberapa penunjuk prestasi yang lain termasuk:

- Penyempurnaan Projek Perluasan LRT (LEP)
- Perkhidmatan Bas Kota memulakan operasi pada Suku 1, 2013
- 4,500 perhentian bas akan diindeks



dengan panel maklumat

- Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS) pada Suku 1, 2015
- 25% daripada teksi kos bajet (~7,000) memasuki zon penarafan kualiti ASEAN pada tahun 2015
- 4km kesalinghubungan pejalan kaki dibina
- 6,000 ruang letak kereta disediakan merentas stesen rel utama
- Kajian kadar dan pemansuhan tempat letak kereta DBKL yang berkemungkinan pada tahun 2014

Pelan Hala Tuju GTP 2.0 adalah butiran penuh mengenai inisiatif-inisiatif yang dihasilkan dan dibincangkan daripada makmal GTP 2.0 yang telah dijalankan dari April – Mei 2012. Walau bagaimanapun, tempoh pelaksanaan dan penyempurnaan inisiatif-inisiatif tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan jumlah bajet yang diterima untuk kesemua 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara, sepanjang tempoh 3 tahun akan datang bermula 2013-2015.



NKRA
MENANGANI
KOS SARA
HIDUP RAKYAT

SEPATAH KATA

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Yassin

Timbalan Perdana Menteri

NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat (COL) telah diperkenalkan pada bulan Julai 2011, genap dua tahun selepas GTP dilancarkan, lantas menjadikannya NKRA yang ketujuh. Pelancaran NKRA COL ini merupakan respons kepada kebimbangan rakyat terhadap kenaikan harga barang keperluan yang disebabkan oleh harga makanan dan bahan api yang semakin meningkat. Kerajaan sedar tentang perlunya tindakan yang segera dilakukan untuk meringankan beban kewangan rakyat menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk menawarkan kelegaan.

Kerajaan sentiasa memainkan peranan yang proaktif dalam mengurus kos sara hidup yang kian meningkat, sejak sebelum pengenalan NKRA COL.

Bagi tahun 2011, untuk pemberian subsidi bahan api sahaja, kerajaan telah pun membelanjakan sejumlah RM20.3 bilion.

GTP 2.0 akan meneruskan inisiatif sedia ada sebagaimana yang telah diperkenalkan setahun yang lalu. Selain itu, sekiranya kos sara hidup meningkat dengan ketara dan keadaan pula mewajarkan, kerajaan akan terus membangun dan memperkenalkan program bantuan, yang tidak terhad semata-mata kepada bantuan kewangan. Sesungguhnya kami komited untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia dapat menikmati taraf kehidupan yang mampan.



Meninjau kembali GTP 1.0 (2010 - 2012)

Diperkenalkan pada Julai 2011, NKRA Menangani Kos Sara Hidup (COL) telah pun menjana keberhasilan segera yang memberikan manfaat kepada golongan pekerja dan kelas pertengahan. Memandangkan harga makanan dan tenaga dunia terus meningkat dan memberikan impak terhadap kos sara hidup rakyat biasa, NKRA COL berusaha untuk menawarkan kelegaan melalui bantuan segera kepada rakyat di samping merumuskan strategi jangka panjang untuk menangani kos sara hidup yang kian meningkat.

Pelbagai program bantuan kerajaan telah membantu lebih 5 juta isi rumah

serta lebih 6 juta pelajar sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Di samping itu, menerusi inisiatif seperti Klinik1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Menu Rakyat 1 Malaysia, rakyat kini memperoleh akses yang semakin meningkat kepada rawatan perubatan bersubsidi kerajaan, barang keperluan dengan harga 30-40% lebih murah dan hidangan makanan pada harga yang berpatutan.

Hasil daripada langkah yang diambil, NKRA COL telah mencatat sejumlah “kejayaan besar”. Di samping itu, usaha yang diambil tersebut telah mendorong kerajaan untuk merumuskan langkah



selanjutnya di bawah GTP 2.0 yang akan membantu meringankan beban rakyat secara mampan.

Taburan Pendapatan Isi Rumah Malaysia

Kami Meninjau kuasa beli rakyat Malaysia dan mendapat hampir **76%** memperoleh pendapatan kurang RM5,000 dan **53%** memperoleh kurang RM3,000

<RM1,500	RM1,500 - RM3,000	RM3,000 - RM5,000	>RM5,000
21.6%	31.2%	23.1%	24.1%

Jumlah%<RM3k
53%

Jumlah%<RM5k
76%

Rajah 1: Taburan Pendapatan Isi Rumah Malaysia

SUMBER: Tinjauan Pendapatan Isi Rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009

Kerajaan juga telah memperluaskan program bantuannya untuk membantu pelajar menghadapi kos pendidikan dengan memberikan baucar buku dan bayaran bantuan tunai sebanyak RM100.

Meskipun inisiatif berimpak jangka pendek ini telah membantu NKRA

mencatat “kejayaan besar” dalam GTP 1.0, Kerajaan telah pun mula meninjau perubahan struktur jangka panjang yang akan membantu dalam menangani isu kos sara hidup dalam tempoh jangka panjang. Ini termasuklah mengkaji dan menangani ketirisan dalam rantai bekalan makanan, faktor yang



menyumbang kepada kenaikan harga rumah yang tinggi di samping mengkaji program subsidi negara.

Sebagai contoh, kenaikan mendadak dalam kos bahan binaan seperti simen,

besi dan pasir telah menyumbang kepada kos rumah yang semakin tinggi, yang menjadikannya amat mahal bagi mereka yang berpendapatan rendah hingga sederhana (Lihat Rajah 2 yang berikut). Faktor lain seperti peningkatan

permintaan terhadap harta tanah dan kekurangan penawaran rumah mampu milik memburukkan lagi masalah yang sedia ada.

1. Kos pembinaan telah meningkat dengan nyata
2. Permintaan terhadap harta kediaman telah meningkat disebabkan oleh perubahan struktur dalam komposisi penduduk negara
3. Penghijrahan ke bandar, menyebabkan permintaan lebih tinggi di kawasan bandar
4. Kekurangan bank tanah di kawasan popular/utama



Kadar pertumbuhan sederhana dalam Pendapatan



Harga harta tanah naik secara mendadak (2009 - 2011)



Keupayaan memiliki rumah menjadi satu isu!

Rajah 2: Dengan kenaikan harga harta tanah ditambah pula dengan kadar pertumbuhan sederhana bagi pendapatan, keupayaan memiliki rumah telah menjadi satu isu

Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA), menasarkan untuk menangani isu ini dengan merangsang bekalan perumahan mampu milik bagi golongan berpendapatan sederhana, dengan itu membolehkan pemilikan rumah yang lebih cergas dan merapatkan jurang dalam bekalan. Program ini akan diperluas lagi dalam GTP 2.0.

Dalam kes item makanan, seperti minyak masak, ketirisan yang berpunca daripada kegiatan haram seperti penyeludupan memburukkan lagi harga yang sememangnya tinggi disebabkan

oleh faktor luaran. Oleh sebab barang diberikan subsidi pada peringkat pengeluar, barang yang akhirnya sampai ke tangan bukan pemastautin Malaysia juga bermakna kerugian subsidi, dan inilah sebabnya mengapa rantaian bekalan telah diperketat.

Hujah yang sama juga terpakai kepada produk bahan api di Malaysia seperti petrol, diesel dan gas asli yang terus menampilkan cabaran yang menghambat berbentuk penyeludupan menyeberangi sempadan negara. Oleh itu, bil subsidi sahaja bagi tahun 2011

berjumlah lebih RM20 bilion, subsidi yang tidak mampu bagi tempoh jangka panjang.

Oleh sebab pendapatan isi rumah tidak meningkat sepantas kenaikan harga - dan dengan aspirasi menjadi negara berpendapatan tinggi masih tinggal beberapa tahun lagi - langkah jangka pendek perlu diteruskan dalam GTP 2.0 untuk memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada keperluan asas termasuk rumah, makanan dan perkhidmatan perubatan.

KEJAYAAN BESAR 1

Menyediakan bantuan kewangan kepada isi rumah kelas pekerja

Di bawah inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), kerajaan menawarkan bantuan kewangan RM500 ‘sekali bayar’ kepada isi rumah dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,000 dan ke bawah. Diumumkan pada bulan Disember 2011, kerajaan memperuntukkan belanjawan sebanyak RM2.6 bilion untuk BR1M, yang disampaikan kepada 5.2 juta isi rumah rakyat Malaysia.



KEJAYAAN BESAR 2

Mengurangkan kos pendidikan 2011

Sebuah kejayaan besar di bawah NKRA COL ialah pemansuhan yuran sekolah mulai tahun 2012. Buat pertama kalinya, pendidikan awam di Malaysia adalah percuma. Langkah lain yang diambil untuk mengurangkan beban kos pendidikan termasuk:

- Dana sebanyak RM530 juta disalurkan kepada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah, memberikan bantuan wang tunai sebanyak RM100 untuk membiayai kos kembali ke sekolah dan perbelanjaan yang lain.
- Sejumlah RM260 juta dalam bentuk Baucar buku bernilai RM200 menerusi Bantuan Buku 1Malaysia diagihkan kepada 1.3 juta pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, aliran matrikulasi dan pelajar Tingkatan 6.



Satu lagi contoh ialah Baucar Buku 1Malaysia (BB1M), bantuan baucar buku untuk pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

KEJAYAAN BESAR 3

Mewujudkan pilihan rawatan perubatan dan keperluan barang keperluan pada harga yang berpatutan

Untuk menyediakan alternatif yang mampu dibayar bagi keperluan rakyat, kerajaan telah memperkenalkan:

- Klinik 1Malaysia, yang menyediakan rawatan yang berharga patut dan hampir percuma pada harga serendah RM1 untuk rawatan, sementara warga emas menerima rawatan secara percuma;

- Kedai Rakyat 1Malaysia, menawarkan barang keperluan pada harga penjimatan sebanyak 30-40% lebih rendah berbanding dengan kedai biasa;
- Menu Rakyat 1 Malaysia, iaitu menu yang telah dipakejkan pada harga yang standard. Sarapan pagi pada harga RM2 dan makan tengah hari

pada harga RM4 di Semenanjung Malaysia dan sarapan pagi pada harga RM2.50 dan makan tengah hari pada harga RM5 di Malaysia Timur.

Di samping “kejayaan besar” di atas, inisiatif lain seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Kebajikan Rakyat 1Malaysia juga dilaksanakan.

Pengenalan kepada GTP 2.0 (2013 - 2015)


Kes bagi Perubahan

NKRA COL diperkenalkan sebagai respons kepada kebimbangan kalangan rakyat Malaysia terhadap kenaikan kos sara hidup, terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam harga komoditi yang mencecah paras harga tertinggi baharu pada tahun 2011. Kos sara hidup yang kian meningkat juga disaksikan di negara membangun yang sama memandangkan kos sara hidup meningkat sejajar dengan pertumbuhan dalam tahap pendapatan. Langkah di bawah NKRA ini memfokuskan makanan, pengangkutan dan perumahan, iaitu tiga kategori utama


yang mencakupi 55.3% daripada perbelanjaan isi rumah rakyat Malaysia.

Tambahan baharu kepada Program GTP ini mengambil pendekatan yang jauh berbeza berbanding dengan enam NKRA yang lain. Sementara NKRA yang lain bersifat pasti (deterministic) dan menggariskan kaedah dan keberhasilan yang konkret, NKRA COL pula adalah bersifat reaktif dengan langkah yang diambil disokong oleh kajian yang terperinci terhadap persekitaran ekonomi.

Melangkah ke hadapan, kerajaan akan terus memantau situasi dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian apabila perlu. Meskipun dengan kejayaan GTP 1.0, harga makanan dan minyak tetap dijangka terus meningkat memandangkan dunia terus bergantung pada komoditi ini. Oleh yang demikian, NKRA COL hendaklah membuat penyesuaian yang sama untuk memastikan impak kenaikan harga pada masa depan adalah minima.



Perumahan, makanan dan pengangkutan mencakupi 55.3% daripada purata perbelanjaan isi rumah Malaysia pada tahun 2009/10



Rajah 1: Purata perbelanjaan isi rumah telah meningkat sejak tahun 1993/1994 dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 4.06%

Meskipun subsidi kerajaan lazimnya digunakan untuk mengurangkan tekanan kos terhadap rakyat, namun usaha ini terbukti tidak cekap disebabkan subsidi sebahagian besarnya memberikan manfaat kepada

pengeluar dan bukannya isi rumah. Untuk memperkemas proses bantuan, bantuan hendaklah disalurkan secara terus kepada isi rumah, dan ini adalah dicadang untuk dilaksanakan oleh fasa kedua NKRA ini.

Oleh yang demikian, GTP 2.0 bakal menyaksikan NKRA COL menyusun semula subsidi selain mengenal pasti inisiatif alternatif yang akan memberikan isi rumah kuasa membeli yang lebih besar dalam tempoh jangka panjang.

Tinjauan Keseluruhan

Disebabkan oleh sifat reaktif program NKRA COL, kerajaan akan terus membangun dan memperkenalkan program bantuan, yang tidak terhad kepada bantuan kewangan sahaja, sekiranya ini adalah sekiranya kos sara hidup meningkat dengan ketara dan hanya apabila situasi adalah bersesuaian. Kerajaan juga bersedia untuk memperkenalkan semula inisiatif utama Bantuan Rakyat 1Malaysia

(BR1M) sekiranya situasi memerlukan intervensi selanjutnya berkaitan dengan harga barang keperluan dan perkhidmatan.

Ini bermakna bahawa program NKRA COL adalah bergantung pada perkembangan situasi dan oleh demikian, usaha yang diambil melalui GTP juga akan bergantung pada keadaan. Kami komited

untuk menyelesaikan hambatan untuk memastikan bahawa inisiatif dilaksanakan secara berkesan dan cekap.

Inisiatif seperti Menu Rakyat 1Malaysia, Perumahan Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kebajikan Rakyat 1Malaysia, Kedai Buku 1Malaysia dan Kedai Kain 1Malaysia akan terus dilaksanakan dalam GTP 2.0.

Kesinambungan Program Bantuan Kerajaan dalam GTP 2.0

Dalam tempoh lebih setahun sejak NKRA COL ini diperkenalkan, inisiatif yang direka untuk memberikan bantuan segera kepada rakyat telah membantu lebih empat juta isi rumah dan lebih

enam juta pelajar. Program bantuan kerajaan seperti Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Menu Rakyat 1Malaysia berjaya memastikan bahawa rakyat mempunyai akses

kepada keperluan asas yang mampu dinikmati seperti rawatan perubatan, barang keperluan dan makanan pada harga yang berpatutan.

Klinik 1Malaysia

Sejak tahun 2010, 111 buah Klinik 1Malaysia telah dibuka dengan kos sebanyak RM 18.5 juta untuk membuka klinik dan RM8.5 juta untuk menjalankan operasi klinik. Program ini akan diteruskan dan diperluas dalam GTP 2.0 untuk memastikan bahawa seluruh

rakyat memperoleh akses kepada penjagaan kesihatan asas yang mampu dinikmati. Klinik tersebut menyediakan rawatan pesakit luar asas dan berperanan sebagai pusat maklumat yang menyediakan pemberitahuan kesihatan seperti wabak demam dengan

dan juga nasihat umum berkaitan dengan perubatan. Sejak pewujudannya, Klinik1Malaysia telah merawat lebih daripada 4.6 juta pesakit.

Sasaran pada tahun 2013 adalah untuk membuka 80 Klinik 1Malaysia.



Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)

Rasional bagi pembukaan pasar mini ini adalah untuk menyediakan barang keperluan kepada rakyat berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan bandar. Operasi pasar mini ini dijalankan oleh pengendali pasar raya tempatan, Mydin, yang memberikan penekanan terhadap penyampaian barang keperluan asas seperti beras, minyak masak, susu tepung dan lampin kanan-kanak. Produk yang dijual di KR1M dihasilkan oleh perusahaan kecil dan sederhana tempatan dan dipakejkan di bawah jenama KR1M.


GTP 1.0 menyaksikan pelancaran KR1M dan juga pelaksanaan peringkat

awal dua buah penambahbaikan, yang akan disempurnakan dalam GTP 2.0. Fasa kedua program KR1M akan menyaksikan kedai ‘Mom and Pop’ dari kawasan luar bandar yang mengedarkan barang KR1M di daerah masing-masing untuk memperluas penyampaian produk KR1M kepada golongan yang amat memerlukannya. Fasa ketiga bakal menyaksikan francais KR1M dibuka kepada orang ramai sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan kepada negara.

Pada masa ini terdapat lebih 45 kedai KR1M di seluruh negara dan matlamatnya adalah untuk mencecah

85 buah KR1M pada akhir tahun 2012 ini. Lebih banyak maklumat mengenai produk dan harga KR1M boleh diperoleh melalui <http://www.1pengguna.com>, yang merupakan laman sesawang kerajaan bagi maklumat pengguna.

Sasaran bagi KR1M adalah untuk mewujudkan 50 buah kedai setiap tahun sehingga tahun 2015.



Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)

Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Berhad diwujudkan di bawah Akta PR1MA 2012 untuk merancang, membangunkan dan mengekalkan gaya hidup perumahan berkualiti mampu milik bagi isi rumah berpendapatan sederhana di pusat bandar utama.

Perdana Menteri amat peka dengan tekanan kewangan yang dihadapi oleh penduduk bandar berpendapatan sederhana berikutnya proses perbandaran Malaysia yang pesat. Wawasan beliau adalah untuk menyeimbangkan bantuan kepada rakyat baik di kawasan luar bandar maupun di bandar. PR1MA merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu rakyat mengurus kos kehidupan di kawasan bandar. Sementara penyedia perumahan awam yang lain sebahagian besarnya menyediakan keperluan golongan berpendapatan rendah, PR1MA akan menjadi program

pertama yang menyasarkan secara eksklusif segmen sederhana ini dengan rumah mampu milik berharga antara RM100,000 hingga RM400,000.

Program PR1MA juga menyasarkan integrasi komuniti dan bakal menjadi pemangkin kepada penciptaankekayaan bagi pembeli rumah PR1MA pada akhir tempoh moratorium.

Kriteria kelayakan utama termasuk:

- Individu atau keluarga (suami dan isteri) yang mempunyai pendapatan isi rumah antara RM2,500 hingga RM7,500.
- Mereka yang bekerja atau pada masa ini bekerja berhampiran dengan lokasi pembangunan atau mereka yang merancang untuk tinggal atau bekerja di sana.
- Individu yang pada masa ini memiliki tidak lebih daripada satu harta kediaman

Rumah PR1MA akan diperuntukkan menerusi proses pengundian beraudit. Tempoh moratorium selama 10 tahun akan dikenakan dan rumah perlu diduduki oleh pemilik.

Sasaran PR1MA adalah untuk membina 850,000 rumah dalam tempoh 10 hingga 15 tahun. Fasa rumah yang pertama akan dilancarkan di kawasan bandar utama seperti Lembah Klang, Johor Bahru, Seremban, Kuantan, Kuching dan Miri. Fasa yang kedua akan memfokuskan kawasan pinggiran bandar. Bagi tempoh tiga tahun yang akan datang, PR1MA menyasarkan untuk melancarkan sejumlah 60,000 unit (rumah dan komersial); 6 projek baharu dengan 10,000 unit pada tahun 2013, 7 projek dengan 20,000 unit pada tahun 2014 dan 7 projek dengan 30,000 unit pada tahun 2015.

Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA)

KAR1SMA merupakan program kebajikan kerajaan yang dilancarkan pada bulan September 2011, dan disasarkan kepada golongan kurang berkemampuan termasuk warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak dan ibu tunggal. Balu kakitangan polis dan anggota tentera juga layak menerima

bantuan kewangan di bawah program ini. Matlamat yang disasarkan adalah untuk memberikan bantuan kewangan dalam jumlah antara RM100 hingga RM450 sebulan kepada para penerima.

Bagi tahun 2012 sahaja, sejumlah RM1.4 bilion diperuntukkan untuk KAR1SMA

dan akan diagihkan menerusi program sedia ada oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Yayasan Kebajikan Negara, dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M)

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) diwujudkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan objektif untuk membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara.

KADS1M diberi secara percuma kepada pelajar-pelajar IPT yang menepati

kriteria-kriteria berikut:

- Mengikuti pengajian jangka panjang yang tempoh masanya 1 tahun dan ke atas (sijil, diploma, ijazah dan ke atas)
- Pengajian sepenuh masa.
- Warganegara Malaysia.

Diskaun yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian adalah bagi pembelian barang dan perkhidmatan terpilih dan tertakluk

kepada kadar, terma serta syarat yang ditetapkan oleh syarikat masing-masing.

Maklumat lengkap berkaitan syarikat, kadar diskaun dan syarat diskaun boleh disemak di www.1pengguna.com/kads1m



Menu Rakyat 1Malaysia

Menu Rakyat 1Malaysia menyasarkan untuk membantu golongan pekerja berpendapatan rendah dan pelajar dengan menyediakan menu sarapan pagi dan makan tengah hari yang mampu dinikmati masing-masing tidak melebihi RM2 dan RM4 bagi Malaysia Barat dan RM2.50 dan RM5 bagi Malaysia Timur. Program ini

dilaksanakan secara kerjasama dengan restoran swasta dan pengendali makanan yang menawarkan diri secara sukarela untuk mengambil bahagian. Kini terdapat sebanyak 2,400 peserta program ini dan matlamatnya adalah untuk meningkatkan bilangan peserta kepada 3,000 pada akhir tahun 2012. Maklumat berkaitan dengan lokasi

premis yang mengambil bahagian di seluruh negara, menu makanan dan pemantauan harga boleh diperoleh menerusi laman sesawang rasmi <http://www.1pengguna.com>

Sasaran MR1M adalah untuk memperkenalkan 1,000 lokasi baharu setiap tahun sehingga tahun 2015.

Kedai Buku 1Malaysia

Program ini akan dilancarkan untuk melengkapi selanjutnya program Bantuan Buku 1Malaysia. Ia mempunyai matlamat yang sama dengan program

asalnya, iaitu mengurangkan kos berkaitan dengan pendidikan. Liputan matlamat akan diperluas lagi untuk merangkumi juga pelajar sekolah rendah

dan menengah. Butiran lanjut program akan diumumkan tidak lama lagi.

Kedai Kain 1Malaysia (KK1M)

Sama seperti KR1M, KK1M bakal menyaksikan kedai tekstil yang dibuka di bawah jenama KK1M menawarkan produk dengan harga yang lebih berpatutan untuk rakyat. Pada 14 Julai 2012, ruang niaga (outlet) yang pertama dibuka di Hulu Langat, Selangor

dan lebih enam lagi ruang niaga disasarkan untuk dibuka pada tahun ini. Rancangannya adalah untuk membuka 30 ruang niaga pada tahun hadapan di Semenanjung Malaysia.



Subsidi untuk Barang Keperluan

Subsidi kerajaan sudah pun memperlihatkan trend peningkatan sejak tahun 2009 disebabkan oleh perubahan harga bahan api dan makanan global. Pada masa ini, kerajaan memberikan subsidi kepada dua kumpulan penting barang keperluan:

- **Makanan**
Gula, tepung, minyak masak, beras
- **Bahan bakar**
Petrol RON95, diesel, gas memasak


Bagi tahun 2012, kos subsidi bagi bahan bakar fosil (petrol, diesel dan LPG) dijangka berjumlah RM19.5 billion, dan anggaran RM2.4 bilion bagi produk makanan.

Meskipun dengan kos subsidi yang tinggi, kerajaan tetap komited untuk membantu rakyat dengan menangguhkan program rasionalisasi subsidi.



Jaminan Bekalan Makanan

Kedudukan SSL disarankan untuk dilaksanakan untuk bahan makanan utama menjelang tahun 2020



* Kedudukan Ikan Laut akan dimuktamadkan selepas selesai Kaji Selidik Hasil Pantai Maksimum yang Mampan

Pergantungan terhadap bahan makanan import, termasuk bahan mentah, menyebabkan kenaikan dalam perbelanjaan bil makanan keseluruhan isi rumah. Malaysia yang mengimport makanan diproses bernilai sebanyak RM3.4 bilion pada 2011, hanya dapat mencapai tahap kendiri mampu (SSL) bagi beberapa bahan mentah untuk masakan.

Makmal Makanan dan Jaminan

Makanan telah menganalisis kedudukan penawaran dan permintaan bagi setiap kategori makanan, dengan mengambil kira kriteria seperti daya saing negara dalam pengeluaran makanan berbanding dengan negara jiran yang merupakan negara pertanian, dan mendapati penemuan yang berikut:

- Malaysia berupaya mengeluarkan hasil ternakan bermutu tinggi pada kos yang kompetitif, dan dalam jangka panjang negara berupaya

Meningkatkan produktiviti tempatan

Di bawah NKEA Pertanian, hanya syarikat swasta berprestasi tinggi dan dikendalikan dengan baik akan dipilih menjadi syarikat induk bagi memasarkan dan mengedarkan hasil tani kepada pasar raya besar. Syarikat induk ini akan memainkan peranan untuk menyepadan proses pengeluaran daripada peringkat bawah hingga atas, iaitu dari peringkat paling awal (penanaman) hingga peringkat pemasaran dan eksport. Diharapkan peladang sedia ada sekarang akan mendapat faedah daripada pindahan kepakaran dan teknologi daripada syarikat induk apabila inisiatif ini disepaduan dengan NKEA.

mengeluarkan hasil ternakan berlebihan yang jauh melangkaui permintaan tempatan. Kajian sama juga dijalankan terhadap kategori makanan lain.

- Tanah yang diperuntukkan di bawah Pelan Fizikal Nasional perlu memperuntukkan semula tanah bagi menetapkan tahap peruntukan yang sesuai pada peringkat persekutuan dan negeri.
- Rantaian nilai makanan, iaitu perladangan, pengedaran borong dan runcit dan jualan produk tani, perlu diselaraskan dengan lebih baik untuk menghindarkan kebimbangan bahawa peladang dalam rantaian nilai yang tinggi maka makin kurang faedah yang akan diperoleh.

Saranan oleh Makmal Makanan dan Jaminan Makanan telah diberikan pertimbangan yang amat wajar, dan kemungkinan integrasi yang lebih



kukuh dengan Projek Permulaan NKEA Pertanian juga diambil kira. Ini seterusnya membolehkan sektor swasta menerajui pelaksanaan projek-projek tersebut melalui pelaburan awam berhemat.

Inisiatif-inisiatif ini terbahagi kepada dua komponen utama:

- Meningkatkan produktiviti tempatan
- Menyepadan rantaian nilai

Skop NKEA Pertanian juga akan diperluas untuk menggalakkan peladang tempatan bekerja sebagai secara kontrak di bawah ‘sepanduk’ syarikat induk. Ini bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan peladang malah pada masa yang sama memastikan kos pengeluaran hasil tani lebih murah berikutan pengeluaran hasil tani yang lebih tinggi.

Pada masa yang sama, pengeluar kecil dan sederhana makanan diproses akan disediakan kemudahan yang sama, yang membolehkan mereka mendapat akses kepada peralatan

pertanian dan standard yang lebih baik untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap hasil tani mereka. Dengan mematuhi prosedur penyediaan makanan yang ketat (iaitu Amalan Pengilangan Baik, HACCP) yang diwujudkan melalui syarikat induk, pengeluar kecil makanan boleh menggunakan kemudahan yang disediakan dengan bayaran yang berpatutan. Inisiatif ini merupakan Projek Permulaan di bawah NKEA Pertanian.

Menyepadukan rantaian nilai

Matlamatnya adalah untuk mengurangkan kos bahan mentah dengan meningkatkan penawarannya. Satu lagi faktor yang mempengaruhi harga runcit ialah jumlah orang tengah dalam rantaian bekalan yang membeli sesuatu produk daripada ladang untuk dijual kepada pengguna. Kerajaan telah mewujudkan pelbagai saluran jualan runcit seperti Pasar Tani, Agro Bazaar dan Kedai Rakyat 1Malaysia dalam usaha untuk mengurangkan kos kendalian.

Dengan pengeluaran ladang yang lebih tinggi, syarikat induk akan digandingkan dengan agensi kerajaan seperti FAMA dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk memasarkan secara langsung kepada pengguna. Dijangka harga runcit akan dapat dikurangkan antara 5% hingga 8%.

Bagi makanan diproses, inisiatif seperti Produk 1Malaysia akan terus dikembangkan. Dengan adanya garis

panduan bagi produk 1Malaysia, lebih ramai rakyat akan menikmati produk makanan pada harga yang lebih murah. Usaha ini, bersama-sama dengan integrasi pengusaha makanan kecil dan sederhana diproses dengan syarikat induk akan membolehkan lebih banyak pilihan makanan diproses yang lebih murah.

Konsep Taman Makanan

Peladang/PKS



Syarikat Induk



Pasaran Akhir



- Patuh Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan syarikat induk
- Patuh Amalan Pengilangan Baik (GMP)
- Kontrak dengan syarikat induk

- Mereka bentuk dan membangunkan taman makanan
- Memperoleh sijil (iaitu halal, keselamatan makanan, GMP)
- Pemasaran dan pengedaran



Ringkasan Inisiatif

Di bawah GTP 2.0, NKRA COL akan menggunakan pendekatan pelbagai serampang yang bertujuan menangani impak kenaikan kos barang dan perkhidmatan, dan akan terus mengamalkan sikap reaktif. Usaha ini menyasarkan untuk membendung perbelanjaan isi rumah terhadap makanan, perumahan dan pengangkutan kepada kira-kira 50% daripada pendapatan isi rumah.



Sasaran bagi Inisiatif NKRA COL				
		2013	2014	2015
KR1M	KR1M baru	50	50	50
MR1M	Penyertaan cawangan baru	1,000	1,000	1,000
K1M	K1M baru	80		
PR1MA	Projek baharu yang dilancarkan	6	6	7
	Jumlah unit rumah	8,600	10,200	11,400
KK1M	KK1M baru	30		



MENGURANGKAN
JENAYAH

SEPATAH KATA

Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein

Menteri Dalam Negeri

Hak terhadap keselamatan peribadi dan kebebasan bergerak dalam masyarakat tanpa diselubungi ketakutan dan penganiayaan adalah amat penting bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, jantina atau status pendapatan.

Kerajaan mengakui bahawa status quo (keadaan) semasa tidak mencerminkan harapan yang dicita-citakan. Justeru, Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah dirangka demi memastikan pengurangan jenayah dapat direalisasikan sejajar dengan matlamat kita mengejar status negara maju.

Kita telah menyaksikan hasil yang memberangsangkan dan perubahan positif di seluruh negara melalui inisiatif yang dilaksanakan dalam GTP 1.0 setakat ini. Akan tetapi, tugas dan kerjanya masih belum selesai dilaksanakan. Malaysia, secara keseluruhan, sama ada agensi penguatkuasaan undang-undang mahupun juga rakyat secara keseluruhannya perlu terus tekun dan

berseungguh-sungguh jika kita mahu merealisasikan wawasan kita menjadikan Malaysia sebagai negara yang selamat untuk diri sendiri, anak-anak, dan generasi akan datang.

Bagi tempoh tiga tahun yang akan datang, Kerajaan telah menetapkan sasaran baharu di bawah rubrik GTP 2.0 yang akan menyaksikan kita mengorak langkah yang lebih besar dalam mencapai matlamat yang telah digariskan.

Sebagai menteri yang menerajui NKRA Mengurangkan Jenayah, saya secara peribadi beriltizam untuk memastikan bahawa kita mencapai sasaran-sasaran berkenaan, selain turut bersedia untuk memikul tanggungjawab hingga akhir tempoh tiga tahun yang akan datang.

Saya menyandarkan harapan yang tinggi agar rakyat Malaysia berkongsi matlamat yang sama dan menghulurkan kerjasama yang lebih padu pada masa hadapan bagi membantu membanteras permasalahan jenayah hingga akar umbinya.



Meninjau kembali GTP 1.0

Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2009, rakyat Malaysia mengenal pasti jenayah sebagai kebimbangan kedua terbesar selepas faktor ekonomi. Jenayah melunturkan semangat dan mengurangkan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan kerajaan untuk mengekalkan keselamatan serta keamanan. Susulan hasil kajian inilah lahirnya NKRA Jenayah yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan tertumpu pada lima bidang utama:

- Mengurangkan Jenayah Indeks yang dilaporkan

- Mengurangkan jenayah jalanan yang dilaporkan
- Mengurangkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah
- Menambah baik sistem keadilan
- Meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap prestasi Polis Diraja Malaysia

Hasil daripada 55 inisiatif yang dilaksanakan dalam GTP 1.0, Malaysia mencatat penambahan yang drastik dalam kesemua lima bidang utama yang telah dinyatakan. Pencapaian yang dimaksudkan adalah seperti tertera

dalam jadual di bawah. GTP 1.0 juga menyaksikan pengenalan beberapa buah program yang amat menyerlah, antaranya ialah Program ‘Omnipresence’ – iaitu usaha sama antara orang ramai, sektor swasta dan pihak polis yang menyaksikan pegawai-pegawai daripada agensi-agensi kerajaan yang lain digembung untuk memastikan kehadiran secara berterusan pasukan rondaan di kawasan-kawasan yang terjejas oleh jenayah.


NKPI	Pencapaian 2010	Pencapaian 2011	Sasaran 2012
Mengurangkan jenayah indeks	Pengurangan sebanyak 15% berdasarkan garis dasar 2009	Pengurangan sebanyak 11% berdasarkan garis dasar 2010	Pengurangan sebanyak 5%
Mengurangkan jenayah jalanan	Pengurangan sebanyak 35% berdasarkan garis dasar 2009	Pengurangan sebanyak 39.7% berdasarkan garis dasar 2009	Pengurangan sebanyak 45% berdasarkan garis dasar 2009
Mengurangkan kebimbangan menjadi mangsa jenayah	Pengurangan daripada 58.5% kepada 52.5%	Tiada perubahan. Kekal pada 52.8%	Pengurangan kepada 45%
Menyelesaikan kes-kes jenayah kekerasan yang tertunggak	2001 kes diselesaikan	Disebabkan kes-kes tersebut telah diselesaikan, KPI ini tidak lagi relevan dan digantikan dengan KPI ‘Meningkatkan Kadar Pendakwaan’	
Meningkatkan kadar pendakwaan bagi kertas-kertas siasatan yang dibuka	Tidak Diperoleh	Pendakwaan sebanyak 23.4% daripada kertas-kertas siasatan yang dibuka	Pendakwaan sebanyak 25% daripada kertas-kertas siasatan yang dibuka
Meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan PDRM	Meningkat daripada 35.8% kepada 55.8%	Meningkat daripada 55.8% kepada 65.3%	Peningkatan sehingga 70%

Jadual 1: NKPI dan sasaran utama bagi 2010-2012

Sebagaimana yang dipaparkan oleh jadual di atas, penambahan atau peningkatan persepsi orang ramai terhadap keselamatan, kekal menjadi cabaran terbesar bagi NKRA Jenayah. Meskipun penilaian dalam segmen

yang lain menunjukkan keputusan memberangsangkan, hasil kajian ini menunjukkan 52.8% rakyat melaporkan bahawa mereka masih berasa bimbang menjadi mangsa jenayah. Nisbah tersebut menurun pada tahun 2010

daripada 58.5% sebelumnya tetapi tidak merekodkan sebarang perubahan pada tahun 2011. Matlamat atau sasaran pada tahun 2012 adalah untuk mengurangkan nisbah tersebut kepada 45%.



Rajah 1: Carta menunjukkan persepsi orang ramai tentang keselamatan dan kepuasan terhadap perkhidmatan polis

KEJAYAAN BESAR | Pengurangan Secara Tetap dalam Jenayah Indeks

Matlamat yang disasarkan oleh GTP 1.0 adalah untuk mencapai pengurangan sebanyak 5% bagi Jenayah Indeks secara keseluruhan yang dilaporkan setiap tahun bermula 2010 sehingga 2012. Jenayah Indeks terdiri daripada 13 kategori yang berbeza dan dianggap sebagai kesalahan serius yang berlaku pada kadar kekerapan tertentu untuk menjadi kayu ukur bagi menilai situasi jenayah dalam negara secara keseluruhannya.

NKRA Jenayah telah melepassi sasaran yang ditetapkan dengan mudahnya untuk mengurangkan Jenayah Indeks sebanyak 15% pada tahun 2010 dan 11% pada tahun 2011. Matlamat yang ditetapkan adalah untuk mengurangkan seterusnya Jenayah Indeks sebanyak 5% pada tahun 2012. Sembilan inisiatif utama telah dilaksanakan dalam GTP 1.0 yang menyumbang kepada penurunan jenayah indeks. Inisiatif ini memberikan tumpuan terhadap beberapa bidang

utama termasuk kecurian motosikal, pecah masuk rumah, dan kecurian kereta.

Program *Omnipresence* telah mendapat pujian atas sumbangan yang signifikan terhadap pencapaian positif dalam sektor ini, selepas melakukan perubahan daripada kepolisan berasaskan sektor kepada kepolisan *hotspot* jenayah.


KEJAYAAN BESAR 2 Mengurangkan jenayah jalanan yang dilaporkan

Jenayah jalanan terdiri daripada tiga kategori – curi rugut, rompakan tanpa senjata api, dan rompakan berkumpulan tanpa senjata api. Jenayah jalanan mempunyai kesan secara langsung dan ketara terhadap rakyat, yang memberikan implikasi negatif terhadap persepsi orang ramai tentang keselamatan mereka serta kepuasan mereka terhadap pasukan polis.

Matlamat awal adalah untuk mengurangkan jenayah jalanan sebanyak 20% pada tahun pertama GTP 1.0, dan jumlah ini dapat dicapai dengan jayanya, berikutan laporan pengurangan oleh NKRA sebanyak 35% pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009. Sasaran untuk tahun kedua pula ialah

pengurangan sebanyak 40% berdasarkan garis dasar 2009, yang sedikit tersasar daripada jumlah pada tahun 2011 yang menunjukkan pengurangan sebanyak 39.7%. Matlamat seterusnya adalah untuk mengurangkan kadar jenayah sebanyak 5.3% lagi pada tahun 2012.

Program Bandar Selamat yang dirangka berdasarkan prinsip-prinsip CPTED (Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekutuan), mencerminkan usaha sama antara polis, majlis-majlis perbandaran, dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk meningkatkan keselamatan dalam bandar. Program ini telah memberikan impak yang besar terhadap pengurangan jenayah jalanan sebagaimana Program *Omnipresence*.




KEJAYAAN BESAR 3 Penambahbaikan sistem keadilan

Sejajar dengan usaha untuk mengurangkan kejadian jenayah dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap institusi keadilan, GTP 1.0 menyaksikan beberapa inisiatif yang diarahkan bagi mencapai penambahbaikan sistem keadilan.

Fasa pertama GTP 1.0 bermatlamat untuk menyelesaikan kes-kes jenayah kekerasan yang tertinggi dan hal ini dapat direalisasikan pada tahun 2010 dengan catatan sebanyak 2001 kes lama berjaya diproses. Memandangkan inisiatif ini telah mencapai matlamatnya, NKRA Jenayah telah mengubah fokusnya untuk meningkatkan kadar pendakwaan yang dibuat bagi kertas siasatan yang dibuka.

Dalam meningkatkan kadar pendakwaan, NKRA Jenayah sekali lagi menyaksikan beberapa kejayaan besar. Pada tahun 2011, NKRA Jenayah telah menetapkan matlamat untuk menghadapkan sekurang-kurangnya 20% individu yang ditahan ke muka pengadilan, dan sasaran ini berjaya diatasi, dengan nisbah tercatat sebanyak 23.4%. Matlamat yang ditetapkan adalah untuk meningkatkan seterusnya nisbah ini kepada 25% bagi semua kertas siasatan yang telah dibuka pada tahun 2012.



KEJAYAAN BESAR 4

Peningkatan kepuasan orang ramai terhadap prestasi pihak polis

Kepuasan orang ramai terhadap prestasi pihak polis merupakan komponen penting dalam mengurangkan jenayah kerana kepercayaan dan kerjasama rakyat terhadap pihak polis hanya diperoleh melalui peningkatan kepuasan terhadap prestasi polis. Selaras dengan inisiatif ini, alat bagi Sistem Tinjauan Kepuasan (CSR) telah dilancarkan di semua 82 buah balai polis di Selangor dengan matlamat memperluas inisiatif ini ke seluruh negara pada masa hadapan.

Untuk lebih mengeratkan hubungan antara rakyat dengan pihak polis, pemimpin-pemimpin atasan termasuk Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Polis telah mengambil langkah-langkah kepolisan berprofil tinggi di beberapa lokasi strategik.

Pasukan polis juga meningkatkan interaksi dengan orang ramai, dan mengambil langkah yang aktif untuk melibatkan NGO bagi membincangkan inisiatif baharu. Jadual liga balai polis (Liga Balai) telah diwujudkan dengan tujuan memupuk persaingan yang sihat dalam kalangan anggota polis.

Sebagai hasilnya, kepuasan orang ramai terhadap prestasi polis meningkat daripada 35.8% kepada 55.8% pada tahun 2010, dan kemudiannya kepada 65.3% pada tahun 2011. Sasaran yang ditetapkan adalah untuk meningkatkan jumlah ini kepada 70% pada tahun 2012. Menariknya, perubahan persepsi ini turut dinyatakan dalam kajian luar yang dijalankan oleh badan-badan kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai contoh, Projek Keadilan Dunia, menamai Malaysia sebagai negara

paling selamat dalam kalangan 19 negara berpendapatan sederhana tinggi, dan ke-12 paling selamat secara keseluruhannya, iaitu mengatasi kedudukan Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Indeks Keamanan Global menempatkan Malaysia sebagai negara yang paling selamat dan aman di Asia Tenggara, dan yang ke-20 di seluruh dunia. Malaysia turut mendaki 30 anak tangga dalam penarafan Laporan Daya Saing Global WEF bagi kos perniagaan berkaitan dengan jenayah dan keganasan bagi tahun 2011.



Pengenalan GTP 2.0 (2013-2015)

Kes bagi Perubahan

Meskipun kadar jenayah negara menunjukkan penambahbaikan dengan unjuran penurunan yang berterusan, persepsi orang ramai masih mendarangkan cabaran berikutnya dakwaan oleh 52.8% rakyat bahawa mereka masih berasa tidak selamat.

Pada masa yang sama, berleluasanya laporan jenayah berprofil tinggi melalui saluran-saluran media digital baharu, misalnya media sosial, telah memburukkan lagi persepsi terhadap keberkesanan perkhidmatan polis.

Justeru, terdapat keperluan dalam GTP 2.0 untuk menangani punca permasalahan persepsi ini, dan NKRA Jenayah akan memperluas fokusnya dalam fasa kedua transformasi untuk memberikan tumpuan terhadap mangsa jenayah.



Rajah 1: Memperluas fokus GTP 2.0 untuk menangani mangsa jenayah

GTP 2.0 juga berhasrat untuk membuat perubahan terhadap sifat semula jadi kepolisan. Sebelum pelaksanaan GTP, polis dilihat sebagai penguatkuasa undang-undang yang dikaitkan dengan ciri-ciri yang berikut:

- Pengenaan disiplin yang ketat
- Berorientasikan sasaran (penyelesaian kes)
- Dihubungi apabila timbul masalah
- Berorientasikan Pencegahan jenayah
- Tegas dan penuh berdisiplin

Pada hari ini, polis diharap menjadi penguatkuasa undang-undang yang berorientasikan masyarakat. Selain menyelesaikan masalah dan membantu mencegah jenayah, pegawai polis hari ini diharap bersikap proaktif, interaktif, dan mudah didekati. Kepolisian sedang mengalami pengembangan untuk bersifat lebih tertumpu pada masyarakat dan pada masa yang sama, mengekalkan ketegasannya. Apa yang penting di sini ialah kepolisan perlu

menjadi lebih empatetik terhadap keperluan rakyat.

Satu lagi isu yang perlu ditangani dalam GTP 2.0 ialah kejadian atau perbuatan pecah masuk rumah, yang dikenal pasti sebagai satu bentuk Jenayah Indeks. Pecah masuk rumah terbukti menimbulkan trauma kerana ia secara umumnya membawa kepada perlakuan jenayah kekerasan yang lain seperti serangan, penculikan, rogol, dan

bunuh. Berleluasanya aktiviti-aktiviti jenayah berkaitan pecah masuk rumah telah mendorong NKRA Jenayah untuk memberikan tumpuan khusus terhadap aktiviti jenayah kategori ini dalam GTP 2.0.

Kejayaan besar GTP 1.0 menunjukkan bahawa sistem keadilan di Malaysia sememangnya mampu, dan telah ditambah baik. Walau bagaimanapun, lebih banyak perkara yang perlu dilaksanakan.

Apa yang akan ditambah dalam GTP 2.0 ialah penekanan baharu terhadap peningkatan keupayaan anggota keselamatan sedia ada, iaitu satu bentuk pendekatan yang diberi nafas baharu untuk mengubah persepsi orang ramai terhadap polis, selain turut meletakkan prinsip-prinsip yang asas bagi strategi Kepolisian Bertaraf Dunia (WCP), iaitu strategi yang akan mengubah pasukan polis tempatan menjadi pasukan bertaraf dunia.

NKRA Jenayah juga akan memperluas tumpuan atau fokus inisiatif NKRA untuk turut melibatkan Kedah dan Perak sebagai tambahan bagi empat buah negeri hotspot, iaitu Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, dan Selangor dalam GTP 1.0


Langkah-langkah kepolisan berimpak tinggi yang sama akan diperluas ke dua buah negeri berkenaan, yang dijangka akan memberikan manfaat kepada 16 juta rakyat – dengan pertambahan lima juta orang berbanding dengan GTP 1.0.



Inisiatif ditumpukan pada
4 buah negeri (Selangor, KL, Johor dan
Pulau Pinang)

Impak/manfaat

11 juta
rakyat



Inisiatif kini akan ditumpukan pada
6 buah negeri (Selangor, KL, Johor, Pulau Pinang,
Kedah dan Perak)

Impak/manfaat

16 juta
rakyat


Rajah 2: Fokus GTP 2.0 yang diperluas untuk meliputi enam buah negeri berbanding dengan empat buah negeri dalam GTP 1.0

Akhir-akhir ini, isu jenayah telah mendapat tumpuan utama rakyat disebabkan curahan insiden jenayah secara konsisten baru-baru ini yang dilaporkan dalam pelbagai saluran media. Malangnya, rakyat telah mentafsirkannya dengan maksud inisiatif awal yang diambil oleh NKRA

Jenayah sebagai tidak berkesan dan tahap aktiviti jenayah kalau pun tidak menjadi lebih buruk, ia kekal sama seperti sebelumnya.

Kerajaan bersetuju bahawa jenayah kekal menjadi isu bagi Malaysia namun ini tidak bermakna bahawa tiada

peningkatan dari sudut statistik. Data daripada PDRM menunjukkan bahawa jumlah insiden jenayah telah menurun daripada 575 kes sehari pada tahun 2009 kepada 419 sehari pada lima bulan pertama tahun 2012. Penurunan ini merupakan peningkatan lebih 27%.



Rajah 3: Meskipun mengalami kemerosotan, terdapat 419 insiden jenayah yang dilaporkan setiap hari (sehingga Mei 2012)

SUMBER: PDRM

Pada masa yang sama, jumlah daripada Insurance Services Malaysia (ISM), badan yang terdiri daripada ejen insurans dan takaful luar menunjukkan bahawa kecurian kereta telah menurun sebanyak 6.5% antara tahun 2010 dengan 2011, yang mengukuhkan seterusnya data PDRM yang menunjukkan bahawa penurunan ini merupakan peningkatan dari sudut jenayah.


Walau bagaimanapun, faktanya kekal bahawa masih terdapat 400 kes jenayah

sehari yang perlu ditangani oleh polis, yang membentuk alasan yang kukuh untuk meneruskan kerja-kerja NKRA.

Berdasarkan pengumpulan data daripada negara-negara membangun atau maju yang lain, situasi jenayah di Malaysia adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Afrika Selatan, United Kingdom, Hong Kong, malah juga Singapura, jiran kita di selatan (lihat Rajah 4 pada halaman yang berikutnya).


Kerajaan mengenal pasti bahawa setiap rakyat Malaysia memiliki hak untuk sentiasa berada dalam keadaan selamat dalam kawasan kejiranan dan negara mereka, dan penambahbaikan lebih besar akan dibuat bagi memastikan rakyat dilindungi dengan lebih baik pada masa hadapan.

Jenayah yang Dilaporkan bagi setiap 100,000 penduduk merentas negara-negara terpilih



Rajah 4: Insiden kejadian jenayah yang direkodkan di Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan kebanyakan negara

SUMBER: Nationmaster: <http://www.nationmaster.com>; DOS Singapore; UK Home Office



Tinjauan Keseluruhan

Matlamat NKRA Jenayah dalam GTP 2.0 ialah meningkatkan dan memperluas selanjutnya kerja-kerja yang telah dimulakan dalam GTP 1.0. Sementara fasa pertama transformasi memberikan tumpuan khusus pada menanganai elemen “peluang” dalam rantaian jenayah, GTP 2.0 pula akan memperluas tumpuan untuk turut memberikan penekanan pada mangsa.

Kemuncak matlamat mana-mana sistem keadilan jenayah adalah mudah; untuk menghalang tingkah laku jenayah dan mendakwa pelaku jenayah bagi pihak mangsa. Demikian juga objektif utama NKRA Jenayah yang jelas lagi mudah, iaitu menjadikan Malaysia negara yang lebih selamat melalui kepolisan berdasarkan perisikan.

NKRA Jenayah telah mengenal pasti tiga tunggak atau aspirasi yang akan membantu merealisasikan matlamat ini, iaitu

- Mengelakkan pengurangan kadar jenayah keseluruhannya
- Menambah baik persepsi orang ramai tentang keselamatan dengan ketara
- Menginstitusikan perubahan dan mewujudkan budaya berpacukan prestasi.

Menjadikan Malaysia negara yang lebih selamat menerusi kepolisan berdasarkan perisikan

Mengekalkan pengurangan kadar jenayah keseluruhannya	Menambah baik persepsi orang ramai tentang keselamatan dengan ketara	Menginstitusikan perubahan dan mewujudkan budaya berpacukan prestasi
Pengurangan peratusan dalam jenayah indeks yang dilaporkan	Peningkatan Indeks Persepsi Keselamatan	Peningkatan peratusan kepuasan terhadap perkhidmatan polis
Pengurangan peratusan dalam kejadian pecah masuk rumah yang dilaporkan		Peningkatan peratusan dalam kertas siasatan yang dibawa ke muka pengadilan
Infrastruktur		
Sumber Manusia		
Teknologi		

Rajah 5: Rangka kerja NKRA Jenayah GTP 2.0

Aspirasi ini diperincikan selanjutnya melalui pelbagai inisiatif dan matlamat yang lebih khusus yang memberikan sokongan sewajarnya yang diperlukan seperti penambahbaikan dalam pemboleh sokongan seperti infrastruktur kepolisan, modal insan, dan teknologi. Aspirasi dan penambahbaikan ini, akan bersama-sama membantu menjadikan Malaysia tempat yang lebih selamat melalui 35 inisiatif untuk menyempurnakan keberhasilan utama yang berikut pada penghujung GTP 2.0

pada tahun 2015:

- Mengurangkan Jenayah Indeks sebanyak 5% setiap tahun
- Mengurangkan kejadian pecah masuk rumah yang dilaporkan sebanyak 5% hingga 10% setiap tahun
- Meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan agar 65% rakyat berasa selamat berada dalam negara sendiri
- Meningkatkan kadar pendakwaan bagi kertas siasatan yang dibuka kepada 35%
- Meningkatkan kepuasan orang ramai

terhadap perkhidmatan polis kepada 85%

Tiga puluh lima inisiatif dikelompokkan selanjutnya ke dalam empat aliran kerja:

- Mengurangkan jenayah indeks dan jenayah harta benda
- Meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan
- Meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap prestasi polis
- Meningkatkan bilangan kertas siasatan yang dibawa ke muka pengadilan

Mengurangkan Jenayah	
NKPI	Hasil yang Dijangka
Mengurangkan Jenayah Keseluruhan	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan sebanyak 5% setahun dalam jenayah indeks keseluruhan sehingga Dis 2015
Mengurangkan Jenayah Pecah Masuk Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan sebanyak 5% setahun sehingga Dis 2015 [Sasaran yang Diperluas : 10%)
Indeks Persepsi Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> Menyasarkan lebih daripada 65% orang ramai berasa selamat tinggal di negara ini pada tahun 2015
Meningkatkan Kadar Pendakwaan Kertas Siasatan (IP) yang dibuka	<ul style="list-style-type: none"> 35% IP dibuka dan dibawa ke muka pengadilan Meningkatkan reputasi agensi penguatkuasaan dalam membawa pesalah ke muka pengadilan (PDRM dan AGC)
Meningkatkan Kepuasan Orang Ramai terhadap Prestasi Polis	<ul style="list-style-type: none"> 85% orang ramai berpuas hati dengan perkhidmatan PDRM Memupuk pengurusan prestasi barisan hadapan yang berkualiti tinggi dan berkesan

Jadual 2: NKPI dan hasil yang dijangka untuk GTP 2.0

Aliran Kerja dan Inisiatif

1 Pengurangan Indeks dan Jenayah Harta Benda

GTP 1.0 telah menyaksikan pengurangan yang ketara dalam jumlah jenayah dalam negara. Akan tetapi masih terdapat ruang untuk dilaksanakan penambahbaikan. NKRA Jenayah mengakui bahawa masih banyak langkah yang dapat diambil untuk mengurangkan kejadian jenayah, terutamanya di kawasan-kawasan yang terus menimbulkan rasa gentar rakyat. Bagi mencapai tujuan ini, 12 inisiatif akan dilaksanakan dalam GTP 2.0.

Walau bagaimanapun, pengurangan jenayah merupakan proses yang kompleks dan memerlukan tindakan menyeluruh melangkaui aspek jenayah itu sendiri. Sebagai contoh, aliran kerja ini juga mengandungi fokus khusus terhadap peningkatan institusi penjara kerana dengan memastikan bahawa penghuni-penghuni penjara diberi sokongan padu dan terbaik agar mereka tidak mengulangi jenayah yang telah dilakukan.

Sementara langkah-langkah memerangi jenayah GTP 2.0 memberikan tumpuan terhadap jenayah-jenayah tertentu seperti pecah masuk rumah dan kecurian kenderaan, ia juga akan turut meliputi inisiatif tidak langsung yang menangani selanjutnya keadaan yang mendorong sesuatu aktiviti jenayah berlaku.

Sebelum GTP 1.0	2006	2007	2008
Jenayah indeks	196,780	209,582	211,645
Jenayah harta benda	165,372	174,423	173,828
Jenayah kekerasan	31,408	35,159	37,817
Selepas GTP 1.0	2009	2010	2011
Jenayah indeks	209,817	177,520	157,891
Jenayah harta benda	167,803	144,848	128,357
Jenayah kekerasan	42,014	32,924	29,534

Jadual 3: Kadar jenayah indeks sebelum dan selepas NKRA Mengurangkan Jenayah GTP 1.0



Bidang Tumpuan: Pencegahan kejadian pecah masuk rumah

Pecah masuk rumah merangkumi 18% daripada jenayah harta benda. Pada tahun 2011, sebanyak 28,020 kes pecah masuk rumah telah dilaporkan yang menyebabkan pemilik-pemilik kediaman menanggung kerugian lebih RM140 juta. GTP 2.0 akan menyaksikan tindakan berfokus demi mengurangkan kejadian pecah masuk rumah. Jenayah pecah masuk rumah ini mendatangkan trauma kepada mangsa disebabkan ia melenyapkan ilusi tentang keselamatan dan privasi yang disediakan oleh kediaman mereka.

Inisiatif daripada aliran kerja yang lain di samping beberapa inisiatif khusus aliran kerja ini akan dimanfaatkan dalam mencapai pengurangan kejadian pecah masuk rumah sebanyak 5% setiap tahun dari tahun 2013 sehingga 2015.

Inisiatif tertentu telah terbukti berkesan dalam GTP 1.0 dan akan diperluas dalam GTP 2.0 seperti Program *Omnipresence*. Program *Omnipresence*

yang diperincikan di bawah aliran kerja Peningkatan Indeks Persepsi Keselamatan, akan diterajui oleh polis dan disasarkan terhadap kawasan-kawasan yang tertumpu. Program ini juga menyasarkan pengambilan tugas Rizab Sukarelawan Polis (PVR) dalam kalangan penduduk tempatan bagi memupuk kepekaan terhadap permasalahan pecah masuk rumah di kawasan mereka.

Kedua, pemberantasan aktiviti pecah masuk rumah ini akan menyaksikan perkongsian pintar terjalin antara pihak polis, persatuan perniagaan dan perdagangan, serta organisasi-organisasi tertentu yang lain. Polis akan menggalakkan syarikat-syarikat perniagaan untuk mewujudkan lebih banyak polis auksiliari (bantuan) untuk membantu pencegahan jenayah sementara pada masa yang sama bekerjasama rapat dengan NGO, Persatuan Penduduk (RA) dan rakan-rakan kongsi yang lain untuk

mengendalikan rondaan secara sukarela di kawasan-kawasan perniagaan dan perumahan yang kadar jenayahnya adalah tinggi. Ketiga, polis akan menubuhkan pasukan-pasukan khas untuk memberikan tumpuan secara eksklusif terhadap kejadian pecah masuk rumah.

Akhir sekali, prinsip-prinsip Pencegahan Jenayah melalui Reka Bentuk Alam Sekitar (CPTED) akan dimanfaatkan untuk mengurangkan kejadian dan peluang untuk berlakunya jenayah. Rancangannya adalah untuk mewujudkan hubungan dengan komuniti yang terlibat dalam sektor pembinaan bagi menggalakkan CPTED dalam semua projek pembangunan terkini bagi tujuan mereka bentuk dan mewujudkan persekitaran kalis jenayah. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bertindak sebagai peneraju inisiatif ini.

Bidang Tumpuan: Pencegahan kecurian kenderaan

Kejadian kecurian kenderaan telah menunjukkan sedikit penurunan sejak tiga tahun yang lalu – pengurangan sebanyak 15% kepada 68,579 kecurian pada tahun 2011 daripada 80,438 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, ia masih merupakan sebahagian besar kecurian harta benda, merangkumi 54% dalam kategori ini pada tahun 2011. Tambahan pula, kecurian kenderaan menyumbang sebanyak 43% daripada jumlah Jenayah Indeks bagi tahun 2011. GTP 2.0 akan menyaksikan usaha sama antara sektor swasta dengan awam yang lebih besar untuk menangani permasalahan ini.

Meskipun terdapat pengurangan secara keseluruhan bagi kecurian kenderaan, namun kecurian kereta telah mengalami peningkatan sejak tiga tahun yang lalu, daripada kejadian pada tahun 2009 kepada 16,129 pada tahun 2011 – iaitu peningkatan sebanyak 13.5%. Pencegahan jenayah bagi kategori ini memerlukan usaha sama daripada pelbagai badan termasuklah:

- Polis Diraja Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
- Pemilik-pemilik kawasan letak kereta
- Persatuan-persatuan insurans
- Jabatan Imigresen
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia

NKRA Jenayah akan melaksanakan empat inisiatif di bawah GTP 2.0 bagi menangani isu kecurian kenderaan. Sebahagian besar inisiatif-inisiatif ini akan ditumpukan pada enam buah negeri hotspot yang dikenal pasti dan dinyatakan sebelum ini. Walau bagaimanapun, inisiatif-inisiatif yang lain akan dilancarkan di seluruh negara.

Inisiatif: Pemerkasaan kawasan sasaran di tempat letak kereta

Salah satu penghalang utama kejadian curi kereta ialah menjadikan situasi lebih sukar bagi bakal pencuri untuk melakukan jenayah. Matlamatnya adalah untuk memastikan kawasan letak kereta

di lokasi-lokasi hotspot mempraktikkan langkah-langkah pencegahan kecurian yang efektif seperti pencahayaan yang sewajarnya. Pemilik-pemilik tempat letak kereta juga akan digalakkan untuk

meningkatkan sistem keselamatan melalui pelaksanaan Jadual Liga Tempat Letak Kereta.

Inisiatif: Penguatkuasaan secara bersama terhadap bengkel haram

Inisiatif ini akan menyaksikan polis menjalin kerjasama dengan badan-badan lain seperti Jabatan Imigresen

untuk menyita bengkel-bengkel haram dan yang mendarangkan kesangsian. Matlamat inisiatif ini adalah untuk

menutup bengkel yang melaikan kenderaan yang dicuri.

Inisiatif: Pengimbas Kontena

Pengimbas kontena akan dipasang di setiap laluan masuk dan pelabuhan untuk membanteras aktiviti import dan

eksport kenderaan yang dicuri. Inisiatif ini akan disokong oleh Jabatan Kastam.

Inisiatif: Peningkatan ketersediaan dan penggunaan Peranti Penerimaan Kad Mudah Alih (MCAD)

Inisiatif ini akan menyaksikan penggunaan teknologi moden yang lebih besar untuk mempercepat pemeriksaan kenderaan, yang akan

membantu anggota polis mengenal pasti kenderaan atau alat ganti yang dicuri dengan lebih cekap. Inisiatif ini telah membantu mengenal pasti dan

mengesan kenderaan-kenderaan serta alat ganti yang dicuri dalam GTP 1.0 melalui penggunaan Peranti Penerimaan Kad Mudah Alih (MCAD).

Inisiatif: Pasukan Khas

Sejajar dengan usaha NKRA Jenayah untuk memerangi jenayah pecah masuk rumah, pasukan khas juga akan dibentuk pada semua peringkat kepolisan untuk

membantu menghulurkan kerjasama dalam bidang pengumpulan maklumat perisikan, perkongsian maklumat, dan mewujudkan profil sasaran.

Pasukan-pasukan ini juga akan dilengkapai sokongan logistik dan latihan yang sewajarnya untuk menangani masalah ini.




Bidang Tumpuan: Pemulihan dan peningkatan kemahiran untuk banduan

GTP 2.0 akan meningkatkan selanjutnya inisiatif yang dikenalpasti dalam GTP 1.0 bertujuan membantu penghuni penjara menyesuaikan diri dengan masyarakat setelah menamatkan hukuman penjara mereka. Program ini akan membantu tahanan membentuk kemahiran, selain menyediakan sokongan buat mereka, terutama dalam membantu mereka kembali kepada masyarakat apabila dibebaskan,

sekali gus dapat mengurangkan risiko *residivism*.

Sejak pelaksanaan inisiatif GTP 1.0, kadar *residivism* telah merosot daripada 25% pada tahun 2008 kepada 18% pada tahun 2011. Matlamat GTP 2.0 adalah untuk mengurangkan selanjutnya kadar ini selaras dengan objektif utama, iaitu mengurangkan Jenayah Indeks sebanyak 5% setiap tahun.



SUMBER: Jabatan Penjara

Inisiatif: Penjara Industri

Ini merupakan Inisiatif baharu yang bertujuan untuk membantu penghuni penjara meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka lebih berkelayakan untuk diambil bekerja sepanjang tempoh pemenjaraan mereka, iaitu dengan mewujudkan industri kecil di dalam institusi penjara dan penghuni penjara berpeluang mendapatkan pekerjaan. Program perintis akan dijalankan di Penjara Kajang dengan kerjasama sebuah kedai roti.

Meskipun matlamat utama program ini adalah untuk membantu penghuni mengembangkan kemahiran yang membolehkan mereka memperoleh pekerjaan, namun program ini juga mempunyai kesan tidak langsung untuk membantu menjadikan institusi penjara lebih berdikari melalui jualan yang dibuat. Sebaik sahaja program perintis selesai, empat buah kedai roti yang lain akan dibuka di penjara-penjara di wilayah utara dan selatan, serta Pantai Timur.

Inisiatif: Perangkaan program pasca pembebasan

Inisiatif ini memperluas dan meningkatkan seterusnya keupayaan sistem rumah perantaraan yang dibangunkan dalam GTP 1.0 bagi memastikan banduan dibekalkan dengan lebih banyak kemahiran untuk kembali ke pangkuhan masyarakat apabila mereka dibebaskan. Program ini telah diperluas untuk memastikan

bahawa bantuan yang sama diberikan kepada banduan yang layak dipertimbangkan parol disebabkan sistem undang-undang sedia ada tidak memberarkan bekas penghuni penjara dan banduan yang layak dipertimbangkan parol ditempatkan di lokasi atau kemudahan yang sama.

Kadar pengambilan bekerja bagi bekas penghuni yang menyertai program rumah perantaraan meningkat daripada 25% pada tahun 2010 kepada 70% pada tahun 2012.

Inisiatif: Penambahbaikan Program Pemulihan Penjara

Inisiatif ini diteruskan daripada GTP 1.0 yang memperlihatkan penjara dan banduan dikategorikan serta dikelaskan menurut tiga kategori:

pesalah kali pertama, pengulang laku jenayah (*recidivist*), dan pesalah tegar. Matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa penghuni daripada pelbagai

kategori tidak ditempatkan dalam penjara yang sama, dan membantu menyesuaikan program pemulihan menurut keperluan mereka.

Bidang Tumpuan: Memulihkan penagih dan pengguna dadah

NKRA Jenayah akan melaksanakan tiga inisiatif dalam GTP 2.0 untuk membantu memulihkan penagih dan pengguna dadah yang menyumbang kepada kadar jenayah keseluruhan apabila mereka dipaksa untuk beralih

kepada aktiviti jenayah bagi membiayai tabiat penagihan mereka. Tumpuan dalam bidang ini adalah untuk sekali lagi memastikan bahawa penagih yang sedang dalam proses pemulihan mempunyai sumber-sumber yang

mencukupi untuk menyertai semula masyarakat sebagai anggota mereka apabila dibebaskan daripada pusat-pusat pemulihian.

Inisiatif: Rawatan dan pemulihan dadah secara terbuka

Perkhidmatan secara terbuka bagi rawatan dan pemulihan dadah telah dilaksanakan sejak Ogos 2010 melalui Klinik Rawat dan Prihatin 1Malaysia (C&C 1Malaysia Clinic). Perkhidmatan ini mendekati penagih dadah sebagai pesakit yang tidak sihat atau sakit dan bukannya sebagai penjenayah. Di samping itu, ia memberikan

tumpuan pada usaha menyediakan rawatan dadah dan penjagaan untuk memulihkan mereka. Klinik-klinik ini kini disokong oleh pusat-pusat Perkhidmatan Rawat dan Prihatin, yang akan dinaik taraf kepada "Klinik Mini" melalui inisiatif ini. Klinik mini ini berfungsi untuk memberikan sokongan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan

oleh klinik C & C di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai klinik C & C ini. Sasaran inisiatif ini yang diurus oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan adalah untuk mewujudkan 16 klinik mini C & C di kawasan-kawasan blackspot pada tahun 2015.

Inisiatif: Penyumberan luar pemulihan dadah kepada NGO

NGO dan orang ramai akan dikumpulkan seterusnya untuk membantu kerajaan dalam memulihkan penagih dadah di bawah inisiatif

ini. Agensi Anti Dadah Kebangsaan akan menyediakan lokasi, insentif kewangan, dan bimbingan kepada NGO dan organisasi-organisasi awam

untuk membantu merawat pesakit dan dengan demikian, melengkapi program-program rawatan dan pemulihan sedia ada yang dijalankan oleh kerajaan.

Inisiatif: Membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penagih yang sedang dalam proses pemulihan

Inisiatif ni adalah baharu bagi GTP 2.0 yang akan menyediakan peluang dan latihan vokasional bagi penagih-penagih yang sedang dalam proses pemulihian. Pusat-Pusat Vokasional Rawat dan Prihatin akan diwujudkan untuk membangunkan modul-modul

tertentu yang disesuaikan menurut keperluan pelanggan dan disokong oleh jurulatih. Matlamat inisiatif ini adalah untuk memastikan bahawa penagih dadah yang telah pulih lebih berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan apabila menamatkan program dan dengan

demikian, dapat menghalang daripada kembali semula kepada tabiat lama mereka. Selain itu, inisiatif ini juga bertujuan membantu penagih-penagih yang sedang dalam proses pemulihan untuk kembali semula ke pangkuhan masyarakat.

Inisiatif : Mengukuhkan kawalan terhadap pengimportan dan pengagihan bahan-bahan kimia pelopor

Program SPIKES yang merupakan inisiatif yang dibawa ke hadapan daripada GTP 1.0 digunakan untuk menyepadan maklumat kukuh antara pelbagai agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Dalam GTP 2.0, SPIKES akan diperluas untuk menyediakan program-program kawalan dan latihan kepada industri-industri kimia dan

farmaseutikal berkaitan dengan kimia pelopor. Ini akan menangani 1,700 pemegang-pemegang lesen jenis B di bawah Akta Racun 1952.

Matlamat inisiatif ini adalah untuk mencegah pengedaran kimia pelopor kepada sindiket haram untuk menghasilkan dadah haram. Di samping



2 Peningkatan Indeks Persepsi Keselamatan

Meskipun dengan kejayaan GTP 1.0, namun perasaan takut orang ramai menjadi mangsa jenayah kekal tinggi yang seterusnya menjadikan rasa bimbang terhadap keselamatan bertambah buruk dan melunturkan semangat rakyat secara umumnya. Sebagai sebahagian inisiatif GTP 2.0, NKRA Jenayah akan mengambil usaha yang bersepdua dan tertumpu untuk

membantu rakyat berasa lebih selamat melalui pendidikan yang lebih baik, meningkatkan kehadiran polis di jalanan, selain meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta kesedaran.

Pendek kata, matlamat NKRA Jenayah dalam aliran kerja tertentu ini adalah untuk berinteraksi dengan masyarakat untuk mewujudkan kawasan orang ramai

yang lebih selamat melalui inisiatif yang dapat menggalakkan orang ramai untuk berkumpul dan memikul tanggungjawab terhadap kerja yang membolehkan masyarakat mereka berada dalam keadaan lebih selamat. (Lihat Rajah 6 di bawah) KPI bagi aliran kerja ini adalah untuk meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan kepada 65%

Inisiatif yang menyasarkan untuk membolehkan orang ramai berkumpul bersama selain menggalakkan mereka melakukan kerja yang membuatkan mereka berasa selamat dan menjadikan masyarakat mereka lebih baik

Inisiatif GTP 2.0 berusaha untuk:

- Meningkatkan kehadiran polis
- Menggalakkan kerjasama antara PDRM, RELA, JPAM dan masyarakat setempat
- Memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada kumpulan yang mudah terjejas, terutamanya wanita
- Mewujudkan jalan ‘mesra pejalan kaki’ (walkable streets), contohnya lebih banyak lampu jalanan, rondaan masyarakat dan menghapuskan tanda-tanda kekucar-kaciran
- Meletakkan penduduk sebagai elemen utama sesuatu penyelesaian - Masyarakat yang selamat merupakan keutamaan setiap orang - setiap orang bertanggungjawab



- ✓ Masyarakat yang bersepdua penyertaan orang ramai yang meningkatkan dalam masyarakat
- ✓ Kualiti kehidupan yang meningkat
- ✓ Keyakinan untuk menggunakan ruang dan kemudahan orang ramai dengan bebas

Rajah 6: GTP 2.0 akan memberikan tumpuan pada interaksi dengan masyarakat bagi mewujudkan kawasan awam yang lebih selamat

Bidang Tumpuan: Peningkatan kehadiran PDRM

Kehadiran polis yang lebih tinggi membantu meningkatkan persepsi tentang keselamatan, tetapi apa yang lebih penting, rakyat perlu membina kepercayaan terhadap polis. Peningkatan kehadiran polis di bawah GTP 2.0 akan menyaksikan penerusan Program Omnipresence

yang diperkenalkan dalam GTP 1.0 yang dilancarkan sebagai tindak balas terhadap gesaan orang ramai yang menuntut kehadiran polis yang lebih besar di jalanan. Sepanjang tiga tahun yang akan datang, inisiatif ini akan diperluas selanjutnya dengan memberikan penekanan tambahan

terhadap latihan dan pengawasan untuk anggota polis.

Bidang tumpuan ini juga akan menyaksikan pengembangan program sukarelawan polis dan Rakan Cop selain pelaksanaan aplikasi “Butang Cemas” untuk telefon pintar.

Inisiatif: Program Omnipresence

Matlamat utama Program Omnipresence adalah untuk menghalang jenayah daripada berlaku dan mengurangkan seterusnya rasa takut menjadi mangsa jenayah dengan peningkatan keterlihatan polis di jalan-jalan. Kelebihan tambahan ialah kehadiran polis yang lebih tinggi akan membantu membina kepercayaan antara rakyat dengan pasukan polis yang dapat memastikan kerjasama yang lebih

besar dalam menangani isu-isu jenayah dalam masyarakat. Justeru, Program Omnipresence bukan sekadar untuk menunjukkan kuasa oleh anggota penguatkuasa undang-undang tetapi juga merupakan program berorientasikan masyarakat untuk menggalakkan hubungan yang lebih baik antara penguatkuasa undang-undang dengan orang ramai.

Program ini terdiri daripada tiga komponen utama:

- **Kepolisian Berprofil Tinggi**
- **Berhenti dan Bercakap**
- **(Stop and Talk) (Trafik dan MPV)**
- **Feet on the Street**

Di bawah GTP 1.0



Kepolisian Berprofil Tinggi

- 3-5 jam setiap minggu oleh pegawai polis kanan (Pangkat Inspektor dan ke atas).
- Untuk menunjukkan sokongan kepada pegawai-pegawai polis berpangkat rendah.
- Lebih tertumpu pada negeri-negeri Hotspot (KL, Selangor, Johor, dan Pulau Pinang)



Berhenti dan Bercakap (Stop and Talk)

- Pegawai-pegawai trafik dan MPV bertindak sebagai pusat maklumat bergerak untuk memupuk minat dan kesedaran kepada orang ramai apabila menjalankan rondaan rutin.
- Anggota polis perlu berhenti di lokasi yang disediakan untuk berinteraksi dengan orang ramai dan berkongsi maklumat jenayah.



Feet on the Street

- Meningkatkan Feet on Street oleh polis di kawasan-kawasan awam untuk menghalang jenayah jalanan dan mengurangkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah.
- Program khas melalui Rizab Sukarelawan Polis (PVR) dengan menyerap RELA/JPAM dalam PVR untuk menjalankan Patrol on Feet bagi memerangi jenayah di Kawasan Hot Spot Jenayah yang dikenal pasti
- RELA/JPAM diserap dalam PVR untuk menjalankan rondaan di kawasan-kawasan hotspot jenayah yang dikenal pasti.

Peluasan dalam GTP 2.0

- 4 jam setiap bulan oleh pegawai polis kanan berpangkat Inspektor dan ke atas pada peringkat daerah dan kontinjen.
- Perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dan tidak menimbulkan gangguan kepada orang ramai.
- Untuk menunjukkan sokongan dan memberikan dorongan kepada pegawai polis berpangkat rendah.
- Selain negeri Hotspot, HPP di negeri-negeri bukan hotspot perlu diperhebat

- Untuk meningkatkan inisiatif sedia ada dengan mengedarkan risalah pencegahan jenayah semasa rondaan
- Menetapkan sasaran untuk menemui 200,000 orang setiap tahun
- Memberikan latihan kemahiran komunikasi kepada anggota-anggota polis

- Feet on Street akan diperhebat dalam mengenal pasti bandar-bandar dan kawasan-kawasan perumahan yang kadar jenayahnya adalah tinggi.
- Akan diperluas dengan giatnya ke Perak, Kedah, Sabah, dan Sarawak.
- Pengembangan PVR secara agresif.
- Memperhebat kerjasama dengan RELA/JPAM/SRS, dan agensi-agensi yang lain

Jadual 4: Program Omnipresence akan mengekalkan kekuatan sedia ada dengan penekanan diberikan terhadap pelaksanaan dan latihan

• Kepolisan Berprofil Tinggi

Kepolisan Berprofil Tinggi (HPP) merupakan program yang menyaksikan pegawai-pegawai kanan polis, iaitu yang berpangkat Inspektor dan ke atas, mengadakan lawatan dengan berjalan kaki bersama-sama dengan anggota-anggota barisan hadapan. Matlamat program ini adalah untuk merangsang semangat pegawai-pegawai berpangkat rendah dan menekankan komitmen pegawai-

pegawai kanan terhadap keselamatan masyarakat. Semasa lawatan dengan berjalan kaki ini, orang ramai digalakkan untuk bertemu dan berinteraksi dengan pegawai-pegawai kanan untuk menggalakkan hubungan komunal yang lebih baik.

GTP 2.0 akan menyaksikan HPP dipertingkatkan selanjutnya dengan mengekalkannya sejarah dengan

aktiviti kepolisan masyarakat, dan menggalakkan pegawai-pegawai kanan daripada Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman untuk turut serta. HPP juga akan diubah suai dalam GTP 2.0 untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti HPP tidak menjelaskan tugas utama atau teras pegawai-pegawai polis dan mereka tidak menjadi halangan kepada orang ramai keseluruhannya.

• Stop and Talk

Stop and Talk (S & T) merupakan program yang ditumpukan pada polis trafik – mereka yang berjalan kaki dan mereka yang membuat rondaan dengan menaiki kenderaan – untuk menggalakkan mereka berinteraksi dengan anggota masyarakat secara tetap. Pegawai-pegawai PDRM juga digalakkan untuk menggunakan peluang ini untuk memberikan dan mendapatkan maklumat tentang jenayah serta trafik di kawasan tersebut dan dengan itu berfungsi

sebagai “pusat maklumat bergerak”. Matlamat akhir program adalah untuk menjalin hubungan yang lebih erat antara polis dengan orang ramai dalam usaha untuk menggalakkan keselamatan orang ramai yang lebih kukuh.

PDRM telah menjalankan operasi S & T sejak tahun 2009 dan mereka akan menerima latihan komunikasi selanjutnya dalam GTP 2.0 di bawah inisiatif *Omnipresence NKRA*

Jenayah. Mereka juga akan diberi risalah pencegahan jenayah untuk diedarkan kepada orang ramai selain latihan tambahan berkaitan dengan pengeluaran saman.

Program ini juga akan menerima pengawasan dan penyelarasan yang lebih baik bagi memastikan anggota polis ditempatkan di lokasi-lokasi yang paling efektif pada masa yang tepat.

• Feet on Street

Sebagaimana dibayangkan namanya, matlamat program ini adalah untuk memastikan kehadiran polis di jalanan bagi membantu menghalang jenayah dan menambah baik persepsi tentang keselamatan. Matlamat kini adalah untuk mengekalkan bilangan semasa

anggota yang telah pun menyertai program ini dan meningkatkan latihan yang disediakan.

Matlamat dalam GTP 2.0 adalah untuk memperkuuh selanjutnya kumpulan pegawai, iaitu dengan mengambil

anggota-anggota daripada badan-badan penguatkuasaan undang-undang yang lain seperti RELA, JPAM, dan kerajaan tempatan, selain juga meningkatkan kumpulan Rizab Sukarelawan Polis (PVR).

Inisiatif: Peningkatan Keanggotaan Rizab Sukarelawan Polis (PVR)

Matlamat inisiatif ini adalah untuk memperluas penglibatan PVR dalam inisiatif pencegahan jenayah. PVR akan digunakan untuk membantu sukarelawan masyarakat, dan akan ditugasi di kawasan-kawasan hotspot untuk membantu pegawai-pegawai polis biasa untuk menjalan tugas teras mereka. Polis PVR perlu ditingkatkan keanggotaannya kerana pada ketika

ini, terdapat kekurangan anggota Rukun Tetangga dalam masyarakat, dan PVR dapat membantu memainkan peranan tersebut. Inisiatif ini juga akan seterusnya meningkatkan keupayaan PVR melalui kursus-kursus latihan yang disasarkan supaya mereka akan dapat berfungsi dengan lebih baik sebagai alternatif bagi anggota polis biasa dalam inisiatif kepolisan masyarakat.

Kini, PVR ditempatkan untuk membantu polis dalam tugas teras mereka tetapi matlamat akhirnya adalah untuk membabitkan mereka dalam inisiatif pencegahan jenayah yang lain. Mereka juga akan berfungsi sebagai pegawai perhubungan antara PDRM dengan masyarakat semasa tugas-tugas kepolisan dijalankan.

Inisiatif: Aplikasi Butang Cemas Untuk Telefon Pintar

Aplikasi Butang Cemas Untuk Telefon Pintar merupakan aplikasi telefon bimbit yang boleh digunakan untuk memberikan amaran kepada polis dalam sesuatu kes kecemasan. Peralatan ini bukan sahaja memberikan amaran kepada polis tetapi juga menghantar maklumat yang penting seperti lokasi mangsa melalui fungsi GPS sesebuah telefon. Matlamat inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kecekapan tindak balas polis terhadap kes-kes

kecemasan jenayah dan membantu mangsa untuk mendapatkan perhatian polis yang diperlukan oleh mereka dengan segera. Dengan yang demikian, ia membolehkan rakyat umumnya berasa selamat. Inisiatif ini yang telah pun dilancarkan dalam GTP 1.0 akan diberikan penekanan di seluruh negara untuk meningkatkan kecekapan komunikasi dan menghapuskan kesilapan komunikasi.



Aplikasi telefon bimbit untuk peranti pintar yang boleh digunakan oleh orang ramai untuk memberikan amaran kepada PDRM dalam kes-kes kecemasan. Aplikasi ini dapat memberikan maklumat tentang lokasi yang tepat dan PDRM dapat mengesan lokasi semasa (RTL) mangsa.

Inisiatif: Kawasan Black Spot

GTP 1.0 menunjukkan bahawa kejayaan besar dalam pembanterasan jenayah adalah dengan memfokuskan sumber-sumber polis di kawasan-kawasan bermasalah, iaitu kawasan-kawasan yang indeks jenayahnya adalah yang tertinggi. Pada penghujung GTP 1.0 indeks jenayah di kawasan-kawasan ini telah menurun dengan ketaranya disebabkan sebahagian besarnya oleh pengenalan Program Bandar Selamat (Safe City Programme).

Inisiatif Kawasan Black Spot meneruskan kejayaan ini dengan melibatkan bantuan dan kerjasama pelbagai badan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT), PDRM, dan orang ramai untuk mengenal pasti kawasan-kawasan bermasalah.

Meskipun terdapat pengurangan indeks jenayah di kawasan-kawasan hotspot di seluruh negara, orang ramai masih berasa tidak pasti tentang keselamatan diri mereka. GTP 2.0 menyeru orang ramai, bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi yang berkaitan, serta media, untuk membantu mengenal pasti kawasan-kawasan bermasalah, iaitu kawasan black spot, dalam kawasan kejiranan mereka. Kriteria dalam mengenal pasti Kawasan



Black Spot akan dirangka menurut prinsip-prinsip CPTED.

Beberapa ciri umum tentang Kawasan Black Spot ini termasuklah yang berikut:

- **Alam Sekitar**

Persekutuan yang tidak berjaga dan kotor, unit atau bangunan kosong, kekurangan kawalan terhadap akses (kepada banyak jalan keluar/jalan masuk/'laluan tikus'),

kekurangan pemantauan semula jadi dan penyelenggaraan bangunan serta kekurangan jalan akses yang sewajarnya untuk rondaan polis.

- **Sosial**

Tumpuan terhadap pendatang tanpa izin, kehadiran penagih dadah dan 'mat rempit', gengsterisme.

- **Keselamatan**

Kekurangan kehadiran polis, ketiadaan rondaan polis yang sistematis, insiden


jenayah yang tinggi, kekurangan kerjasama orang ramai, dan kewujudan jenayah-jenayah tanpa mangsa seperti pelacuran, perjudian, selain pembuatan serta penjualan CD cetak rompak.

Penting untuk dinyatakan bahawa kawasan-kawasan *black spot* tidak semestinya memiliki isu yang sama dan pengelasan kawasan-kawasan tersebut sebagai kawasan *Black Spot* mesti mengambil kira keadaan unik lokasinya yang tertentu. Penyertaan penduduk dalam inisiatif ini adalah penting kerana ia akan memberikan kuasa

kepada mereka untuk memperkasakan kawasan kejiranannya mereka sendiri untuk mengurangkan seterusnya kebimbangan terhadap jenayah.

Matlamatnya adalah untuk mengurangkan perasaan takut terhadap kejadian jenayah sebanyak 50% dan penyelesaian semua isu yang dikenal pasti dalam kawasan-kawasan *black spot*. Perancangan dan pelaksanaan sesuatu pelan tindakan mesti disempurnakan dalam tempoh 10 bulan bagi sesebuah kawasan *black spot* yang dikenal pasti.

Pada peringkat pertama pelaksanaan, 20 Kawasan *Black Spot* akan dikenal pasti dengan bantuan PBT dan masyarakat tempatan termasuk persatuan-persatuan penduduk serta Rukun Tetangga. Masyarakat tempatan akan dilibatkan melalui pelan komunikasi, yang akan menyaksikan penggunaan saluran media, pengendalian sesi forum pendidikan umum (teach-in) dan bengkel, di samping melalui pengedaran risalah serta brosur. (Rujuk Rajah 7).



Pelan pelaksanaan akan diterajui oleh datuk-datuk bandar dan Yang Di Pertua-Yang Di Pertua PBT berpandukan garis umum yang berikut:

- Penentuan kawasan Black Spot oleh PBT dan Polis Tempatan
- Kajian tapak oleh PBT, Polis Tempatan & RA
- Pengumpulan data dan maklum balas daripada PBT, polis, agensi-agensi yang lain serta penduduk
- Mewujudkan jawatankuasa kerja

- Menjalankan kajian soal selidik
- Mengenal pasti isu
- Menyediakan pelan tindakan dan menetapkan sasaran bagi setiap isu serta meningkatkan persepsi terhadap keselamatan (jadual dan peta) - dapat diuruskan dalam lingkungan belanjawan, tenaga manusia, masa (dalam tempoh 10 bulan)

Matlamat utama inisiatif ini, iaitu selepas proses pengenalpastian adalah untuk

melaksanakan pelan tindakan yang akan menyaksikan isu-isu ini diselesaikan dan kawasan tersebut diisyiharkan sebagai Kawasan Putih. Memandangkan setiap Kawasan black spot mempunyai permasalahannya yang tersendiri, tindakan yang perlu dilaksanakan juga berbeza-beza, daripada peningkatan rondaan polis sehingga penggunaan kamera televisyen litar tertutup (CCTV).

Inisiatif: Penyelarasan kesukarelawanan melalui kepolisan masyarakat

Inisiatif ini menyasarkan bagi menangani gesaan berulang kali oleh penduduk untuk peningkatan kehadiran polis dalam masyarakat mereka. Walau bagaimanapun, NKRA Jenayah percaya bahawa masyarakat juga perlu memainkan peranan yang aktif dalam mengekalkan keselamatan. Justeru, inisiatif ini bertujuan membentuk perkongsian antara sukarelawan masyarakat dengan agensi-agensi penguatkuasa dalam membanteras jenayah.

Matlamat inisiatif ini adalah untuk menggalakkan penglibatan masyarakat

dalam pemberantasan jenayah dan pada masa yang sama, meningkatkan kesedaran tentang peranan rakyat. Inisiatif ini bukan sahaja akan membantu menggalakkan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat tetapi juga memastikan bahawa tiada pertindihan dalam liputan jenayah bagi sesuatu kawasan. Polis akan diberi tugas untuk menyelaras pelbagai agensi, antaranya RELA, JPAM dan JPNIN untuk memastikan bahawa tiada pertindihan dalam liputan penguatkuasaan undang-undang.



Bidang Tumpuan: Komunikasi

NKRA Jenayah mengenal pasti bahawa faktor utama yang menyebabkan rakyat masih berasa takut menjadi mangsa jenayah ialah bilangan laporan tentang aktiviti jenayah yang diputarbelitkan dan disebarluaskan melalui pelbagai saluran media. Laporan itu sendiri barangkali tidak tepat disebabkan beberapa faktor,

antaranya salah lapor oleh wartawan, disalah petik atau hanyalah kenakalan semata-mata, dan terdapat keperluan terhadap fokus yang lebih menumpukan sasaran oleh pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang bagi menangani isu-isu ini apabila ia timbul.

Sementara itu GTP 2.0 juga akan menyaksikan unit komunikasi penguatkuasaan undang-undang memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu mendidik orang ramai – khususnya kaum wanita – tentang apa yang boleh dilakukan oleh mereka untuk mencegah jenayah.

Inisiatif: Unit Komunikasi Korporat PDRM

Ini merupakan inisiatif baharu yang diperkenalkan untuk GTP 2.0 yang bermatlamat untuk menambah baik cara PDRM berkomunikasi dengan media dan orang ramai pada umumnya. Laporan yang diputarbelitkan dan disensasikan oleh media serta penulis blog telah meningkatkan keimbangan orang ramai tentang sifat serta skop tingkah laku penjenayah, dan mencemarkan imej PDRM.

Inisiatif ini bermatlamat untuk membantu agensi-agensi penguatkuasa mengurus komunikasi berkaitan

dengan semua jenis media yang berkaitan dengan jenayah dengan lebih baik. Keberhasilan segera inisiatif ini akan menyaksikan hubungan kerja yang lebih akrab dan terlaras antara polis, perhubungan awam, dan wartawan. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan pelan komunikasi yang akan menyediakan maklumat yang telus dan tepat kepada orang ramai, tepat pada masanya supaya mereka dapat membuat pertimbangan yang berdasarkan maklumat tentang jenayah tertentu atau aliran jenayah secara umum.

Inisiatif-inisiatif tersebut juga akan membantu menggalakkan hubungan yang lebih erat antara polis dengan orang ramai melalui komunikasi secara tetap dan langsung melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter. Fasa pertama pelaksanaan akan menyaksikan peningkatan unit komunikasi di ibu pejabat polis di Bukit Aman menjelang 2013. Dalam fasa kedua, unit komunikasi akan diwujudkan di enam buah kontinjen polis yang utama.

Inisiatif: Kempen Kesedaran Wanita

Kajian-kajian yang dijalankan oleh TNS Global menunjukkan bahawa kaum wanita secara konsisten lebih mengalami perasaan takut menjadi mangsa jenayah berbanding dengan kaum lelaki. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk melaksanakan

tindakan yang dapat membantu meredakan perasaan takut ini. Matlamat inisiatif ini adalah untuk membantu kaum wanita menjaga diri mereka daripada menjadi mangsa jenayah melalui bengkel-bengkel pendidikan dan kesedaran. Bengkel-bengkel ini

disasarkan untuk membantu kaum wanita memahami hak-hak mereka, terutamanya wanita di luar bandar yang berkemungkinan tidak memiliki banyak pendedahan berbanding dengan rakan-rakan mereka di bandar.



3 Peningkatan Bilangan Kertas Siasatan yang Dibawa ke Muka Pengadilan

Komponen utama dalam mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap sistem keadilan Malaysia adalah dengan menunjukkan bahawa pelaku jenayah boleh dibawa untuk diadili dengan

berkesan dan wajar. Matlamat GTP 2.0 adalah untuk meningkatkan nisbah pendakwaan dengan kertas siasatan dibuka kepada 35% pada tahun 2015. Bagi melaksanakan perkara ini, agensi-

agensi penguatkuasaan undang-undang akan disokong dengan penambahan anggota-anggota dan peralatan serta kemudahan yang canggih.

Inisiatif: Pengurangan nisbah Pegawai Penyiasat dengan Kertas Siasatan kepada 1:5 setiap bulan

Inisiatif ini meneruskan usaha yang telah dimulakan dalam GTP 1.0. Pada masa ini, pegawai penyiasat dibebari dengan tugas-tugas bukan teras dan disebabkan sifat tugasnya yang pelbagai itu, ia tidak berkemampuan untuk mengendalikan siasatan. Hal ini menimbulkan risiko bahawa kualiti penyiasatan berkemungkinan akan terjejas.

Sebelum GTP 1.0, pegawai-pegawai penyiasat tidak dapat mengelak daripada mengurus 20 buah kertas siasatan setiap bulan, yang bermakna pegawai berkenaan kekurangan masa

dan sumber untuk mengendalikan penyiasatan yang teliti. Melalui inisiatif GTP 1.0, nisbah tersebut telah bertambah baik kepada 1:9. Walau bagaimanapun, nisbah berkenaan perlu diturunkan seterusnya kepada 1:5 setiap bulan untuk memastikan kualiti kerja yang lebih baik dan dengan itu, menyumbang kepada kadar pendakwaan yang lebih tinggi.

Kini, terdapat 1,911 pegawai penyiasat dalam negara. Pada Januari 2012, 17,692 kes telah dilaporkan, yang memberi makna terdapat kira-kira 9.25 kertas untuk setiap pegawai yang ada.

Meskipun ini adalah lebih baik daripada keadaan sebelum GTP 1.0, namun ia masih lagi bukan sesuatu yang sesuai.

Inisiatif ini berusaha untuk merekrut 1,000 Inspektor dan 602 Sarjan tambahan dan ia merupakan sebahagian pelan perekutan keseluruhan yang bakal menyaksikan kemasukan 5,602 anggota polis baharu. Inisiatif ini menuntut semua 1,602 Inspektor dan Sarjan baharu untuk ditempatkan sebagai pegawai-pegawai penyiasat di seluruh negara.

Inisiatif: Peningkatan kecekapan Pegawai Penyiasat

Inisiatif ini memberikan kesan secara langsung terhadap kadar pendakwaan dengan meningkatkan kecekapan pegawai penyiasat. Matlamatnya adalah untuk mempercepat penghasilan kertas siasatan yang komprehensif dan juga pengumpulan bukti yang meyakinkan untuk mendakwa orang yang disyaki di mahkamah.

Matlamat inisiatif ini adalah untuk mengurus beberapa buah komponen proses penyiasatan. Pegawai-pegawai penyiasat perlu lebih pantas dalam melaksanakan tugas mereka agar dapat mengumpulkan bukti dengan lebih berkesan dan memperoleh maklumat yang berkaitan daripada pengadu serta saksi. Inisiatif ini juga bercadang untuk menambah baik sistem pengurusan saksi dengan memudahkan proses perakaman

kenyataan dan memastikan dengan lebih jitu keselamatan saksi.

Akhir sekali, sokongan pasukan sepenuhnya diperlukan dengan peralatan yang canggih dan kemudahan yang berkaitan bagi memastikan bahawa bukti tidak terjejas semasa peringkat pengumpulan. NKRA Jenayah telah mengenal pasti isu-isu yang berikut yang menghalang proses penyiasatan:

- Pegawai-pegawai penyiasat yang ditempatkan secara berpusat di IPD (Ibu Pejabat Daerah) tidak dapat memberikan tindak balas terhadap laporan yang dibuat di balai dengan segera, dan ini akan menjelaskan kualiti penyiasatan.

- Proses perakaman kenyataan kini mengambil masa, dan memberikan bebanan kepada saksi untuk ke IPD

bagi tujuan diambil kenyataan mereka

- Saksi enggan mengenal pasti pelaku jenayah semasa perbarisan pengecaman disebabkan perasaan takut terhadap tindakan balas
- Sifat jenayah dan penjenayah yang semakin canggih memerlukan polis turut dilengkapi peralatan yang juga canggih
- Pegawai-pegawai penyiasat yang tidak berjaya mendapatkan perkhidmatan pasukan forensik perlu mengendalikan tugas-tugas penyiasatan bukan bidang teras yang akan memberi kesan terhadap tempoh dan kualiti penyiasatan
- Pada masa ini, hanya terdapat sebuah sahaja pasukan CSI dan ia tidak berkemampuan untuk memberikan tindak balas dengan cekap disebabkan lokasi serta jumlah kes

4 Peningkatan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Perkhidmatan Polis

Rakyat telah menimbulkan beberapa isu berkaitan dengan perkhidmatan PDRM yang merangkumi masa tindak balas yang lemah terhadap panggilan kecemasan dan kesulitan untuk pergi ke balai polis bagi tujuan pertanyaan

berhubung dengan status penyiasatan yang sedang berjalan. Meskipun inisiatif utama dalam GTP 1.0 dapat menangani sebahagian besar rungutan orang ramai, namun usaha lebih lanjut diperlukan untuk merangsang prestasi

dan perkhidmatan PDRM. Inisiatif-inisiatif ini disasarkan untuk merapatkan jurang daripada GTP 1.0 dan bertujuan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Inisiatif: Kaunseling 'Triaj'

Mangsa jenayah sering kali mengalami trauma disebabkan episod jenayah yang menimpa mereka, lantas memerlukan perhatian yang cermat dan sokongan bagi mengurangkan tekanan serta kejutan yang dihadapi. Bilik 'triaj' bertujuan membantu mangsa dengan memberikan ruang mengasingkan diri daripada orang ramai dalam persekitaran yang selamat.

Matlamat inisiatif ini adalah untuk meningkatkan dan memperluas selanjutnya inisiatif daripada GTP 1.0 yang menyaksikan 39 buah bilik 'triaj' diwujudkan di balai-balai polis

yang terletak di kawasan-kawasan hotspot. Kemudahan-kemudahan ini telah dibanjiri oleh mangsa trauma, dengan lebih 4,000 orang mangsa dilaporkan antara Januari dan Mac 2012. Jumlah yang begitu besar ini menunjukkan bahawa lebih banyak balai akan memperoleh manfaat daripada pewujudan atau pembinaan bilik 'triaj' ini. Penambahbaikan juga akan dilakukan terhadap kemudahan-kemudahan ini bagi menawarkan khidmat kaunseling kepada mangsa.

Inisiatif ini bertujuan memantapkan kemudahan 'triaj' yang diperkenalkan

dalam GTP 1.0. Matlamat yang ditetapkan dalam GTP 2.0 adalah untuk memastikan semua balai polis utama dilengkapi dengan bilik-bilik ini. Pada masa yang sama, kaunselor yang bertauliah daripada agensi-agensi lain dan NGO akan melengkapinya atau menyokong tugas serta peranan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai polis dalam mengendalikan mangsa.

Sekumpulan 2090 kaunselor daripada agensi-agensi kerajaan dan NGO sedang dikenal pasti untuk melaksanakan tugas ini.



Inisiatif: Jadual Liga Balai

Inisiatif Jadual Liga Balai (BLT) diperkenalkan dalam GTP 1.0 dan terbukti sebagai alat dorongan yang berkesan untuk merangsang penyampaian perkhidmatan polis kepada orang ramai. Matlamat BLT adalah untuk mengiktiraf dan memberikan ganjaran kepada balai polis terpilih yang mempunyai rekod pengurangan jenayah tertinggi dalam sesebuah kawasan dan usaha yang diambil oleh balai polis yang diiktiraf dalam meningkatkan hubungan antara orang ramai dengan polis.

GTP 2.0 bermatlamat untuk terus memantapkan jadual liga ini dengan memperluas keanggotaan jawatankuasanya serta menyaksikan pengenalan penilaian kualitatif.

Kini, 11 orang ahli Jawatankuasa BLT terdiri daripada kakitangan PDRM dan penilaian prestasi disediakan oleh polis. Inisiatif di bawah GTP 2.0 menyarankan penubuhan Jawatankuasa baharu untuk BLT. Sejumlah 13 orang ahli akan dilantik. 11 orang adalah kakitangan PDRM manakala dua orang lagi adalah daripada Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF).

MCPF telah mengendalikan Anugerah Balai Cemerlang setiap 2 tahun dan menggunakan kaedah penilaian tersendiri dalam mengenal pasti balai polis terbaik. Buat masa ini, PDRM menggunakan ‘Kad Markah’ (Scoring Card) untuk mengenal pasti balai polis berprestasi cemerlang. Integrasi antara MCPF dengan PDRM akan menyediakan

rangka kerja sistematik untuk mengenal pasti balai polis terbaik sekali gus menetapkan penanda aras baharu dalam jadual liga.

BLT dikendalikan dua kali setahun. Walau bagaimanapun, dalam GTP 2.0, BLT akan dikendalikan saban tahun. PDRM akan menyediakan senarai terpilih bagi semua balai polis untuk BLT berdasarkan ukuran kuantitatif 60% dari Januari hingga September diikuti oleh penilaian kualitatif MCPF terhadap balai polis yang dimasukkan dalam senarai terpilih dari Oktober hingga November.

Inisiatif: Sistem Semakan Secara dalam Talian (Online)

Seksyen 107A Kanun Prosedur Jenayah (CPC) membenarkan pengadu atas permintaan pihak polis, membuat pertanyaan berhubung dengan status sesuatu penyiasatan. Namun begitu, aduan kerap timbul berkaitan dengan tempoh lama yang diambil untuk mendapatkan perkembangan terkini tentang siasatan yang dijalankan, terutama apabila sistem manual masih digunakan oleh pihak berkuasa. Inisiatif ini bertujuan mengautomatikkan proses semakan status melalui pewujudan sistem secara dalam talian.

Sistem Semakan Secara dalam Talian (SSO) merupakan kemudahan yang akan membantu orang ramai menyemak status laporan polis yang dibuat oleh mereka. Selain itu, terdapat juga beberapa perkhidmatan tambahan seperti saman trafik, permohonan lesen umum, dan permohonan serta perekrutan pegawai polis secara dalam talian. Ia bertujuan membantu menjadikan prosedur maklum balas polis lebih telus dan memudahkan semakan berkenaan dengan status laporan yang dibuat. Sistem ini turut

bermatlamat untuk mengumpulkan maklum balas daripada rakyat berhubung dengan perkhidmatan dan prestasi polis.

Sistem Semakan Secara dalam Talian

Rasional

- Meningkatkan kepuasan terhadap perkhidmatan PDRM
- Demikian juga penting untuk memastikan orang ramai sentiasa diberitahu dan juga menyelesaikan kes
- Aduan utama ialah pengadu tidak mengetahui tentang status kes

Maklum balas yang diterima daripada:

BFM 89.9
The Business Station

BFM 'You Are the Government'



Cadangan

Rajah 8: Sistem Semakan Secara dalam Talian

Inisiatif 8: Masa Tindak Balas 8-Minit

Matlamat inisiatif ini adalah untuk mengurangkan masa tindak balas polis daripada 15 minit kepada 8 minit pada tahun 2015 dengan memastikan bahawa pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang

mempunyai sumber-sumber yang sewajarnya bagi melaksanakan tugas mereka. Batasan masa selama 8 minit merupakan penanda aras bertaraf dunia dan ia memastikan pegawai-pegawai polis mampu bertindak balas

terhadap panggilan kecemasan secepat mungkin bagi memberkas penjenayah. Penambahbaikan masa tindak balas ini dijangka akan menambah keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan kepolisan.



Panel Penilaian Antarabangsa bagi NKRA Jenayah

Untuk memperoleh maklum balas luar dan bebas tentang inisiatif NKRA Jenayah dan berkongsi pengalaman tentang pasukan-pasukan polis lain di dunia, Panel Penilaian Antarabangsa (IPR) telah diadakan pada Julai 2012 dan pakar-pakar kepolisian daripada Singapura, Hong Kong, United Kingdom, serta Amerika Syarikat diundang untuk menyertai sesi IPR kita. Semasa lawatan dua hari IPR, ahli-ahli panel diberi taklimat tentang Program Omnipresence, Program Bandar Selamat, Kepolisian Masyarakat, Program Rondaan Berketerlihatan Tinggi, dan GTP 2.0 yang akan menyusul. Selain itu, ahli-ahli panel juga dibawa turun

padang untuk melihat pelaksanaan sebenar inisiatif GTP 1.0.

Maklum balas keseluruhan yang diterima daripada ahli panel adalah memberangsangkan. Antara komen utama yang diterima ialah Malaysia telah mencatat pencapaian yang besar dalam beberapa tahun kebelakangan ini dalam mengurangkan jenayah. Sebaliknya, negara-negara lain mungkin perlu mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk mencapai tahap ini. Selain itu, terdapat bukti yang jelas oleh kepemimpinan atasan dan hasil daripada kerjasama oleh agensi yang berbeza. Hal ini merupakan sesuatu

yang menarik dan memberikan model baharu kepada negara-negara lain untuk difikirkan apabila mengurus sumber-sumber yang terhad.

Dalam perkongsian tentang pengalaman peribadi berhubung dengan pemodenan pasukan polis mereka, pakar-pakar antarabangsa mengatakan bahawa keperluan bagi transformasi iaitu penambahbaikan, peningkatan, dan pembinaan kepercayaan – adalah amat penting. Ketiga-tiga keperluan transformasi juga merupakan faktor pendorong utama di sebalik GTP 2.0 yang membina Malaysia yang bebas jenayah sebagai aspirasi utamanya.





Ringkasan Inisiatif

Pengurangan Jenayah Indeks Dan Jenayah Harta Benda



- Pencegahan jenayah pecah masuk rumah
- Pencegahan kecurian kendaraan
 - Pemeriksaan tempat letak kereta awam
 - Penguatkuasaan secara kerjasama terhadap bengkel kereta haram
 - Pasukan khas
 - Pengimbas kontena
 - Peningkatan penggunaan Peranti Penerimaan Kad Mudah Alih (MCAD)
- Pemulihan dan Peningkatan Kemahiran Penghuni Penjara
 - Penjara Industri
 - Pembangunan program pasca pembebasan
 - Penambahbaikan Program Pemulihan Penjara
- Pewujudan strategi baharu : Memulihkan penagih dan pengguna dadah
 - Rawatan dan pemulihan dadah secara terbuka
 - Penyumberan luar pemulihan dadah kepada NGO
 - Penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada penagih dadah yang sedang menjalani pemulihan
 - Mengukuhkan kawalan terhadap pengimportan dan pengagihan bahan kimia pelopor

Peningkatan Indeks Persepsi Keselamatan



- Peningkatan kehadiran PDRM
 - Program *Omnipresence*
 - Pengembangan Sukarelawan Polis
 - Aplikasi Butang Cemas Telefon Pintar
 - Inisiatif Kawasan *Black Spot*
 - Penyelarasan kesukarelawanan melalui kepolisan masyarakat
 - Rizab Sukarelawan Polis (PVR)
- Komunikasi
 - Unit Komunikasi Korporat PDRM
 - Kempen Kesedaran Wanita

Peningkatan Kertas Siasatan Yang Dibawa Ke Muka Pengadilan



- Mengurangkan nisbah Pegawai Penyiasat dengan Kertas Siasatan kepada 1:5 setiap bulan
- Meningkatkan kecekapan Pegawai Penyiasat

Peningkatan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Perkhidmatan Polis



- Pengembangan kaunseling *triad* di balai polis
- Jadual Liga Balai untuk balai polis
- Sistem Semakan Secara dalam Talian
- Masa Tindak Balas 8-Minit



NKRA
MEMBANTERAS
RASUAH

SEPAKAT KATA

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Usaha membanteras rasuah terus menjadi agenda penting negara sekiranya kita ingin mencapai matlamat besar yang telah digariskan dalam Wawasan 2020. Walaupun banyak perkara telah dilaksanakan dalam fasa pertama Program Transformasi Kerajaan (GTP), namun pastinya lebih banyak yang boleh dan akan dilakukan lagi dalam GTP 2.0.

GTP 2.0 merupakan satu peningkatan yang ketara daripada GTP 1.0. Sebagai sebahagian daripada tema keseluruhan untuk mempertingkatkan dan memperluas transformasi, NKRA Membanteras Rasuah juga akan menggunakan pengalaman terdahulu daripada GTP 1.0 bagi memastikan bahawa tiga tahun akan datang bakal menyaksikan usaha yang lebih hebat untuk membanteras rasuah dalam apa jua bentuknya.

Kami mengalami halangan dan cabaran tertentu dalam

melaksanakan inisiatif pemberantasan rasuah dalam GTP 1.0, tetapi kami bertekad untuk memperbaik prestasi kami dalam tempoh tiga tahun akan datang. Inisiatif yang berjaya pula akan diteruskan kerana kami percaya kesemuanya masih penting dan relevan bagi NKRA ini sepanjang tiga tahun yang berikut ini.

Inisiatif lama yang sedia ada akan melengkapi inisiatif baru yang akan diperkenalkan dalam GTP 2.0 bagi memastikan kami mempunyai struktur yang teguh dan utuh untuk membolehkan kami membanteras rasuah. Agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Kewangan, Transparency International (TI-M), Bursa Malaysia dan Pejabat Ketua Audit Negara juga akan turut serta dalam GTP 2.0 bagi memastikan isu rasuah ditangani dari setiap segi.

Saya amat yakin bahawa melalui kerjasama dan



kemauhan yang komited untuk menguatkuasakan inisiatif-inisiatif tersebut dengan betul, kami akan meraih kejayaan dalam usaha menghapuskan rasuah di negara ini. Dengan berbuat demikian, kita dapat memastikan bahawa pengagihankekayaan negara dapat dilakukan dengan lebih adil dan saksama, lantas membantu kita dalam merealisasikan impian menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Meninjau kembali GTP 1.0 (2010 - 2012)

Rasuah merupakan fokus utama Program Transformasi Kerajaan secara keseluruhan kerana ia dilihat sebagai masalah utama yang dapat menghalang Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Rasuah menghakis keyakinan rakyat terhadap kebolehan kerajaan dan institusi utama yang lain untuk mengekalkan medan persaingan yang adil bagi semua peserta. Kesannya rasuah mengurangkan pelaburan swasta, yang dijangka menyumbang 92% daripada keperluan pelaburan negara menjelang tahun 2020.

Rasuah juga secara amnya melemahkan semangat rakyat dan menyebabkan kurangnya penyertaan mereka dalam ekonomi negara. Ketidakpuasan

hati rakyat terhadap rasuah juga menyebabkan lebih ramai rakyat yang berhijrah ke luar negara, lantas terus mengurangkan kumpulan tenaga mahir di Malaysia. Bahawa rakyat telah mengenal pasti rasuah sebagai keimbangan utama mengenai negara ini, iaitu yang kedua selepas ekonomi, merupakan bukti kukuh bahawa masalah rasuah sudah menjadi wabak yang menular.

Terdapat keimbangan yang semakin meningkat bahawa gejala rasuah juga dikhuatiri menyalurkan keluar sumber negara daripada ekonomi tempatan, dengan adanya laporan yang menyatakan bahawa perusahaan-perusahaan kecil mengeluarkan antara 8% hingga 9% daripada asas

pendapatan mereka semata-mata untuk membayar rasuah bagi mendapatkan lesen dan permit. PEMUDAH, sebuah pasukan petugas kerajaan khas yang ditubuhkan bagi mempertingkatkan kecekapan dalam kerajaan, menganggarkan bahawa negara kerugian sebanyak RM10 bilion setiap tahun kerana rasuah.

Memandangkan keimbangan yang semakin menekan ini, NKRA Membanteras Rasuah telah melancarkan beberapa inisiatif bagi mengatasi masalah ini dengan menangani isu-isu struktur utama, dan memperoleh "kejayaan besar" dalam tiga tahun kebelakangan seperti yang berikut.



KEJAYAAN BESAR 1

Pembentukan unit pematuhan dalam agensi penguatkuasaan utama

Salah satu sebab mengapa gejala rasuah semakin menjadi-jadi ialah agensi-agensi yang ditugaskan untuk memantau tingkah laku yang sewajarnya sendiri tidak bebas secara menyeluruh daripada rasuah. Pembanterasan rasuah bermula daripada peringkat atas hingga bawah, dan itulah sebabnya mengapa GTP 1.0 telah memfokuskan inisiatif

perubahan penting terhadap agensi penguatkuasaan utama, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Setiap agensi tersebut kini mempunyai unit khas untuk memantau dan memastikan pegawai agensi masing-

masing mematuhi tingkah laku yang sewajarnya.

Sementara itu, kamera televisyen litar tertutup telah diperkenalkan di kawasan-kawasan hotspot Kastam dan Imigresen bagi menyediakan kemudahan pemantauan terhadap segala tindak-tanduk pegawai penguatkuasa dan orang ramai.

KEJAYAAN BESAR 2

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblower Protection Act)

Di samping usaha yang disasarkan kepada agensi penguatkuasaan, beberapa inisiatif juga telah diambil bagi memastikan orang ramai yang

berada dalam kedudukan yang amat baik untuk melaporkan kegiatan rasuah menerima sokongan dan perlindungan yang sewajarnya. Hal yang demikian

menyaksikan pengenalan Akta Pemberi Maklumat pada tahun 2010 dan juga pembangunan bagi pelaksanaan Akta tersebut.

KEJAYAAN BESAR 3

Ganjaran dan Penghargaan

Pada bulan Jun 2011, garis panduan berkaitan dengan pemberian ganjaran kepada kakitangan awam yang melaporkan kes rasuah hingga

membawa kepada pendakwaan yang berjaya telah dikeluarkan kepada jabatan kerajaan. Kakitangan awam menerima sehingga RM500

kerana melaporkan kegiatan rasuah hingga membawa kepada kejayaan pendakwaan.

KEJAYAAN BESAR 4

Buku kecil Pembaharuan Perkhidmatan Awam

Diterbitkan pada tahun 2011, buku kecil ini merupakan pengumpulsemakan semua perubahan yang dilakukan oleh setiap kementerian dan agensi

dalam usaha memperbaharui semula proses dan tatacara birokratik. Buku kecil tersebut diagihkan ke seluruh negara bagi menggalakkan kesedaran

terhadap sistem, proses dan tatacara yang tepat dalam usaha menghalang penyalahgunaan kuasa.

KEJAYAAN BESAR 5 Mempercepat perbicaraan kes rasuah

Perbicaraan, terutamanya yang melibatkan rasuah, boleh mengambil masa yang amat lama, sehingga membuatkan orang ramai percaya

bahawa sistem kehakiman Malaysia tidak mengambil berat kes-kes sedemikian. Bagi menangani masalah ini, 14 Mahkamah Sesyen Rasuah Khas

telah ditubuhkan dalam GTP 1.0, dan sehingga Disember 2011, 249 kes rasuah telah berjaya diselesaikan daripada 424 kes yang telah didaftar.

KEJAYAAN BESAR 6 Pangkalan Data “Name and Shame”

Ekoran proses kehakiman yang telah dipercepat, Pangkalan Data Pesalah Rasuah juga telah dibangunkan pada tahun 2011. Sasaran awal Pangkalan Data “Name and Shame” ialah 84 nama pesalah, tetapi sasaran sederhana ini diatasi dengan 284 pesalah disenaraikan pada akhir tahun 2011.

Selain terpaksa menanggung malu dengan orang ramai, pesalah yang disenaraikan dalam pangkalan data ini juga menghadapi akibat yang lebih praktikal. Kedutaan Amerika Syarikat contohnya, telah “menerima guna” senarai tersebut dan menyekat pengeluaran visa pelancong kepada

pesalah yang disenaraikan, sekali gus menghalang pergerakan mereka. Kedutaan yang lain juga dijangka akan mengikut jejak langkah kerajaan Amerika Syarikat dalam hal ini.

KEJAYAAN BESAR 7 Perolehan Kerajaan

Pembangunan portal MyProcurement telah meningkatkan ketelusan terhadap perolehan kerajaan dan meningkatkan keyakinan dalam proses

pemberian tender kerajaan. Portal ini menyenaraikan lebih 5,000 kontrak di laman sesawang dan maklumat penting lain seperti tender, tarikh diiklankan

dan dianugerahkan, nilai kontrak dan pemenang tender.

Pelaksanaan Pakatan Integriti (Integrity Pacts, IP)

Pembangunan portal MyProcurement telah meningkatkan ketelusan terhadap perolehan kerajaan dan meningkatkan keyakinan dalam proses

pemberian tender kerajaan. Portal ini menyenaraikan lebih 5,000 kontrak di laman sesawang dan maklumat penting lain seperti tender, tarikh diiklankan

dan dianugerahkan, nilai kontrak dan pemenang tender.

KEJAYAAN BESAR 9 Ikrar Integriti Korporat (CIP)

Di bawah NKRA Membanteras Rasuah, Ikrar Integriti Korporat diwujudkan bagi memastikan kerjasama antara sektor swasta untuk mewujudkan program pencegahan rasuah mereka sendiri,

sekali gus memastikan sektor swasta Malaysia berusaha untuk membanteras rasuah dalam kalangan entiti mereka. Pada akhir tahun 2011, 64 buah syarikat telah menandatangani ikrar tersebut,

termasuklah syarikat bermodal besar dalam negara, serta syarikat yang terlibat dengan Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi.



Air Asia Berhad menandatangani CIP, dan disaksikan oleh YAB Perdana Menteri

Pengenalan kepada GTP 2.0 (2013 - 2015)

Kes bagi Perubahan


Meskipun dengan kejayaan inisiatif GTP 1.0, jelas sekali bahawa lebih banyak usaha perlu dilakukan lagi untuk membanteras rasuah dan mengubah tanggapan orang ramai terhadap keberkesanan usaha kerajaan dalam hal ini. Dalam konteks ini, kerajaan harus menerajui perubahan dalam persepsi melalui tauladan, bukan dengan menangani isu persepsi tersebut secara langsung. Apa pun, persepsi adalah penting kerana gejala rasuah akan terus menular

apabila rakyat percaya bahawa rasuah merupakan sesuatu yang diterima dan menjadi kebiasaan dalam menjalankan perniagaan di Malaysia.

Tinjauan yang dilakukan oleh Barometer Rasuah Global (GCB) dan penganalisis pasaran antarabangsa bebas, Frost & Sullivan terus menunjukkan bahawa ramai rakyat Malaysia tidak percaya bahawa amalan rasuah di negara ini telah bertambah baik sejak tiga

tahun kebelakangan ini. Menurut tinjauan tersebut:

- 25% daripada orang ramai berpendapat bahawa usaha kerajaan dalam memerangi rasuah adalah tidak berkesan (GCB, Transparency International 2011)
- Hanya 40% daripada orang ramai merasakan bahawa tahap rasuah di Malaysia bagi tiga tahun kebelakangan telah menunjukkan kemajuan (GCB 2011)



Rajah 1: Mengapakah kita perlu terus menangani rasuah selepas GTP 1.0?

Tambahan pula, meskipun dengan pencapaian GTP 1.0, satu tinjauan yang dilakukan oleh Transparency International menunjukkan bahawa Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia terus menurun daripada 4.5 pada tahun 2009 kepada 4.3 pada tahun 2011.

Persepsi awam yang begitu rendah terhadap inisiatif NKRA Membanteras Rasuah telah membawa kepada pelaksanaan aliran kerja baru dalam GTP 2.0, yang menyasarkan untuk mendidik orang ramai dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap inisiatif tersebut. Aliran kerja yang kedua itu amat penting pada tahun-tahun yang akan datang kerana usaha membanteras rasuah memerlukan sokongan yang tidak berbelah bagi daripada orang ramai untuk menjayakannya.

Sementara itu, inisiatif daripada GTP 1.0 akan dipertingkatkan dan

dikembangkan lagi untuk terus mengurangkan kejadian rasuah dalam pelbagai struktur kerajaan. Semua inisiatif dalam GTP 2.0 akan berusaha ke arah tiga aspirasi jangka panjang yang dikembangkan daripada aspirasi dalam GTP yang pertama.

Aspirasi 1: Membangunkan Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah yang berwibawa, berkesan dan bereputasi baik

Dalam GTP 1.0, NKRA Membanteras Rasuah telah memberikan komitmen untuk mengurangkan rasuah melalui penguatkuasaan dan pematuhan, dan dalam GTP 2.0, usaha ini dijelaskan lagi menjadi matlamat yang tegas, iaitu mencapai pengurangan rasuah melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang bertaraf dunia.

Aspirasi 2: Melaksanakan Dasar Tolak Ansur Sifar pada semua peringkat

Usaha menangani rasuah pada semua peringkat – daripada peringkat

tertinggi kerajaan hingga rakyat jelata - memerlukan kesungguhan politik yang kuat untuk menyokong semua inisiatif yang telah dikenal pasti. Dengan berbuat demikian, ranking Indeks Persepsi Rasuah Transparency International negara akan dapat ditambah baik.

Aspirasi 3: Meningkatkan ketelusan dan penambahbaikan dalam pengurusan dana awam

NKRA Membanteras Rasuah komited dalam memastikan bahawa kebarangkalian dana awam disalah urus dikurangkan dan langkah-langkah yang ketat diambil untuk mengawal segala proses yang terlibat termasuklah proses perolehan. Peningkatan ketelusan ini juga akan menyumbang kepada peningkatan persepsi Rakyat terhadap integriti kerajaan dan perkhidmatan awam, serta aspirasi yang telah diperincikan dalam GTP 1.0.



Agensi Penguatkuasaan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang bereputasi baik berwibawa yang berkesan dalam membanteras rasuah



Rasuah Besar

Melaksanakan dasar Tolak Ansur Sifar - dari atas ke bawah



Perolehan Kerajaan

Meningkatkan ketelusan & penambahbaikan dalam mengurus dana awam



Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai

NEW

Rajah 2: Aspirasi NKRA Membanteras Rasuah

Tinjauan Keseluruhan

Inisiatif yang digariskan dalam GTP 2.0 bagi NKRA Membanteras Rasuah telah direka bentuk mengambil kira ketiga-tiga aspirasi di atas, dan dibahagikan kepada empat aliran kerja yang berasingan. Tiga daripadanya diambil daripada GTP 1.0, manakala aliran kerja Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai diperkenalkan dalam GTP 2.0 untuk meningkatkan kesedaran dan sokongan orang ramai terhadap usaha NKRA.


Seperti GTP 1.0, aliran kerja dan inisiatif di sini telah direka bentuk untuk menjana keberhasilan berimpak tinggi dalam tempoh jangka pendek untuk menghalang dan mencegah gejala rasuah daripada menjadi semakin buruk dalam negara. Batu asas peringkat awal dalam membanteras rasuah telah dibangunkan melalui pelbagai usaha terdahulu, namun penyudahannya masih belum disempurnakan. GTP 2.0 akan menyaksikan kesinambungan aliran kerja pertama, dan juga pengenalan kepada aliran kerja baharu yang akan menangani isu yang berkaitan dengan sokongan orang ramai dan isu persepsi.

Empat aliran kerja NKRA Membanteras Rasuah dalam GTP 2.0 adalah seperti yang berikut:

- **Agenzia Penguatkuasaan**
- **Rasuah Besar**
- **Perolehan Kerajaan**
- **Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai**

Tiga bidang pertama yang dinyatakan di atas disasarkan secara khusus dalam GTP 2.0 kerana tinjauan menunjukkan bahawa bidang-bidang ini merupakan kebimbangan utama rakyat khususnya dalam konteks rasuah.

Aliran kerja ini berusaha secara kolektif ke arah mencapai tiga aspirasi yang dinyatakan di atas dan akan mengandungi beberapa inisiatif di bawah setiap satunya yang memperincikan rancangan tindakan khusus sepanjang pelaksanaan GTP 2.0.



SUMBER: Kajian Penilaian Impak GTP di Malaysia, dikendalikan oleh Frost and Sullivan

Aliran Kerja dan Inisiatif

 Agensi Penguatkuasaan	 Rasuah Besar	 Perolehan Kerajaan
<ol style="list-style-type: none">1. Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah untuk menjawab soalan berkaitan dengan Laporan Tahunan SPRM di Parlimen2. Jawatankuasa Semakan Eksekutif dalam SPRM3. Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan4. Memantau aktiviti unit pematuhan*5. Memantau senarai 'name and shame'*6. Sistem Integriti Korporat Malaysia (Corporate Integrity System Malaysia, CISM)*7. Memperkemas jawatankuasa pengawasan	<ol style="list-style-type: none">8. Memyempurnakan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh 1 tahun*9. Menambah baik rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik*10. Kemasukan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM	<ol style="list-style-type: none">11. Akses yang pantas kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera12. Jawatankuasa Tindakan mengenai Laporan Ketua Audit Negara13. Papan pemuka dalam talian Ketua Audit Negara14. Inkuisisi Putrajaya15. Pelaksanaan pakatan integriti yang menyeluruh bagi projek PPP*16. Menaik taraf MyProcurement dan integrasi dengan portal perolehan yang berkaitan*17. Garis panduan untuk orang pengantara/pelobi
 Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai NEW		
<p>18. Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan</p> <p>19. Latihan untuk Ahli Parlimen (Member of Parliament, MP)</p> <p>20. Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks di sekolah rendah dan menengah Malaysia</p>		

*GTP 1.0

Jadual 1: Untuk mencapai aspirasi negara, kita perlu menangani bidang-bidang rasuah utama dan memperkuuh sokongan orang ramai menerusi pendidikan dan latihan

Tinjauan keseluruhan aliran kerja dan inisiatif yang terkandung di dalamnya terdapat dalam rajah di bawah. Inisiatif-inisiatif ini telah direka khas untuk menjana keberhasilan berimpak tinggi sepanjang tiga tahun yang akan datang.

1 Agensi Penguatkuasaan

Penekanan khas akan diberikan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandangkan skandal dan kesilapan operasi terus berlaku semasa GTP 1.0. SPRM akan ditransformasikan melalui aliran kerja ini manakala fungsi jawatankuasa pengawasan akan dikaji semula pada masa yang sama. Sementara itu, NKRA ini akan terus memantau penunjuk prestasi utama (KPI) yang juga telah ditetapkan terhadap agensi penguatkuasaan yang lain. Tujuh inisiatif telah digariskan dan telah mula dilaksanakan untuk tempoh tiga tahun akan datang.





Inisiatif: Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah untuk menjawab soalan berkaitan dengan Laporan Tahunan SPRM di Parlimen

Setiap tahun, laporan tahunan SPRM dibentangkan di Parlimen. Soalan susulan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen yang berkaitan dengan laporan tahunan ini akan dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Prosedur ini menyumbang kepada dakwaan bahawa SPRM tidak bersifat bebas dan tertakluk pada pendapat berat sebelah eksekutif.

NKRA Membanteras Rasuah ingin mengatasi kebimbangan ini dengan menugaskan tanggungjawab ini kepada Pengerusi Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah SPRM, yang merupakan salah satu daripada lima jawatankuasa pengawasan SPRM yang sedia ada. Pada tahun 2012, pengerusinya ialah

Dato' Seri Haji Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad.

Inisiatif ini akan membantu memperkuuh kebebasan SPRM di mata rakyat.

Inisiatif: Jawatankuasa Penilaian Eksekutif dalam SPRM

Pada masa ini, SPRM dan Jabatan Peguam Negara (AGC) hanya melihat kepada seksyen-seksyen yang tertentu semasa mengendalikan sesuatu kes – SPRM akan menjalankan siasatan manakala AGC akan membuat keputusan untuk mendakwa ataupun tidak. Walau bagaimanapun, tanpa

platform bersama yang membolehkan kes-kes dibincangkan oleh kedua-dua pihak tersebut, kelewatan akan berlaku. NKRA Membanteras Rasuah akan menujuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Eksekutif bagi membolehkan kes-kes ini dinilai secara bersama oleh para Pegawai Penyiasat dan Timbalan

Pendakwa Raya bersama-sama dengan Pegawai Penyiasat. Pada masa ini, fail-fail bergerak daripada satu individu kepada individu yang lain, menyebabkan kelewahan dan kelewatan, terutamanya apabila siasatan dan tindakan susulan diperlukan.

Inisiatif: Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan

Sebuah laporan terkini Suruhanjaya Diraja mengenai kaedah penyiasatan SPRM mendapati bahawa agensi rasuah itu mempunyai "kelemahan sikap yang serius". Dakwaan yang diberikan termasuklah menggunakan kekasaran semasa temu bual, keangkuhan dan secara umumnya tidak mempunyai hubungan yang baik dengan orang ramai dan agensi-agensi lain. Dakwaan ini seterusnya dibuktikan oleh penurunan ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara ini.

Berhubung dengan keberkesanannya SPRM pula, pengganti mereka yang menganggotai Jawatankuasa Eksekutif Transformasi Suruhanjaya akan dicari, di samping sebuah memorandum persefahaman antara Jabatan Audit Negara dan SPRM untuk perkongsian perisikan. NKRA Membanteras Rasuah juga akan mendesak pembabitan


beberapa pemboleh utama (key enablers) yang akan membantu memperbaik persepsi awam terhadap SPRM.

Inisiatif ini merupakan fasa seterusnya dalam rancangan untuk mentransformasikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjadi sebuah agensi yang lebih kukuh dan disegani. Sebahagian daripada rancangan keseluruhan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) ialah memulakan Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan di SPRM. Matlamat Pejabat Pencegahan adalah untuk memperincikan dan memperbaik langkah-langkah pencegahan yang harus diambil oleh SPRM, termasuklah program bantuan komuniti, pemeriksaan dan perundingan, dan juga program integriti pengurusan.



Inisiatif: Memantau unit pematuhan bagi agensi-agensi penguatkuasaan

GTP 1.0 telah menubuhkan unit pematuhan di kelima-lima agensi penguatkuasaan utama, dan usaha seterusnya adalah untuk memastikan semua unit pematuhan tersebut mencapai prestasi sasaran masing-masing.



Rajah 4: NKPI baharu telah dibentuk pada tahun 2011

Inisiatif: Memantau senarai 'name and shame'

Pangkalan data 'Name and Shame' akan diteruskan dan nama semua pesalah rasuah yang disabitkan kesalahan akan dimuat naik ke laman sesawang dalam masa dua minggu selepas sabitan. Laman sesawang yang boleh dilayari orang ramai berfungsi sebagai penghalang kepada mereka

yang berfikir mahu mengambil jalan mudah. Tambahan pula, sebagaimana amalan yang dilakukan oleh Kedutaan Amerika Syarikat seperti yang dinyatakan di atas, kedutaan lain juga sedang mempertimbangkan untuk menggunakan Pangkalan Data 'Name and Shame' untuk membuat keputusan

sama ada visa pelancong diberikan atau ditolak kepada pesalah yang disenaraikan. Hal yang demikian jelas menunjukkan akibat yang negatif jika seseorang tersenarai dalam pangkalan data tersebut.

Inisiatif: Sistem Integriti Korporat Malaysia (Corporate Integrity System Malaysia - CISM)

Salah satu komponen utama sistem komprehensif integriti korporat Malaysia ialah Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge, CIP) yang diperkenalkan dalam GTP 1.0. Di samping pelbagai tata kelakuan dan amalan terbaik di Malaysia, CIP merupakan alat tambahan bagi syarikat untuk menggalakkan pembangunan program pencegahan rasuah masing-masing.

CIP merupakan dokumen yang membolehkan syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat-Syarikat di Malaysia dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan semasa berinteraksi dengan rakan niaga dan kerajaan. Dengan menandatangani Ikrar tersebut, sesebuah syarikat membuat pengisyiharan untuk tidak melakukan

aktiviti rasuah dan berusaha untuk mewujudkan suasana perniagaan yang bebas rasuah.

Syarikat yang menandatangani CIP akan disenaraikan dalam daftar penandatangan yang dipaparkan di laman sesawang www.cism.my. Sebaik sahaja Ikrar tersebut ditandatangani, syarikat hendaklah menyokong Prinsip Pencegahan Rasuah yang menyenaraikan prinsip-prinsip yang perlu diterima guna oleh syarikat untuk membuktikan komitmen mereka yang berterusan dalam mewujudkan suasana perniagaan yang adil, telus dan bebas rasuah.

Walaupun Ikrar ini ditandatangani secara sukarela, syarikat amat dialukan untuk menandatangani Ikrar ini oleh sebab adanya rancangan untuk

memasukkan liabiliti korporat dalam rangka kerja undang-undang dalam pemberantasan rasuah. Di samping itu, SPRM juga akan ditugaskan untuk melihat rasuah dari lingkungan korporat (sila lihat **Aliran Kerja Rasuah Besar**), yang memberikan dorongan tambahan kepada syarikat untuk mengambil isu rasuah secara serius.

GTP 2.0 juga akan menyaksikan CISM diperkemas, dengan peranan dan tanggungjawab ahli meja bulat dijajarkan semula. Proses untuk menjadi penandatangan juga akan diperbaik untuk memperkemas kelayakan, penilaian dan pelaporan. Sasarannya adalah untuk mendapatkan kira-kira 150 syarikat berkaitan dengan kerajaan dan syarikat swasta mewakili 90% daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia menandatangani ikrar integriti.



Rajah 5: Rantaian Nilai Ikrar Integriti Korporat

Penandatanganan CIP hanyalah langkah pertama bagi syarikat kerana seterusnya mereka hendaklah mengambil langkah-langkah susulan bagi memastikan mereka mematuhi ikrar tersebut. Tahap pertama adalah proses nilai

kendiri. Pada tahap ini syarikat akan membangunkan rancangan penilaian dan penambahbaikan untuk memperkuuh sistem integriti masing-masing. Pelan tersebut seterusnya dilaksanakan, termasuklah mewujudkan

infrastruktur yang sesuai serta latihan bagi kakitangan. Akhir sekali, syarikat akan memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam audit dan menyatakannya dalam laporan tahunan masing-masing.


Inisiatif: Memperkemas jawatankuasa pengawasan

Lima jawatankuasa pengawasan luar - Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah, Panel Penilaian Operasi, Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, dan Jawatankuasa Aduan – telah diwujudkan untuk berperanan

sebagai mekanisme “sekat dan imbang” (check-and-balance) bagi SPRM. Walau bagaimanapun, sebagai badan bebas, keberkesaan mereka adalah terhad disebabkan kurangnya perkongsian maklumat. Untuk mengatasi situasi ini, garis pelaporan akan disalurkan

kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, yang akan terdiri daripada pengurus daripada semua badan yang lain, dan lembaga pengarah ini kemudiannya akan melaporkan terus kepada Jawatankuasa Khas.

Amalan semasa iaitu mempunyai semua ahli bagi setiap ahli pengawasan sebagai sama-sama eksklusif boleh menjelaskan keberkesaan setiap jawatankuasa kerana perkongsian maklumat adalah terhad.



Rajah 6: Mengubah barisan pelaporan jawatankuasa pengawasan rasuah

Di samping inisiatif yang dinyatakan, SPRM juga akan mengkaji keperluan untuk menjadi sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan bagi memastikan kebebasan dan kecekapan.

2 Rasuah Besar

Tinjauan mendapati bahawa rakyat melihat “rasuah besar” sebagai isu rasuah paling besar yang dihadapi oleh negara ini. Justeru, GTP 2.0 akan meneruskan usaha yang telah dimulakan dalam GTP 1.0 untuk terus membendung amalan tersebut. Inisiatif yang diperkenalkan akan terus mengambil langkah-langkah untuk menghalang rasuah besar dan mungkin menganjurkan pembaharuan undang-undang seperti pindaan terhadap SPRM, Akta Pendaftar Pertubuhan.



Inisiatif: Menyempurnakan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh satu tahun

Ini merupakan kesinambungan inisiatif yang dimulakan dalam GTP 1.0 untuk mempercepat kes rasuah melalui penubuhan mahkamah rasuah khas dalam sistem kehakiman. Inisiatif ini

akan dipantau bagi memastikan kes-kes rasuah terus disempurnakan secepat yang mungkin. Inisiatif ini menasarkan KPI penyempurnaan 85% daripada semua kes rasuah yang dibicarakan

pada tahun 2013 dalam masa satu tahun. Penanda aras ini akan terus dinaikkan sehingga 90% dan 95% bagi dua tahun yang berikutnya.

Inisiatif: Menambah baik rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik

Pada hari ini, dalam kebanyakan kes, sebahagian daripada derma untuk parti-parti politik dilesapkan oleh orang tengah. Oleh sebab kurangnya garis panduan, derma yang diberikan kepada parti-parti politik ini disimpan dalam akaun individu dan bukannya akaun parti tersebut. Apabila ditangkap atau disoal oleh agensi penguatkuasa seperti SPRM, orang tengah ini selalunya akan menyatakan bahawa mereka hanya “memegang” wang tersebut bagi pihak parti politik.

Inisiatif ini bermatlamat menghalang ketirisan dana dalaman parti politik:

- Pertama, semua pembiayaan politik untuk parti politik harus disimpan dalam akaun parti, bukan akaun individu.
- Kedua, pengeluaran resit serta-merta selepas penerimaan apa ju sumbangan kepada parti politik akan menjadi mandatori.
- Ketiga, semua derma hendaklah direkodkan dan dikira dengan betul, serta mengikuti Standard Perakaunan yang Diterima Umum. Akaun parti akan diaudit oleh pihak luar.
- Keempat, apabila derma dikutip atau dipegang oleh pihak ketiga bagi pihak

parti politik, semua dana hendaklah dipindahkan ke dalam akaun parti dalam masa 14 hari selepas kutipan.

Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) akan menerajui inisiatif ini. ROS akan merangka satu pindaan terhadap Akta Pertubuhan 1966 (Societies Act 1966) berkaitan dengan prosedur tertentu untuk mengawal hal ehwal pembiayaan pertubuhan. ROS juga akan mengkaji jika inisiatif ini akan hanya dikuatkuasakan terhadap parti politik atau semua pertubuhan secara amnya. Pindaan ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada Jun 2013.

Secara berkesan, hal ini juga bermakna penderma dan parti akan mempunyai sistem untuk mengesan kebocoran derma politik secara berkesan. SPRM dan agensi penguatkuasaan yang lain akan berupaya mendakwa orang tengah yang kini tidak boleh lagi “memegang” duit yang diberikan kepada parti politik.

ROS hendaklah mengambil langkah-langkah proaktif bagi membuktikan kebebasan dan keberkesanannya sebagai agensi penguatkuasaan kepada rakyat. Pada dasarnya, faktor utama

kejayaan inisiatif ini ialah kesungguhan politik.

Melangkah ke hadapan, masih terdapat keperluan terhadap pendekatan yang lebih komprehensif untuk mengawal selia rejim kewangan politik Malaysia. ROS dan agensi Kerajaan yang lain akan berusaha untuk memperkenalkan undang-undang pembiayaan politik baharu yang mengandungi elemen-elemen penzahiran awam (public disclosure).

Pada masa akan datang, ROS akan mengkaji semula Seksyen 10(2) Akta Pertubuhan bagi memastikan rangka kerja undang-undang yang sedia ada menyokong penzahiran awam. Rangka kerja undang-undang ini harus terus dikaji bagi mengawal derma kepada ahli politik dan organisasi tanpa keuntungan lain yang mempunyai kaitan dengan ahli politik. Kerajaan juga akan mengkaji pembiayaan negeri untuk semua wakil yang dilantik (Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri).

Inisiatif: Kemasukan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM

Pada masa ini, Akta SPRM 2009 yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan khas bagi liabiliti korporat, oleh itu hanya individu yang akan didakwa kerana amalan rasuah walaupun kegiatan itu dijalankan bagi pihak syarikat. Menurut saranan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu menentang Rasuah (United Nations Convention against Corruption, UNCAC) dan juga Organisasi Kerjasama dan

Perkembangan Ekonomi (Organization for Economic Co-operation and Development , OECD), peluasan liabiliti kepada badan korporat boleh menjadi alat perundungan yang kuat untuk mencegah rasuah.


Enakmen peruntukan ini akan memberikan dorongan kepada syarikat untuk mengukuhkan proses dalaman mereka untuk menentang rasuah kerana

sebuah syarikat dan sesuatu entiti korporat boleh didenda jika pekerja mereka didapati bersalah menerima rasuah bagi pihak syarikat. Pada masa ini, hanya individu dan orang perseorangan boleh didakwa di bawah Akta SPRM yang sedia ada, walaupun Seksyen 11 Kod Jenayah mentakrifkan entiti korporat sebagai "individu".

Walau bagaimanapun, inisiatif ini akan menyatakan liabiliti syarikat secara eksplisit, walaupun amalan rasuah sesungguhnya berpunca daripada kakitangan mereka. Pada dasarnya, inisiatif ini bertujuan memberikan dorongan kepada syarikat untuk melaksanakan inisiatif Sistem Integriti Korporat Malaysia.

Wahana untuk membantu syarikat dalam memperkuuh langkah pencegahan rasuah

Garis Paduan untuk Amalan Perniagaan Terbaik dalam Intergriti Korporat



Penandatangan Ikrar integriti Korporat akan melalui penilaian langkah pencegahan rasuah yang ketat



Rajah 7: Peruntukan liabiliti korporat akan mendorong syarikat memperkuuh langkah pencegahan rasuah masing-masing



3 Perolehan Kerajaan

Pewujudan portal MyProcurement merupakan langkah pertama yang bagus namun masih terdapat kaedah menentang rasuah yang penting perlu dilakukan dalam bidang perolehan kerajaan. Laporan Ketua Audit Negara menyebut bahawa terdapat kelemahan yang besar dalam pengurusan dana awam, dan inisiatif di bawah aliran kerja ini bertujuan menutup kelemahan ini.

Bidang Fokus: Mentransformasikan proses laporan Ketua Audit Negara

Laporan Ketua Audit Negara merupakan dokumen penting untuk memerhati urus niaga kewangan kerajaan, dan juga merupakan alat penting untuk mengenal pasti kemungkinan kes rasuah yang melibatkan kerajaan. Laporan ini dibentangkan di Parlimen setahun sekali dan bukan sahaja mengaudit kewangan Kementerian, tetapi juga membangkitkan isu dan persoalan mengenai prestasi projek kerajaan.

Walaupun laporan ini merupakan alat “sekat dan imbang” yang amat penting, kelewatian dan ketidaaan tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani

keimbangan dan saranan yang disebut dalam laporan tersebut menyebabkan persepsi awam semakin buruk terhadap kebolehan kerajaan untuk bertindak terhadap kes-kes rasuah dan penipuan. Memandangkan kebanyakan masalah ini berkait rapat dengan proses pelaporan yang sedia ada, NKRA Membanteras Rasuah mencadangkan pelaksanaan empat inisiatif baharu dalam GTP 2.0 untuk memperkemas proses laporan Ketua Audit Negara.

Tambahan pula, sebagai satu laporan yang dikeluarkan setahun sekali, laporan Ketua Audit Negara ini mengandungi

maklumat yang terlalu banyak, mengemukakan isu yang lebih banyak daripada apa yang boleh dibincangkan di Parlimen. Justeru, akses laluan pantas kepada Laporan Prestasi Audit Ketua Audit Negara untuk inisiatif Tindakan Segera akan menekankan kepentingan bagi memisahkan Audit Kewangan daripada Audit Prestasi untuk mewujudkan Audit Prestasi yang lebih mudah dibaca, dan akan dibentangkan setiap kali Parlimen bersidang, ataupun tiga kali setahun.



Rajah 8: Rantaian nilai inisiatif di bawah laporan Ketua Audit Negara

Apabila dilaksanakan, inisiatif baharu ini akan memastikan wujudnya respons yang cepat dan tepat pada masanya terhadap penemuan dalam laporan Ketua Audit Negara. Inisiatif tersebut juga akan memastikan kes-kes lama yang tertunggak diselesaikan secepat mungkin, sekali gus menamatkan kes-kes yang membelenggu pihak-pihak tertentu sejak bertahun-tahun lamanya.

Sementara itu, langkah-langkah baharu akan diwujudkan bagi memastikan hal kes tertunggak itu tidak akan berlaku lagi, sekali gus memberikan jaminan kepada orang awam bahawa kes-kes rasuah yang telah dikenal pasti oleh Ketua Audit Negara adalah diberikan perhatian yang sewajarnya. Tujuan transformasi proses laporan Ketua Audit Negara ini adalah untuk memperbaharui

keyakinan terhadap kecekapan dan keberkesanan Laporan Ketua Audit Negara ini sebagai sebuah alat “sekat dan imbang”.

Inisiatif: Akses pantas kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera

Setiap tahun, Ketua Audit Negara membentangkan sebuah laporan di Parlimen yang mengandungi dua komponen: Audit Kewangan dan Audit Prestasi, yang menyatakan segala aktiviti dan proses kementerian. Namun begitu, dalam peruntukan kerahsiaan di bawah Seksyen 8 Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara tidak boleh mengeluarkan apa jua maklumat sebelum laporan itu dibentangkan di Parlimen. Hal ini bermakna mana-mana bukti aktiviti rasuah atau penyalahgunaan dana awam tidak boleh dikongsi dengan agensi penguatkuasaan yang berkenaan terlebih dahulu, dengan itu menyebabkan pendakwaan kes rasuah terus tertangguh.

Tambahan pula, laporan Ketua Polis Negara yang hanya dibentangkan setahun sekali – selalunya dalam bulan Oktober – lantas menghalang daripada apa-apa tindakan diambil terhadap pihak atau individu yang dianggap bersalah sehingga tarikh itu telah berlalu. Pada masa yang sama, mereka yang masih di bawah penyiasatan boleh mengambil peluang ini untuk mengubah bukti ataupun mempengaruhi keadaan sehingga SPRM mendapat tugas mereka semakin sukar apabila siasatan dijalankan.

Inisiatif ini memerlukan laporan prestasi audit Ketua Audit Negara diberikan akses yang pantas supaya laporan

tersebut dibentangkan setiap kali Parlimen bersidang, atau tiga kali setahun. Dengan berbuat demikian, kes-kes rasuah dan salah laku boleh dikenal pasti dengan lebih mudah, dan tempoh masa antara pengeluaran audit dan proses penyiasatan oleh agensi penguatkuasaan akan dipercepat sehingga 12 bulan. Penyerahan Laporan Prestasi Audit ke Parlimen disasarkan antara bulan Mac dan April 2013.



Rajah 9: Akses pantas kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera

Inisiatif: Jawatankuasa Tindakan mengenai Laporan Ketua Audit Negara

Inisiatif ini menuntut penubuhan Jawatankuasa Tindakan yang dipengerusikan oleh pejabat Ketua Audit Negara yang akan bersidang selepas setiap laporan Audit Prestasi dibentangkan di Parlimen. Jawatankuasa ini akan ditubuhkan oleh juruaudit yang terlibat serta pegawai SPRM dan agensi penguatkuasaan yang berkenaan bagi memudahkan proses penyiasatan.

Jawatankuasa ini membolehkan perkongsian maklumat antara Ketua Audit Negara dan SPRM supaya keputusan kes boleh dibuat secara cepat dan tuntas. Tambahan pula, Ketua Audit Negara juga boleh menggunakan jawatankuasa ini untuk memberikan hala tuju kepada SPRM dan agensi penguatkuasaan dalam penyiasatan agensi penguatkuasaan tersebut, sekali

gus meningkatkan kecekapan proses penyiasatan.

Jawatankuasa Tindakan akan bersidang kali pertama selepas pembentangan Laporan Audit Prestasi yang pertama di Parlimen, yang dijangka akan berlaku antara Mac dan April 2013.

Inisiatif: Papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian

Sentimen awam terhadap lanjutan kepada saranan laporan Ketua Audit Negara tidak memberangsangkan, dengan bukti anekdot daripada blog dan portal berita dalam talian memberikan gambaran bahawa rakyat tidak gembira kerana tiada tindakan yang diambil. Pewujudan papan pemuka dalam talian berfungsi untuk:

- Memberitahu orang ramai tentang isu-isu tertunggak dalam Laporan Ketua

Audit Negara

- Menggalakkan ketelusan
- Mencetuskan tekanan untuk mempercepat penyelesaian isu
- Memperbaik persepsi awam

Papan pemuka ini memberikan maklumat tentang isu-isu tertunggak yang sedang dalam penyiasatan atau belum lagi dimulakan siasatannya oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Laporan

akan dihantar kepada Ketua Audit Negara setiap minggu menggunakan sistem Lampu Isyarat dan akan disiarkan dalam talian bagi kemudahan Rakyat.

Papan pemuka ini telah diwujudkan pada Jun 2012, dan ulasan rasmi yang pertama terhadap keberkesanannya akan dijalankan pada akhir tahun 2013.

Inisiatif: Inkuisisi Putrajaya

Memandangkan banyak kes tertunggak yang dikenal pasti oleh Ketua Audit Negara masih belum diambil sebarang tindakan, NKRA ini mahu mewujudkan jawatankuasa penyiasatan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, kementerian dan agensi lain yang berkenaan untuk mempercepat

penyiasatan kes-kes lama. NKRA Membanteras Rasuah percaya bahawa pemerhatian yang lebih terfokus terhadap kes-kes lama ini, terutamanya yang di bawah pengawasan Perdana Menteri, bakal menjadikan pelbagai agensi semakin terdorong untuk mengambil kira cadangan secara

serius dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Matlamat utama Inkuisisi ini adalah untuk menyelesaikan kes-kes yang tertunggak. Inkuisisi Putrajaya dijangka wujud untuk dua atau tiga tahun, dan akan ditutup apabila semua tunggakan telah diselesaikan.

Inisiatif: Sokongan yang lain

Bagi memastikan Inkuisisi ini terus bebas daripada Pejabat Ketua Audit Negara, Pejabat Peguam Negara (AGO) sedang menilai semula keperluan bagi Inkuisisi ini menjadi sebuah suruhanjaya perkhidmatan.

Dalam jangka pendek, terdapat cadangan untuk memperkenalkan MKPI untuk semua Menteri memantau isu yang tertunggak dalam laporan AG.

Inisiatif perolehan yang lain


Inisiatif: Menaik taraf MyProcurement dan integrasi dengan portal perolehan yang berkaitan

Pewujudan portal dalam talian MyProcurement dalam GTP 1.0 merupakan langkah pertama ke arah ketelusan yang lebih besar, tapi adalah jelas kini bahawa banyak yang boleh dilakukan lagi bagi mengurangkan aktiviti rasuah dalam bidang perolehan kerajaan. GTP 2.0 akan memperkenalkan

inisiatif baharu yang akan terus menambah baik portal laman sesawang perolehan.

Meskipun dengan kejayaan dan pujian yang diberikan kepada laman sesawang MyProcurement yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada GTP 1.0,

rakyat masih ragu-ragu lagi dengan keberkesanannya portal tersebut. Sebagai contoh, hanya 26% rakyat merasakan bahawa portal atas talian ini telah memperbaik ketelusan dalam proses perolehan kerajaan, manakala hanya 32% menyedari bahawa kontrak kerajaan dikeluarkan secara dalam talian.



Rajah 10: Meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan kerajaan

SUMBER: Kajian Penilaian Impak GTP di Malaysia, 2012, dikendalikan oleh Frost and Sullivan

Tambahan lagi, pelbagai portal perolehan yang dilaksanakan oleh badan kerajaan yang lain sudah sedia ada, dan ini menimbulkan ketidakcekapan memandangkan setiap satunya dibina dengan sistem pengendalian yang berbeza-beza yang tidak boleh berkomunikasi antara satu sama lain. Sebagai contoh, Kementerian Kewangan menggunakan empat portal perolehan yang berbeza, yang telah direka bentuk dengan sistem yang berbeza yang tidak boleh berkomunikasi antara satu sama lain.

MyProcurement akan menjadi “laman pendaratan” (landing page) bagi perolehan kerajaan dengan mengintegrasikan pelbagai portal yang digunakan oleh Kementerian-Kementerian lain dalam MyProcurement.

Dengan menyepadukan semua portal ini, maklumat tentang perbincangan perundingan terus boleh diakses oleh orang awam. Ini akan menjadikan MyProcurement sebagai satu laman sehenti yang memberikan gambaran keseluruhan semua amalan e-perolehan kerajaan.

GTP 2.0 juga akan menyaksikan penambahbaikan terhadap MyProcurement, iaitu untuk menyiaran keputusan berkaitan dengan kontrak perundingan terus dan butiran perolehan kerajaan, seperti iklan sebut harga dan tender selain dokumen tender dan keputusan tender untuk tatapan orang ramai, sekali gus membolehkan ketelusan yang lebih tinggi dalam proses perolehan kerajaan. Selain itu, sebuah pangkalan

data mengenai harga pasaran akan disediakan untuk membantu kementerian dalam menanda aras harga produk. Kementerian juga akan diminta untuk menyiaran rancangan perolehan untuk membolehkan pemantauan yang lebih baik terhadap pemerolehan kementerian.

Laman yang dipertingkatkan ini juga akan memberikan maklumat seperti rekod perolehan yang lepas, maklumat penyumberan dan kontrak, dan menyediakan khidmat seperti penyediaan invois dan arahan pembayaran (sila lihat di bawah). Proses penyepaduan MyProcurement dengan portal yang lain dijangka selesai menjelang tahun 2014, dan sedia digunakan oleh orang ramai pada tahun 2015.

Isu-isu lain berkaitan dengan Perolehan Kerajaan Secara Dalam Talian

	Pemilik	Keputusan	Pengkalan data mengenai kajian pasaran	Rancangan perolehan	Iklan
 GPIS Government Procurement Information System	MoF	●	●	●	●
 MoF PORTAL PEMERINTAHAN ePerunding	MoF	●	●	●	●
 MoF eTendering	MoF	●	●	●	●
 KKR Net eTendering	KKR	●	●	●	●
 MoF ePerolehan	MoF	●	●	●	●

● Tersedia ● Tidak Tersedia

Jadual 2: Perbandingan antara portal perolehan Kerajaan



Jadual 3: Aliran aplikasi Dipertingkatkan Sistem Perolehan Kerajaan 2.0



4 Pendidikan Dan Sokongan Orang Ramai

Aliran kerja baharu yang diperkenalkan dalam GTP 2.0 ini telah direka khusus untuk menangani masalah kurangnya kefahaman dan isu rasuah dalam kalangan pelajar. Tinjauan bebas mendapati bahawa para pelajar kini makin bertolak ansur dengan amalan rasuah dan ini tidak membawa petanda yang baik dalam usaha jangka panjang pembanterasan rasuah. Aliran kerja ini bertujuan mendidik pelajar sejak kecil lagi dan menyemai nilai-nilai murni sejak awal usia pembentukan mereka.

Inisiatif: Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks di sekolah rendah dan menengah Malaysia

Satu kajian perbandingan yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan SPRM mendapati bahawa peratusan pelajar yang semakin

sebat dan lebih terbuka terhadap nilai dan amalan rasuah semakin meningkat. Oleh itu, NKRA Membanteras Rasuah merasakan bahawa tindakan pemulihan

yang sewajarnya harus dilaksanakan pada tahap pembentukan untuk menyemai tabiat yang betul dalam generasi masa hadapan negara.



Pengalaman	2002	2007
Pernah memberikan sesuatu untuk " melicinkan" urus niaga	4.2%	16.1% 
Pernah ditawarkan rasuah	N/A	11.2%
Pernah menyaksikan rasuah ditawarkan/diminta	21.2%	26.7% 
Nilai	2002	2007
Tidak mengapa memberikan rasuah untuk "melicinkan" urus niaga	15.0%	26.8% 
Tidak mengapa menerima rasuan	5.1%	16.3% 
Tidak mengapa untuk menerima rasuah sekiranya ia tidak diketahui orang	8.7%	23.5% 
Tidak mengapa menerima rasuah sekiranya anda mempunyai kuasa untuk meluluskan kontrak dan tender	10.4%	21.1% 
Tidak salah menerima hadiah daripada orang yang memohon tender atau kontrak	37.6%	48.9% 

Jadual 4: Keputusan sebuah kajian perbandingan mengenai sikap pelajar terhadap rasuah

SUMBER: Kajian kerjasama antara UKM dengan SPRM (2002 and 2007)

Objektif utama di sini adalah untuk mempersiapkan generasi akan datang yang bukan sahaja memahami keperluan menghindari rasuah, malah juga menyediakan mereka dengan alatan dan mentaliti yang betul bagi membantu usaha kerajaan membanteras rasuah pada masa akan datang. Ini juga termasuklah menyemai rasa tanggung jawab terhadap gejala rasuah dalam diri para pelajar, menekankan betapa perlunya mereka bekerjasama dengan SPRM untuk membanteras rasuah pada masa hadapan.

SPRM ditugaskan untuk mengenal pasti mesej utama berkaitan dengan pencegahan rasuah, yang kemudiannya boleh disepadukan ke dalam buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah. Ini diikuti dengan sesi menimbulkan kesedaran antara Bahagian



Pembentukan Kurikulum dan Bahagian Buku Teks di Kementerian Pelajaran yang akan membincangkan sikap para pelajar terhadap rasuah.

Sesi ini akan menggariskan mesej-mesej utama yang telah dikenal pasti oleh SPRM, sebelum mesej tersebut dimasukkan ke dalam buku teks Tahun

4 hingga Tingkatan 5 berdasarkan perbincangan dengan Kementerian Pelajaran.

Tarikh sasaran bagi kemasukan pendidikan Pencegahan Rasuah ke dalam kurikulum adalah pada November 2013.

Apakah itu rasuah?	<ul style="list-style-type: none"> Dapat menjelaskan apakah itu amalan rasuah termasuk jenis kesalahan. Perbezaan antara hadiah dengan rasuah.
Mengapakah rasuah berlaku?	<ul style="list-style-type: none"> Dapat mengenal pasti mengapa rasuah wujud.
Apakah impaknya terhadap individu & masyarakat?	<ul style="list-style-type: none"> Dapat memahami impak/akibat amalan rasuah terhadap individu, keluarga, masyarakat & negara. Kajian kes sebenar untuk memastikan kefahaman yang menyeluruh mengenai impak rasuah.
Apakah yang dapat anda lakukan untuk mencegah rasuah?	<ul style="list-style-type: none"> Dapat memahami bahawa setiap individu memainkan peranan dalam mencegah rasuah. Mengatakan tidak kepada rasuah. Menggalakkan keberanian moral, untuk berdiri menegakkan kebenaran. Report corruption cases to authorities.
Apakah peranan SPRM?	<ul style="list-style-type: none"> Dapat memahami peranan SPRM dalam membanteras rasuah. Dapat menggalakkan sokongan terhadap SPRM ke arah mencegah rasuah dengan memperkenalkan talian Hotline SPRM dan Ejen Lang.

Jadual 5: Pesanan utama yang perlu dimasukkan dalam kurikulum mengenai pencegahan rasuah

Inisiatif: Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan

Inisiatif ini akan menyaksikan pembentukan Sekretariat Pencegahan Rasuah di semua Maktab Perguruan selepas program perintis yang membentuk sekretariat ini di 20 buah universiti awam sejak 1997, didapati membawa hasil. Satu kajian yang

dilakukan pada tahun 2011 di universiti-universiti ini menunjukkan bahawa peratusan pelajar yang mempunyai kefahaman yang lebih baik mengenai rasuah telah meningkat kepada 80.4% daripada 48.6%. Inisiatif ini menumpukan kepada pengenalan dan

latihan buat bakal guru yang akan menjadi penyampai utama kepada para pelajar dalam usaha menentang rasuah. Sekretariat akan ditubuhkan di 27 buah Maktab Perguruan menjelang Oktober 2012.

Inisiatif: Latihan untuk Ahli Parlimen (MP)

Persepsi rasuah oleh ahli politik terus tinggi dalam kalangan rakyat, dengan 42% daripada orang ramai percaya bahawa institusi politik adalah korup. Sebagai usaha untuk mengatasi masalah ini, satu inisiatif telah dimulakan dalam GTP 2.0 bagi meningkatkan kesedaran lagi dan memperbaik kefahaman Ahli Parlimen dalam memahami kesalahan, penalti dan impak yang berkaitan dengan rasuah.

Ahli Parlimen wajib menghadiri acara latihan tahunan bagi mengingatkan mereka dan juga meningkatkan kefahaman mereka sendiri, yang diharap akan dijemlakan dalam bentuk tindakan. Latihan ini akan dijalankan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia sebanyak tiga kali setahun. Sesi latihan yang pertama akan bermula selepas Pilihan Raya Umum yang ke-13.





Agensi Penguatkuasaan



Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah

- Jawatankuasa Penilaian Eksekutif dalam SPRM
- Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan
- Memantau aktiviti unit pematuhan
- Memantau senarai 'name and shame'
- Sistem Integriti Korporat Malaysia
- Memperkemas jawatankuasa pengawasan

Rasuah Besar



- Menyempurnakan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh satu tahun
- Menambah baik rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik
- Kemasukan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM

Perolehan Kerajaan



- Akses pantas kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara
- Jawatankuasa tindakan mengenai laporan Ketua Audit Negara
- Papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian
- Inkuisisi Putrajaya
- Pelaksanaan Pakatan Integriti yang menyeluruh bagi projek EPP
- Menaik taraf MyProcurement dan integrasi dengan portal perolehan yang berkaitan
- Garis panduan bagi orang pengantara/pelobi

Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai



- Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan
- Latihan untuk Ahli Parlimen
- Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks di sekolah rendah dan menengah Malaysia



**NKRA MEMASTIKAN
PENDIDIKAN
BERKUALITI**

SEPAKAH KATA

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Yassin

Menteri Pelajaran

Menyediakan akses kepada pendidikan yang berkualiti adalah sangat penting kepada proses pembangunan negara dan juga dalam memastikan Malaysia kekal berdaya saing pada peringkat global. Kementerian Pelajaran terus berpegang teguh kepada komitmen untuk membolehkan kanak-kanak mendapat pendidikan awal yang baik dan membantu mereka mencapai potensi masing-masing. GTP 1.0 merupakan sebuah kisah kejayaan yang diakhiri dengan pencapaian hampir semua sasaran yang ditetapkan dan telah menyediakan asas bagi kemajuan dan penambahbaikan yang seterusnya. Contohnya, sudah terdapat pengurangan 40% sekolah yang berada dalam Band 6 dan 7, pengenalpastian lebih banyak Sekolah Berprestasi Tinggi, peningkatan dalam kadar literasi dan numerasi menerusi program LINUS dan lain-lain lagi. Kita kini semakin hampir untuk merapatkan jurang pendidikan dan mempertingkatkan lagi standard.

Dengan adanya GTP 2.0, usaha murni yang telah dilaksanakan sebelum ini akan diteruskan dan ditambah baik. Penambahbaikan ini termasuklah pengenalan LINUS 2.0 untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa Inggeris, meningkatkan kemahiran guru prasekolah dan banyak penambahbaikan lain terhadap inisiatif GTP 1.0. Selain itu, GTP 2.0 juga akan mencakupi dua inisiatif tambahan, iaitu Pakej Kerjaya Guru dan Program Peningkatan Profesionalisme bagi Guru Bahasa Inggeris. Pakej Kerjaya Guru menyediakan pakej kerjaya baharu untuk mentransformasikan profesion keguruan membolehkan laluan kenaikan yang lebih pantas bagi guru berprestasi tinggi dan sokongan peralihan bagi guru berprestasi rendah. Satu lagi inisiatif iaitu program peningkatan profesionalisme guru bahasa Inggeris menyasarkan untuk meletakkan seorang guru mahir bahasa Inggeris di setiap kelas. Untuk mencapai sasaran NKRA Pendidikan,



kesemua pihak berkepentingan yang terlibat perlulah inovatif, bersedia menyahut cabaran dan menyokong antara satu sama lain. Kementerian akan memperhebat usaha-usaha untuk mencapai sasaran tinggi yang telah ditetapkan. GTP 2.0 bermatlamat supaya pelajar kita mempunyai akses kepada pendidikan yang diperlukan mereka dan seterusnya menjamin masa hadapan generasi yang akan datang dan pada masa yang sama menjamin masa hadapan negara. Bab ini memetakan pelan untuk mencapai aspirasi kita dalam memastikan pendidikan yang berkualiti.

Meninjau kembali GTP 1.0 (2010 - 2012)

Inisiatif-inisiatif pendidikan yang digariskan dalam GTP 1.0 dan dilaksanakan sejak tiga tahun yang lalu telah menghasilkan perubahan besar terhadap sistem pendidikan Malaysia. Inisiatif-inisiatif tersebut menyasarkan “kejayaan besar”, seperti isu-isu yang memerlukan perubahan secara menyeluruh dan segera supaya dapat memberikan manfaat kepada rakyat dan menyekat kemerosotan pencapaian pelajar.

	Keberhasilan 2011	Sasaran 2012	Sasaran GTP 2.0 (2013-2015)
Prasekolah	enrolmen 77%	enrolmen 87%	<ul style="list-style-type: none"> enrolmen 92% pada 2015 100% prasekolah awam dan 50% prasekolah swasta ditaraf pada 2015 TBD% guru prasekolah swasta dalam perkhidmatan ditingkatkan kemahiran ke peringkat diploma 
LINUS	97.5% literasi 98.6% numerasi	100% literasi 100% numerasi	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan sasaran 90% (Y1), 95% (Y2) dan 100% (Y3) targets Memperkenalkan LINUS 2.0 - Literasi Bahasa Inggeris 
Sekolah Berprestasi Tinggi	52 SBT	100 SBT	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan fokus kepada sasaran minimum 100 SBT Fokus kepada kualiti kerana 4 SBT jatuh ke Band 2 (untuk kohort 1) 
Tawaran Baharu	5.2% daripada guru besar sekolah rendah 4.2% daripada pengetua sekolah menengah	4% daripada guru besar sekolah rendah 3% daripada pengetua sekolah menengah	<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan Tawaran Baharu dengan menambah kepemimpinan pendidikan - sasaran 70% masa sekolah Band 1 & 2 dalam kepemimpinan pendidikan 
Program Penambahbaikan Sekolah	pengurangan 40.25% dalam Band 6 & 7 peningkatan 21.86% dalam Band 1 & 2	pengurangan 20% dalam Band 6 dan 7 peningkatan 8% dalam Band 1 & 2	<ul style="list-style-type: none"> Sifar (0) sekolah Band 6 & 7 pada 2015 

Rajah 1: Inisiatif NKRA Pendidikan

KEJAYAAN BESAR 1 Meningkatkan kadar enrolmen prasekolah

Pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah menggalakkan perkembangan kognitif yang memberikan kesan baik kepada pencapaian pembelajaran kanak-kanak sepanjang kehidupannya. Akses kepada prasekolah juga amat penting untuk memastikan semua kanak-kanak memperoleh permulaan awal dalam pendidikan tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. Bagi menggalakkan peningkatan kadar enrolmen, NKRA Pendidikan telah melaksanakan beberapa aktiviti termasuk memberikan bantuan

yuran, meningkatkan bilangan kelas prasekolah melalui kerjasama antara Kementerian Pelajaran, agensi kerajaan seperti KEMAS, JPNIN, SeDIDIK dan sektor swasta. Geran-geran bantuan pelancaran prasekolah baharu telah disediakan dan kualiti guru telah dipertingkatkan. Dalam GTP 1.0, NKRA Pendidikan telah menetapkan matlamat untuk mempertingkatkan kadar enrolmen prasekolah bagi kanak-kanak berusia 4+ dan 5+ tahun kepada 80% pada tahun 2011. Kadar sebenar yang dicapai pada tahun 2011 ialah 77%, iaitu kurang sedikit sahaja daripada sasaran



80% tersebut. Kini sasaran berkenaan telah dinaikkan kepada 87% bagi tahun 2012.

KEJAYAAN BESAR 2 Kemahiran literasi dan numerasi

Untuk memastikan semua kanak-kanak sekolah rendah yang mengikuti sistem pendidikan Malaysia memperoleh kemahiran asas numerasi dan literasi Bahasa Malaysia, program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diwujudkan untuk mengenal pasti tahap kemahiran semasa para pelajar sepanjang tiga tahun pertama persekolahan. Program ini juga menyediakan program-program pemulihan untuk pelajar yang tidak mencapai standard yang ditetapkan,

sekali gus mengenal pasti dan menangan masalah tersebut pada peringkat awal lagi. Program LINUS telah menetapkan sasaran kadar literasi dan numerasi sebanyak 95% untuk pelajar Tahun 2 pada tahun 2011, namun pencapaian sebenar mengatasi sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2011, 97.5% daripada pelajar Tahun 2 yang disaring mempunyai kemahiran asas literasi, manakala 98.6% mempunyai kemahiran asas numerasi. Sasaran bagi tahun 2012 adalah untuk memastikan



semua (100%) pelajar yang disaring di bawah program LINUS memperoleh kemahiran asas literasi dan numerasi.

KEJAYAAN BESAR 3

Mengenal pasti dan memberikan ganjaran kepada sekolah berprestasi tinggi

Matlamat inisiatif ini adalah untuk menggalakkan dan meningkatkan motivasi warga pendidik dengan mengenal pasti sekolah berprestasi terbaik dalam negara melalui sistem penarafan ketat yang menilai pencapaian akademik dan pencapaian bukan akademik sekolah, kekuatan sokongan alumni, dan kejayaan dalam pertandingan pada peringkat antarabangsa, serta kekuatan jalinan dan jaringan dengan entiti luar. Sekolah berprestasi tinggi yang

telah dikenal pasti akan diberikan ganjaran berupa geran RM700,000 sebagai insentif untuk mengekalkan prestasi mereka dan menggalakkan sekolah lain untuk mempertingkatkan prestasi masing-masing. Sasaran asal inisiatif ini adalah untuk mengiktiraf dan memberikan ganjaran kepada 50 buah sekolah berprestasi tinggi menjelang akhir tahun 2011. Walau bagaimanapun, bilangan sebenar sekolah berprestasi tinggi ialah 52 buah sekolah, iaitu menjangkaui sasaran



tahun 2011. Matlamat kini adalah untuk meningkatkan bilangan SBT kepada 100 buah sekolah menjelang tahun 2012.

KEJAYAAN BESAR 4

Tawaran Baharu kepada Guru Besar dan Pengetua

Inisiatif Tawaran Baharu disasarkan kepada pemimpin sekolah yang menjadi pemacu utama perubahan dalam sistem persekolahan. Kelayakan untuk Tawaran Baharu ditentukan oleh satu himpunan syarat ketat yang menilai prestasi sekolah berkenaan secara menyeluruh dan juga pencapaian individu pemimpin sekolah tersebut. Matlamat yang ditetapkan pada tahun 2011 adalah

untuk menawarkan Tawaran Baharu kepada 3% guru besar sekolah rendah dan 2% pengetua sekolah menengah. Pencapaian sebenar ialah 5.2% dan 4.2%. Sasaran kini adalah untuk menjangkau 4% tawaran kepada guru besar sekolah rendah dan 3% tawaran kepada pengetua sekolah menengah pada tahun 2012.



¹ Sasaran 2% untuk pengetua sekolah menengah pada tahun 2011 adalah berdasarkan sasaran tahun 2010 kerana keputusan Tawaran Baru untuk sekolah menengah hanya akan dimaklumkan selepas pengumuman keputusan SPM pada bulan Mei 2012.

KEJAYAAN BESAR 5 Merapatkan jurang kualiti sekolah

Sekolah berpencapaian rendah memerlukan bantuan dan akauntabiliti yang lebih mantap untuk mempertingkatkan penyampaian dan penyediaan pendidikan kepada pelajar, dan juga untuk merapatkan jurang dengan sekolah berprestasi tinggi demi mengurangkan perbezaan pencapaian pelajar. Bagi membantu mempertingkatkan sekolah yang lemah di negara ini, NKRA Pendidikan memperkenalkan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP), yang memberikan analisis dan menyediakan bantuan kepada sekolah yang berada dalam Band 6 dan 7. SIP juga membantu sekolah

yang walaupun tidak berpencapaian rendah, tetapi ia belum dipilih sebagai sekolah berprestasi tinggi. Oleh yang demikian, program ini mempunyai dwifungsi, iaitu meningkatkan standard dengan menambah bilangan sekolah berprestasi tinggi dan juga merapatkan jurang pencapaian melalui pengurangan bilangan sekolah yang berprestasi rendah. Pada tahun 2011, inisiatif ini menyasarkan pengurangan 20% sekolah dalam Band 6 dan 7, serta peningkatan 8% sekolah dalam Band 1 dan 2. Walau bagaimanapun, program tersebut telah menjangkaui sasaran, dengan pengurangan sebanyak 40.25% sekolah dalam Band 6 dan 7, selain peningkatan



21.86% sekolah dalam Band 1 dan 2. Sasaran untuk 2012 adalah untuk terus mengurangkan bilangan sekolah berprestasi rendah sebanyak 20% dan meningkatkan bilangan sekolah berprestasi tinggi sebanyak 8%.

Pengenalan kepada GTP 2.0 (2013 - 2015)

Kes bagi Perubahan

Meskipun pelbagai kejayaan telah dicapai di bawah inisiatif GTP 1.0, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar di Malaysia, terutamanya jika negara ingin merealisasikan sasaran untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Terdapat keperluan yang mendesak bagi perubahan tiga dimensi sistem pendidikan kini untuk menyokong sasaran pembangunan Malaysia. Tiga dimensi tersebut mencetus aspirasi sistem pendidikan Malaysia, iaitu mempertingkatkan akses, mengukuhkan kualiti dan meningkatkan ekuiti pendidikan.

Aspirasi tersebut akan memberikan input dan memandu inisiatif-inisiatif pendidikan sepanjang tiga tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, inisiatif-inisiatif NKRA Pendidikan ini sahaja tidak memadai untuk mencapai ketiga-tiga aspirasi tersebut sepenuhnya.

	Akses	Kualiti	Ekuiti
Pelan Pembangunan Pendidikan (2013 - 2025)	<p>100% enrolmen universal merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang 2020</p> <p>Daripada enrolmen yang malar pada hari ini kepada peringkat negara maju</p> <p>98% Sekolah Rendah 90% Sekolah Menengah Rendah 85% Sekolah Menengah Atas</p>	<p>Kelompok seprtiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA, TIMSS dalam tempoh 15 tahun (daripada kelompok seprtiga tercorot)</p> <p>Malaysia sebagai salah sebuah sistem yang meningkat paling pantas di dunia, dalam 15 tahun</p>	<p>Pengurangan 50% dalam jurang pencapaian (seperti bandar-luar bandar, sosioekonomi, jantina) pada 2020</p> <p>Malaysia menjadi salah sebuah negara yang mempunyai ekuiti tinggi dalam sistem pendidikan</p>
GTP 2.0 (2013-2015)	<p>Prasekolah 92%</p>	<p>Mencapai Purata antarabangsa dalam penilaian antarabangsa seperti PISA, TIMSS*</p>	<p>Pengurangan 25% dalam jurang bandar-luar bandar merentas seluruh Malaysia*</p>

Rajah 2: Tiga aspirasi telah dikenal pasti

* Sasaran perlu dicapai oleh inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan dan GTP 2.0

Aspirasi 1: Enrolmen Universal

Ketidaksaksamaan dalam sistem pendidikan negara masih wujud meskipun enrolmen menghampiri tahap universal pada peringkat rendah dan menengah. Pada masa kini, kira-kira 95% daripada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan 90% daripada kanak-kanak di peringkat sekolah menengah rendah berada dalam sistem persekolahan.

Malangnya, kadar enrolmen tersebut sudah malar dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kesukaran untuk mencapai 5% dan 10% terakhir kanak-kanak yang tidak bersekolah ini. Mereka lazimnya merupakan pelajar yang berada dalam kategori berisiko (at-risk)

yang mencakupi mereka yang berada dalam kumpulan minoriti orang asli dan keluarga miskin tegar.

Perkembangan semasa ini tidak begitu memberangsangkan kerana negara serantau seperti Korea dan Jepun mempunyai enrolmen yang hampir universal pada peringkat sekolah rendah. Walaupun penyertaan pada peringkat menengah atas di Malaysia telah berkembang – 80% berbanding dengan 45% pada tahun 1980-an – namun kebimbangan yang utama adalah angka tersebut tidak berkembang sepantas negara serantau yang mempunyai kadar enrolmen melebihi 90% secara konsisten.

Pendidikan ialah sebuah bidang yang tidak boleh dikompromikan, dan meskipun hanya terdapat seorang kanak-kanak yang tercicir, ia boleh dianggap sebagai satu kegagalan dalam sistem pendidikan negara. Inisiatif GTP 2.0 NKRA Pendidikan akan fokus kepada prasekolah dan pendidikan awal kanak-kanak sepanjang tiga tahun yang akan datang sementara Kementerian Pelajaran juga akan melaksanakan inisiatif sasaran pengekalan (targeted retention) untuk terus mempertingkatkan kadar enrolmen sekolah rendah dan menengah.

Aspirasi 2: Meningkatkan kualiti pendidikan

Tanpa melihat kepada angka dan statistik, satu lagi isu yang menjadi kebimbangan dalam sistem pendidikan Malaysia ialah kualiti pendidikan yang diperoleh pelajar kita. Sebuah penilaian antarabangsa berkaitan dengan matematik dan sains, "The Trend in International Mathematics and Science Study" (TIMSS), mendapati bahawa pelajar Malaysia telah jatuh daripada kedudukan ke-16 dan ke-22 (daripada 38 buah negara) kepada kedudukan ke-26 dan ke-28 masing-masing dalam matematik dan pengetahuan sains. Lebih merisaukan lagi, satu perlima pelajar Malaysia gagal mencapai tanda aras minimum dalam Sains dan

Matematik, meningkat daripada 5% hingga 7% antara tahun 2003 hingga 2007.

Kemerosotan pentaksiran pelajar Malaysia dibuktikan lagi oleh keputusan pentaksiran yang diperoleh negara menerusi penyertaan sulung dalam Program Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) bagi Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) 2009+. Malaysia berada dalam kelompok sepertiga tercorot antara 74 buah negara yang mengambil bahagian, di bawah purata antarabangsa dan purata OECD. Selain itu, hampir 60% pelajar Malaysia gagal mencapai tanda



aras minimum dalam matematik, manakala 44% dan 43% gagal mencapai standard bacaan dan sains masing-masingnya.

Bacaan			Matematik			Sains		
Kedudukan	Negara	Skor Min	Kedudukan	Negara	Skor Min	Kedudukan	Negara	Skor Min
1	Shanghai-China	556	1	Shanghai-China	600	1	Shanghai-China	575
2	Korea	539	2	Singapore	562	2	Finland	554
3	Finland	536	3	Hong Kong	555	3	Hong Kong	549
4	Hong Kong	533	4	Korea	546	4	Singapore	542
5	Singapore	526	5	Taiwan	543	5	Japan	539
42	Russian Fed.	459	41	Croatia	460	40	Greece	470
Purata Antarbangsa			Purata Antarbangsa			Purata Antarbangsa		
43	Chile	449	42	Israel	447	41	Malta	461
53	Thailand	421	52	Thailand	419	51	Thailand	425
55	Malaysia	414	57	Malaysia	404	52	Malaysia	422
62	Indonesia	402	68	Indonesia	371	68	Indonesia	383

Rakan serantau

Rajah 3: Kedudukan Malaysia berada pada kedudukan satu pertiga tercorot daripada 74 negara merentas semua subjek dalam PISA

SUMBER: PISA 2010

Oleh itu, aspirasi kedua bagi sektor pendidikan ialah kualiti, yang menyasarkan untuk meletakkan negara pada kedudukan satu pertiga teratas dalam kalangan negara

yang mengambil bahagian dalam penilaian antarabangsa seperti TIMSS dan PISA. Sehubungan itu, NKRA Pendidikan akan memperkenalkan inisiatif yang menyasarkan untuk

mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (guru), dan mempertingkatkan standard dalam kemahiran teras literasi dan numerasi (LINUS 2.0 dan Bahasa Inggeris).

Aspirasi 3: Merapatkan Jurang Perbezaan

Aspirasi ketiga sistem pendidikan adalah untuk merapatkan jurang antara rakyat Malaysia yang berada di spektrum sosioekonomi dan geografi yang bertentangan, dengan menjadikan kualiti pendidikan lebih saksama dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat. Di Malaysia, terdapat jurang perbezaan pencapaian pelajar yang ketara antara persekitaran bandar dan luar bandar, antara pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan tinggi dan keluarga yang berpendapatan rendah, antara negeri yang berbeza serta antara jantina.

Sebagai contoh, sekolah bandar secara puratanya mencapai 4 mata peratusan

lebih tinggi daripada sekolah luar bandar dalam peperiksaan kebangsaan UPSR meskipun jurang tersebut semakin berkurangan. Dalam konteks pelajar daripada status sosioekonomi yang berbeza, jurang masih lagi tinggi. Jurang tersebut dapat diperhatikan melalui tiga proksi: tahap pendidikan tertinggi ibu bapa, purata pendapatan isi rumah negeri, dan peratusan pelajar yang menerima bantuan asas kewangan (KWAPM). Bagi ketiga-tiga proksi, bukti-bukti menunjukkan secara konsisten bahawa pelajar daripada keluarga miskin selalunya tidak dapat mencapai prestasi sebaik pelajar daripada keluarga berpendapatan sederhana atau berpendapatan tinggi.

Penyampaian pendidikan yang lebih saksama di Malaysia akan memastikan kewujudan sumber manusia yang lebih kohesif dan berdaya maju dari segi ekonomi, dan secara langsung memastikan penglibatan yang saksama oleh semua lapisan masyarakat dalam kemakmuran dan masa depan negara. Selain itu, ia juga akan menyumbang kepada kebajikan negara secara menyeluruh dan memastikan pembangunan negara secara berterusan sama ada di bandar maupun di kampung di kawasan luar bandar.

Tinjauan Keseluruhan

GTP 2.0 NKRA Pendidikan telah direka bentuk dengan mengambil kira tiga aspirasi yang telah dijelaskan di atas, dan merupakan subset kepada inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP), iaitu sebuah program transformasi dalam tempoh 13 tahun yang bermula pada tahun 2013 hingga 2025. Pelan Pembangunan Pendidikan merupakan hasil kajian semula yang komprehensif terhadap sistem pendidikan di Malaysia oleh Kementerian Pelajaran dan akan dimuktamadkan pada akhir tahun 2012.

Maklumat tentang hasil kajian semula tersebut, termasuk butiran bagaimana prestasi Malaysia dalam isu akses, kualiti dan ekuiti, serta langkah-langkah lain yang diambil oleh Kementerian, akan dilaporkan melalui dokumen awal yang akan diterbitkan oleh

Kementerian pada bulan September tahun ini untuk rundingan awam. Bagi menghasilkan PPP tersebut, pelbagai sumber telah digunakan termasuklah kajian antarabangsa oleh UNESCO dan Bank Dunia, keputusan pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA, kajian oleh enam buah universiti tempatan, serta input daripada ribuan guru, pengetua, ibu bapa dan pelajar melalui sesi dialog, tinjauan perbincangan meja bulat, temu ramah, dan kumpulan fokus.


Pelan Pembangunan Pendidikan yang baharu akan memacu dan membentuk sasaran jangka panjang pembaikpulihkan sistem pendidikan selain menangani sasaran jangka pendek lain yang kritikal. Projek jangka pendek berimpak tinggi ini akan memberikan manfaat secara

langsung kepada rakyat dan kumpulan pelajar kini di samping mencetuskan dorongan tambahan kepada penambahbaikan pendidikan jangka panjang. Isu-isu ini akan ditangani dalam NKRA Pendidikan GTP 2.0, yang juga merupakan gelombang pertama di bawah pelan hala tuju (Roadmap) keseluruhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Inisiatif GTP 2.0 akan meneruskan usaha murni yang telah dimulakan oleh GTP 1.0, dan sekali lagi akan berasaskan aspirasi-aspirasi yang telah dijelaskan di atas. Inisiatif GTP 2.0 akan menyaksikan pelaksanaan inisiatif sedia ada dalam GTP 1.0 dan inisiatif baharu, dan kesemuanya dirangkumi di bawah tujuh aliran kerja:

1. Prasekolah dan Pusat Penjagaan Awal Kanak-kanak
2. LINUS 2.0
3. Sekolah Berprestasi Tinggi
4. Program Transformasi Daerah (Kesinambungan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP))
5. Pakej Baharu Kerjaya Pengetua/Guru Besar (Kesinambungan Tawaran Baharu)
6. Pakej Baharu Kerjaya Guru
7. Bahasa Inggeris: Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Inggeris

Aliran Kerja & Inisiatif



Rajah 4: GTP 2.0 akan mencakupi dua program tambahan selain peningkatan terhadap program sedia ada

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh rajah di atas, GTP 2.0 akan menyaksikan kesinambungan lima program yang sedia ada dalam GTP 1.0 dengan pengukuhan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang. Sementara itu, program Paket Kerjaya Guru dan program Bahasa Inggeris: Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Inggeris juga akan diperkenalkan.

Seperti tema keseluruhan GTP 2.0, NKRA Pendidikan juga akan berusaha ke arah memperluas dan memperinci proses transformasi menggunakan pencapaian GTP 1.0 sebagai titik permulaan. Pengukuhan terhadap lima program sedia ada yang akan diteruskan diperincikan dalam jadual yang berikut:

	Fokus GTP 1.0	Fokus GTP 2.0
Prasekolah	<ul style="list-style-type: none"> Memurnikan sokongan untuk prasekolah awam Menambah baik dan memurnikan kualiti guru dan pembantu guru di seluruh prasekolah awam Meningkatkan bilangan kelas prasekolah di bandar (kawasan berpendapatan rendah), luar bandar, dan pedalaman melalui Perkongsian Awam-Swasta 	<p>Peningkatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Terus meningkatkan bilangan kelas Menyemak dan mengkaji semula bantuan yuran dan geran serta memperluaskan manfaat yang serupa kepada pusat penjagaan kanak-kanak (memenuhi keperluan kanak-kanak daripada umur 0-4 tahun) <p>BAHARU</p> <ul style="list-style-type: none"> Fokus kepada Kualiti – memastikan standard kebangsaan untuk prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak; dan peningkatan skill guru prasekolah
LINUS	<ul style="list-style-type: none"> LINUS Bahasa Malaysia Saringan LINUS (9 saringan dilakukan untuk Tahun 1-3, iaitu 3 saringan setahun) latihan untuk guru pemulihan Penilaian tahap pelajar – "Konstruk 8" (Literasi) dan "Konstruk 10" (Numerasi) 	<p>Peningkatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Saringan: 6 saringan dilakukan untuk Tahun 1-3 dengan 2 saringan setiap tahun Latihan: menyelaras semula modul LINUS dengan KSSR dan menambah latihan kemahiran untuk guru pemulihan Penilaian: melepas 12 konstruk untuk menyertai semula kurikulum arus perdana <p>BAHARU</p> <ul style="list-style-type: none"> LINUS 2.0: Literasi Bahasa Inggeris Tahun 1-3 (selaras dengan KSSR), dengan latihan untuk guru pemulihan Bahasa Inggeris
Tawaran Baharu	<ul style="list-style-type: none"> Ganjaran tahunan untuk pengetua dan guru sekolah berprestasi terbaik dan yang melonjakkan kecermelangan sekolah Ganjaran berkaitan dengan pencapaian keseluruhan dan individu Pengetua menerima RM7,500. 5% guru pencapaian tertinggi menerima RM1,600 & baki 95% guru menerima RM900 	<p>Peningkatan / Baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> Meneruskan ganjaran tahunan untuk sekolah (pengetua dan guru) di bawah Tawaran Baharu Menghubungkan Pakej Kerjaya Pengetua dan Guru baharu (dan pengurusan prestasi)

Rajah 5: Inisiatif NKRA Pendidikan dihubungkan dengan inisiatif GTP 1.0

	Fokus GTP 1.0	Fokus GTP 2.0
SIP	<ul style="list-style-type: none"> • Ranking dan band sekolah • Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC) dan Rakan Pembimbing Pembangunan Sekolah (SiPartner) • Pelan tindakan program pembangunan sekolah 	<p>Peningkatan / Baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memperluas pembimbing SiPartner+ dan SISC+ menjadi pembimbing sepenuh masa dalam Program Pembangunan Peringkat Daerah (PPD): <ul style="list-style-type: none"> - Memperkuatkukuh PPD untuk menyokong sekolah (memberikan lebih banyak sumber dan hak membuat keputusan) - Papan permuca (dashboard) dan KPI yang standard untuk semua negeri, daerah dan sekolah (diintegrasikan dengan data SAPS) - Menyesuaikan intervensi khusus untuk sekolah yang berbeza (memfokuskan akses, kualiti dan ekuiti)
SBT	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah bilangan sekolah berprestasi tinggi (66 buah sekolah sedia ada) 	<p>Peningkatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memfokuskan pengawalan kualiti SBT (mengelakkan penurunan ke Band 2) dan memastikan kuasa autonomi digunakan sepenuhnya • Meneruskan fokus kepada minimum 100 SBT

SAPS: Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah

1 Prasekolah dan Pusat Penjagaan Awal Kanak-Kanak

GTP 1.0 menekankan kepentingan meningkatkan kadar enrolmen prasekolah, manakala GTP 2.0 menyasarkan untuk terus menambah baik program tersebut dengan memperkenalkan standard minimum prasekolah dan terus memperluas program tersebut untuk turut merangkumi pusat penjagaan awal kanak-kanak. Dalam melangkah ke hadapan, sejajar dengan GTP 1.0, fokus ditumpukan kepada menambah baik akses dan meningkatkan kualiti keseluruhan prasekolah dengan menjadikan semua prasekolah awam dan swasta sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan.

Semakan semula program tersebut menyasarkan matlamat-matlamat yang berikut:

- Meningkatkan kualiti enrolmen dan perkhidmatan prasekolah serta perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak
- Terus menyediakan perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak dan prasekolah yang berpatutan

dan berkualiti untuk keluarga berpendapatan rendah


- Memastikan enrolmen tersebut dilaksanakan di pusat-pusat yang sah dan berkelayakan

Secara khususnya, pelaksanaan pelan tersebut akan melibatkan langkah-langkah yang berikut:

- Meningkatkan bilangan kelas yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan dan juga operator swasta
- Mengkaji semula dan menyemak syarat-syarat kelayakan untuk bantuan yuran dan geran permulaan prasekolah dan mekanisme pembayarannya
- Memurnikan kelayakan pembantu guru dan guru prasekolah
- Memperluas bantuan yuran dan melancarkan geran permulaan untuk pusat penjagaan kanak-kanak (kanak-kanak berumur 0-4 tahun)
- Mewujudkan Standard Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) Kebangsaan dan standard profesional untuk guru

Perancangannya adalah untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif tersebut dengan segera, dengan sasaran untuk mencapai 92% dan 10% enrolmen dalam prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak pada tahun 2015. Terdapat juga sasaran sampingan, iaitu untuk memastikan semua prasekolah awam dan sekurang-kurangnya 50% prasekolah swasta diberi penaziran dan ditaraf oleh Kementerian Pelajaran dan Majlis ECCE pada tahun 2015, dan 30% daripada semua tenaga pengajar prasekolah memiliki kelayakan Diploma pada tarikh akhir yang sama.

Inisiatif-inisiatif tersebut juga sewajarnya memindahkan sebahagian kos yang ditanggung oleh sektor awam kepada sektor swasta dengan menggalakkan penyertaan lebih banyak operator swasta di negara ini.




2 LINUS 2.0

Kejayaan program LINUS dalam GTP 1.0 menunjukkan betapa besarnya impak yang dapat diberikan oleh pendidikan awal literasi dan numerasi dalam memastikan semua kanak-kanak mempunyai kemahiran asas bahasa Malaysia dan Matematik. Bagi meneruskan kejayaan program LINUS lagi, GTP 2.0 akan menyaksikan program tersebut diperluas untuk memastikan kanak-kanak sekolah juga mencapai standard asas literasi bahasa Inggeris.

Sementara itu, struktur asas program tersebut juga akan dipertingkatkan untuk memastikan kewujudan penilaian yang lebih komprehensif terhadap semua kanak-kanak sekolah Tahun 1 sehingga Tahun 3, bagi memastikan tiada pelajar yang tercicir. Dalam GTP 1.0, seperti yang dipaparkan dalam carta di bawah, hanya kanak-kanak sekolah yang tidak mencapai standard pada awal Tahun 1 didaftarkan dalam program LINUS, dan seterusnya dipantau

sepanjang 3 tahun yang berikutnya. GTP 2.0 akan menambah baik proses saringan ini dengan memastikan semua kanak-kanak disaring dua kali setahun dari Tahun 1 sehingga Tahun 3.




Rajah 6: LINUS 2.0 akan meneruskan usaha dalam mempertingkatkan literasi BM dan numerasi, serta menangani isu literasi Bahasa Inggeris

Saringan literasi bahasa Inggeris dalam LINUS 2.0 akan dilaksanakan dalam dua fasa. Pada fasa yang pertama, ujian saringan asas akan dijalankan untuk menilai tahap literasi bahasa Inggeris sedia ada kanak-kanak Tahun Satu hingga Tiga. Setelah ujian tersebut dijalankan, fasa kedua pula akan menentukan sasaran dan KPI untuk komponen bahasa Inggeris dalam LINUS 2.0.

Demikian juga, GTP 2.0 akan menyaksikan kohort fasilitator LINUS, fasiLINUS, diperluas untuk turut merangkumi bimbingan untuk literasi asas bahasa Inggeris. Mereka juga akan diberi latihan selanjutnya untuk meningkatkan tanggungjawab mereka menjangkaui pedagogi untuk menyokong guru-guru berkaitan dengan pelaksanaan dan penilaian kurikulum. Inisiatif ini akan dibincangkan

dengan lebih lanjut dalam inisiatif Program Tranformasi Daerah (District Transformation Programme).



3 Sekolah Berprestasi Tinggi

Inisiatif daripada GTP 1.0 ini akan diteruskan dalam GTP 2.0, tetapi bagi tiga tahun yang akan datang ini, ia juga akan memfokuskan pengekalan standard kualiti yang tinggi untuk semua sekolah berprestasi tinggi. Dengan kata lain, GTP 2.0 akan memastikan semua sekolah berprestasi tinggi (SBT) tidak mengalami kemerosotan dalam

pencapaiannya, selain memastikan SBT memanfaatkan autonomi tambahan yang dimiliki mereka sepenuhnya untuk terus menginovasi dan meningkatkan standard masing-masing.

Semua sekolah perlu berusaha untuk mempertingkatkan lagi tahap pencapaian masing-masing dan

beraspirasi untuk akhirnya menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi. Dalam GTP 2.0, sasaran akan diteruskan untuk mencapai sekurang-kurangnya 100 buah Sekolah Berprestasi Tinggi selain memastikan mereka mengekalkan standard kualiti yang tinggi.

4 Program Tranformasi Daerah

Kejayaan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) dalam GTP 1.0 mendedahkan betapa pentingnya untuk menyasarkan sekolah yang lemah dan membantu mempertingkatkan sekolah tersebut melalui usaha yang terancang. Inisiatif ini akan diteruskan dalam GTP 2.0, dan diperluas lagi di bawah rubrik Program Tranformasi Daerah.

Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) memainkan peranan yang penting dalam merapatkan jurang pencapaian antara sekolah di dalam daerah yang sama kerana mereka berada di barisan hadapan dan berada pada kedudukan yang terbaik untuk menyokong sekolah-sekolah di seluruh negara. Dalam aliran kerja ini, inisiatif disalurkan untuk mempertingkatkan penyelarasan dan berkongsi amalan terbaik supaya setiap PPD diperkasakan untuk memberikan sokongan langsung dan akauntabiliti kepada sekolah. Terdapat tiga elemen dalam program tranformasi ini:

- Mengkaji semula peranan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) untuk menyediakan lebih banyak sokongan barisan hadapan kepada sekolah-sekolah.
- Mewujudkan KPI yang standard pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan melalui dashboard dan ranking baharu.
- Menyasarkan intervensi di sekolah-sekolah yang amat memerlukannya.

Program ini akan menyaksikan PPD ditranformasi secara menyeluruh dengan memberikan kapasiti dan kuasa yang lebih kepada mereka untuk membantu sekolah di bawah bidang kuasa mereka. Untuk melaksanakannya, NKRA Pendidikan akan membantu mewujudkan asas yang akan memperkuuh PPD dengan memberikan latihan dan sumber serta platform untuk berkongsi amalan terbaik. Ini seterusnya akan menanamkan budaya berdasarkan

prestasi dalam PPD, yang kemudiannya dapat diterapkan kepada sekolah-sekolah di bawah kuasa mereka.

Program Tranformasi Daerah merupakan lanjutan daripada Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP), dengan pejabat pelajaran daerah (PPD) diperkuuh untuk memberikan bantuan yang lebih baik kepada sekolah di daerah masing-masing, terutamanya sekolah-sekolah yang sangat memerlukan bantuan. Ciri-ciri penting dalam SIP di bawah GTP 1.0 akan dipertingkatkan, contohnya peluasan program Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC) untuk membantu guru-guru dengan kurikulum, pentaksiran dan pedagogi. Peningkatan tersebut akan mengukuhkan SISC dan juga FasiLINUS, iaitu daripada inisiatif GTP 1.0, untuk membantu dan melaksanakan intervensi di sekolah-sekolah yang mula menghadapi kemerosotan.

5 Pakej Kerjaya Pengetua/Guru Besar

Inisiatif Tawaran Baharu GTP 1.0 yang memberikan ganjaran kepada pengetua dan guru besar berprestasi tinggi terbukti merupakan sebuah mekanisme yang berkesan dalam memotivasi dan memberikan insentif kepada pemimpin sekolah. Justeru, inisiatif ini akan diteruskan dalam GTP 2.0. Kepemimpinan sekolah merupakan salah satu pemacu penting bagi prestasi sekolah dan pencapaian pelajar. Oleh itu, fokus yang lebih besar akan diberikan sepanjang tiga tahun akan datang

untuk memberikan sokongan yang lebih kukuh kepada pengetua dan guru besar, termasuklah dalam perancangan penggantian serta kemajuan dan pembangunan kerjaya.

NKRA Pendidikan menemui beberapa ruang untuk penambahbaikan dalam profesion pengetua dan guru besar, dan telah mengambil langkah-langkah untuk menambah baik keadaan ini dalam GTP 2.0. Salah satu masalah besar yang dihadapi oleh sistem pendidikan ialah

memastikan wujudnya perancangan penggantian yang sihat untuk pengetua yang bakal bersara. Masalah ini berpunca daripada kekurangan kriteria yang konsisten untuk kenaikan pangkat ke jawatan pengetua dan guru besar.

Oleh itu, GTP 2.0 menyaksikan pengenalan dua inisiatif baharu sebagai tambahan kepada kesinambungan inisiatif Tawaran Baharu dalam aliran kerja ini.

Inisiatif: Pelan Penggantian dan program Laluan Pantas bagi Pengetua/Guru Besar

Pelan penggantian pengetua dan guru besar yang ada pada hari ini tidak menetapkan dengan jelas kelayakan dan kriteria yang diperlukan. Hal ini mungkin bermakna terdapat kekurangan calon terbaik untuk memenuhi kekosongan yang wujud apabila 4,000 pengetua bakal bersara dalam masa lima tahun yang akan datang.

Pada masa ini, proses pelantikan dan penempatan pengetua boleh memakan masa sehingga setahun, dan ini bermakna sekolah mungkin ketiadaan pemimpin untuk jangka masa yang panjang. Malah, ada sekolah yang melaporkan kesukaran melantik pengetua dan guru besar, terutamanya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Matlamat inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kecekapan proses penggantian pengetua dengan mewujudkan proses yang lebih jelas untuk mengenal pasti calon pelapis

pengetua berdasarkan prestasi.

Tambahan lagi, bilangan pengetua yang bakal bersara yang ramai pada masa terdekat ini merupakan satu peluang untuk melantik pengetua yang lebih berkelayakan dengan meningkatkan standard pengambilan pengetua. Ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam pakej baharu kerjaya pengetua.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini:

- Proses pemilihan akan dioptimumkan dan dipendekkan bagi mengenal pasti pengganti kepada pengetua yang akan bersara. Secara idealnya, tempoh yang paling sesuai ialah enam bulan sebelum tarikh persaraan sebenar.
- Mewujudkan sistem berpusat dan sistem ‘lampau trafik’ untuk mengambil pengetua daripada senarai calon yang berkelayakan dan telah bersedia,
- Menyemak semula insentif untuk menarik calon berkualiti ke sekolah luar bandar.

- Menyediakan sokongan untuk membantu perpindahan pengetua ke sekolah baharu.

Inisiatif ini akan mengenal pasti sebuah kumpulan calon pengganti untuk pengetua yang akan bersara dalam masa lima tahun yang akan datang, dan juga akan mewujudkan proses pemilihan dan penempatan yang lebih cekap.

Sebagai manfaat tambahan, inisiatif tersebut juga akan mewujudkan sebuah sistem perancangan awal yang boleh menentukan kekosongan jawatan serta mengenal pasti calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan tersebut enam bulan sebelum jawatan itu dikosongkan.

Proses pemilihan pengetua juga akan dioptimumkan dengan mengurangkan jangka masa sedia ada, yang secara puratanya mengambil masa lapan hingga sebelas bulan kepada hanya lima bulan.

Inisiatif: Pakej Baharu Kerjaya Pengetua/Guru Besar

Sejajar dengan Pakej Kerjaya Guru Baharu yang digariskan dalam seksyen ini, Pakej Kerjaya Pengetua baharu akan mewujudkan satu standard baharu, rangka kerja kompetensi, laluan kerjaya, alat penilaian prestasi serta pelan pembangunan profesional berterusan (Continuous Professional Development, CPD). Pada masa ini, masih belum terdapat proses dan kriteria yang jelas untuk pemilihan pemimpin sekolah dan juga tiada laluan kerjaya yang jelas untuk calon-calon yang berminat. Instrumen penilaian sedia ada tidak dapat membezakan dengan berkesan antara pengetua yang berprestasi tinggi dan yang berprestasi rendah. Hal ini terbukti dengan kewujudan

kes pengetua yang mencapai skor yang tinggi walaupun pencapaian sekolah keseluruhan yang rendah atau mengalami kemerosotan secara berterusan.

Pakej Kerjaya Pengetua yang baharu akan meninggikan kriteria minimum dan rangka kerja kompetensi untuk memastikan kualiti pengetua dan pada masa yang sama menggariskan laluan kerjaya untuk calon-calon yang berminat. Kewujudan sistem yang objektif akan membantu Kementerian untuk menilai dan mengenal pasti calon yang berkelayakan, serta membantu pengetua menentukan tahap pencapaian masing-masing.

Dengan itu, sistem pendidikan menyasarkan untuk mempercepat laluan kerjaya pengetua yang cemerlang – melalui pemberian insentif dan penyediaan prospek yang lebih bagus – dan pada masa yang sama, pengetua yang secara konsisten berpencapaian rendah, akan dikeluarkan daripada sistem pendidikan Malaysia. Walaupun bantuan yang sesuai akan diberikan kepada pengetua yang berpencapaian rendah supaya mereka boleh menjadi lebih tangkas, jawatan mereka akan dilucutkan sekiranya mereka secara berterusan masih gagal mencapai prestasi yang tinggi meskipun dengan bantuan yang diberikan.

Inisiatif ini menyokong dan berkait rapat inisiatif pertama dengan menyediakan standard ukuran yang objektif untuk membantu mengenal pasti dan melantik pengetua bagi mengisi kekosongan

secepat mungkin. Pada masa ini, kemajuan kerjaya lebih berdasarkan tahun perkhidmatan berbanding dengan prestasi, akan tetapi GTP 2.0 menyasarkan untuk mengubah keadaan

ini supaya pencapaian dan kompetensi diberikan keutamaan.

	Inisiatif	Penyampaian Utama
<p>4,000 pengetua akan bersara dalam 5 tahun tanpa pelan penggantian</p> <p>Tiada pendekatan Pengurusan Prestasi yang berbeza</p> <p>Negeri dan daerah melaporkan kesukaran untuk mendapatkan pengetua bagi kawasan luar bandar</p> 	<p>Pakej Baharu Kerjaya Pengetua/Guru Besar</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menetapkan kriteria minimum untuk memastikan kualiti pengetua Menyokong Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan (Pengetua & Guru Besar) Memperjelas laluan kerjaya untuk pengetua dan mewujudkan alat penilaian prestasi baharu yang selari dengan Pakej Kerjaya Guru Baharu dicadangkan Membangunkan Pelan Pembangunan Profesional Berterusan selaras dengan prestasi pengetua dan guru besar
	<p>Proses Penempatan Proaktif dan Insentif Baharu Berfokus kepada Sekolah Luar Bandar</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan dan memendekkan proses pemilihan untuk pengenapastian awal pengganti pengetua (>6 bulan sebelum persaraan) Mengenal pasti sekolah yang mempunyai pengetua yang akan bersara atau sekolah yang tiada pengetua Mewujudkan sistem berpusat dan bersepadan bagi pemilihan dan perlantikan calon, dengan sistem lampu trafik menunjukkan tahap kebersediaan calon Mengkaji semula pemberian insentif untuk menarik calon yang berkualiti ke sekolah luar bandar Menyediakan program transisi khas antara pengetua yang akan bersara dengan pengetua baharu.

Rajah 7: Pakej Kerjaya Pengetua Baharu GTP 2.0

6 Pakej Kerjaya Guru

Kualiti pengajaran merupakan penentu penting bagi pencapaian pelajar, dengan kebanyakan data menunjukkan bahawa prestasi seorang pelajar boleh menjadi terhambat oleh guru berprestasi

rendah atau dipertingkatkan oleh guru berprestasi tinggi. Satu inisiatif teras NKRA Pendidikan adalah untuk memperlengkap dan memberikan ganjaran yang lebih baik kepada

guru-guru bagi mempertingkatkan pencapaian pelajar. Untuk mencapai matlamat ini, dua inisiatif telah diperkenalkan dalam GTP 2.0.



Figure 8: Guru adalah penting: Kualiti pengajaran ialah pemicu berdasarkan sekolah yang paling penting dalam pencapaian pelajar

SUMBER: Sanders and Rivers 'Cumulative and residual effects on future student academic achievements', 1996

Inisiatif: Pakej Baharu untuk Guru

Inisiatif ini menyasarkan untuk merangsang peluang kerjaya bagi semua 410,000 guru di seluruh negara, dan akan memperkenalkan satu instrumen penilaian yang berteraskan kompetensi pengajaran dan pembelajaran. Inisiatif ini juga akan mengurangkan jangka masa - dari 25 tahun - yang diperlukan oleh guru berprestasi tinggi untuk mencapai kemajuan daripada seorang guru baharu hingga menjadi seorang guru pakar.

Selain itu, guru-guru akan meraih manfaat daripada program pembangunan profesional berterusan yang komprehensif dan disesuaikan khusus mengikut keperluan masing-masing. Akhir sekali, inisiatif ini juga akan menyediakan program pembangunan intensif dan pada akhirnya sokongan transisi bagi guru yang masih lagi tidak

mencapai prestasi memuaskan secara konsisten, yang menempatkan semula tugas mengajar di kelas kepada tugas atau sektor lain.

Meskipun Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan syarat-syarat kemasukan guru-guru baharu, guru sedia ada juga perlu diberi insentif untuk terus merangsang prestasi mereka. Inisiatif ini akan menggariskan dengan jelas tentang apa yang diperlukan daripada guru, bagaimana untuk mencapainya, serta menyediakan sokongan untuk membantu kemajuan kerjaya mereka. Sistem kemajuan kerjaya dan pemberian ganjaran yang baharu ini menyasarkan untuk memotivasi guru untuk meningkatkan kemahiran dan pencapaian sepanjang kerjaya mereka.

Program baharu pembangunan profesional sepanjang kerjaya (CPD) ini akan diterapkan di bawah inisiatif ini, dan struktur yang lebih baik akan diwujudkan untuk memantau aktiviti setiap guru, serta apa yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan kecekapan profesional masing-masing. Dalam fasa pertama pelaksanaan CPD, fokus utama ialah kemahiran pedagogi yang akan diterjemahkan menjadi pencapaian bilik darjah yang lebih baik. Sebagai salah satu daripada tawaran CPD, guru-guru juga akan didedahkan kepada amalan pengajaran terbaik melalui EduWebTV, iaitu sebuah program latihan video interaktif dalam talian. Fasa berikutnya juga akan menyediakan latihan CPD untuk guru-guru yang ditempatkan di Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri, dan Jabatan

Pelajaran Daerah bagi membantu mereka mencapai kemajuan dalam kerjaya pilihan mereka.


Pelaksanaan inisiatif ini akan membantu dalam meningkatkan daya tarikan profesion perguruan, dan memastikan bahawa hanya guru-guru terbaik diambil dan dikenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia. Pakej Kerjaya Guru baharu ini, secara ringkasnya, mengandungi empat

ciri utama:

- Laluan berdasarkan kompetensi baharu untuk mewujudkan peluang kerjaya yang menarik untuk guru, termasuklah program laluan pantas (fast-tracking) bagi mereka yang berprestasi tinggi
- Pewujudan sebuah instrumen penilaian bersepadu yang berteraskan pengajaran dan pembelajaran, menyatukan elemen terbaik daripada lima instrumen penilaian sedia ada,

dan menggabungkan pencapaian pelajar


- Pelan Induk Pembangunan Profesional Sepanjang Kerjaya (CPD) untuk menyediakan bantuan yang direka khusus untuk setiap guru
- Standard baharu untuk CPD, standard dan mekanisme pemantauan baharu untuk pengambilan guru baharu, dan sokongan sepanjang kerjaya serta penilaian guru



Rajah 9: Laluan kenaikan lebih pantas untuk guru berprestasi tinggi

7 Program Peningkatan Profesionalisme Bagi Guru Bahasa Inggeris

Standard kemahiran bahasa Inggeris pelajar Malaysia masih menjadi kebimbangan utama ibu bapa dan majikan. NKRA Pendidikan menyasarkan untuk membantu memulihkan keadaan ini dengan menambah baik cara bahasa Inggeris diajar di sekolah, dan dengan memberikan fokus kepada peningkatan kemahiran bahasa Inggeris guru bahasa Inggeris itu sendiri.



Aliran kerja ini bakal meningkatkan kemahiran tenaga pengajar bahasa Inggeris dengan pantas untuk memenuhi sasaran penyediaan seorang guru bahasa Inggeris mahir bagi setiap kelas di seluruh Malaysia, dan pada akhirnya membawa pelajar Malaysia ke tahap yang lebih hampir dengan standard pendidikan bahasa Inggeris antarabangsa. Sebuah program rintis telah dilancarkan pada tahun 2012 untuk meningkatkan tahap kemahiran guru bahasa Inggeris dengan pantas, bermula dengan ujian tahap profisiensi pada Mei 2012 untuk 7,000 guru bahasa Inggeris di empat buah negeri. Program ini akan dilancarkan untuk semua guru bahasa Inggeris di seluruh Malaysia.

Pendekatan serampang tiga mata akan digunakan, yang akan melibatkan pentaksiran, peningkatan, dan penempatan semula. Langkah pertama ialah Uji dan Penempatan semula, yang akan menentukan tahap profisiensi guru yang sedia ada, diikuti dengan inisiatif Peningkatan Profisiensi Intensif. Sasaran

aliran kerja ini adalah untuk menyaring kesemua 70,000 guru bahasa Inggeris pada 2012.

Sebuah program peningkatan profesionalisme juga telah diwujudkan, dengan sebuah program rintis yang menyasarkan untuk melatih semua guru tidak mahir dan dijangka dapat dilengkapkan menjelang Disember 2013. Sasaran program tersebut adalah untuk melatih semula semua guru tidak mahir menjelang tahun 2015.

Kerajaan sedar bahawa membangunkan warga kerja berkemahiran tinggi dalam bahasa Inggeris adalah penting sekiranya Malaysia ingin bersaing pada peringkat antarabangsa dan mentransformasi diri untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Penguasaan bahasa bermula semasa tahun-tahun awal pembentukan pendidikan, oleh itu, kelemahan dalam cara bahasa Inggeris yang diajar kini amatlah penting untuk ditangani. Harapan GTP 2.0 adalah agar inisiatif

baharu akan memperlengkapkan usaha LINUS 2.0 untuk membina asas yang lebih kukuh bagi menyediakan pelajar Malaysia untuk menghadapi pelbagai cabaran dan peluang pada masa hadapan.

Kesimpulannya, sokongan semua pihak berkepentingan yang terlibat adalah penting untuk mencapai sasaran NKRA Pendidikan. Kerajaan perlu menggandakan usahanya, guru yang merupakan tulang belakang sistem pendidikan, perlu menyesuaikan diri dan berubah, sementara ibu bapa pula perlu memberikan sokongan yang sepenuhnya terhadap inisiatif ini. Dalam perjalanan yang penuh bermakna ini, kita perlu senantiasa fokus dan berilitzam dalam usaha kita mencapai matlamat untuk menyediakan akses kepada pendidikan yang berkualiti kepada semua pelajar Malaysia.





Ringkasan Inisiatif

Prasekolah



- Meningkatkan bilangan kelas yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan dan juga operator swasta
- Mengkaji semula dan menyemak syarat-syarat kelayakan untuk bantuan yuran dan geran permulaan prasekolah dan mekanisme pembayarannya
- Memurnikan kelayakan pembantu guru dan guru prasekolah
- Memperluas bantuan yuran dan melancarkan geran permulaan untuk pusat penjagaan kanak-kanak (kanak-kanak berumur 0-4 tahun)
- Mewujudkan Standard Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) Kebangsaan.

LINUS 2.0



- Menggabungkan saringan literasi bahasa Inggeris di samping bahasa Malaysia dan Matematik
- Memperluas saringan untuk merangkumi setiap pelajar daripada Tahun 1 hingga Tahun 3

Sekolah Berprestasi Tinggi



- Meneruskan inisiatif untuk mewujudkan senarai 100 SBT
- Memfokuskan kualiti untuk memastikan SBT sedia ada tidak mengalami kemerosotan

Program Transformasi Daerah



Daerah

- Mengkaji semula peranan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) untuk menyediakan lebih banyak sokongan barisan hadapan kepada sekolah-sekolah
- Mewujudkan KPI yang standard pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan melalui dashboard dan ranking baharu.
- Menyasarkan intervensi di sekolah-sekolah yang amat memerlukannya.

Pakej Kerjaya Pengetua



Pengetua

- Pelan penggantian pengetua dan program laluan pantas pelantikan pengetua
- Pakej kerjaya pengetua baharu yang meninggikan kriteria minimum untuk meningkatkan prestasi

Pakej Kerjaya Guru



- Laluan berdasarkan kompetensi baharu untuk mewujudkan peluang kerjaya yang menarik untuk guru, termasuklah program laluan pantas (fast-tracking) bagi mereka yang berprestasi tinggi
- Pewujudan satu instrumen penilaian yang memfokuskan pengajaran dan pembelajaran, menggabungkan elemen terbaik daripada instrumen penilaian sedia ada selain menggabungkan pencapaian pelajar
- Pelan Induk Pembangunan Profesional Sepanjang Kerjaya (CPD) untuk menyediakan bantuan yang direka khusus untuk setiap guru
- Standard baharu untuk CPD, standard dan mekanisme pemantauan baharu untuk pengambilan guru baharu, dan sokongan sepanjang kerjaya serta penilaian guru

Program Peningkatan Profesionalisme



- Menyediakan sokongan peningkatan profesionalisme dan latihan bagi guru yang kurang mahir
- Memastikan bahawa setiap kelas mempunyai seorang guru bahasa Inggeris mahir pada tahun 2015



NKRA
MEMPERTINGKATKAN
TARAF KEHIDUPAN
ISI RUMAH
BERPENDAPATAN
RENDAH

SEPAKAH KATA

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

Perdana Menteri selaku Menteri Pemangku Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Matlamat utama NKRA Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia kepada 2% pada tahun 2015 berbanding dengan 3.8 % sekarang. Diklasifikasikan sebagai miskin dan miskin tegar, rakyat Malaysia dalam kategori ini merupakan golongan yang kualiti hidupnya masih tidak berubah meskipun ekonomi negara telah mencapai kemajuan sejak 55 tahun yang lalu.

Untuk merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang mudah terjejas ini dengan rakyat Malaysia yang lain, kerajaan dan agensinya yang terlibat, bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensinya dalam usaha membantu golongan miskin ini menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui program 1AZAM. Isi rumah berpendapatan rendah juga diberi bantuan kewangan, latihan kemahiran

dan latihan keusahawanan untuk membolehkan mereka memulakan perniagaan dan membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan.

Walau bagaimanapun, keperluan golongan miskin bukanlah hanya terhad kepada kewangan, malah juga rawatan, bantuan dan sokongan. Untuk mencapai semua ini, Kementerian melalui GTP 2.0 juga akan menggalakkan kerjasama yang erat dengan syarikat korporat dan badan bukan kerajaan dalam mendapatkan bantuan dan sokongan berkaitan dengan pelaksanaan program seperti khidmat bantuan di rumah untuk warga emas, pengagihan bakul makanan, bantuan pengangkutan untuk pesakit buah pinggang, dan tempat perlindungan untuk golongan gelandangan atau mereka yang tidak berumah.

Usaha membebaskan golongan miskin daripada belenggu kemiskinan memerlukan



sokongan daripada semua pihak. Dalam mencapai taraf sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia seharusnya tidak mengukur kejayaan hanya pada peningkatan kualiti hidup rakyat yang berkemampuan, tetapi juga pada keprihatinan kita dalam menjaga kebijakan rakyat yang kurang bernasib baik.

Marilah kita bersama-sama melaksanakan semua inisiatif yang telah digariskan dalam pelan ini dengan berkesan dan menjadikan Malaysia negara yang lebih baik untuk setiap individu rakyat Malaysia.

Meninjau kembali GTP 1.0 (2010 - 2012)

Di bawah GTP 1.0, NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) telah mengorak kejayaan yang besar dalam mencapai matlamatnya untuk merapatkan jurang ekonomi antara golongan yang berkemampuan dengan mereka yang kurang bernasib baik. Lebih daripada sekadar mengalihkan isi rumah yang terlibat ke kategori pendapatan yang lebih tinggi, inisiatif inisiatif NKRA LIH telah merintis langkah ke arah bermulanya suatu kitaran kehidupan baharu yang lebih berkualiti kepada golongan miskin dan miskin tegar di negara ini. Pada akhir tahun 2010, dalam tahun pertama sahaja sejak program NKRA LIH pembasmian kemiskinan selama tiga

tahun ini dilancarkan, hanya 0.2% sahaja daripada penduduk negara masih kekal dalam kategori miskin tegar, dengan 44,535 isi rumah telah berjaya dikeluarkan daripada kategori tersebut.

Langkah-langkah yang dilaksanakan di bawah GTP 1.0 telah menghasilkan beberapa "kejayaan besar". Selain itu, program NKRA LIH juga memperkenalkan usaha yang menyasarkan perubahan jangka panjang bagi demografi golongan berpendapatan rendah. Sehubungan dengan itu, Inisiatif NKRA LIH dalam GTP 2.0 akan meneruskan pencapaian matlamat perubahan jangka panjang tersebut.

Hakikatnya, inisiatif di bawah GTP 1.0 tidak dilaksanakan tanpa menempuh sebarang cabarannya yang tersendiri. Sebahagian daripada inisiatif 1AZAM tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh masalah geografi dan kewangan terutamanya di kawasan-kawasan yang terpencil di Sabah dan Sarawak. GTP 2.0 bakal menyaksikan penyelarasan yang lebih baik antara peserta utama yang terlibat dalam pembasmian kemiskinan untuk melaksanakan program yang disasarkan dengan lebih baik.

Tahun	Strategi	Hasil
2010 Bergerak Keluar dari Kemiskinan	 Bantuan tunai bagi membantu mereka keluar daripada kemiskinan tegar	Membasmi kadar isi rumah miskin tegar sebanyak 99.76% dengan 44,535 daripada 44,643 isi rumah terkeluar
2011 Mengambil Bahagian dalam Program yang Menjana Pendapatan	 Mengambil bahagian dalam program penjanaan pendapatan	Sasaran untuk 57,793 isi rumah didaftarkan dalam e-Kasihi
2012 Mengukur Hasil	 Menilai hasil program dengan mengukur peningkatan pendapatan	Sejumlah 20,717 (35%) peserta 1AZAM telah meningkatkan pendapatan mereka

Rajah 1: Strategi Keseluruhan NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah dalam GTP 1.0

¹ Isi rumah miskin mempunyai pendapatan purata kurang daripada RM760 sebulan di Semenanjung Malaysia, kurang daripada RM1,050 di Sabah dan kurang daripada RM910 di Sarawak.

² Miskin tegar didefinisikan sebagai isi rumah dengan pendapatan purata kurang daripada RM460 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM630 di Sabah dan RM590 di Sarawak.

KEJAYAAN BESAR 1 Pengurusan kes kemiskinan yang berkesan

Untuk memastikan bantuan dan sokongan yang berkesan dapat diberikan kepada isi rumah berpendapatan rendah, program e-Kasih, iaitu satu-satunya pangkalan data khusus untuk memantau dan mengurus golongan isi rumah ini telah diwujudkan. Lanjutan kepada program e-Kasih ialah program 1AZAM (Akhir Zaman Miskin) yang memberikan tumpuan kepada penyediaan peluang ekonomi yang boleh

meningkatkan keupayaan produktiviti isi rumah berpendapatan rendah untuk membebaskan mereka daripada kategori kemiskinan ini secara kukuh dan berterusan.

Inisiatif 1AZAM bertujuan membina keupayaan golongan miskin tegar dan miskin serta mewujudkan peluang pekerjaan melalui gabungan pekerjaan dengan keusahawanan untuk mempertingkatkan taraf kehidupan

mereka. Program 1AZAM merupakan usaha sama yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi untuk menawarkan perkhidmatan berkaitan dengan fungsi utama masing-masing seperti penempatan pekerjaan, permulaan perniagaan kecil (small business startup) dan mikro-kredit, serta peluang perniagaan sendiri untuk membantu kumpulan sasaran ini keluar daripada kepompong kemiskinan.

Jenis	Keterangan	Kelolaan/Agensi Pelaksana
 AZAM Tani	Aktiviti pertanian dan asas tani	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
 AZAM Niaga	Perniagaan kecil-kecilan	<ul style="list-style-type: none"> Amanah Ikhtiar Malaysia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 AZAM Kerja	Permadanan pekerjaan/ Penempatan pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Sumber Manusia
 AZAM Khidmat	Perkhidmatan (bekerja sendiri)	<ul style="list-style-type: none"> Amanah Ikhtiar Malaysia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 AZAM Bandar	Latihan kemahiran, perniagaan kecil, kiosk	<ul style="list-style-type: none"> Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
 1AZAM Sabah	AZAM Tani, Niaga, Kerja, Khidmat	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya
 1AZAM Sarawak	AZAM Tani, Niaga, Kerja, Khidmat	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri Sarawak dan agensinya

Rajah 2: Keterangan Inisiatif 1Azam & Agensi Pelaksana

Sebahagian daripada pencapaian utama program e-Kasih dan 1AZAM termasuklah:

- Memproses 317,359, atau 96% daripada kes yang didaftarkan dengan e-Kasih
- Memudahkan penyertaan 63,147 isi rumah miskin dalam program 1AZAM, mengatasi sasaran 57,793 isi rumah.
- Selain inisiatif sedia ada di bawah 1AZAM, inisiatif lain di bawah GTP 1.0 merangkumi skim insuran mampu milik untuk isi rumah berpendapatan rendah (LIH), iaitu golongan miskin dan miskin tegar, yang memberikan perlindungan terhadap kematian dan penyakit kritikal.

- Bantuan perumahan yang ditawarkan kepada golongan miskin termasuklah penyewaan dan penjualan unit rumah kos rendah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di kawasan bandar, serta di bawah NKRA Infrastruktur Luar Bandar (RBI) di kawasan luar bandar.

Peruntukan juga disediakan untuk membaik pulih dan membina semula rumah di bawah NKRA RBI. Inisiatif dalam sektor kesihatan pula merangkumi 50 Klinik 1Malaysia dan empat buah Klinik Bergerak 1Malaysia untuk memberikan perkhidmatan

penjagaan kesihatan asas kepada isi rumah berpendapatan rendah (LIH) serta penyediaan bakul makanan kepada kanak-kanak daripada keluarga isi rumah miskin. Dalam sektor pendidikan pula, peruntukan disediakan untuk membaik pulih dan menaik taraf sekolah yang daif. Inisiatif lain termasuk bantuan kepada Rumah Perlindungan di bawah program Anjung Damai untuk kumpulan terpinggir (termasuk bekas penaghid dadah, pesakit HIV-AIDS, bekas banduan dan remaja bermasalah).

KEJAYAAN BESAR 2 | Membolehkan isi rumah beralih kepada kategori pendapatan yang lebih tinggi

Salah satu kejayaan utama NKRA LIH ialah bilangan isi rumah yang berjaya dibebaskan daripada kategori miskin tegar dan miskin masing-masing. Dengan lebih 90,000 isi rumah dikenal

pasti dalam kategori ini pada tahun 2010, inisiatif ini telah berjaya dalam:

- Membasmi kadar isi rumah dalam kategori miskin tegar sebanyak 99.9%, sekali gus mengeluarkan 44,535 isi

rumah daripada kategori ini

- Mengurangkan jumlah isi rumah miskin sebanyak 15,868

KEJAYAAN BESAR 3 | Menyediakan latihan keusahawanan dan kemahiran untuk mencapai pengupayaan ekonomi

Latihan keusahawanan dan kemahiran merupakan faktor penting dalam memperoleh pengupayaan ekonomi, dan ia juga penting dalam mencapai matlamat pengurangan kemiskinan. Dalam usaha untuk meningkatkan

kemahiran keusahawanan dalam kalangan isi rumah yang terlibat terutamanya wanita, NKRA LIH telah melatih 6,904 usahawan wanita, sekaligus mengatasi sasaran sebenar yang telah ditetapkan dalam GTP 1.0.



KEJAYAAN BESAR 4

Meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin

Perumahan merupakan satu lagi isu utama dalam menentukan taraf kehidupan sesebuah masyarakat. Untuk mencapai tujuan ini, penyediaan akses kepada pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin merupakan langkah yang penting dalam NKRA LIH. Melalui program transformasi ini, 35,095 rumah kos rendah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran ditawarkan untuk



dijual kepada penyewa yang sedia ada. Pemilikan rumah oleh isi rumah miskin telah meningkat sebanyak 4,865 atau

hampir sekali ganda berbanding dengan jumlah pemilikan sebelum ini.

Pengenalan kepada GTP 2.0 (2013 - 2015)

Kes bagi Perubahan

Langkah-langkah yang diambil di bawah GTP 1.0 telah menyediakan asas kepada matlamat utama pembasmian kemiskinan. Fasa pertama program pembasmian kemiskinan ini, yang mengambil masa selama tiga tahun dari 2010-2012, mencatat kemajuan yang amat menggalakkan. Namun, tentunya masih banyak yang dapat dilakukan bagi memastikan bahawa kebarangkalian berlakunya kemiskinan dapat dibasmi dengan cara yang kukuh berkesan dan berterusan.

Membasmi kemiskinan merupakan sebuah proses pembelajaran dan sebahagian besar daripada pembelajaran ini diperoleh melalui pengalaman secara langsung dan juga pengalaman yang diperoleh secara praktikal (hands-on). Sebagai contoh, di

bawah GTP 1.0, NKRA LIH menghadapi cabaran-cabaran yang berikut:

- Kurangnya kejelasan dalam kalangan penerima 1AZAM
- Peluang pekerjaan atau aktiviti ekonomi yang terhad di kawasan luar bandar
- Kos perkhidmatan penghantaran yang tinggi di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak
- Cabaran dalam melaksanakan verifikasi peserta miskin dan miskin tegar dalam e-Kasih

Cabaran sememangnya banyak: diramalkan 190,000 isi rumah akan didaftarkan dalam e-Kasih pada tahun 2015 selain masih terdapat kes kanak-kanak kekurangan zat makanan (malnourished) di negara ini dan 12,600 isi rumah masih memperoleh

pendapatan kurang daripada RM670 sebulan. Oleh itu, usaha pembasmian dan pengurangan kemiskinan mesti dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih holistik selain terus menyasarkan perubahan jangka panjang dan mencipta perubahan dalam gaya hidup.

Walau bagaimanapun, akan terdapat perbezaan yang ketara antara inisiatif di bawah GTP 1.0 dengan GTP 2.0. Jika dalam pelaksanaan Inisiatif GTP 1.0, inisiatif diterajui terutamanya oleh kerajaan, matlamat bagi transformasi yang seterusnya pula adalah untuk mendapatkan penyertaan yang lebih giat dan meluas oleh entiti korporat, NGO dan individu.

Banyak program yang dianjurkan oleh Korporat/NGO telah berjaya

menyampaikan bantuan dengan berkesan disebabkan oleh sokongan yang kuat dari peringkat akar umbi dan rangkaian yang sedia ada. Sehubungan itu, kerajaan komited dalam menyokong dan menggalakkan program Korporat/NGO yang dijajarkan seiring dengan skop GTP 2.0.

Keduanya, sementara GTP 1.0 lebih menumpukan kepada individu, GTP 2.0 pula akan meluaskan skopnya untuk menangani kemiskinan pada peringkat masyarakat. Inisiatif 2.0 akan menyasarkan masyarakat tertentu yang mempunyai tahap kemiskinan yang lebih tinggi berbanding dengan purata negara. Contoh bagi masyarakat sedemikian termasuklah kaum Penan di Sarawak, masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan golongan miskin bandar di Malaysia Barat.

Secara keseluruhan, GTP 2.0 akan menekankan pengupayaan ekonomi individu dan masyarakat melalui kebijakan yang produktif, dan usaha ini memerlukan pewujudan kemudahan

atas serta persekitaran yang sesuai. Untuk mencapai objektif ini, NKRA LIH perlu menjalin kerjasama yang lebih erat dengan pelbagai kementerian dan NKRA lain yang berkaitan, sebagai contohnya Infrastruktur Luar Bandar, Pengangkutan Awam Bandar dan Pendidikan.

Pada asasnya, GTP 2.0 dijajarkan dengan Rancangan Malaysia ke-10 untuk membantu meningkatkan keupayaan penghasilan pendapatan bagi isi rumah yang berada pada kadar 40% terendah selain membina masyarakat yang lebih progresif dan inklusif. Walau bagaimanapun, NKRA LIH akan kekal memberikan tumpuan dalam membantu golongan miskin dan miskin tegar serta kumpulan mudah terjejas.

Kumpulan mudah terjejas yang disasarkan untuk pengupayaan ekonomi ini termasuklah golongan kurang upaya, bekas penagih dada, isi rumah ibu tunggal, kumpulan positif HIV dan bekas banduan.

NKRA LIH berhasrat untuk mencapai dua matlamat pada tahun 2015:

- Mengurangkan kemiskinan pada kadar 2% daripada 3.8% yang sedia ada
- Memastikan setiap isi rumah miskin dan miskin tegar didaftarkan dalam pangkalan data e-Kasih memperoleh peluang untuk membina keupayaan diri sendiri dari segi ekonomi, sama ada melalui program 1AZAM atau program-program lain yang dianjurkan oleh rakan korporat dan NGO.

Bidang fokus utama dalam GTP 2.0 adalah pelbagai, namun sebahagian besarnya diterajui oleh program 1AZAM. Sasaran telah pun ditetapkan bagi setiap subprogram yang mengukur kadar penyertaan dan sejauh mana program tersebut berkesan terhadap para peserta. Matlamat yang disasarkan adalah untuk meningkatkan pendapatan peserta sebanyak RM400.

Tinjauan Keseluruhan


Untuk merealisasikan aspirasi yang telah digariskan di atas, pendekatan yang diterapkan oleh GTP 2.0 adalah berbeza dengan GTP 1.0. Perjalanan untuk membebaskan setiap individu dan masyarakat daripada belenggu kemiskinan pastinya akan berbeza. Oleh yang demikian, meskipun program AZAM merupakan program utama pihak Kerajaan untuk pengupayaan ekonomi golongan miskin dan miskin tegar, namun Kerajaan juga sedar bahawa terdapat banyak program sedia ada yang diurus dan diterajui oleh badan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Perkhidmatan Komuniti (CSO) dan korporat yang menyumbang secara ketara dalam mentransformasikan

kehidupan golongan miskin dan kumpulan mudah terjejas ini.

Kerajaan sedar bahawa penyediaan wahana untuk pengupayaan ekonomi sahaja adalah tidak mencukupi sekiranya keperluan asas individu dan masyarakat tidak dipenuhi. Sebagai contoh, seorang ibu di bandar tidak akan berasa tenang di tempat kerja sekiranya beliau asyik risau memikirkan ketiadaan perlindungan asas untuk anak-anaknya berteduh atau sekiranya kemudahan penjagaan harian tidak disediakan untuk anak-anaknya. Demikian juga, seorang petani tidak dapat bertani dengan produktif sekiranya anak-anaknya tidak berada di sekolah dan berhadapan

dengan masalah kekurangan zat makanan (malnourished).

Sehubungan itu dalam GTP 2.0, penyelarasan yang lebih padu merentas NKRA yang lain - Infrastruktur Asas Luar Bandar, Pendidikan, Kos Sara Hidup, Pengangkutan Awam Bandar dan Pengurangan Jenayah untuk memastikan keperluan holistik masyarakat dapat dicapai. GTP 2.0 juga akan melaksanakan program-program yang khusus untuk kumpulan yang disasarkan, dengan menyalurkan bantuan seperti program berdasarkan kesihatan atau nutrisi, penjagaan kanak-kanak dan juga penjagaan warga emas.



Rajah 3: Prinsip-prinsip Utama NKRA LIH 2.0

GTP 2.0 bakal menyasarkan 3 segmen utama. Pertama, ia akan terus menyasarkan golongan miskin dan miskin tegar. Keluarga daripada kategori ini terdapat di seluruh negara, di setiap negeri, dan di kawasan bandar dan luar bandar.

Kedua, GTP 2.0 meninjau masyarakat tertentu yang mempunyai kekerapan kemiskinan yang tinggi, juga masyarakat yang kurang diberikan sokongan yang diperlukan disebabkan oleh persekitaran dan keadaan di tempat mereka tinggal. Sebagai contoh, 80% daripada masyarakat Penan ialah golongan miskin dan miskin tegar. Lebih kurang 30% daripada masyarakat Orang Asli juga

terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar. Kelompok masyarakat ini ketara mempunyai bilangan kemiskinan yang lebih tinggi mengatasi purata negara. GTP 2.0 sedar bahawa disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat, penekanan yang lebih besar dalam membantu golongan miskin bandar terutama warga emas miskin dan golongan gelandangan adalah amat penting.

Ketiga, kerajaan tidak akan sekali-kali mengabaikan kumpulan mudah terjejas. Meskipun mereka tidak dapat diklasifikasi dengan jelas sebagai miskin dan miskin tegar, kumpulan ini masih memerlukan sokongan disebabkan

oleh keadaan mereka. Dalam GTP 2.0, kumpulan tertentu yang disasarkan termasuklah bekas banduan, bekas penagih dadah, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan ibu tunggal. Di samping menyediakan sokongan kepada individu-individu ini, kerajaan sedar bahawa bantuan yang perlu dihulurkan harus disalurkan kepada ahli keluarga mereka bagi memastikan bahawa usaha membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan berjalan dengan kukuh dan berterusan.

Pengupayaan Ekonomi

NKRA LIH telah mengenal pasti bahawa penyelesaian yang berkekalan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan adalah melalui pengupayaan ekonomi dan kebajikan produktif. Anjakan dalam pemikiran perlu ada supaya penerima bantuan menggunakan pendekatan yang proaktif melalui komitmen diri dan tanggungjawab yang lebih tinggi untuk

membebaskan diri mereka daripada kemiskinan.

Perjalanan ke arah pengupayaan ekonomi bagi seseorang individu atau masyarakat adalah tersendiri dan unik sifatnya. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan dan memudahkan laluan alternatif. Penekanan terhadap

pengupayaan ekonomi adalah untuk memperhalus program 1AZAM sedia ada yang telah dilaksanakan dalam GTP 1.0 dan juga program bantuan oleh NGO, CSO dan sektor korporat untuk membolehkan mereka meningkatkan dan mengembangkan program jangkauan (outreach) masing-masing.

1	2	3	4	5	6	7
Kenal Pasti daripada Senarai e-Kasih Berdasarkan senarai keutamaan yang diwujudkan	Analisis Keperluan Penilaian keperluan disempurnakan Gunakan NGO dan agensi yang terlibat di lokasi/masyarakat tertentu	Kenal Pasti Program Pemilihan program berdasarkan: Keperluan pelanggan, permintaan pasaran, kesesuaian program, lokasi	Prasyarat Pembinaan Keupayaan Program literasi kewangan Program pembangunan kemahiran yang berkaitan Kursus motivasi	Pelaksanaan & Penyampaian Garis panduan dan tahap pencapaian berstruktur Alatan disediakan untuk peserta -garis panduan, senari semak, Soalan Lazim, bantuan dari segi perhubungan	Pemantauan Manfaatkan agensi tempatan di lokasi/komuniti Laporan dikemukakan kepada agensi pemantauan	Keberhasilan Agensi pemantauan mengemas kini keberhasilan setiap individu yang mengambil bahagian Hubungkan dengan agensi pembiayaan untuk pengembangan & potensi bagi peluang kedua
Agensi/NGO yang wujud di kawasan atau komuniti tertentu	Modul bagi Literasi Kewangan akan disediakan oleh AKPK. Agensi/NGO yang berkaitan akan dilatih oleh AKPK untuk mengendalikan kursus	Pangkalan Data dan Pemetaan Agensi Kerajaan dan NGO	Manfaatkan kakitangan kerajaan tempatan di lokasi seperti jururawat, guru Gunakan NGO dan organisasi pelajar yang dapat mengamalkan kemahiran dan pengetahuan mereka	Agensi seperti: <ul style="list-style-type: none">• Amanah Ikhtiar Malaysia• TEKUN• Pusat Giat Mara• Suruhanjaya Koperasi Malaysia		

Jadual 1: Mekanisme pelaksanaan yang ditambah baik bagi inisiatif 1AZAM

Inisiatif Diterajui Kerajaan

Inisiatif: Mengembangkan Pangkalan Data e-Kasih

Dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri untuk menyimpan maklumat golongan miskin dan mudah terjejas, Greater e-Kasih merupakan versi e-Kasih yang ditambah baik. Greater e-Kasih akan dilaksanakan dengan sumber data yang lebih menyeluruh bagi mencerminkan dengan tepat bantuan sosial dan kebajikan produktif yang diberikan kepada setiap individu.

Pada masa ini, ICU, kementerian kerajaan, agensi dan NGO terpilih

memberikan sumbangan kepada pangkalan data e-Kasih. Melangkah ke hadapan, lebih banyak NGO dan CSO akan dilibatkan untuk menyalurkan dan mengemas kini maklumat di e-Kasih.

Untuk melaksanakan hal yang demikian, pangkalan data e-Kasih akan diperluaskan dan latihan akan diberikan untuk membimbing dan melatih NGO memuat naik maklumat ke e-Kasih. ICU, melalui kumpulan fokus peringkat daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri akan membuat

saringan dan menentusahkan maklumat bagi mengelakkan pertindihan dan memastikan ketepatan data. Seterusnya, bagi memastikan maklumat dikemas kini dengan kerap, satu sistem amaran melalui emel akan diwujudkan untuk memberikan peringatan kepada agensi dan NGO berkaitan supaya mengemas kini maklumat masing-masing sekurang-kurangnya setiap setengah setahun sekali (semi-annually).



Inisiatif: Program AZAM yang diperincikan dan disasarkan

IAZAM menawarkan bantuan bukan berbentuk wang (cash-in-kind) yang terdiri daripada latihan dan pembangunan serta penyediaan peralatan untuk membantu peserta menjana pendapatan. GTP 2.0 akan

terus memberikan bantuan AZAM kepada peserta miskin dan miskin tegar di dalam e-Kasih. Sepanjang tiga tahun hadapan, NKRA LIH menyasarkan untuk menambah 100,000 peserta AZAM dan terus meningkatkan taraf pendapatan

peserta AZAM daripada GTP 1.0 yang sedia ada.

Dalam GTP 2.0, program AZAM akan meletakkan sasaran yang lebih terperinci dan menghususkan


negeri dengan menyasarkan daerah-daerah yang kurang diberikan perkhidmatan (under-served districts) dan memberikan tumpuan yang lebih kepada kawasan bandar. Pemilihan peserta 1AZAM bakal dilakukan secara lebih ketat dalam GTP 2.0 dengan keutamaan pemilihan akan diberikan kepada peserta yang bersesuaian dengan salah satu atau lebih kategori yang berikut:

- Isi rumah miskin tegar dan miskin

yang telah mendaftar dengan e-Kasih tetapi masih belum menerima sebarang bantuan.

- Isi rumah miskin tegar dan miskin yang masih belum menerima apa-apa bantuan yang boleh menjana pendapatan.
- Peserta dari daerah yang mempunyai bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar yang tinggi tetapi tidak mempunyai bilangan peserta 1AZAM yang sepadan.


Matlamat kerajaan adalah untuk memastikan bahawa semua isi rumah miskin dan miskin tegar yang mendaftar dalam e-Kasih memperoleh peluang untuk menyertai program AZAM pada tahun 2015. NKRA LIH juga akan meninjau untuk memastikan bahawa keberhasilan peserta AZAM sedia ada mencapai peningkatan.



Pendekatan yang lebih ketat akan diambil semasa pengumpulan dan analisis data dilakukan untuk memastikan hanya individu yang layak daripada kategori miskin, miskin

tegar dan kumpulan mudah terjejas dipilih untuk penyertaan. GTP 2.0 juga berusaha untuk membuat pemilihan individu dari daerah-daerah yang kurang diberikan perkhidmatan, iaitu

daerah yang melaporkan kekerapan berlakunya kemiskinan yang tinggi berdasarkan eKasih tetapi dengan kadar penyertaan AZAM yang rendah (lihat angka di bawah).



Rajah 5: Peserta e-Kasih berbanding dengan kadar penyertaan 1AZAM

Program 1AZAM	Peneraju	2013	2014	2015	Jumlah
AZAM Tani	Kementerian Pertanian	3,500	3,500	3,500	10,500
AZAM Kerja	Kementerian Sumber Manusia	5,000	5,000	5,000	15,000
AZAM Khidmat/Niaga	Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat	5,000	5,000	5,000	15,000
AZAM Khidmat/Niaga	Amanah Ikhtiar Malaysia	5,000	5,000	5,000	15,000
AZAM Bandar	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	1,600	1,600	1,600	4,800
1AZAM Sabah	Kerajaan Negeri Sabah	7,500	10,000	12,500	30,000
1AZAM Sarawak	Kerajaan Negeri Sarawak	7,500	10,000	12,500	30,000
Jumlah		35,100	40,100	45,100	120,300

Jadual 2: Jumlah peserta AZAM mengikut tahun

AZAM di Sabah dan Sarawak

Matlamat GTP 2.0 yang eksplisit dan jelas adalah untuk menambah baik kualiti hidup isi rumah miskin dan miskin tegar di Sabah dan Sarawak. Berdasarkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (EPU), bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan termasuklah pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan pengangkutan, serta aktiviti-aktiviti yang menjana pendapatan.

Sabah dan Sarawak akan menyaksikan kesinambungan empat program utama AZAM yang dilanjutkan daripada GTP

1.0. Program-program ini termasuklah AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan AZAM Kerja.

Perbezaan yang utama dalam usaha NKRA LIH di Sabah dan Sarawak dalam GTP 2.0 berbanding dengan GTP 1.0 adalah dari segi skop pelaksanaan kerja. GTP 2.0 akan mengambil pendekatan yang lebih holistik berbanding dengan fasa transformasi pertama, selain menangani keperluan isi rumah miskin dan miskin tegar sebagai sebuah masyarakat.

Oleh hal yang demikian, usaha di Sabah dan Sarawak juga akan disasarkan untuk menangani keperluan masyarakat selain memberikan bantuan ekonomi melalui program 1AZAM.

**Kriteria Pemilihan:
Pengutamakan
Penyertaan 1AZAM**



- Isi rumah miskin tegar dan miskin yang belum menerima sebarang bantuan
- Isi rumah miskin tegar dan miskin yang belum menerima sebarang bantuan yang menjana pendapatan
- Pemetaan taburan isi rumah miskin dan jumlah peserta 1AZAM mengikut daerah

**Menangani keperluan
peserta:
Bantuan yang
direka khas**



Pembentangan AZAM TANI berdasarkan kawasan:

- Bandar : RM10,000
- Kampung : RM12,000
- Pendalaman : RM15,000



**Prasyarat bagi
penyertaan 1AZAM:
Pembinaan Kapasiti**



Sesi persediaan bagi peserta 1AZAM:

- **Pendidikan Celik Kewangan**
- **Latihan Kemahiran dan Pembangunan**
dihubungkan secara langsung kepada projek 1AZAM

Rajah 6: Pembeda utama antara GTP 1.0 dengan GTP 2.0

Penambahbaikan seterusnya dalam GTP 2.0 ialah pelaksanaan usaha untuk mendapatkan penglibatan dan kerjasama yang aktif daripada NGO, yang akan berganding bahu dengan agensi-agensi pelaksana dalam memberikan bimbingan dan bantuan kepada peserta 1AZAM. Mereka juga akan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan program komuniti ini.

Selain inisiatif oleh Kerajaan dalam GTP 2.0, Sabah dan Sarawak juga akan melibatkan agensi dan organisasi bukan kerajaan dalam menangani keperluan masyarakatnya. Sebagai langkah permulaan, wakil dari kedua-dua buah negeri telah mengendalikan pemprofilan

dan analisis bagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

Melangkah ke hadapan, satu senarai sarana (tools) sedang dibangunkan untuk kegunaan agensi pelaksana yang terlibat untuk memastikan pengurusan penglibatan NGO yang terselaras. Sebuah pangkalan data sedang diwujudkan untuk menyimpan semua maklumat berkaitan bagi membantu agensi dalam melaksanakan inisiatif terutamanya pada peringkat daerah. Antara maklumat yang akan disimpan dalam pangkalan data tersebut termasuklah:

- Program yang berjaya/inisiatif mengikut daerah. Contoh. Projek

pertanian kerajaan/komersial yang berjaya

- Keperluan masyarakat dan perkhidmatan yang mendapat permintaan yang tinggi di kawasan tertentu – Kawasan dan keperluannya diprofilkan
- Senarai inisiatif dan peserta 1AZAM yang berjaya mengikut daerah
- Projek sedia ada di setiap kawasan yang dilaksanakan oleh NGO/projek komersial
- Ketua/peneraju tempatan yang dilantik untuk mengetuai projek AZAM
- Senarai NGO dan maklumat terperinci masing-masing

Organisasi	Kawasan	Bidang Fokus
Majlis Belia Sabah (MBS)	Semua Fokus - Urban	<ul style="list-style-type: none"> • Program remaja • Program pendidikan/Kemahiran • Kelas tuisyen • Pemantauan projek - AZAM Niaga, AZAM Khidmat
Kelab Sukan Rekreasi dan Kebajikan (KERMAH)	Sandakan	<ul style="list-style-type: none"> • Program remaja • Perkhidmatan perundangan • Program pendidikan • Pemantauan projek -AZAM Niaga, AZAM Khidmat
Intan Junior Chamber	Kota Kinabalu	<ul style="list-style-type: none"> • Program pendidikan • Kemahiran kepimpinan • Kemahiran keusahawan
Rotaract Club of Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	<ul style="list-style-type: none"> • Program remaja • Kemahiran kepimpinan
Sabah Women Entrepreneurs and Professionals Association (SWEPA)	All	<ul style="list-style-type: none"> • Program pendidikan • Kemahiran kepimpinan • Kemahiran keusahawan • Berfokuskan wanita

Jadual 3: Contoh pembangunan pangkalan data bagi setiap negeri

Sabah dan Sarawak

- Inisiatif latihan dan latihan kemahiran semula (reskilling) di Sabah dan Sarawak akan memanfaatkan kerjasama dengan institusi penyedia latihan yang sedia ada seperti:
- Institut Kemahiran MARA
 - Pusat Giat MARA
 - Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah (SEDCO)
 - Universiti dan kolej tempatan:
 - Universiti Malaysia Sabah

- Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- Universiti Tun Razak (UNITAR)
- Kolej Yayasan Sabah, Masterskills
- ASEANA College
- Universiti Malaysia Sarawak
- Agensi tempatan:
 - Kementerian Belia dan Sukan
 - Jabatan Pembangunan Sumber Malaysia
 - Jabatan Hal Ehwal Wanita

Latihan khusus dan program latihan kemahiran semula yang digabungkan dengan inisiatif AZAM akan dilaksanakan secara kerjasama dengan insitusi latihan di atas bagi peserta AZAM. Di samping itu, setiap peserta dikehendaki menamatkan latihan wajib ini sebelum menerima bantuan AZAM.

Inisiatif ini, yang dilaksanakan melalui AZAM Kerja, akan memetakan laluan kerjaya dan pemprofilan kerja untuk kerja utama bagi peserta AZAM yang memerlukan bantuan dalam memajukan laluan kerjaya mereka. Inisiatif yang sedemikian adalah untuk memastikan bahawa peserta AZAM tersebut dilengkapi dengan kemahiran dan pembangunan yang sesuai supaya mereka dapat terus mencapai kemajuan dalam kerjaya dan membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Menerusi profil kerja dan laluan kerjaya ini, peserta akan memperoleh kefahaman yang lebih mantap berkaitan dengan gaji yang dijangkakan, senarai tugas, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk menceburi sesebuah kerjaya tertentu. Profil akan membantu peserta AZAM memahami kemahiran tertentu yang diperlukan untuk memajukan diri dalam kerjaya yang mereka pilih.

Dianggarkan 21,000 peserta AZAM Kerja sepanjang tiga tahun yang akan datang berpeluang untuk mendapatkan penilaian berkaitan dengan laluan kerjaya mereka.

Inisiatif: Peluang yang inovatif dan mampan

Inisiatif ini bersesuaian dengan inisiatif pemprofilan kerjaya sebelum ini yang menyediakan peserta AZAM dengan pilihan kerjaya yang belum diterokai, sementara inisiatif sebelumnya akan memberikan pendedahan kepada mereka tentang bagaimana untuk berjaya dalam bidang yang dipilih.

Peluang-peluang yang ditawarkan di bawah inisiatif ini melibatkan skim dan program yang berikut:

- Skim baucar kerja
- Skim perbankan tanpa cawangan
- Penyumberan Mikro
- Bantuan pertanian untuk masyarakat Orang Asli

- Program Pengurus Kediaman anjuran Jabatan Pembangunan Wanita

Skim baucar kerja

Skim ini merupakan inisiatif yang inovatif di bawah AZAM Kerja yang akan membantu peserta mengurangkan penggantungan kepada bantuan sosial yang disediakan oleh Kerajaan dan membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Skim ini akan diperkenalkan sebagai sebuah projek perintis di kawasan pinggiran bandar dan akan melibatkan majlis tempatan, pejabat daerah, restoran makanan segera dan

pasar raya besar atau “hypermarket”. Skim ini terbuka kepada sesiapa sahaja, dengan keutamaan diberikan kepada mereka yang menerima bantuan JKM (senarai produktif) dan juga golongan miskin serta miskin tegar yang mendaftar di e-Kasih, JKM atau eDamak JKOA. Pekerjaan yang ditawarkan termasuk pencucian, seni taman dan pentadbiran dengan bayaran berjumlah RM35 dibayar secara harian.

Pekerjaan yang dilakukan akan dicatat dan tuntutan boleh dibuat sebaik sahaja tugasannya diselesaikan. Peluang pekerjaan akan diiklankan secara bulanan selama satu tahun di pelbagai media dan pejabat daerah. Dalam tempoh jangka panjang, kos JKM akan berkurangan dengan ketara apabila penerima bantuan kebajikan berubah menjadi pekerja aktif yang menjana pendapatan.



Rajah 7: Pelan Pelaksanaan bagi Program Azam kerja menggunakan Program Kerja Sambilan (Baucar Kerja)

Program Pengurusan Kediaman, Jabatan Pembangunan Wanita

Program Pengurus Kediaman, Jabatan pembangunan Wanita yang dibangunkan di bawah program AZAM menasarkan ibu tunggal yang menetap di bandar. Peserta mempelajari

kemahiran praktikal seperti pengurusan isi rumah yang membolehkan mereka memperoleh kerjaya sebagai pembantu rumah atau pengasuh kanak-kanak. Program AZAM ini menyalurkan bantuan

kewangan untuk peserta menjalani latihan dan pembangunan sementara syarikat latihan pula akan membantu dari segi penempatan pekerjaan.

Perbankan tanpa cawangan

Skim ini menyediakan akses kepada perkhidmatan kewangan atau kemudahan perbankan kepada komuniti yang kurang diberikan perkhidmatan terutamanya golongan miskin dan miskin tegar di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan perbankan. Dibangunkan oleh Bank Simpanan Nsional, skim ini akan melantik ejen perbankan dalam masyarakat tempatan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan seperti deposit, pengeluaran, pembayaran bil, pembayaran tanpa tunai melalui perhubungan tanpa wayar GPRS

menggunakan terminal Point-of-Sale (POS).

Inisiatif ini sangat berguna kepada golongan miskin kerana ia akan mewujudkan perkhidmatan perbankan di kawasan yang tidak berdaya maju untuk membuka ses sebuah bank. Dengan pelaksanaan inisiatif ini, tabiat menyimpan dalam kalangan golongan miskin dapat dipupuk di samping menyokong perniagaan kecil menjalankan operasi mereka. Peserta AZAM boleh menambah pendapatan

mereka dengan bekerja sebagai ejen perbankan. BSN bertanggungjawab untuk memberikan latihan dan menyediakan sokongan harian. Matlamat inisiatif ini adalah untuk memastikan semua mukim dan daerah di Malaysia mempunyai perkhidmatan perbankan tanpa cawangan pada tahun 2015. Matlamat seterusnya adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 20% daripada peserta AZAM memiliki akaun bank sehingga tempoh akhir tersebut.



Penyumberan Mikro (Tertakluk pada Projek Perintis yang dikendalikan oleh MDeC)

Inisiatif ini dikendalikan di bawah program AZAM Kerja dan menyasarkan golongan miskin bandar. Inisiatif ini menggunakan platform MDeC dan syarikat penyumberannya di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan dan Komunikasi, Kandungan dan Infrastruktur. Penyumberan luar mikro, juga dikenali sebagai penyumberan ramai, (Crowd sourcing) merupakan pengagihan tugas secara berasingan melalui internet.

Penyumberan luar mikro menggunakan tenaga kerja terserak untuk menyiapkan sesuatu tugas dalam suasana fleksibel yang hanya memerlukan hubungan Internet yang asas. Meskipun sesiapa ju也可 boleh mengambil bahagian sebagai pekerja tugas, inisiatif ini direka untuk menawarkan peluang kepada mereka yang berada di luar tenaga kerja tradisional yang mahu meningkatkan pendapatan termasuk suri rumah, pesara dan warga emas,

siswazah menganggur, pekerja yang baru diberhentikan dan pekerja separuh masa, orang kurang upaya, penghuni penjara atau institusi tertentu dan mereka yang berpendapatan kecil.

Sasaran yang ditetapkan adalah untuk merekrut seramai 1,000 peserta pada tahun 2013, dengan peningkatan kepada 1,500 pada tahun 2014 dan 2000 peserta pada tahun 2015.

Bantuan pertanian untuk masyarakat Orang Asli

Iniisiatif di bawah AZAM Tani ini bertujuan menghentikan penggantungan masyarakat Orang Asli kepada bantuan Kerajaan. Inisiatif ini telah memilih dua kawasan di Grik, Hulu Perak untuk

dijadikan projek perintis. Kampung-kampung yang dipilih diberikan galakan untuk mengusahakan tanaman yang mempunyai tempoh matang yang pendek dan mereka juga

digalakkan membangunkan sistem urus niaga barter (Lihat Rajah 8 yang berikut).

Matlamat

Membantu menyalurkan makanan yang mencukupi dan meningkatkan nutrisi makanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di kawasan terpencil

Lokasi

Kg. Sungai Tiang (430 orang) dan Kg Sungai Kejar (390 orang)

Pengeluaran Makanan

- Menternak itik, ayam kampung dan ikan
- Menanam ubi, keledek, keladi dan jagung
- Menanam sayur-sayuran seperti sawi dan bayam



Kenal Pasti

Persediaan

Latihan

- Laksana

- Pantau

Tambah Baik

Kaedah

- Dilaksanakan oleh NGO dan dipantau oleh JAKOA & Kementerian Pertanian
- NGO membantu dalam membentuk kumpulan, memberikan latihan dan bimbingan, menyelia dan memantau projek dan loji
- JAKOA /Kementerian Pertanian mendapatkan, mengurus dan menyerahkan sumber dan perolehan
- Kementerian Pertanian/MARDI akan memberikan latihan teknikal pertanian dan pembiakan ternakan kepada NGO



Belanjawan

- Kg. Sungai Tiang 2 Kumpulan/ projek RM60,000.
- Kg. Sungai Kejar 1 Kumpulan/ projek RM30,000.
- Tempoh projek 1 tahun

Rajah 8: Rangka kerja pelaksanaan sokongan pertanian bagi masyarakat orang Asli

Inisiatif: Pengupayaan ekonomi kumpulan mudah terjejas

Selain isi rumah miskin dan miskin tegar, Program 1AZAM dalam GTP 2.0 akan menyasarkan kumpulan dan masyarakat mudah terjejas tertentu seperti bekas penagih dadah, bekas banduan dan masyarakat seperti kumpulan orang Asli di Semenanjung Malaysia dan masyarakat Penan di Sarawak.

Program AZAM akan terus memberikan penekanan terhadap pembangunan wanita memandangkan mereka merupakan tulang belakang kepada unit keluarga, terutamanya dalam keluarga ibu tunggal atau apabila pasangan mereka tidak berupaya untuk menyediakan sokongan kewangan. Dalam GTP 2.0, terdapat pelbagai bantuan yang komited dalam menghulurkan bantuan kepada kumpulan mudah terjejas ini menerusi

pelbagai program AZAM. Sebagai contoh, selama tiga tahun seterusnya, seramai 2,400 bekas penagih dadah dan 2,250 bekas banduan akan menerima bantuan AZAM. Walau bagaimanapun, penting untuk menjangkau ahli keluarga kumpulan yang tidak bernasib baik ini secara proaktif dengan menawarkan bantuan sosial dan kebajikan produktif yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, usaha bersepadu yang lebih erat oleh pihak NGO dan Jabatan Penjara serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) akan diformalkan bagi memastikan bantuan ini tidak hanya dihulurkan kepada individu tersebut tetapi juga kepada ahli keluarganya.

Latihan kemahiran vokasional dan kebebasan ekonomi harus diimbangi dengan mekanisme sokongan yang

kukuh bagi memastikan individu ini tidak kembali kepada keadaan asal. Pada peringkat pemulihan, industri desa akan dimajukan dalam lingkungan kemudahan sedia ada untuk menggalakkan industri berskala kecil dan juga aktiviti pertanian dengan kerjasama sektor swasta.

Fokus utama inisiatif ini akan tertumpu pada bekas penagih dadah. Kemudahan AADK akan menyaksikan aktiviti industri kecil dilaksanakan untuk sektor swasta di pusat pemulihan dadah. Rancangan ini akan memulakan pembangunan kemudahan pertama bersebelahan dengan Pusat Vokasional Rawat & Prihatin (Cure & Care Vocational Centre, CCVC) di Sepang pada tahun 2014.



Pembasmian Kemiskinan dalam Masyarakat Bandar

Pembasmian kemiskinan dalam masyarakat bandar terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB). Berdasarkan input daripada ahli makmal NKRA, program latihan dan latihan kemahiran semula boleh diperkuuh dengan menilai program sedia ada.

Perubahan utama adalah seperti yang berikut: -

- Program Sejahtera Bandar atau AZAM Bandar akan mencakupi Program AKRAB (Mentor – Mentee) dan Program RELA (NGO). Program ini sejajar dengan program 1AZAM yang lain dari segi pemantauan dan pemastian kemampuannya.
- Menggantikan NGO yang tidak mempunyai keupayaan untuk menyampaikan, memantau dan melaksanakan AZAM Bandar dan memansuhkan program yang tidak berjaya dalam membasmikan kemiskinan bandar
- Seterusnya, KWPKB akan memasukkan modul celik kewangan dalam semua program latihan dan peningkatan kemahiran di samping menyediakan kemahiran asas dan peluang perniagaan kepada kumpulan sasaran mereka.
- Sasaran untuk penyertaan adalah seramai 1,600 peserta setiap tahun mulai tahun 2013 hingga 2015

Kios Perniagaan

Inisiatif sedia ada boleh diperluas dengan aktiviti penjanaan pendapatan tambahan seperti menyediakan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) FAMA di samping kios lain di kawasan majlis perbandaran. KWPKB, bersama-sama dengan majlis tempatan, akan membantu dalam memilih tapak jualan dan memastikan lokasi terletak di kawasan yang mempunyai keterlihatan tinggi dan menarik perhatian. Kios ini akan diusahakan oleh isi rumah miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan e-Kash. Inisiatif ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan menyasarkan 200 kios dibuka setiap tahun dari 2013 hingga 2015.

Program Kebolehgunaan Tenaga (Employability)

Untuk meningkatkan kebolehgunaan tenaga calon Orang Asli mengambil bahagian di pasaran buruh, sebuah Program Klinik Kerjaya selama tiga hari dua malam akan dilaksanakan bagi membantu mereka membangunkan beberapa kemahiran penting seperti:

- Kemahiran mencari kerja
- Menulis Butir Jaya Diri (Resume ataupun CV)
- Menghadiri temu duga
- Gaya diri
- Motivasi diri
- Kesedaran terhadap hak pekerja

Rajah 9: Latihan dan Latihan Kemahiran Semula untuk Meningkatkan Penyertaan Ekonomi

Inisiatif: Pemantauan yang lebih meluas dan mendalam

Pemantauan merupakan fungsi yang penting untuk memastikan kejayaan program 1AZAM. Dengan sumber tersedia yang terhad, penting untuk menggunakan agensi alternatif dalam menyediakan bantuan dalam memantau program 1AZAM.

Satu daripada sasaran NKRA LIH dalam GTP 2.0 adalah untuk melibatkan dan membabitkan masyarakat awam

dalam membantu memantau program 1AZAM dengan lebih kerap. Satu sarana yang penting ialah Program AKRAB, sebuah program mentor-mentee yang mengambil peserta AZAM yang berjaya bekerja sebagai mentor yang memantau projek peserta AZAM.

Peserta AZAM yang berjaya merupakan peserta yang mempunyai tahap pendapatan yang tekal dengan sikap

dan tingkah laku yang baik yang dapat memberikan inspirasi kepada peserta AZAM yang baharu. Setiap kementerian yang menerajui AZAM akan menyediakan bimbingan dan latihan yang diperlukan untuk memastikan mentor dilengkapi dengan secukupnya untuk membimbing peserta baharu.

**Rajah 10: Alat Pemantauan (PROGRAM MENTOR - MENTEE)**

Mentor berprestasi tinggi akan diberi ganjaran bantuan bukan berbentuk wang untuk membesarlu atau mengembangkan perniagaan mereka selanjutnya. Program perintis akan dilaksanakan oleh program AZAM Tani dan AZAM Kerja memfokuskan daerah yang kurang diberikan perkhidmatan pada tahun 2012. Sasarannya adalah untuk mendapatkan 1,500 mentor yang memantau 4,500 peserta AZAM untuk tempoh 3 tahun yang akan datang.

Kaedah pemantauan kedua ialah program sukarelawan AZAM RELA, yang menggalakkan pertubuhan

masyarakat membantu dalam memantau peserta AZAM dalam segmen individu masing-masing. Pertubuhan masyarakat ini merangkumi spektrum yang luas, bermula daripada kumpulan pelajar, NGO hingga individu yang prihatin. Dengan meningkatnya penyertaan pertubuhan masyarakat dalam membantu pemantauan kemajuan, terdapat kesedaran yang lebih tinggi terhadap perlunya memberikan fokus kepada pengupayaan ekonomi ke arah menyediakan kebajikan produktif kepada golongan miskin.

Setiap kementerian peneraju AZAM akan mengurus program sukarelawan masing-masing melibatkan organisasi yang terdiri daripada persatuan pelajar hingga NGO seperti SIFE dan NISA. Sasarannya adalah untuk merekrut 4,000 sukarelawan pada tahun 2015 merangkumi 40 daerah yang paling kurang diberikan perkhidmatan.

Inisiatif: Peluang kedua

Pada masa ini, tidak ada dasar rasmi mengenai pemberian peluang kedua kepada peserta AZAM yang hampir gagal menyempurnakan program disebabkan oleh keadaan yang berlaku di luar kawalan mereka. Dasar ini akan

mengenal pasti peserta yang benar-benar layak mendapat peluang kedua.

Dalam GTP 2.0, kriteria yang jelas akan dirangka dengan pengesyoran bantuan untuk menentukan ketelusan merentas

pelbagai program AZAM yang berbeza. Sebuah jawatankuasa di kementerian dan agensi yang memantau program AZAM akan dibentuk untuk meluluskan permohonan.

Inisiatif Diterajui Badan Bukan Kerajaan, Organisasi Perkhidmatan Masyarakat Dan Korporat

Inisiatif: Mempercepat pengecualian cukai untuk NGO

NGO di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam membantu individu membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan, namun banyak organisasi seumpama ini menghadapi halangan dalam memperluas projek mereka untuk menjangkau masyarakat yang

lebih besar. Halangan utama yang dihadapi ialah masalah keterbatasan kewangan, oleh hal yang demikian banyak NGO bergantung pada bantuan kewangan daripada sektor korporat untuk membiayai operasi mereka. Inisiatif ini mencadangkan agar proses

pengecualian cukai dipercepatkan bagi NGO yang memberikan tumpuan terhadap pembasmian kemiskinan dan juga NGO yang menyediakan bantuan dalam penjagaan kesihatan, perlindungan, pendidikan dan sebagainya.

Inisiatif: Kesedaran dan pemadanan sumber Korporat/Individu - NGO

Di samping masalah kewangan yang dinyatakan di atas, banyak NGO juga mengalami kekangan tenaga kerja, iaitu mereka tidak berjaya mendapat sukarelawan atau pekerja untuk menjalankan projek atau operasi mereka.

Syarikat perniagaan dan individu merupakan peluang yang baik untuk membantu dalam bentuk kewangan dan sumber manusia. Akan tetapi, kesedaran orang ramai terhadap NGO dan projek mereka masih kurang dan tidak mencukupi. Justeru, inisiatif ini

menyasarkan untuk membantu NGO menguar-uar dan menghebahkan organisasi mereka dengan lebih giat dengan matlamat penting untuk memperoleh penderma korporat / individu yang bersesuaian.



Rajah 11: Carta alir proses untuk meningkatkan kesedaran NGO

Dalam tempoh jangka pendek, kempen ad-hoc akan dilakukan dengan kerjasama saluran media utama seperti akhbar harian The Star dan stesen radio BFM. Memanfaatkan kempen The Star “Do Good, Volunteer”, projek-projek NGO yang memerlukan bantuan kewangan dan sumber manusia akan diberikan penekanan oleh kementerian yang bersesuaian. Dalam jangka

panjang pula, sebuah halaman mikro akan diwujudkan untuk mempromosikan projek-projek ini bagi membantu menyalurkan dana daripada syarikat korporat dan individu kepada NGO yang sepatutnya. Pasukan NKRA, dengan sokongan PEMANDU dan agensi serta kementerian yang berkaitan, akan mewujudkan tadbir urus dan struktur pelaporan yang diperlukan untuk

memastikan ketelusan akaun dan laporan kemajuan yang tekal daripada NGO.

Sasaran yang ditetapkan adalah untuk mengumpul dana pembentangan berjumlah RM15 juta pada tahun 2013 dan meningkatkan jumlah tersebut kepada RM50 juta pada tahun 2015.

Pemangkin Ekonomi

Penjagaan Kesihatan dan Nutrisi

Inisiatif: Bakul makanan dan program “community feeding”

Masyarakat bandar

Inisiatif ini menangani bahagian yang tinggi daripada pendapatan isi rumah miskin bandar yang dibelanjakan untuk makanan. Program bakul makanan akan memanfaatkan Yayasan MyKasih dengan menerima guna program bantuan makanan tanpa tunai untuk pengagihan bantuan kepada yang

memerlukan. Penerima yang dikenal pasti oleh ICU di bawah sistem e-Kasih akan menerima sumbangan bulanan sebanyak RM80. Jumlah ini disimpan dalam MyKad penerima dan boleh digunakan apabila membeli barang keperluan makanan. Rangkaian pengagihan akan menyaksikan

penglibatan beberapa pasar raya besar yang mempunyai liputan perniagaan yang meluas di kawasan bandar seperti Giant, Econsave dan kedai runcit yang berpotensi di bawah program TUKAR yang diperkenalkan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

- Masalah kewangan yang meruncing dalam kalangan miskin bandar dengan 40% pendapatan isi rumah dibelanjakan untuk makanan
- Keluarga miskin tegar bandar yang menerima inisiatif 1AZAM yang menjana pendapatan juga menerima bantuan bulanan bakul makanan tambahan umtuk tempoh satu tahun

1

- Jumlah pendapatan yang besar (40%) dibelanjakan untuk makanan dan minuman selain keperluan lain
- Lebihan pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk simpanan dan perubatan
- Mudah terjejas dengan kejutan ketidaktentuan ekonomi dan kewangan

2

Inisiatif Bakul Makanan



1. Usaha sama dengan Yayasan MyKasih dan menerima guna program bantuan makanan tanpa tunai untuk mengagihkan bakul makanan ini.

2. Penerima yang telah dikenalpasti oleh ICU akan menerima sumbangan bulanan berjumlah RM80 (Ini merupakan jumlah standard yang dijanjikan oleh syarikat penderma korporat dalam program Yayasan MyKasih)



3. Rangkaian pengagihan akan melibatkan pelbagai hypermarket yang mempunyai liputan perniagaan yang meluas di kawasan bandar - Giant / Econsave dll.


4. Barang makanan keperluan yang boleh diperoleh - beras, gula, tepung, minyak masak, roti, telur, biskut, milo dan susu sejat, sardin dalam tin



5. Inisiatif bakul makanan juga akan diterima guna oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC)

6. KWPKB akan menerjui inisiatif dan memantau kemajuan yang dibuat oleh Yayasan MyKasih, GLC dan ICU

Rajah 12: Pelan proses bagi Inisiatif Bakul Makanan




Masyarakat Orang Asli

Kementerian Kesihatan pada masa ini memberikan bantuan kepada kanak-kanak masyarakat Orang Asli dengan mengedarkan bakul makanan bernilai RM150 sebulan untuk kanak-kanak berusia antara enam bulan hingga enam tahun yang mengalami

kekurangan zat makanan. Sebelum ini, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengedarkan secara ad-hoc bakul makanan bernilai RM200 sebulan kepada keluarga miskin tegar dan miskin.

Dua inisiatif yang ditambah baik telah dikenal pasti untuk mengurangkan kekurangan malnutrisi (kekurangan zat pemakanan) dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli di pedalaman sebanyak 25% pada tahun 2015 menerusi sebuah program pemulihan.



Rajah 13: Inisiatif tertumpu melalui program pemulihan

Masyarakat Penan

Penyediaan program makanan bernutrisi bertujuan menangani masalah malnutrisi kanak-kanak (kekurangan zat pemakanan) dalam masyarakat Penan dengan mempertingkatkan status makanan bernutrisi kanak-kanak berumur antara 6 bulan sehingga 6 tahun yang telah dikenal pasti mempunyai masalah kekurangan berat badan dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Penyediaan makanan untuk program kanak-kanak kekurangan zat pemakanan ini dikenali sebagai "Program Bakul Makanan" dan merupakan inisiatif sedia ada yang diterajui oleh Kemeterian Kesihatan.

Matlamat inisiatif ini adalah seperti yang berikut:

1. Meningkatkan tahap pengetahuan dan amalan penjagaan kesihatan ibu bapa /penjaga kanak-kanak Penan serta penyediaan makanan bernutrisi untuk kanak-kanak
2. Meningkatkan status kesihatan Kanak-kanak Penan melalui pendekatan pelbagai disiplin dan penglibatan kemasyarakatan
3. Penyediaan bakul makanan bernutrisi yang mengandungi barang makanan terpilih untuk menggalakkan pertumbuhan kanak-kanak malnutrisi.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh masalah ketercapaian dan perhubungan ke kawasan-kawasan terpencil di Sarawak, beberapa kes yang telah dikenal pasti oleh Pasukan Kesihatan Bergerak dan Perkhidmatan Doktor Udara tidak dibekalkan dengan bekalan bakul makanan secara bulanan.

Untuk menangani masalah ini, Kementerian Kesihatan dalam GTP 2.0 akan bekerjasama dengan NGO yang dikenal pasti untuk menyerahkan bakul makanan kepada kes malnutrisi yang telah dikenal pasti di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak, terutamanya dalam masyarakat Penan.




Setiap NGO terlibat dalam penyaringan dan pemantauan status nutrisi penerima bakul makanan. Kementerian Kesihatan diminta untuk mengemukakan laporan berkala kepada Kementerian Kesihatan. Satu mekanisme pelaporan

dan aliran proses akan diwujudkan untuk membantu dalam penyelarasan penglibatan NGO.

Komponen bakul makanan mencakupi:

1. Bihun (3kg)

2. Susu tepung penuh krim (2kg)
3. Biskut manis (3kg)
4. Ikan sardin (7 tin kecil, 155g/tin)
5. Minyak masak (1kg)
6. Multivitamin (30 kapsul)
7. Susu Istimewa (800g, 400g/tin)



Rajah 14: Aliran carta proses bagi inisiatif Bakul Makanan Masyarakat Penan

Aliran proses yang standard tersedia untuk mengurus keadaan kekurangan zat makanan (malnourished) kanak-kanak Penan

- | | | |
|--|---|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Perbincangan antara Ketua Projek dengan Ketua Program/Aktiviti (Kawalan Penyakit, BAKAS, Nutrisi)• Perbincangan dengan Ketua Sukarelawan dalam masyarakat Penan• Persediaan data pra projek:<ul style="list-style-type: none">- Populasi kanak-kanak di bawah 6 tahun- Data anthropometric- Data sosioekonomi dan demografi- Set penunjuk kesihatan• Persediaan bahan dan peralatan pendidikan bagi aktiviti yang dilaksanakan | <ul style="list-style-type: none">• Pendaftaran kes• Mendapatkan data anthropometric (berat dan tinggi)• Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak (imunisasi, pemberian ubat cacing)• Mengendalikan pendidikan nutrisi dan pertunjukan masakan• Mengendalikan pendidikan kesihatan dan kebersihan• Mengendalikan kelas kolaborasi (kebersihan alam sekitar, tandas, bekalan air) | <ul style="list-style-type: none">• Mendapatkan data anthropometric (berat dan ketinggian)• Projek pasca pemerolehan data penilaian:<ul style="list-style-type: none">- Popilasi kanak-kanak di bawah 6 tahun- Data anthropometric- Data sosioekonomi dan demografi- Set penunjuk kesihatan |
|--|---|---|

Lawatan Pertama

▶ Lawatan ke-2, ke-3 dan ke-4

▶ Lawatan ke-5

Inisiatif: Perkhidmatan dan kemudahan kesihatan di pedalaman

Masyarakat Orang Asli

Kekurangan akses terhadap perkhidmatan kesihatan menyebabkan masyarakat Orang Asli lebih terdedah kepada beberapa masalah kesihatan termasuk morbiditi dan mortaliti (kadar kematian) yang tinggi terhadap penyakit berjangkit seperti tuberkulosis (batuk kering), malaria dan filariasis.

Bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang baik diberikan kepada masyarakat Orang Asli di pedalaman, langkah jangka pendek dan jangka panjang diperlukan. Pada ketika ini, klinik bergerak membuat lawatan ke masyarakat pedalaman sekali dalam sebulan, tetapi GTP 2.0 menasarkan liputan terhadap kawasan yang lebih besar. Untuk jangka panjang pula, NKRA LIH mengesyorkan pembinaan 5 buah klinik tetap: tiga di Gua Musang, Kelantan, dan dua di Kuala Lipis, Pahang. Klinik-klinik tetap ini akan dibina pada tahun 2014 dan 2015.

Darat	Air	Udara
<ul style="list-style-type: none"> Dengan kenderaan pacuan roda Sebuah Pasukan bagi Kesihatan Ibu dan Anak/Pergigian/Pesakit Luar/Pendidikan Kesihatan Bergantung pada keadaan cuaca dan jalan Perlukan pemandu berpengalaman Lawatan dirancang tiga kali sebulan untuk meliputi semua pusat Lawatan adalah selama satu minggu     	<ul style="list-style-type: none"> Menerusi bot Sebuah Pasukan bagi Kesihatan Ibu dan Anak/Pergigian/Pesakit Luar/ Pendidikan Kesihatan Bergantung pada keadaan sungai 	<ul style="list-style-type: none"> Dengan helikopter Tempat terhad Mahal Perlukan zon pendaratan Penerbangan berbahaya ketika cuaca buruk Liputan terhad Dua hari bagi setiap lawatan Dua jenis perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> ✓ Perkhidmatan berjadual ✓ Medivac (permindahan untuk tujuan perubatan)

Rajah 16: Klinik bergerak menerusi darat, air dan udara dan cabarannya masing-masing

Penambahbaikan dalam penyampaian penjagaan kesihatan kepada Orang Asli di kawasan pedalaman memerlukan pendekatan daripada pelbagai pihak melibatkan Kementerian Kesihatan, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). NGO juga akan diundang untuk bekerjasama membantu dalam aspek ubat-ubatan, pengangkutan dan latihan selain memberikan bantuan kepada Pasukan Sukarelawan Kesihatan Orang Asli yang dikenali sebagai Sukarelawan Kesihatan Orang Asli.

Kemudahan Perumahan

Inisiatif: Mempertingkatkan kemudahan perumahan

Masyarakat orang asli

Pada masa ini, hanya 12% daripada penduduk Orang Asli menerima bantuan rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) manakala 82% selebihnya masih menetap di rumah tradisional atau rumah dibina sendiri. Dalam GTP 2.0, program pembangunan perumahan untuk Orang Asli akan diurus bersama oleh Program Bantuan Rumah (PBR) dan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) untuk menawarkan rumah yang lebih banyak dan lebih baik kepada mereka.

SPNB

RMR1Malaysia (Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia) merupakan program untuk memastikan bahawa mereka yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah (isi rumah di bawah RM3,000 sebulan) mampu

memiliki rumah sendiri yang selesa dengan kaedah IBS; iaitu dengan harga RM65,000 setiap rumah

- SPNB yakin bahawa untuk mewujudkan impak yang mampar, perlu ada kerjasama antara kerajaan dengan masyarakat.
- SPNB akan memberikan tumpuan terhadap penyediaan rumah kepada Orang Asli miskin tegar yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah (isi rumah di bawah RM3,000) dan yang tinggal di kawasan pedalaman, pinggir bandar dan bandar.
- Melalui RMR1Malaysia SPNB, negara akan berupaya untuk meningkatkan kapasiti pelaksanaan JAKOA/PBR sebanyak 15% dalam pembinaan rumah baharu.

Kerjasama dengan NGO

- Pada ketika ini PBR mempunyai peruntukan dan keupayaan pembinaan yang terhad
- NGO berkemampuan untuk memberikan bantuan yang signifikan kerana mereka boleh memanfaatkan sumber daripada sektor swasta dan masyarakat
- Tambahan pula, ia mempunyai kaedah pembinaan baharu yang boleh mempercepat pembinaan bangunan 10 kali lebih cepat daripada kaedah biasa

Perumahan modular NGO membolehkan pembinaan segera rumah yang kukuh dalam tempoh hanya 3 hari yang bersesuaian dengan saiz keluarga tertentu.

Perumahan Modular

- Pembinaan yang mudah dan cepat
- Kebolehan untuk memenuhi keperluan yang berbeza
- Mudah diangkut terutama di kawasan pedalaman
- Mudah untuk disesuaikan dengan pelbagai bahan dan keadaan tapak

Inisiatif yang melibatkan NGO ini memerlukan Program Bantuan Perumahan (PBR) untuk merangka semula proses dalam kerajaan supaya dapat berkomunikasi dan bekerjasama dengan lebih baik dan melibatkan NGO dalam projek pembinaan perumahan.



Rajah 17: Proses pembinaan perumahan modular

Bantuan Sosial Yang Membolehkan Perkembangan Ekonomi

Inisiatif: Skim insuran untuk peserta 1AZAM

Inisiatif ini AKAN memastikan semua peserta 1AZAM dilindungi oleh pelan perlindungan pendapatan yang boleh bertindak sebagai jaring perlindungan (safety net) sekiranya berlaku kemalangan. Pelan insuran ini direka bentuk untuk memberikan perlindungan kewangan sekiranya peserta 1AZAM tidak mampu untuk menyara keluarga disebabkan oleh kemalangan atau cedera.

Untuk menggalakkan semangat akauntabiliti, peserta 1AZAM yang telah berjaya meningkatkan pendapatan dengan ketara pada tahun sebelumnya akan diminta untuk menyumbangkan sebahagian daripada premium. Di

samping itu, projek perintis bersama-sama dengan korporat-NGO ini juga akan menawarkan perlindungan tambahan terhadap pendapatan di beberapa PPR terpilih di Kuala Lumpur. Sebagai contoh, PRU Kasih akan digalakkan untuk terus mencapai peningkatan skala (scale up) untuk memberikan perlindungan yang lebih meluas.

Model PRU Kasih yang melibatkan kerjasama yang erat dengan pemimpin masyarakat setempat dan pembayaran dibuat dalam bentuk bantuan bukan wang seperti makanan dan bayaran sewa merupakan model yang membuktikan bahawa Kerajaan

ingin memberikan sokongan dalam mereplikakan model ini merentas masyarakat tempatan di seluruh negara.

AgroKasih-I, Skim Perlindungan Kemalangan Pelanggan Agro Bank, akan menawarkan perlindungan awal kepada semua peserta pada tahun 2013, dengan program yang lebih holistik melibatkan lebih banyak penyedia perkhidmatan insurans dirancang untuk tahun-tahun yang seterusnya. Penggunaan pelan insurans ini merupakan sebahagian daripada pelancaran keseluruhan program pendidikan celik kewangan selain memenuhi mandat penyokong/pemboleh ekonomi.

Inisiatif: Rumah Perlindungan untuk golongan gelandangan di Anjung Singgah

Inisiatif yang dibawa ke hadapan daripada GTP 1.0 ini akan diteruskan melalui GTP 2.0 serta diperluas untuk menyediakan perlindungan di bandar-bandar utama seperti Pulau Pinang, Johor Bharu dan Kuching. Di Kuala Lumpur, Anjung Singgah telah memberikan perkhidmatan kepada lebih 1,000 gelandangan sejak ia dibuka. Di samping menyediakan makanan dan

perlindungan, perkhidmatan perubatan, kaunseling dan sokongan sosial yang lain, Anjung Singgah juga membantu pengunjungnya untuk mendapatkan pekerjaan dan menyediakan mereka dengan sokongan yang perlu untuk mendapatkannya. Melalui inisiatif ini, golongan gelandangan ditawarkan peluang perniagaan yang dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Sasaran untuk tahun 2013 adalah untuk mulakan dan menjalankan operasi di pusat-pusat perlindungan untuk golongan gelandangan ini di bandar-bandar seperti Johor Bahru, Kuching dan Pulau Pinang. Inisiatif ini akan diterajui dan dilaksanakan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).




Figure 18: Inisiatif di bawah program Anjung Singgah

Inisiatif: Khidmat bantuan di rumah untuk golongan mudah terjejas

Inisiatif ini yang dahulunya merupakan projek perintis yang dilaksanakan di bawah GTP 1.0 akan dilanjutkan dalam GTP 2.0. Matlamat utamanya adalah untuk menawarkan perkhidmatan bantuan kepada individu yang tidak mampu menjaga diri mereka sendiri

dengan sebaiknya di rumah. Program ini membiayai pembantu atau NGO untuk membantu individu yang mudah terjejas ini dengan aktiviti harian bagi membolehkan mereka berdikari di rumah mereka sendiri dan tidak dipaksa tinggal di mana-mana pusat jagaan.

Sasaran di bawah inisiatif ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan bantuan di rumah untuk 2,500 orang atau warga tua. Inisiatif ini dilaksanakan oleh NGO dan diselaraskan serta dipantau oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Keberhasilan Utama	2013	2014	2015
	1,500 warga emas terima bantuan secara harian	2,000 warga emas terima bantuan secara harian	2,500 warga emas terima bantuan secara harian
NGO	300 sukarelawan	400 sukarelawan	500 sukarelawan

Inisiatif: Feri membolehkan Orang Asli di Tasik Temenggor mengakses infrastruktur

Perkhidmatan feri ini menyediakan lebih 5000 masyarakat Orang Asli yang tinggal di hulu sungai akses terhadap pendidikan, kesihatan dan peluang ekonomi sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Inisiatif ini akan melibatkan:

- Pemilihan calon yang sesuai oleh JAKOA untuk mengendali dan

menyenggara feri tersebut. Calon hendaklah menjalani latihan, seperti latihan program untuk pengemudi bot yang dikendalikan oleh MARA.

- Saiz bot: 20kakix6kaki dengan 200HP dan berkeupayaan untuk mengangkut kargo, seperti hasil pertanian
- Feri hendaklah tersedia menawarkan perkhidmatan semasa waktu

persekolahan dan untuk perjalanan pergi balik ke pekan terdekat, iaitu Pulau Banding

- Feri hendaklah tersedia menawarkan perkhidmatan kepada Orang Asli dengan harga yang sangat rendah.


Inisiatif: Memperluas Inisiatif Pendidikan untuk Mempertingkatkan Kesejahteraan Orang Asli

Matlamat inisiatif ini adalah untuk memperkuuh program latihan dan kemahiran semasa, termasuk sukanan pelajaran program KEDAP (Kelas Dewasa Asli dan Peribumi) yang dipantau oleh Kementerian Pelajaran. KEDAP akan disemak semula untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa Orang Asli untuk membantu mengurangkan kadar kecinciran pelajar. Satu komponen

lain dalam inisiatif ini adalah untuk mempertingkatkan infrastruktur bagi pendidikan Orang Asli. Kerajaan telah mengumumkan baru-baru ini 7 inisiatif untuk mentransformasikan pendidikan Orang Asli. Kerajaan telah bersetuju untuk menambah 4 buah sekolah komprehensif model khas K9. Model sekolah K9 merupakan gabungan pendidikan sekolah rendah dan menengah sehingga tingkatan 3

yang mempunyai kemudahan sekolah berasrama.

Perkhidmatan feri akan menghubungkan 3 komuniti Orang Asli dengan pekan berdekatan, Pulau Banding untuk mendapatkan akses pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan ekonomi.





Ringkasan Inisiatif

Inisiatif Diterajui Kerajaan



- Program 1AZAM yang diperincikan dan disasarkan untuk memastikan bahawa bantuan diberikan kepada isi rumah dan rakyat yang paling memerlukan
 - Memfokuskan mereka yang berdaftar dengan e-Kasih tetapi belum menerima bantuan
 - Memfokuskan daerah yang mempunyai bilangan isi rumah miskin/miskin tegar tetapi tidak mempunyai penyertaan yang sepadan dalam 1AZAM
 - Memfokuskan daerah yang mempunyai bilangan isi rumah miskin/miskin tegar tetapi tidak mempunyai penyertaan yang sepadan dalam 1AZAM
 - Pengumpulan data yang lebih ketat untuk mengenal pasti peserta 1AZAM
 - Fokus komuniti terhadap kawasan Sabah dan Sarawak
 - Penglibatan NGO yang lebih aktif untuk memastikan bahawa pangkalan data adalah terkini untuk pemprofilan golongan miskin dan miskin tegar di Malaysia yang lebih baik
- Program pendidikan literasi kewangan untuk membantu peserta 1AZAM dan anak-anak mereka membangunkan kemahiran pengurusan kewangan pintar
- Pembangunan laluan kerjaya dan pemprofilan kerja untuk membantu peserta 1AZAM agar lebih mudah memperoleh pekerjaan
- Peluang yang inovatif dan mampan bagi peserta 1AZAM menerusi program seperti skim baucar kerja, program pembantu rumah, perbankan tanpa cawangan dan penyumberan mikro
- Pengupayaan ekonomi kumpulan mudah terjejas termasuk bekas penagih dadah, bekas banduan, kumpulan Orang Asli dan masyarakat Penan
- Pemantauan program 1AZAM yang lebih meluas dan mendalam dengan bantuan NGO menerusi program mentor-mentee
 - Peluang kedua: membangunkan sebuah mekanisme penilaian yang lebih komprehensif untuk menilai peserta 1AZAM yang sepatutnya diberi peluang kedua

Inisiatif Diterajui Sektor Swasta



- Mempercepat pengecualian cukai terhadap NGO untuk membantu mereka menggunakan peruntukan yang terhad dengan lebih berkesan
- Kempen kesedaran dan pemanfaatan sumber korporat/individu dengan NGO
 - Inisiatif untuk membantu menyalurkan peruntukan terus daripada sektor swasta kepada NGO menerusi pelbagai mekanisme termasuk laman sesawang khas pada masa hadapan
 - Membantu NGO dari segi keperluan sumber manusia mereka menerusi pemanfaatan dengan pihak sektor swasta yang berminat

Penjagaan Kesihatan dan nutrisi



- Program ini direka khas untuk membantu golongan miskin/miskin tegar dan kumpulan terjejas dari segi keperluan penjagaan kesihatan dan nutrisi mereka
 - Inisiatif bakul makanan untuk membantu mengimbangi kos harga makanan yang tinggi bagi miskin bandar yang menyertai program 1AZAM selain masyarakat Orang Asli dan Penan yang lazimnya diancam secara berterusan oleh masalah kekurangan zat pemakanan
- Peningkatan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan ke kawasan pedalaman yang lebih terpencil yang akses lazimnya merupakan suatu kesukaran dengan matlamat jangka panjang untuk membina dua buah klinik kekal
- Peningkatan penyampaian kemudahan perumahan kepada masyarakat Orang Asli yang majoritinya masih terus tinggal di rumah tradisional dibina sendiri, yang lazimnya berada dalam keadaan yang lemah

Bantuan Sosial yang Membantu Perkembangan Ekonomi



- Memperluas skim insurans bagi peserta 1AZAM yang akan mewujdukan jaring keselamatan sekiranya mereka atau keluarga mereka berhadapan dengan kemalangan
- Mempertingkatkan bilangan rumah perlindungan Anjung Singgah bagi golongan gelandangan di pusat bandar utama termasuk Johor Bahru, Kuching dan Pulau Pinang
- Menyampaikan perkhidmatan bantuan di rumah untuk kumpulan mudah terjejas seperti golongan warga emas dan orang kurang upaya untuk membolehkan mereka hidup berdikari di rumah mereka sendiri
- Membangunkan perkhidmatan feri untuk masyarakat Orang Asli yang tinggal di Temenggor untuk membantu mereka berhubung dengan kawasan bandar yang terdekat di Banding



NKRA
MEMPERTINGKATKAN
PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR

SEPATAH KATA

Dato' Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Apa pun juu ukurannya, pencapaian Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada tahun 2011 dalam peningkatan infrastruktur adalah memberangsangkan dan layak diberikan perhatian.

Peningkatan dalam infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar mencakupi 1,013 kilometer jalan baharu dan dinaik taraf, 27,004 isi rumah dibekalkan dengan tenaga elektrik, 73,227 rumah luar bandar disambungkan dengan bekalan air bersih dan lebih 14,350 buah rumah dibina atau dibaik pulih. Kesemua ini adalah sebagai tambahan kepada prestasi kemajuan terbaik kementerian yang dicatat pada tahun 2020.

Kesemua inisiatif ini terus menambah keyakinan saya bahawa matlamat pembangunan luar bandar

hendaklah melibatkan pembangunan infrastruktur holistik yang membawa kepada peningkatan aktiviti ekonomi, seterusnya membuatkan penciptaan kekayaan luar bandar serta pendapatan per kapita dan kuasa beli yang lebih besar.

Untuk tujuan ini, proses pembangunan luar bandar hendaklah melibatkan usaha memperkasakan masyarakat luar bandar agar mereka menggalas tanggungjawab masing-masing dan mengambil bahagian dalam pembangunan sosial dan ekonomi yang tidak dapat mereka lakukan sebelum ini disebabkan oleh kemiskinan. Atas sebab dan dorongan inilah, Kementerian telah pun mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar.



Meninjau kembali GTP 1.0 (2010 - 2012)

Banyak yang telah dicapai oleh NKRA Infrastruktur Luar Bandar (RBI) dalam GTP 1.0 dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mencatat beberapa kejayaan dari segi memperbaik dan mempertingkatkan kehidupan rakyat Malaysia khususnya masyarakat luar bandar. Pembangunan infrastruktur telah meningkatkan kualiti kehidupan dan membolehkan akses yang lebih baik kepada pasaran, yang seterusnya akan memainkan peranan dalam membentulkan ketidakseimbangan sosiobudaya dan sosioekonomi. Pada

akhir program selama tiga tahun, sejumlah 4.5 juta rakyat Malaysia telah pun meraih manfaat daripada inisiatif GTP 1.0.

Inisiatif di bawah GTP 1.0 disasarkan untuk mencapai matlamat berimpak tinggi dan segera, yang menghasilkan kejayaan besar yang berikut. Meskipun dengan kejayaan ini, NKRA RBI pada asalnya telah menyasarkan pencapaian yang lebih tinggi, namun pengurangan bajet yang tidak dijangka sebanyak RM3 bilion bermaksud bahawa hanya 75%

daripada sasaran GTP 1.0 dapat dicapai. Justeru, sebahagian daripada rancangan pembangunan penting tersebut akan diteruskan dalam GTP 2.0.

Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan yang mendadak dalam penyediaan akses kepada jalan, bekalan air dan elektrik, terutamanya di Sabah dan Sarawak, yang mencatatkan peningkatan sehingga 30% dari segi liputan dalam sesetengah kejadian dari tahun 2009 hingga 2012.

KEJAYAAN BESAR 1 Peningkatan akses kepada jalan berturap atau jalan kelikir

Ujian penanda aras bagi inisiatif ini diukur menerusi peratusan rakyat Malaysia yang tinggal dalam lingkungan lima kilometer dari jalan berturap, jalan kelikir atau jalan batu merah (laterit). Menjelang akhir tahun 2012, sejumlah 3,147 kilometer jalan raya disiapkan di bawah inisiatif ini. Peratusan rakyat Malaysia yang berikut kini memenuhi piawaian yang telah ditetapkan di atas:

- 98.6% daripada penduduk luar bandar Semenanjung Malaysia
- 87.0% daripada penduduk luar bandar Sabah
- 86.0% daripada penduduk luar bandar Sarawak



Penunjuk prestasi utama (KPI) bagi tahun 2011 adalah untuk menyiapkan pembinaan sejauh 905km jalan raya, yang telah pun diatasi dengan jayanya



menerusi 1,013km jalan raya yang telah disiapkan.

KEJAYAAN BESAR 2

Peningkatan akses kepada air bersih atau terawat

Akses kepada air bersih merupakan keperluan asas bagi setiap masyarakat, dan memastikan bahawa semua rumah di kawasan luar bandar Malaysia mempunyai akses kepada kemudahan asas merupakan prioriti paling utama bagi NKRA RBI. Lantaran inisiatif GTP 1.0, 310,742 buah rumah kini mempunyai akses kepada air bersih atau terawat.

Pecahan dari segi geografi adalah seperti yang berikut:

- 99.0% daripada penduduk luar bandar Semenanjung Malaysia

- 79.0% daripada penduduk luar bandar Sabah
- 90.0% daripada penduduk luar bandar Sarawak

Di samping sebab-sebab kesihatan dan kebersihan, akses kepada air juga merupakan keperluan yang penting bagi industri dan ekonomi luar bandar. Tahun 2011 menyasarkan untuk memastikan penyambungan utiliti kepada 58,087 buah rumah. Walau bagaimanapun, bilangan rumah sebenar yang berjaya



dilakukan penyambungan utiliti adalah jauh lebih besar, iaitu sebanyak 73,227 buah rumah.

KEJAYAAN BESAR 3

Akses 24 jam kepada bekalan tenaga elektrik

Seperti air bersih, bekalan tenaga elektrik sepanjang masa merupakan komponen penting yang diperlukan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan keseluruhan masyarakat luar bandar Malaysia. Ia juga merupakan sebuah komponen penting industri dan pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2012, NKRA RBI telah memastikan tambahan 93,712 buah rumah disambungkan kepada grid elektrik dan kini mempunyai akses kepada bekalan elektrik 24 jam. Dari segi geografi,

pecahan adalah seperti yang berikut:

- 99.8% daripada penduduk luar bandar Semenanjung Malaysia
- 88.7% daripada penduduk luar bandar Sabah
- 82.7% daripada penduduk luar bandar Sarawak

Pada tahun 2011, NKRA RBI menyasarkan penyambungan grid elektrik kepada 26,882 buah rumah. Akan tetapi, 27,004 buah rumah telah disambung kepada grid elektrik dan



dengan demikian sasaran tersebut telah diatasi dengan jayanya.

KEJAYAAN BESAR 4

Membina dan membaik pulih rumah bagi penduduk miskin luar bandar

Kes golongan miskin tegar yang tinggal di rumah yang daif dan boleh mendatangkan bahaya masih berlaku di Malaysia dan NKRA RBI mengakui itu ini dalam GTP 1.0. Untuk menangani masalah ini, NKRA RBI melaksanakan sebuah inisiatif yang akan memberikan bantuan kewangan kepada golongan miskin tegar luar bandar.

Walau bagaimanapun, disebabkan sumber-sumber yang terhad, NKRA RBI terpaksa memastikan bahawa hanya

isi rumah yang benar-benar layak yang menerima bantuan ini. Sepanjang tiga tahun yang lepas, Program Bantuan Rumah NKRA RBI telah membaik pulih dan membina 50,000 buah rumah untuk rakyat luar bandar Malaysia. Tahun 2011 menyasarkan untuk membina dan membaik pulih 9,146 buah rumah. Jumlah sebenar rumah yang dibina dan dibaik pulih adalah sebanyak 14,365 buah dan dengan demikian sasaran tersebut telah diatasi dengan jayanya.



Pengenalan kepada GTP 2.0 (2013 - 2015)

Kes bagi Perubahan

GTP 1.0 menyaksikan banyak yang telah dilaksanakan untuk masyarakat luar bandar Malaysia tetapi usaha yang dilaksanakan masih lagi belum sempurna. Peningkatan infrastruktur dalam masyarakat luar bandar merupakan langkah pertama yang penting, yang menyediakan mereka untuk memasuki fasa kedua pembangunan yang bakal menyaksikan pembangunan dan penggiatan semula ekonomi setempat mereka.

Matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa ekonomi luar bandar boleh menyediakan penduduknya dengan pendapatan dan kemudahan yang menarik untuk menghalang berlakunya diaspora (penghijrahan penduduk ke merata tempat) selain mewujudkan dorongan yang kukuh bagi golongan

belia luar bandar untuk kekal tinggal di kampung.

Terdapat satu lagi sebab yang lain: Malaysia bercita-cita tinggi untuk menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, dan satu bahagian yang penting daripada pencapaian ini bergantung pada pembangunan ekonomi luar bandar yang dinamik. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan ekonomi luar bandar memberikan sumbangan, terlebih dahulu ia hendaklah berkembang pesat, dan ini bermakna kawasan luar bandar perlu ditransformasikan menjadi kawasan yang menarik hati orang ramai untuk tinggal dan juga bekerja.


Untuk tujuan ini, Kementerian Kemajuan Luar dan Wilayah (KKLW) akan mula

melaksanakan program Kampung Abad Ke- 21 (KA21, 21st Century Village), yang akan membawa kampung luar bandar Malaysia ke barisan hadapan kisah ekonomi negara.

Aspirasi yang dimiliki oleh NKRA RBI untuk luar bandar Malaysia adalah jelas dan mudah. Pertama, untuk menyediakan akses yang bersifat universal kepada utiliti dan infrastruktur. Kedua, untuk memastikan pembangunan ekonomi luar bandar di bawah rubrik KA21, iaitu sebuah aliran kerja baharu yang diperkenalkan dalam GTP 2.0. Disebabkan oleh anjakan dalam fokus ini, NKRA RBI akan diberi nama baharu sebagai NKRA Pembangunan Luar Bandar (NKRA RD).

Tinjauan Keseluruhan

Program GTP 2.0 Pembangunan Luar bandar akan menumpukan pada dua aliran kerja utama: kesinambungan Program Infrastruktur Luar Bandar (untuk menyelesaikan kerja GTP 1.0), dan pelaksanaan KA21, yang difokuskan kepada pembangunan ekonomi. Program sedia ada Kerajaan dalam menyediakan kemudahan asas sosial, seperti penyediaan sambungan Internet jalur lebar, klinik, sekolah dan pengurusan sisa yang sistematik di kawasan luar bandar, akan terus dilaksanakan di samping dua aliran kerja tersebut.



Rajah 1: NKPI aliran kerja dan infrastruktur sokongannya

Aliran Kerja dan Inisiatif

1 Infrastruktur Luar Bandar

Masih banyak yang perlu dilakukan lagi untuk menyempurnakan program infrastruktur luar bandar, terutamanya memandangkan hambatan berbentuk pengurangan bajet dalam GTP 1.0 bermaksud bahawa hanya 75% daripada rancangan pembangunan berjaya dicapai. Sebaik sahaja rancangan pembangunan tersebut disempurnakan, 99% daripada isi rumah di Semenanjung Malaysia akan mempunyai akses kepada air bersih atau terawat, bekalan elektrik 24 jam dan tinggal dalam lingkungan 5km dari jalan. Demikian juga di Malaysia Timur, 95% daripada isi rumah di Sabah dan Sarawak akan mempunyai akses kepada kemudahan yang sama.

Sasaran tersebut ditetapkan berdasarkan kapasiti sumber-sumber sedia ada seperti tenaga manusia, jentera dan bahan di pelbagai wilayah selain keperluan untuk menyeimbangkan perbelanjaan antara pembangunan luar bandar dengan bandar.

Aspirasi tersebut juga menuntut penyenggaraan kemudahan sedia ada seperti jalan raya dan generator kuasa elektrik. Untuk mencapai tujuan ini, empat inisiatif – yang ditambah baik dan diperluas daripada GTP 1.0 – akan dilaksanakan untuk memacu wawasan ini ke hadapan:

- Pembaikan jalan
- Akses kepada air bersih atau terawat
- Bekalan elektrik 24 jam
- Penyenggaraan infrastruktur

Satu lagi penambahbaikan terhadap GTP 1.0 ialah skop geografi inisiatif GTP 2.0. Sebelum ini, di bawah GTP 1.0, sebahagian besar daripada projek RBI memfokuskan pembangunan kawasan yang sebahagiannya dapat diakses. Kini, GTP 2.0 akan memfokuskan kawasan pedalaman dan ceruk pelosok di Sabah dan Sarawak.


Infrastruktur Luar Bandar dalam GTP 2.0 akan memfokuskan pada kawasan yang lebih terpencil yang bermaksud impak yang berkurangan berbanding dengan GTP 1.0



Kebanyakan projek merupakan kawasan yang sebahagiannya boleh diakses

Impak/manfaat

4.5 juta rakyat



GTP 2.0 akan memfokuskan kawasan pedalaman yang lebih terpencil

Impak/manfaat

4.5 + 2.0 juta rakyat

Rajah 2: Inisiatif dalam GTP 2.0 akan dipertingkatkan untuk mencakupi kawasan pedalaman dan ceruk pelosok

Tambahan dua juta penduduk luar bandar dijangka meraih manfaat daripada inisiatif ini selepas program ini disempurnakan pada tahun 2015.

Benefisiari GTP 1.0 dan GTP 2.0

	GTP 1.0 (2010 - 2012)	GTP 2.0 (2013 - 2015)	Jumlah Benefisiari
Semenanjung Malaysia	2,214,000	677,000	2,891,000
Sabah	1,107,000	615,000	1,722,000
Sarawak	1,178,000	758,000	1,936,000
JUMLAH	4,499,000	2,050,000	6,549,000

Rajah 3: Benefisiari pelan pembangunan yang disempurnakan

Inisiatif: Pembaikan jalan

Sebuah rangkaian jalan raya yang mencukupi adalah penting bagi industri dan juga untuk mengurangkan beban rakyat luar bandar yang perlu melakukan perjalanan berulang-alik di kawasan luar bandar. Meskipun GTP 1.0 telah pun melaksanakan langkah-langkah yang penting dalam mempertingkatkan kemudahan ini, namun usaha tersebut belum lagi sempurna. Pada akhir GTP 1.0, peratusan penduduk Semenanjung Malaysia yang tinggal dalam lingkungan 5km dari jalan raya berturap meningkat kepada 98.6%, dan kepada 87.0% serta 86.0% bagi Sabah dan Sarawak masing-masingnya. NKRA RD berhasrat untuk meningkatkan peratusan bagi Sabah dan Sarawak kepada 95% pada tahun 2015.



Rajah 4: Ekspetasi liputan jalan raya bagi GTP 2.0

Untuk berbuat demikian, KKLW akan melaksanakan beberapa tindakan termasuk menggunakan jalan pembalakan lama, membina jalan baharu dan menaik taraf jalan yang sedia ada.

Jalan pembalakan lama memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan hubungan kepada kawasan pedalaman dan ceruk pelosok, akan tetapi jalan-jalan tersebut umumnya berada dalam keadaan yang teruk selepas pengusaha pembalakan selesai menggunakanannya. GTP 2.0 akan meninjau tindakan pemulihan yang boleh diambil terhadap jalan-jalan ini, dengan anggaran 59,560 orang penduduk luar bandar bakal meraih manfaat daripada pembaikan tersebut. Sejumlah 826km jalan pembalakan yang akan digunakan dan dinaik taraf telah pun dikenal pasti.



Rajah 5: Keadaan jalan pembalakan yang teruk memerlukan kerja pemulihan

Inisiatif ini akan menghasilkan 5,139km jalan secara keseluruhan di kawasan luar bandar. Daripada jumlah itu, 3,948km merupakan jalan berturap, 365km jalan kelikir, dan penaiktarafan 826km jalan kelikir. Jalan-jalan ini akan dibina oleh KKLW dan diserahkan kepada JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak menjelang akhir tahun 2015.

Mencapai sasaran jalan perlukan pembinaan atau penaiktarafan 6,339km jalan raya di Malaysia



Rajah 6: Jalan diperlukan (dalam km) untuk mencapai KPI

Inisiatif: Akses kepada air bersih atau terawat

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisyiharkan bahawa akses kepada air yang bersih atau terawat merupakan hak asasi manusia dan Kerajaan Malaysia komited untuk memastikan bahawa seluruh rakyat Malaysia memenuhi kriteria ini. Tambahan pula, air bersih merupakan satu keperluan penting yang membolehkan industri berkembang dan GTP 2.0 komited untuk memastikan bahawa seluruh rakyat Malaysia mempunyai akses kepada sumber ini.



Pada akhir GTP 1.0, sebanyak 99.0% penduduk Semenanjung Malaysia mempunyai akses kepada air bersih atau terawat, sementara 79.0% dan 90.0% daripada penduduk Sabah dan Sarawak masing-masing menikmati akses yang sama. Memandangkan kepentingan air bersih yang tidak ada tolok bandingnya, NKRA ini menyasarkan untuk meningkatkan peratusan di Sabah dan Sarawak kepada 95% pada tahun 2015. Hal yang demikian akan dapat dicapai dengan membina sambungan baharu dan bekalan air alternatif ke kawasan luar bandar, selain menaik taraf sistem rawatan yang sedia ada di kawasan bandar dan luar bandar untuk memenuhi pengembangan yang berlaku.

Semenanjung Malaysia

Isi rumah luar bandar pada 2015	99.0%
Liputan pada 2012	98.6%
Liputan pada 2009	88.0%


Sabah

Isi rumah luar bandar pada 2015	95.0%
Liputan pada 2012	79.0%
Liputan pada 2009	57.0%

Sarawak

Isi rumah luar bandar pada 2015	95.0%
Liputan pada 2012	90.0%
Liputan pada 2009	57.0%


Rajah 7: Akses kepada air bersih oleh isi rumah selepas GTP 2.0



Rajah 8: Penambahbaikan sistem pengagihan bekalan air

Pada masa ini di kawasan yang tertentu, sumber air baharu bagi masyarakat luar bandar diperoleh menerusi loji rawatan di bandar disebabkan oleh kapasiti rawatan yang tidak mencukupi di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, sistem air di bandar bukan direka bentuk untuk memenuhi permintaan tambahan ini. Permintaan tambahan ini akan memberikan tekanan kepada sistem air di bandar. GTP 2.0 bakal menyaksikan kerja dilaksanakan di kawasan luar bandar dan juga bandar untuk melegakan tekanan terhadap sistem sedia ada.





Rajah 9: Penaiktarafan sistem bekalan bagi program air ke 128,111 rumah tambahan

Dalam Pelan Hala Tuju GTP 2.0, KKLW akan membina lebih 4,000km talian paip air di seluruh negara, yang seterusnya akan diserahkan kepada pihak berkuasa air tempatan, iaitu Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan JKR Sarawak, menjelang akhir tahun 2015. Untuk mencapai paras akses sebanyak 95% bagi Malaysia Timur, sejumlah 128,111 rumah tambahan perlu disambungkan kepada sistem air.




Rajah 10: Mencapai sasaran air perlukan penyediaan air bersih atau terawat

Inisiatif: Bekalan tenaga elektrik 24 jam

Sejajar dengan usaha mempertingkatkan akses kepada air bersih, NKRA RD juga komited untuk memastikan bahawa seluruh rakyat Malaysia mempunyai akses yang berterusan kepada bekalan tenaga elektrik yang andal. Hal yang demikian meneruskan sekali lagi kerja yang telah dimulakan dalam GTP 1.0. Bekalan tenaga elektrik, seperti juga air bersih, merupakan komponen yang penting bagi industri, dan pembangunan ekonomi luar bandar amat bergantung pada akses tenaga elektrik yang andal.



Pada akhir inisiatif GTP 1.0, sebanyak 99.8% daripada penduduk Semenanjung Malaysia telah memperoleh akses kepada bekalan tenaga elektrik 24 jam, sementara 88.7% dan 82.7% daripada penduduk Sabah dan Sarawak bakal memperoleh liputan bekalan yang sama. Sasaran yang ditetapkan adalah untuk memperoleh 95% liputan bekalan di Malaysia Timur pada tahun 2015.



Rajah 11: Akses kepada bekalan elektrik 24 jam selepas GTP 2.0

Program pembekalan tenaga elektrik luar bandar juga bakal menyaksikan sekolah-sekolah rendah yang pada masa ini menggunakan generator tenaga diesel untuk keperluan bekalan elektrik mereka disambungkan kepada bekalan tenaga elektrik 24 jam. GTP 2.0 bakal menyaksikan 33 buah sekolah luar bandar di Sarawak disambungkan kepada grid utama, lantas memberikan manfaat kepada sejumlah 9,417 pelajar sekolah dan 856 orang pekerja sekolah. Ia juga bakal mengurangkan kos diesel yang digunakan bagi generator tenaga daripada RM25 juta kepada RM4.5 juta setahun.




Rajah 12: Pembekalan tenaga elektrik ke sekolah luar bandar


GTP 2.0 bakal menyaksikan penyampaian bekalan tenaga elektrik 24 jam kepada sejumlah 54,012 buah isi rumah. Pecahannya adalah seperti yang berikut:

- Sambungan ke grid sedia ada - 46,608 isi rumah
- Sistem hibrid solar - 1,107 isi rumah
- Sistem hidro mikro - 125 isi rumah

Kementerian KKLW akan membina talian grid dan stesen jana kuasa alternatif di kampung-kampung luar bandar di seluruh negara, dan projek akan diserahkan kepada TNB, SESB dan SESCO pada akhir tahun 2015. Lebih 47,840 rumah baharu bakal mempunyai akses 24 jam kepada bekalan tenaga elektrik pada akhir program GTP 2.0.



Rajah 13: Dengan rancangan pelaksanaan yang dicadangkan, lebih 47,840 rumah akan disambungkan kepada bekalan elektrik 24 jam



Inisiatif: Penyenggaraan Infrastruktur

Perkara utama dalam pembangunan luar bandar adalah untuk memastikan bahawa infrastruktur sedia ada tidak mengalami kerosakan dan akhirnya menjadi usang. Untuk tujuan ini, sebuah inisiatif baharu telah diperkenalkan dalam GTP 2.0 untuk memantau dan menyenggara jalan raya dan generator kuasa di kawasan pedalaman.

Di Malaysia, penyenggaraan jalan raya pada masa ini dikendalikan oleh kerajaan negeri masing-masing dan Jabatan Kerja Raya atau JKR. Kedua-dua badan ini menerima dana daripada Perbendaharaan untuk menyenggara jalan raya di bawah kuasa mereka, yang telah didaftarkan di bawah Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS). Jalan raya

yang didaftarkan dengan MARRIS akan menerima dana penyenggaraan sebanyak RM1,900 sebulan bagi setiap km untuk jalan raya negeri dan RM2,300 sebulan bagi setiap km untuk jalan raya persekutuan.

Walau bagaimanapun, terdapat 2,400 km jalan raya yang menghubungkan

kawasan pedalaman tidak didaftarkan dengan MARRIS, lantas tidak menerima pembiayaan penyenggaraan. Bagi memastikan jalan raya ini disenggarakan dengan baik, KKLW akan mengambil alih jalan ini dan menyenggarakannya dalam GTP 2.0.





Sistem hibrid solar juga memerlukan penyenggaraan pada tahun-tahun yang akan datang. Generator yang menggunakan minyak diesel ini perlu diservis setiap 10,000 jam atau setiap 6 bulan selain minyak, penapis, alat ganti yang haus dan rosak perlu sentiasa diganti. Bekalan bateri untuk panel solar juga perlu diganti setiap 5 tahun. Sementara itu, modul dan panel solar perlu dibersihkan setiap 3 bulan supaya kadar caj bateri berada dalam keadaan yang optimum.

2 Program Kampung Abad Ke-21

Elemen utama pembangunan luar bandar adalah untuk memastikan ekonomi yang mampan dan berdaya maju dapat diwujudkan. Infrastruktur semata-mata tidak dapat menghasilkan kekayaan atau pendapatan, dan dengan kurangnya kewujudan peluang yang sebenar, belia luar bandar akan terdorong untuk berhijrah meninggalkan kampung menuju bandar-bandar besar untuk membina kehidupan.

Matlamat utama program KA21 adalah untuk menggalakkan golongan belia kekal tinggal di kampung dan bekerja serta memulakan perniagaan mereka di situ. Sasaran keseluruhan

program adalah untuk mewujudkan 132 KA21. Aktiviti ekonomi di kampung-kampung ini akan meliputi beberapa subsektor ekonomi termasuk pertanian, pelancongan, perlادangan dan industri desa. Lebih kurang 37,800 isi rumah atau 189,000 orang dijangka meraih manfaat daripada program ini.

Pemilihan KA21 akan ditentukan berdasarkan kriteria kampung-kampung yang mempunyai tanah tersedia, kampung-kampung yang mempunyai koperasi yang menjalankan perniagaan dengan jayanya atau kampung-kampung yang mempunyai potensi atau sumber-sumber yang tersendiri dan

unik yang boleh dibangunkan menjadi perniagaan luar bandar yang mampan.

KA21 akan dibangunkan menggunakan empat inisiatif yang berikut:

- Ladang bersepodu moden yang dipacu oleh kerajaan negeri
- Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang dipacu oleh sektor swasta
- Menggalakkan koperasi kampung
- Menggiatkan usahawan belia

Ringkasan inisiatif program KA21 dan bilangan orang yang akan meraih faedahnya diterangkan dalam Rajah 14 yang berikut.

Inisiatif	Sasaran (2015)	Rakyat meraih manfaat
	Ladang moden disepadukan dengan perumahan	39 58,000
	Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran berskala besar	15 15,000
	Kampung pelancongan, perlادangan dan industri desa	39 58,000
	Pertandingan perniagaan luar bandar KKLW	39 58,000
	JUMLAH	132 189,000

Rajah 14: Jadual yang memperincikan inisiatif KA21 dan khalayak sasaran


Inisiatif: Ladang bersepadu moden yang dipacu oleh kerajaan negeri

Kerajaan negeri dan agensi yang dilantik akan membangunkan ladang fertigasi di bawah inisiatif ini. Setiap pembangunan akan mengandungi komponen perumahan dan ladang yang akan mengambil bekerja hampir 100 orang penduduk kampung. Lebih kurang

39 buah ladang akan dibangunkan menggunakan kaedah ini.

Inisiatif ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan diurus oleh Kerajaan Negeri dan agensi yang dilantik. Inisiatif ini bertujuan memajukan aktiviti

ekonomi yang mampan di samping menyediakan pekerjaan berpendapatan serta perumahan untuk golongan miskin di kawasan pedalaman. Inisiatif ini juga turut memastikan pendapatan bulanan yang stabil untuk para peserta program.



Rajah 15: Ladang Fertigasi Moden Dipacu Kerajaan Negeri

Kerajaan Persekutuan akan menyediakan pembaikan untuk enam buah tapak perintis pada tahun 2012 dan akan melantik seorang pengurus ladang untuk mengurus dan melaksanakan program ini untuk lima tahun yang pertama. Selepas tempoh itu, pengurus ladang akan menyerahkan pengurusan ladang tersebut kepada Kerajaan Negeri atau agensi yang telah dilantik dan Koperasi Ladang.

Pengurus Ladang dikehendaki menyiapkan perumahan bersepada

dan infrastruktur perladangan dalam tempoh enam bulan selepas kerja dimulakan. Semasa fasa pembinaan, Kerajaan Negeri dan agensi yang dilantik akan mengenal pasti 100 orang peserta (setiap tapak) untuk menetap dan bekerja di ladang bersepadu ini.

Lapan Kerajaan Negeri dan agensi yang dilantik telah mengenal pasti tapak yang sesuai untuk program ini. Pembangunan akan dimulakan pada tahun 2012 dan akan siap menjelang tahun 2013. Inisiatif ini bertujuan menyiapkan 39 buah

ladang menjelang tahun 2015 dan juga menasarkan untuk memungut dan memasarkan hasil tanaman tersebut setiap tahun.


Inisiatif: Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang dipacu oleh sektor swasta

Ladang-ladang ini akan dibangunkan di tanah milik kerajaan negeri atau persekutuan yang terletak di kawasan pedalaman dan akan dihubungkan dengan syarikat peneraju yang disenaraikan di bawah EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium yang terkandung dalam NKEA ETP

Pertanian. Kira-kira 15 buah kampung akan dibangunkan melalui pendekatan ini.

Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran berskala besar akan dibangunkan secara bersama oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan

syarikat peneraju sektor swasta yang tersenarai dalam EPP 7 NKEA Pertanian. KKLW akan menyediakan kos tanah dan infrastruktur untuk menanam buah-buahan dan sayur-sayuran sementara syarikat peneraju akan membangunkan dan mengendalikan ladang selain memasarkan hasil kutipan.



Rajah 16: Ladang Buah-Buahan atau Sayur-Sayuran Segar Berskala Besar Dipacu Sektor Swasta

KKLW akan mengenal pasti penanam buah-buahan berskala besar yang juga pengeksport untuk membangunkan ladang buah-buahan berskala besar. Lima belas buah ladang dijangka disiapkan menjelang tahun 2015 di bawah GTP 2.0.

Inisiatif: Penambahbaikan koperasi kampung

Koperasi sedia ada dalam masyarakat luar bandar akan dibangunkan lagi selain meninjau peningkatan dalam aktiviti ekonomi sedia ada mereka. Empat buah kampung perintis akan dibangunkan dan empat lagi dikenal pasti pada tahun 2012.

Di bawah inisiatif ini, kerajaan juga berhasrat mengembangkan pengendalian industri dan kilang yang sedia ada di kawasan luar bandar tersebut. Beberapa buah kampung tersebut memiliki kecekapan

teras dalam pertanian, perikanan, ekopelancongan atau dalam industri desa. Kebanyakannya masih lagi dalam bentuk perniagaan berskala kecil serta berpotensi untuk membesar dan berkembang. Inisiatif ini memanfaatkan kecekapan teras dan usaha niaga sedia ada serta berusaha untuk memajukannya dengan lebih jauh lagi.

KKLW melalui Bahagian Pengupayaan Ekonomi akan menyediakan pembiayaan untuk pelaksanaan inisiatif ini dan bekerjasama dengan agensi

pelaksana seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

Sebaik sahaja pembiayaan diluluskan, agensi pelaksana hendaklah mengurus pembelian dan pembinaan aset, menetapkan dana penyenggaraan bagi koperasi dan memantau pelaksanaan projek. Kampung yang terpilih untuk program ini mestilah mempunyai Koperasi Kampung sedia ada yang aktif dan mempunyai rekod melaksanakan projek dengan jayanya.



Rajah 17: Model perniagaan untuk kampung pelancongan, perladangan dan sokongan industri berpacukan koperasi

Kampung-kampung ini akan dikenal pasti oleh KKLW dengan bantuan Kerajaan Negeri dan Lembaga Pembangunan masing-masing. 39 buah kampung di Malaysia telah ditetapkan untuk meraih manfaat daripada inisiatif ini pada tahun 2013-2015, dan sebanyak 12,000 orang penduduk kampung akan meraih manfaat daripada aktiviti ekonomi yang mampan di empat tapak awal ini. Sasaran inisiatif ini ialah 39 buah kampung siap dibina penghujung GTP 2.0.

Inisiatif: Penggalakan usahawan belia

Belia Malaysia akan digalakkan untuk memajukan perniagaan pertanian moden di kawasan luar bandar melalui pertandingan rancangan model perniagaan tahunan yang dikendalikan oleh Universiti Kuala Lumpur.

Pemenang pertandingan ini akan menerima bantuan kewangan dan tanah yang belum diusahakan (tanah terbiar). Kira-kira 39 buah kampung akan dibangunkan menggunakan kaedah ini.

KKLW akan menganjurkan Cabaran Perniagaan Luar Bandar tahunan dan para belia Malaysia akan diuji untuk

merangka rancangan perniagaan yang akan membangunkan perniagaan pertanian moden di kawasan luar bandar. Universiti Kuala Lumpur (UniKL), sebuah institusi pendidikan di bawah KKLW, akan mengendalikan pertandingan ini.

Matlamat pertandingan tersebut adalah untuk memotivasi belia Malaysia supaya memberikan tumpuan kepada usaha memajukan penyelesaian pertanian untuk kawasan luar bandar. Perniagaan pertanian yang berjaya akan membantu mewujudkan

peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan para peladang dan penduduk kampung di kawasan luar bandar.

Idea akan dinilai berdasarkan potensi idea tersebut untuk menjadi satu usaha niaga yang berdaya maju dan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat luar bandar. Setiap pemenang akan menerima bantuan kewangan dan memilih tanah terbiar yang terletak berdekatan dengan masyarakat luar bandar di Malaysia.



Rajah 18: Perniagaan Pertanian Moden Berdasarkan Luar Bandar Berpacukan Keusahawanan Belia

Inisiatif ini bertujuan melaksanakan 39 perniagaan pertanian berdasarkan pedalaman menjelang tahun 2015 selain menyasarkan 200 serahan pelan perniagaan bagi setiap pertandingan tahunan.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menganjurkan Cabaran Perniagaan Luar Bandar buat julung-julung kalinya pada tahun ini. Cabaran tersebut menyeru dan mencabar belia untuk membangunkan pelan perniagaan bagi kawasan luar bandar. Matlamat cabaran ini adalah untuk menggalakkan keusahawanan belia yang memfokuskan industri bagi persekitaran luar bandar.

Peserta belia berusia 18 hingga 40 tahun dijemput menyertai Cabaran untuk menghasilkan sebuah pelan perniagaan yang disasarkan untuk persekitaran luar bandar. Sekiranya menang, peserta bakal menerima sehingga RM2 juta dalam bentuk bantuan kewangan untuk melaksanakan pelan perniagaan mereka. Pelan perniagaan perlu menangani salah satu daripada empat kategori, iaitu pertanian, perkhidmatan, perkilangan dan pelancongan luar bandar.

Program Cabaran ini merupakan komponen utama program Kampung Abad Ke-21 bagi NKRA Pembangunan Luar Bandar, yang menyasarkan untuk mencergaskan semula ekonomi kawasan luar bandar sebagai sebahagian daripada pelan menyeluruh GTP untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Kerajaan sedar bahawa masyarakat luar bandar

RBC
rural business challenge

kami mencari belia yang mempunyai azam, impihan dan semangat yang tinggi untuk berjaya di dalam perniagaan

RBC adalah satu Pertandingan Pelan Perniagaan yang mencari peluang lepas diri Malaysia khasnya di luar bandar untuk meredulasi senarai desa peratusan dan diperbaikkan kepada satu pemimpinan yang berdaya maju, suatu pembangunan yang berbilang kelebihan.

TARIKH SERTAIKAN PERNIAGAAN:
1.000 pelan perniagaan akan diambil pada tarikh sertaikan pelan perniagaan.
Persempena dengan:
- pelajar,
- pelajar universiti,
- pelajar teknologi,
- pelajar teknologi dan teknologi maklumat
Kategori pelan perniagaan yang dibentangkan:
- pertanian,
- perkhidmatan,
- perkilangan
- pelancongan

TARikh SUDAH:
3 OGOS 2012

ADAKAH ANDA YANG KAMI CARIZZ??!!

Irfan Khairi
Pengerusi Jawatankuasa Pengembangan
Kampung Abad Ke-21

Transformasi Belia Desa

nkra
NATIONAL KAMPUNG ABAD KE-21 AUTHORITY
JALAN 10/100, 33/33, 33/33/33/33
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
TEL: +60 3 9077 3333 FAX: +60 3 9077 3335
E-MAIL: nkra@nkra.gov.my WEBSITE: www.nkra.gov.my

kekal merupakan komponen utama negara, dan dengan demikian Kerajaan menyasarkan untuk membawa kekayaan dan pendapatan kepada masyarakat luar bandar ini.

Di bawah konsep Kampung Abad Ke-21, Kementerian menyasarkan untuk mempertingkatkan infrastruktur di kampung-kampung, mewujudkan persekitaran yang kondusif dan memperkasakan masyarakat serta menyediakan akses kepada peluang pekerjaan yang saksama bagi masyarakat luar bandar. Dalam rempoh

jangka panjang, matlamatnya adalah untuk menterbalikkan trend generasi muda di kampung berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan (dengan erti kata lain, menarik belia bandar ke kampung) dan membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar.

NKRA Pembangunan Luar Bandar komited terhadap program transformasi ekonomi luar bandar dan cabaran tahunan ini merupakan antara komponen penting ke arah mencapai tujuan tersebut.



Ringkasan Inisiatif

Infrastruktur Luar Bandar



- Pembaikan jalan: meningkatkan peratusan rakyat Malaysia Timur yang tinggal dalam lingkungan 5km dari jalan raya berturap daripada 87% dan 86% masing-masingnya di Sabah dan Sarawak kepada 95%
- Akses kepada air bersih atau terawat: meningkatkan akses bagi rakyat Malaysia Timur, iaitu penduduk Sabah dan Sarawak daripada 79% dan 90% masing-masingnya yang memperoleh akses kepada air bersih kepada 95%
- Mempertingkatkan kemudahan rawatan air untuk memenuhi permintaan terhadap air bersih yang meningkat
- Akses kepada bekalan elektrik 24 jam: Meningkatkan peratusan penduduk Sabah dan Sarawak yang memperoleh akses kepada bekalan elektrik daripada 88.7% dan 82% pada masa ini kepada 95%.
- Penyenggaraan infrastruktur: Mengambil alih jalan-jalan raya untuk memastikannya tidak menjadi rosak dan usang serta menyediakan pembiayaan untuk memelihara jalan dan kemudahan generator kuasa di kawasan luar bandar.

Program Kampung Abad Ke-21



- Membangunkan ladang fertigasi bersepadu moden yang dipacu kerajaan negeri berserta dengan perumahan
- Membangunkan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran berpacukan sektor swasta
- Mempertingkatkan aktiviti ekonomi koperasi kampung sedia ada
- Memacu usahawan belia menerusi pertandingan pelan perniagaan yang memfokuskan pembangunan industri di kawasan luar bandar



**MEMPERTINGKATKAN
PENGANGKUTAN
AWAM BANDAR**

SEPATAH KATA

Dato' Seri Kong Cho Ha Menteri Pengangkutan

Dalam tempoh tiga tahun yang lepas, kami telah mengambil beberapa langkah yang berani untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan awam di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang. Tren tambahan telah diperkenalkan dalam perkhidmatan Komuter KTM serta Aliran LRT Kelana Jaya dan langkah ini memberikan kelegaan kepada pengguna, manakala pembukaan Terminal Bersepadu Selatan (ITT Bandar Tasik Selatan) dan Pudu Sentral yang dibaik pulih membantu meredakan kesesakan di pusat bandar.

Meskipun beberapa pencapaian telah dicipta dalam bidang ini, namun perjalanan ini masih jauh dan belum berakhir lagi. Pengguna meletakkan harapan yang lebih besar terhadap kami. Justeru, sepanjang tiga tahun

yang akan datang ini, kami akan terus berusaha mencapai matlamat 25 peratus nisbah mod pengangkutan awam. Walaupun fokus kami akan kekal tertumpu di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, kami juga akan melancarkan sebuah mekanisme bagi memastikan beberapa inisiatif juga dilaksanakan di wilayah koridor ekonomi.

Kami yakin bahawa langkah yang dikenal pasti di bawah GTP 2.0 ini jika dilaksanakan sepenuhnya, akan meletakkan kami di landasan yang tepat dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan untuk membawa kita bergerak lebih hampir dalam mencapai negara berpendapatan tinggi yang kita impikan bersama.



Meninjau kembali GTP 1.0 (2010 - 2012)

Kesebelus inisiatif yang dilaksanakan dalam GTP 1.0 untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan bandar telah mencapai kemajuan yang ketara dari segi penambahan kapasiti, peningkatan kebolehcapaian dan kesalinghubungan. Walau bagaimanapun, sasaran utama untuk meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, atau peratusan perjalanan penumpang

yang menggunakan pengangkutan awam daripada 12% kepada 25% kekal merupakan suatu cabaran yang besar memandangkan kehidupan bandar yang semakin mewah membawa kepada peningkatan yang berterusan dalam pemilikan kereta persendirian. Namun, NKRA UPT kekal berada di landasannya untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang andal, mampu dinikmati, selesa dan

bersepadu di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang dan pada masa yang sama menangani masalah kesesakan lalu lintas bandar yang teruk. Inisiatif-inisiatif berikut yang dikelompokkan di bawah empat kategori utama iaitu Bas, Rel, Integrasi dan Rangkaian telah dilaksanakan sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas.

	BAS <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan lorong khusus untuk bas Meningkatkan kualiti dan liputan perhentian bas Meningkatkan perkhidmatan sedia ada dan meningkatkan liputan
	REL <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kapasiti KTM Komuter Menyelesaikan hambatan sistem Monorel Meningkatkan kapasiti dan liputan sistem LRT RapidKL
	INTEGRASI <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan terminal pengangkutan dan hab bandar Memperkenalkan Tiket Pintar Bersepadu yang tidak melibatkan bayaran tunai Meningkatkan integrasi antara mod pengangkutan di stesen utama
	RANGKAIAN <ul style="list-style-type: none"> Memperkuuh penguatkuasaan terhadap semua kenderaan Melaksanakan pengurusan prestasi bagi semua pengendali pengangkutan awam

Rajah 11: 11 inisiatif merentas 4 kategori utama telah dikenal pasti dalam GTP 1.0

Fasa Fokus

Selaras 2013

2011 hingga 2012

Sekarang hingga akhir 2010

1 Menghapuskan hambatan kapasiti sistem yang kini berada pada kemuncak batasannya

- Selang waktu perjalanan (headway) LRT KJ daripada 3 kepada 2 minit
- Meningkatkan perkhidmatan bas sedia ada di laluan sesak dan berpermintaan tinggi
- Lorong khusus bas: BET, BRT dan lorong bas
- Pengembangan kapasiti komuter dan monorel
- Aliran rel baharu

2 Merangsang permintaan untuk menarik orang ramai kepada pengangkutan awam

- Penguatkuasaan standard perkhidmatan
- Integrasi stesen (e.g., Kesalinghubungan laluan pejalan kaki KL Sentral-Monorel) dan park-and-ride
- Luputan bas sokongan bagi kawan (putih) yang tidak diberikan perkhidmatan
- Bilangan, kualiti dan liputan perhentian bas
- Sistem Tiket Pintar Bersepadu merentas semua pengendali

3 Mengeluarkan kenderaan berat dari kawasan pusat bandar (CBM)

- Menguatkuasakan undang-undang sedia ada terhadap sekatan kenderaan berat dan pewujudan lorong bas
- Terminal pengangkutan: Pembaikpulihan Gombak ITT, terminal antara mod pengangkutan dan hab bandar bagi kesalinghubungan bas-rel

4 Penstrukturkan semula pengawalseliaan

- Mempercepat pembentukan dan operasi LPTC (SPAD) untuk memacu penstrukturkan semula industri

5 Mengurus permintaan menerusi "faktor pendorong"

6 MRT

- Mencapai peningkatan yang ketara dalam kapasiti;
- Mempertingkatkan kesalinghubungan PT di GKL/LK

Rajah 2: Untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, ini merupakan 6 penyelesaian (levers) utama

Sebahagian daripada strategi UPT menuntut pewujudan inisiatif yang akan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam, dan bukannya menggunakan kenderaan persendirian mereka masing-masing. Membina infrastruktur dan kemudahan semata-mata adalah tidak memadai dalam merealisasikan perubahan ini dalam pemikiran (mindset) rakyat, oleh hal yang demikian sebuah rancangan yang lebih holistik dan menyeluruh perlu diwujudkan.

NKRA UPT telah mengenal pasti enam penyelesaian (levers) yang dapat merealisasikan perubahan ini. Yang pertama ialah menghapuskan hambatan dalam sistem pengangkutan awam yang kini berada pada kemuncak batasannya. Pasukan UPT telah mengenal pasti hambatan-hambatan ini, memperincikannya dalam rajah seperti yang ditunjukkan di bawah, dan telah mengesyorkan cadangan-cadangan yang

akan mempercepat masa perjalanan sekali gus menjadikan pengangkutan awam alternatif pengangkutan yang paling diminati ramai.

Kedua, sistem pengangkutan awam hendaklah dipertingkatkan untuk menarik hati orang ramai menerusi penambahbaikan standard perkhidmatan, integrasi stesen yang lebih bersepadu, liputan bas sokongan, bilangan perhentian bas dan sistem tiket yang lebih baik lagi cekap.

Ketiga, penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada perlu dilakukan dengan lebih berkesan, terutamanya sekatan terhadap kenderaan berat di samping pewujudan lorong bas khusus untuk mengurangkan kesesakan di kawasan pusat bandar (CBD). Ini akan meningkatkan kecekapan rangkaian pengangkutan awam dengan memastikan halangan yang lebih minimum bagi pengguna membuat

perjalanan ketika merentasi pusat bandar.

Keempat, NKRA UPT mengesyorkan penstrukturkan semula rangka kerja pengawalseliaan untuk memastikan bahawa pengawal selia (regulator) diberi kuasa untuk memacu perubahan dalam industri. Kelima, NKRA UPT bercadang untuk memperkenalkan faktor “pendorong” yang akan menjadikan rakyat berasa kurang berminat untuk menggunakan kenderaan persendirian masing-masing di tempat yang mempunyai alternatif pengangkutan awam.

Akhirnya, pembangunan sistem MRT akan menggalakkan peningkatan kapasiti dan kesalinghubungan rangkaian pengangkutan awam di Greater Lembah Klang dan menyediakan alternatif yang berdaya maju kepada penggunaan kenderaan peribadi dalam lingkungan kawasan tersebut.

KEJAYAAN BESAR 1 Meningkatkan kapasiti tren antara bandar dan dalam bandar

Rel menyumbang kira-kira 40% daripada bilangan penumpang harian pengangkutan awam dan rungutan yang kerap diterima dalam kalangan penumpang ialah kekurangan kapasiti serta ketidakandalan tren antara bandar dan dalam bandar. Ketidakcekanan perkhidmatan ini sejak beberapa tahun lalu telah menyumbang kepada kesesakan lalu lintas di pusat bandar semasa waktu puncak. GTP 1.0 telah menyelesaikan sebahagian daripada masalah ini dengan memperkenalkan sejumlah 35 set tren empat gerabak bagi aliran LRT Kelana Jaya pada

tahun 2011, sekali gus meningkatkan kapasiti penumpang harian kepada 258,156 penumpang daripada 254,745 pada tahun 2010. Hasilnya, 10.4 juta atau lebih 18 peratus penumpang menggunakan aliran yang paling sesak selama bertahun-tahun ini, berbanding dengan tahun 2010. Hal ini boleh diterjemahkan dengan jumlah penumpang seramai 44,170 pada waktu puncak. Dari segi perkhidmatan Komuter KTM, empat set enam gerabak mula beroperasi pada bulan Mac 2012, lantas membantu meredakan kesibukan waktu pagi dengan

BIG WIN 1 Increasing capacity of inter-city and intra-city trains

Hal contributes about 40% of the daily public transport ridership and is a frequent complaint among passengers to the lack of capacity and unreliability of the rail services. In contrast, their inefficiency has, over the years, contributed to the train congestion in the city centre during peak periods. The GTP 1.0 has addressed this issue by introducing 35 four-car sets for the Kelana Jaya LRT line in 2011, increasing the daily passenger capacity to 258,156 passengers from 254,745 in 2010. As a

result, 10.4 million or 18% more commuters travelled on the line, which has been the most congested for many years, compared to 2010. This translated into an additional 44,170 passengers during peak periods. In terms of the KTM Komuter service, four sets were started operating in March 2012, which has increased the carrying capacity by increasing the interval, an additional of 32,000 persons. Each set now has a 1,100 seat capacity.



BIG WIN 2 Enhancing the bus experience

As the condition and proper maintenance of bus stops is crucial for effective delivery of public transport, 1,502 bus stops in Selangor, Shah Alam and elsewhere were upgraded in 2011. The GTP 1.0 goal of upgrading 1,000 bus stops was achieved while the design and planning of 370 new bus stops are

currently underway. To compensate the aesthetic enhancement of the bus stops, the frequency of buses were increased and increased the frequency of buses in the Klang Valley. This resulted in 4.04 million more passengers using the service compared to the preceding year.



peningkatan jumlah penumpang kepada 32,000. Setiap set tren enam gerabak mempunyai 1,100 kapasiti tempat duduk.

KEJAYAAN BESAR 2 Menambah baik perjalanan bas

Memandangkan keadaan dan penyelenggaraan yang sewajarnya terhadap perhentian bas amat penting dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, sejumlah 1,102 buah perhentian bas di Sepang, Subang Jaya, Ampang Jaya, Selayang, Shah Alam dan lain-lain telah dinaik taraf pada tahun 2011. Matlamat GTP 1.0 untuk menaik taraf 1,102 buah perhentian bas ini secara dasarnya telah tercapai manakala reka bentuk

dan perancangan untuk 306 buah perhentian bas baharu kini sedang dilaksanakan. Bagi melengkapkan penambahbaikan estetika perhentian bas ini, 470 buah bas RapidKL telah diperkenalkan untuk meningkatkan kekerapan bas di Lembah Klang. Hal yang demikian telah menghasilkan seramai lebih 4.04 juta penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini berbanding dengan tahun sebelumnya.

RM570-million ITT BTS is equipped with facilities and comprises 55 bus

computerised ticketing system, restaurants and retail outlets,

KEJAYAAN BESAR 3 Membaik pulih dan menamakan semula Pudu Sentral

Mercu tanda ikonik Terminal Puduraya yang berusia 35 tahun ini telah dibaik pulih secara besar-besaran dan diberikan nafas baharu menjadi sebuah terminal bas bagi penggunaan antara bandar. Ia memiliki ciri-ciri kemudahan moden dan menawarkan lebih keselesaan serta pengalaman

perjalanan yang bebas daripada kesulitan kepada penumpang. Dinamakan semula sebagai Pudu Sentral, terminal bas yang kini dilengkapi penyaman udara dengan 50 buah kaunter tiket ini telah dirasmikan pembukaannya pada 16 April 2011.

KEJAYAAN BESAR 4 Melancarkan Terminal Bersepadu Selatan (ITT BTS)

Terminal Bersepadu Selatan (ITT BTS) ini telah mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Mac 2011. ITT BTS yang bernilai RM570 juta ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan mempunyai 55 buah platform bas, 150 ruang menunggu teksi, 1,000 ruang letak

kenderaan dan 1,800 tempat duduk untuk orang ramai, kesemuanya di dalam dewan menunggu yang nyaman dan sejuk. Terminal pengangkutan bersepadu ini memiliki sistem tiket berkomputer, restoran dan gerai jualan, manakala jadual elektronik

yang memaparkan masa ketibaan dan pelepasan bas juga membolehkan pengguna memperoleh maklumat mengenai masa perjalanan yang dikemas kini secara masa nyata (real-time).

Pengenalan kepada GTP 2.0 (2013 - 2015)

Kes bagi Perubahan

Jutaan pengguna bergantung pada pengangkutan awam setiap hari untuk pergi ke tempat kerja, sekolah dan hampir ke semua tempat yang ingin dituju. Dalam usaha menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, sistem pengangkutan awam negara perlu cekap dan berkesan selain tidak dilumpuhkan oleh kesesakan lalu lintas di jalan raya. Meskipun inisiatif GTP 1.0 berjaya mencipta beberapa kejayaan, namun masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih menyeluruh. Hal ini disebabkan

oleh jumlah penduduk di Greater Kuala Lumpur yang dijangka mencecah 10 juta menjelang tahun 2020, iaitu hampir satu pertiga daripada jumlah penduduk negara kini. Ini menyebabkan usaha membaik pulih sistem pengangkutan awam bandar menjadi semakin kritikal kerana penggunaan jalan raya di sekitar pusat bandar kini menghampiri keupayaan maksimum. Kecenderungan memiliki kenderaan persendirian akan hanya bertambah buruk sekiranya pengangkutan awam kekal kurang cekap dan berkesan. Yang lebih memburukkan keadaan,

pembaziran masa produktif akibat tersekut dalam kesesakan lalu lintas akhirnya akan menjadikan daya saing negara. Justeru, GTP 2.0 akan terus meningkatkan momentum yang dibina oleh GTP 1.0 dengan fokus utama di kawasan Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang. Namun demikian, suatu mekanisme pemantauan “watching brief” akan dilancarkan untuk memastikan beberapa inisiatif juga dilaksanakan di bandar-bandar lain, terutamanya di koridor ekonomi utama.

25%

Nisbah Mod Pengangkutan Awam

25% Nisbah Mod Pengangkutan Awam

750k penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi

75% penduduk tinggal dalam lingkungan 400m dari laluan pengangkutan awam

25% teks GKL setaraf dengan standard yang terbaik di bandar-bandar ASEAN

keandalan & kekerapan | kesalinghubung & keselesaan | ketersediaan & kapasiti



Perkhidmatan **REL** yang andal dengan kapasiti dan kekerapan yang sesuai



Perkhidmatan **BAS** yang andal yang menyediakan kesalinghubungan dan meliputi kawasan pinggir bandar



Perkhidmatan **TEKSI** berkualiti yang meningkatkan kesalinghubungan dari satu destinasi ke destinasi lain



PENGUATKUASAAN: Mengoptimumkan penggunaan sumber



INTEGRASI: Peningkatan kualiti dan kecekapan untuk membolehkan perjalanan yang lancar dan selesa



PERMINTAAN PERJALANAN: Analisis pengangkutan, inisiatif ‘tolakan/tarikan’, analisis keuntungan & kajian semula struktur tambang

Rajah 3: Matlamat Pengangkutan Awam Bandar pada 2015

Tinjauan Keseluruhan

Inisiatif GTP 2.0 bagi Pengangkutan Awam Bandar akan meneruskan momentum GTP 1.0, iaitu 25 peratus nisbah mod pengangkutan awam di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang pada waktu puncak pagi. Sasaran ini dijangka dapat dicapai dalam tempoh rangka kerja tahun 2012-2015 dan akan melibatkan inisiatif baharu untuk mempertingkatkan keandalan perkhidmatan rel dengan keupayaan dan kekerapan yang sesuai di samping menyediakan perkhidmatan bas yang andal dan menyepadukan pelbagai

mod pengangkutan bagi memastikan perjalanan yang lancar kepada para pengguna. Penekanan kepada perkhidmatan teksi akan ditambah dalam NKRA ini yang akan meneladani model amalan terbaik antarabangsa. Tiga aspirasi berikut bagi mencapai matlamat menyediakan sistem pengangkutan awam yang andal, mudah dan menawarkan harga berpatutan telah dikenal pasti dalam rangka kerja GTP 2.0:

- **Aspirasi 1:** Meningkatkan bilangan penumpang waktu puncak pagi

kepada 750,000 orang pada tahun 2015 daripada 321,487 penumpang pada tahun 2011.


- **Aspirasi 2:** Meningkatkan sasaran jumlah penduduk yang tinggal dalam jarak berjalan kaki (400m) dari laluan pengangkutan awam kepada 75% daripada 63%.
- **Aspirasi 3:** Mewujudkan 25% teksi di Greater KL yang setaraf dengan standard yang terbaik di bandar-bandar ASEAN.



Aliran Kerja dan Inisiatif

Bas

Tiga inisiatif utama telah dikenal pasti untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan bas di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.



Pada masa ini, terdapat banyak pengendali bas beroperasi di sepanjang laluan yang sama, lantas mengakibatkan kesesakan di kawasan pusat bandar (CBD) berpunca daripada perkhidmatan yang bertindih dan persaingan yang tidak sihat. Bagi menyelesaikan masalah ini, satu rangkaian bas bersistematis akan dilaksanakan melalui perasionalan bilangan pengendali setiap laluan dan penetapan keperluan bahawa semua bas henti-henti akan berhenti di Terminal Pengangkutan Antara Bandar (IUTT) khusus yang terletak di kawasan pinggir pusat bandar (CBD). Jurang perjalanan antara IUTT dan kawasan pusat bandar (CBD) akan dilengkapkan dengan pelancaran bas kota yang beroperasi di kawasan pusat bandar sahaja. Subinisiatif yang berikut telah dikenal pasti untuk menyokong usaha menambah baik rangkaian bas henti-henti ini.

- **Perkhidmatan Bas Kota di kawasan pusat bandar (CBD)**

Inisiatif ini bertujuan memastikan penumpang yang turun di pelbagai terminal IUTT dibawa ke pusat bandar menggunakan Bas Kota. Empat laluan telah dikenal pasti untuk tujuan ini:

Aliran	Laluan	Jarak (km)	Masa pusing balik (mins)
Hijau	KLCC - Bukit Bintang - KLCC	7.4	38
Merah	Titiwangsa - Medan Pasar - Titiwangsa	8.8	45
Biru	Titiwangsa - Pasar Seni - Titiwangsa	10.5	50
Ungu	Jln Sultan Muhamad - Bukit Bintang - Jln Sultan Muhamad	6.5	36

Jadual 1: Cadangan laluan bas kota

Bagi memastikan kejayaannya, bas kota perlu beroperasi dengan kekerapan jarak waktu yang tinggi antara tiga hingga lima minit pada waktu puncak atau antara lima hingga sepuluh minit di luar waktu puncak untuk memastikan pemindahan penumpang yang berkesan di kawasan pusat bandar. Tambahan sebanyak 50 buah bas dan 115 orang pemandu diperlukan bagi melaksanakan perkhidmatan ini berdasarkan perkembangan pesat yang diunjurkan. Perkhidmatan ini dijangka dilancarkan pada 1 Februari 2013 dan menyasarkan untuk membawa sekurang-kurangnya 60,000 penumpang dalam sehari.


Penyusunan semula rangkaian bas henti-henti akan melibatkan usaha memperuntukkan laluan khusus sepanjang lima koridor utama dan dua koridor kecil kepada setiap pengendali bas. Laluan yang diperuntukkan kepada setiap pengendali adalah menguntungkan dan mesra pengguna bagi mengelakkan persaingan yang tidak sihat dan menggalakkan kemampaman perniagaan. Penunjuk Prestasi Utama (KPI) akan ditetapkan terhadap setiap pengendali bagi memastikan pengoptimuman dan ketekalan dalam perkhidmatan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan bilangan penumpang kepada 750,000 orang pada tahun 2015 dan akan menyokong matlamat mewujudkan 75 peratus penduduk yang tinggal dalam lingkungan 400 meter dari rangkaian pengangkutan awam.

Bagi melengkapkan inisiatif ini, perkhidmatan bas pengantara (feeder services) di stesen rel yang kurang diberikan perkhidmatan (underserved rail stations) akan dipertingkatkan. Pada masa ini hanya aliran LRT Kelana Jaya mempunyai perkhidmatan bas pengantara yang baik manakala sebahagian besar aliran Komuter KTM mempunyai sedikit perkhidmatan atau tidak ada langsung. Usaha ini disasarkan bermula pada 1 Februari 2013.

Tambahan sejauh 11 kilometer lorong bas akan diperlukan di pusat bandar untuk memastikan perkhidmatan bas kota yang lancar dan tanpa gangguan, sekali gus menjadikan jumlah jarak keseluruhan lorong bas mencecah sejauh 23 kilometer. Walau bagaimanapun, tanpa penguatkuasaan yang sewajarnya, lorong bas mungkin tidak akan dapat mencapai tujuannya. Oleh hal yang demikian, kamera penguatkuasaan akan dipasang di kawasan hotspots yang telah dikenal pasti dan CCTV akan dipasang di dalam bas untuk memantau sebarang penyalahgunaan lorong khas oleh kenderaan persendirian. SPAD juga akan mengetuai pasukan petugas yang akan ditubuhkan pada bulan Julai 2012 untuk mengkaji isu kekurangan pemandu bas. Kos keseluruhan bagi pelaksanaan lorong bas tambahan termasuk langkah penguatkuasaan dianggarkan berjumlah RM11 juta.

Inisiatif: Bas Aliran Deras (Bus Rapid Transit, BRT)

Di bawah inisiatif GTP 1.0, Kajian Kebolehlaksanaan (Feasibility Study) BRT di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang telah mengenal pasti 12 koridor BRT yang berpotensi di sekitar Lembah Klang.




Rajah 5: Koridor BRT berpotensi di Lembah Klang

Projek perintis di koridor Klang-Pasar Seni telah dikenal pasti bagi pelaksanaan di bawah GTP 1.0. Sebagai kesinambungan inisiatif ini, sebanyak tiga koridor BRT tambahan (KL – Taman Melawati, KL – Ampang dan KL – Puchong) akan dilaksanakan dalam GTP 2.0.

Koridor	Jarak (km)	Anggaran Kos (RM)	Jangkaan Penumpang (harian)
Kuala Lumpur - Ampang (dipertingkatkan)	12	672,000,000.00	69,000
Kuala Lumpur - Puchong	16	160,000,000.00	52,000
Kuala Lumpur - Melawati	12	120,000,000.00	79,000

Jadual 2: Koridor BRT Baharu dalam GTP 2.0

Satu tindakan pelabelan dan pengindeksan secara menyeluruh akan dilaksanakan bagi mewujudkan standard minimum bagi perhentian bas, sama ada melalui pembinaan perhentian bas baharu mahupun usaha penaiktarafan perhentian bas yang sedia ada. Sektor swasta akan dibenarkan untuk melibatkan diri dalam inisiatif ini. Di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, pihak berwajib tempatan akan bertanggungjawab terhadap penambahbaikan sebanyak 4,500 buah perhentian bas yang dijangka menelan kos sebanyak RM109 juta bagi tempoh tiga tahun yang akan datang.



Rel

Penambahbaikan perkhidmatan rel akan terus menjadi perkara yang dititikberatkan dalam GTP 2.0 memandangkan ia merupakan salah satu daripada mod pengangkutan awam dengan penggunaan kapasiti yang tertinggi. Tiga inisiatif utama akan dilancarkan di bawah aliran kerja ini dan akan memberikan kesan terhadap setiap sistem yang dilaksanakan di kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang, iaitu tren KTM Komuter antara bandar, Transit Aliran RapidKL dan Monorel antara bandar.




Inisiatif: Penambahbaikan Komuter KTM

Perkhidmatan tren Komuter KTM yang beroperasi di tengah-tengah ibu negara dikenali begitu rapat sekali dengan perkhidmatan yang tidak andal. Meskipun ia merupakan satu-satunya rangkaian yang membawa jumlah penumpang yang besar dari kawasan pinggir bandar besar dan bandar satelit ke pusat bandar, perkhidmatan ini

sering dihambat masalah pembatalan, kelewatan, kerosakan dan kesesakan. GTP 1.0 berusaha memulihkan keadaan ini dengan mendapatkan 38 set tren EMU baharu untuk KTMB, namun masih banyak yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan keandalan sistem terasnya yang merangkumi sistem

isyarat, trek dan bekalan kuasa daya tarikan. Makmal GTP 2.0 telah mengenai pasti beberapa ruang penambahbaikan untuk mempertingkatkan perkhidmatan Komuter KTM. Ini termasuk program pemulihan trek, peningkatan kuasa bagi rangkaian KTMB di samping menaik taraf sistem komunikasi dan pembekalan elektrik.



Rajah 6: Program Peluasan Aliran RapidKL akan membantu kawasan tадahan yang tinggi jumlah penduduknya di kedua-dua Aliran Kelana Jaya dan Ampang

Sumber: Data pengendali, Analisis makmal

Inisiatif ini akan menangani kesalinghubungan aliran LRT Kelana Jaya dan Ampang yang berkapasiti tinggi ke lokasi baharu. Projek peluasan aliran bernilai berbilion ringgit ini akan menghubungkan stesen LRT Sri Petaling yang sedia ada dengan aliran LRT Ampang dan juga stesen Kelana Jaya di aliran LRT Kelana Jaya dengan Putera Heights. Ini akan memudahkan perjalanan sejumlah besar penduduk

yang tinggal dan bekerja di kawasan perumahan dan komersial di sekitarnya seperti Puchong dan Bandar Kinrara. Peluasan aliran Ampang sejauh 17.7 kilometer ini akan menyaksikan stesen Sri Petaling dihubungkan kepada 12 stesen baharu yang bersambung dengan stesen integrasi Putera Heights. Aliran ini akan dihubungkan pula kepada 12 lagi stesen baharu yang terletak sepanjang perjalanan ke Kelana Jaya

dengan 17 kilometer peluasan aliran Kelana Jaya, meliputi stesen-stesen di kawasan Subang Jaya dan USJ yang berkepadatan tinggi. Projek peluasan aliran yang dijangka siap pada tahun 2015 ini akan membolehkan kapasiti harian waktu puncak pagi semasa di kedua-dua aliran meningkat kepada 100,000 penumpang.

Inisiatif: Pengembangan Kapasiti Monorel KL

Inisiatif ini akan memastikan fleet aliran monorel RapidKL menggandakan keupayaannya hingga akhirnya berjaya mengurangkan kesesakan stesen tertentu seperti di stesen Hang Tuah dan KL Sentral. Dua belas set tren monorel empat gerabak akan diperkenalkan perkhidmatannya pada bulan Jun 2013. Aliran monorel RapidKL juga akan diperluas menjelang tahun 2017 di bawah inisiatif ini, seperti


yang disyorkan di bawah rancangan Pembangunan Rel Bandar dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat yang dirangka oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Peluasan sepanjang sembilan kilometer tersebut akan menghubungkan stesen Tun Sambanthan dengan Taman Gembira di Jalan Klang Lama, dan akan melalui sehingga lapan stesen monorel baharu sepanjang laluannya. Ini akan

menyediakan peningkatan akses kepada penumpang di kawasan tersebut dan juga pengguna lain di Bangsar, Mid Valley dan kawasan lain yang kini masih belum menerima perkhidmatan rel. Ia juga akan melenyapkan kesesakan lalu lintas yang berpuncanya dari arah selatan terutamanya di sepanjang Jalan Klang Lama menuju ke KL Sentral.



Figure 7: Kapasiti Monorel antara 7AM - 9AM

SUMBER: Data pengendali, Analisis makmal




3

Pengenalan kepada aliran kerja Teksi dalam NKRA Pengangkutan Awam Bandar GTP 2.0 bertujuan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh teksi di Malaysia, terutamanya di kawasan bandar. Secara khususnya, NKRA berhasrat untuk menyaksikan tekси di Malaysia menyediakan perkhidmatan yang setanding dengan standard yang terbaik di negara-negara ASEAN lain. Pemilihan ASEAN sebagai kayu ukur tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya memandangkan perkhidmatan tekси di negara-negara tersebut telah berjaya mengatasi banyak cabaran dan halangan dari segi pelesenan dan pengawalseliaan standard kenderaan, latihan pemandu, penguatkuasaan dan kepuasan pelanggan.

Pelan Transformasi Teksi (TTP) yang dirangka oleh SPAD, badan yang mengawal selia industri tekси bersama-sama dengan Makmal GTP 2.0 telah menanda aras perkhidmatan tekси tempatan berbanding dengan perkhidmatan yang terdapat di bandar-bandar seperti Singapura dan London. Penemuan mendapati bahawa jurang utama terletak pada persekitaran perniagaan semasa dan kurangnya penguatkuasaan serta pemantauan terhadap industri ini. Berdasarkan dapatan kajian ini, aliran kerja tekси mengesyorkan dua inisiatif yang bertujuan mewujudkan perubahan pemungkin kepada industri ini.





Sistem yang komprehensif ini dijangka mempertingkatkan kemampuan penguatkuasaan dan pemantauan oleh pengawal selia dan pengendali fleet teksi. Inisiatif yang diambil daripada amalan terbaik antarabangsa ini menawarkan proses dari awal hingga akhir (end-to-end) iaitu daripada panduan mengenai sistem penalti kepada pelan komunikasi yang berkesan. Dengan pewujudan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat ini, pengawasan yang sewajarnya dapat dilaksanakan bagi mengumpul bukti untuk menentusahkan kesalahan yang telah dilakukan. Selain penguatkuasaan, pengendali

teksi juga akan dapat memanfaatkan peningkatan kesalinghubungan fleet teksi semasa melalui pelbagai pusat panggilan. Pada masa ini, pusat panggilan hanya melaporkan 40 peratus kadar kejayaan dalam memenuhi tempahan penumpang dan ini berlaku terutamanya disebabkan oleh kekurangan ekonomi ikut bidangan (economies of scale). Sistem ini dijangka mengurangkan jumlah kesalahan yang berkaitan dengan kegagalan mematuhi peraturan teksi bermeter, pemanduan tidak berhemah, penggunaan teksi tanpa lesen yang sah dan sebagainya.

Inisiatif: Model Perniagaan Teksi Baharu


Model perniagaan yang baharu ini bertujuan memastikan pemandu teksi membawa pulang pendapatan yang meningkat dengan mengurangkan kos operasi yang menjadi akar umbi kepada masalah mereka. Pembabitan makmal dengan pemandu teksi mendapati bahawa dua punca tekanan kos termasuklah penyelenggaraan kenderaan dan pakej pembiayaan. SPAD akan terus terlibat dengan kemudahan pembaikan dan penyelenggaraan

di Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang untuk merangka pakej-pakej menarik yang mampu memberikan tarikan kepada ekonomi ikut bidangan. Selain itu, SPAD juga akan melibatkan diri dengan pengilang kereta dalam menyediakan pilihan penyewaan bagi mengurangkan jumlah bayaran pendahuluan pinjaman kereta sewaktu pembaharuan permit kenderaan dilakukan.

4



Sistem pengangkutan yang terbaik di dunia ialah sistem yang paling bersepadu. Menyedari hakikat ini, aliran kerja Integrasi mengandungi beberapa inisiatif yang akan menyepadukan kemudahan sedia ada dengan lebih berkesan. Pendekatan ini mengikut jejak pergerakan penumpang dari titik permulaan hingga ke destinasi dan kembali semula ke titik asal tersebut (dari awal hingga akhir perjalanan).



Rajah 9: Aktiviti penumpang dari awal hingga akhir perjalanan

Faktor tarikan awal perjalanan (first-mile) merujuk kepada tarikan pertama bagi pengangkutan awam, atau dengan kata lain, kaedah yang digunakan oleh penumpang untuk tiba di kemudahan pengangkutan awam seperti berjalan kaki, berbasikal atau menaiki bas. Beberapa inisiatif akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan kemudahan yang akan digunakan oleh penumpang di awal perjalanan. Inisiatif

yang pertama ialah menyediakan zon menurunkan penumpang di jalan (Parkway Drop-zone, PD), yang bertujuan menyepadukan infrastruktur sedia ada dengan lebih baik seperti penyediaan perhentian bas dengan laluan berbumbung, rangkaian pejalan kaki bagi penumpang menuju ke stesen, atau kemudahan transit bagi penumpang bas atau teksi untuk menaiki tren.

PD mempunyai persamaan dengan sistem kiss-and-ride yang diterima pakai di negara-negara lain. Menerusi sistem ini, kenderaan diberikan maksimum dua minit untuk menjemput penumpang di pinggir jalan. Hasilnya, langkah ini dapat menggalakkan perkongsian kereta. Bagaimanapun, pelaksanaan PD ini akan disesuaikan untuk menggabungkan integrasi rel-bas sepanjang lebuh raya utama dengan


perhentian bas berbumbung tinggi, laluan berbumbung dan rangkaian pejalan kaki. Beberapa buah stesen rel sedia ada yang terletak sepanjang lebuhraya utama telah dikenal pasti bersesuaian bagi pelaksanaan PD tersebut. Ini termasuklah stesen KTM Komuter Batu Tiga dan Setia Jaya, stesen Transit Rel RapidKL Asia Jaya dan Universiti di sepanjang Lebuhraya Persekutuan, stesen Transit Rel RapidKL Kelana Jaya dan stesen Komuter KTM Puchong di sepanjang Lebuhraya Damansara-Puchong, di samping stesen Komuter KTM Serdang dan Razak Mansion di sepanjang Lebuhraya Besraya. Pembinaan PD ini akan menggabungkan kemudahan Park-n-Ride (PnR) memandangkan popularitinya. Beberapa stesen pengangkutan awam telah dikenal pasti sesuai bagi kemudahan PnR sama ada untuk dibina atau dibangunkan kemudian.

Faktor tarikan sewaktu perjalanan (mid-mile) ialah perkhidmatan dan

keupayaan yang sebenar sistem pengangkutan awam itu sendiri. Satu inisiatif yang akan dilaksanakan ialah Penambahbaikan Stesen bagi memenuhi keperluan lebih ramai penumpang. Sebilangan besar stesen pengangkutan awam menghadapi masalah kurangnya kesepadanan antara keupayaan stesen dan bilangan penumpang masing-masing dan ini memerlukan kerja-kerja menaik taraf dengan kadar segera. Antara stesen yang terlibat termasuklah stesen Komuter KTM Klang, Serdang, Shah Alam, Nilai, Port Klang, Rawang, Putra, UKM, Setia Jaya dan Batu Tiga. Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) akan turut disepadukan bagi menawarkan perjalanan yang lancar kepada para penumpang transit.

Pemboleh akhir perjalanan (last-mile) merujuk kepada peruntukan kemudahan yang lebih banyak bagi memastikan penumpang yang sedang menaiki pengangkutan awam dari awal perjalanan menikmati peningkatan

mobiliti, keselamatan dan keselesaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa banyak penumpang lebih suka berjalan kaki dari stesen pengangkutan awam terutamanya di kawasan pusat bandar (CBD). Terdapat sebilangan laluan skywalks (berjalan di udara) dan rangkaian pejalan kaki yang wujud di Kuala Lumpur namun sebahagiannya mengalami kelemahan integrasi antara sistem pengangkutan awam yang berbeza, tiada perlindungan daripada cuaca dan kurangnya keselesaan serta keselamatan. Laluan skywalks dan rangkaian pejalan kaki yang baru akan dibina di bawah inisiatif ini untuk menyediakan integrasi yang lebih kukuh antara sistem pengangkutan awam. Projek ini telah dikenal pasti sebagai Pudu Sentral Skywalk, Bandaraya Skywalk dan Rangkaian Pejalan Kaki Wangsawalk.



5

Di bawah inisiatif ini, GTP 2.0 menyasarkan untuk menggalakkan perjalanan secara mampan untuk mengurangkan keperluan perjalanan dengan menaiki kenderaan persendirian menerusi dua inisiatif yang berikut:



Inisiatif: Pengawalan dan Pengurusan Ruang Letak Kenderaan

Fakta yang mengejutkan menyebut sejumlah tiga juta kereta dipandu memasuki pusat bandar Kuala Lumpur setiap hari sehingga mengakibatkan kesesakan yang disebabkan oleh lebihan kapasiti. Inisiatif Pengawalan dan Pengurusan Ruang Letak Kenderaan ini akan melibatkan penilaian semula kadar ruang letak kenderaan jalan raya di pusat bandar

Kuala Lumpur yang turun naik oleh majlis perbandaran kepada kadar yang lebih berdaya saing; pengurangan bilangan ruang letak kenderaan dalam lingkungan jarak 200 meter dari stesen transit dan mengubah ruang tersebut untuk kegunaan awam seperti laluan pejalan kaki yang berkesan; dan pengukuhan keseluruhan terhadap penguatan keseluruhan meletak kenderaan

di pusat bandar (CBD). Tindakan ini adalah perlu dan secara tidak langsung akan mendorong orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Dijangka seramai 40,000 pengguna baharu pengangkutan awam akan diperkenalkan setiap bulan dengan inisiatif ini.

Inisiatif: Perancang Perjalanan

Perancang perjalanan menyediakan maklumat perjalanan merentas semua pengendali pengangkutan awam dengan menawarkan satu set pilihan perjalanan untuk para pengguna semasa dan akan datang. Ini akan memberikan peluang kepada penumpang untuk merancang perjalanan berdasarkan laluan terpantas, laluan dengan pertukaran stesen yang paling sedikit dan laluan yang memerlukan berjalan kaki yang minimum. Inisiatif ini akan dilaksanakan

melalui tiga peringkat; pertama, mewujudkan pusat perkhidmatan bersepadu perancang perjalanan yang merentas semua kaedah pengangkutan dengan menyediakan maklumat statik seperti laluan, tambang perjalanan dan jadual perjalanan yang disyorkan dari awal hingga ke akhir destinasi. Peringkat kedua akan menawarkan pilihan perjalanan kepada pengguna dengan mengenal pasti keperluan perjalanan mereka berserta maklumat dinamik – laluan terpantas, pertukaran

stesen paling sedikit dan laluan yang memerlukan berjalan kaki yang minimum. Peringkat terakhir akan menyaksikan penawaran perancang perjalanan melalui telefon pintar. Peringkat yang pertama dijangka siap pada tahun 2013 manakala penambahbaikan terhadap perancang perjalanan ini akan disempurnakan sepanjang tahun 2014 dan 2015. SPAD akan berperanan sebagai pemilik projek bagi inisiatif ini.

Projek Pemboleh UPT

GTP 2.0 telah mengenal pasti perkara berikut sebagai pemboleh kepada inisiatif Pengangkutan Awam Bandar:

1. Penilaian Semula Kadar Tambang


Semua kadar tambang pengangkutan awam di Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang akan dikaji semula bagi memastikan kemapanannya secara komersial.

2. Akademi Pemandu dan Program Penambahbaikan

Bagi mengatasi masalah kekurangan pemandu bas, sebuah pasukan petugas akan diwujudkan untuk mengkaji pelaksanaan pelan menyeluruh yang akan melibatkan penubuhan sebuah akademi untuk mengambil bekerja dan melatih lebih ramai pemandu bertauliah. Ini akan disusuli dengan sebuah program untuk merangka kemajuan kerjaya pemandu berdasarkan prestasi dengan kenaikan gaji, kenaikan pangkat dan manfaat serta ganjaran yang lain.

3. Pasukan Petugas Penguatkuasaan Bersama

Penguatkuasaan senantiasa penting untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan awam dan oleh hal yang demikian, ia menjadi bidang tumpuan di bawah NKRA Pengangkutan Awam Bandar. Bagaimanapun, kekurangan sumber telah menghalang keberkesanan sebarang inisiatif penguatkuasaan. Bagi menyelesaikan isu ini, satu Pasukan Petugas Penguatkuasaan bersama akan diwujudkan untuk menangani kekurangan tersebut.



4. "Watching Brief" bagi Inisiatif Pengangkutan Awam di Bandar dan Koridor Serantau

Suatu pemantauan (watching brief) akan diwujudkan bersama oleh PEMANDU dan SPAD untuk memberikan keutamaan terhadap bidang penambahbaikan pengangkutan awam di Pulau Pinang, Kuantan, Kuching, Kota Kinabalu dan Iskandar Malaysia. Hasil usaha ini akan diserapkan ke dalam Pelan Induk Serantau SPAD.

5. Zon Pengaktifan Semula Perniagaan dan Bebas Kereta di Greater Kuala Lumpur

Bagi mempertingkatkan lagi daya tarikan Greater Kuala Lumpur dan menyokong penggunaan pengangkutan awam di bandar, Zon Pengaktifan Semula Perniagaan atau Zon Bebas Kereta (Car-free Zone) telah dicadangkan di lokasi yang mempunyai pergerakan lalu lintas dan pejalan kaki dengan kepadatan tinggi. Ini bertujuan mengelakkan penggunaan kenderaan persendirian dan pada masa yang sama menggalakkan orang ramai memperoleh pengalaman untuk menikmati kegembiraan berjalan kaki di kawasan yang kaya dengan daya tarikan.



Ringkasan Inisiatif

Bas



- Penambahbaikan rangkaian bas henti-henti di Greater Kuala Lumpur
- Perasionalan bilangan pengendali di laluan yang bertindih dan mewujudkan Terminal Pengangkutan Antara Bandar untuk memberikan perkhidmatan kepada Greater KL
- Pewujudan perkhidmatan bas kota di kawasan pusat bandar (CBD) untuk memberikan perkhidmatan kepada pusat komersial
- Penyusunan semula dan penambahbaikan sistem rangkaian bas henti-henti dan bas pengantara
- Peningkatan bilangan pemandu bas henti-henti dan penambahbaikan terhadap pemantauan dan penguatkuasaan lorong bas
- Perluasan program bas aliran deras untuk mewujudkan perjalanan antara bandar yang lebih pantas
- Penambahbaikan kemudahan perhentian bas untuk menggalakkan penggunaan bas

Rel




- Penambahbaikan perkhidmatan KTM Komuter dengan mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan keandalan sistem terasnya yang merangkumi sistem isyarat, trek dan bekalan kuasa daya tarikan.
- Peluasan aliran Kelana Jaya dan Ampang dengan menghubungkan kedua-duanya dengan kawasan lain untuk merangsang kapasiti penumpang yang diangkut kepada 100,000 penumpang.
- Pengembangan sistem monorel Kuala Lumpur untuk meningkatkan kapasiti penumpangnya dan mewujudkan hubungan dengan lokasi lain yang kini masih belum menerima perkhidmatan rel.

Teksi



- Pewujudan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS) untuk mempertingkatkan penguatkuasaan, pemantauan dan juga untuk meningkatkan kesalinghubungan antara pengendali untuk mempertingkatkan sistem tempahan
- Mewujudkan model tekси baharu untuk meningkatkan pendapatan pemandu dengan melegakan tekanan terhadap kos penyenggaraan dan pembiayaan

Integrasi



- Menangani hal pengalaman penumpang dari awal hingga akhir perjalanan
- Mewujudkan zon menurunkan penumpang di jalan (parkway drop-zones) bertujuan menyepakatkan kemudahan sedia ada dengan lebih baik dengan infrastruktur pejalan kaki
- Zon menurunkan penumpang (Drop-zone) akan memfokuskan usaha memudahkan integrasi antara perkhidmatan bas dengan rel
- Menaik taraf stesen untuk menangani isu sewaktu perjalanan (mid-mile) dengan mempertingkatkan kapasiti stesen dan sistem kutipan tambang automatik
- Membangunkan lebih banyak laluan pejalan kaki dan jambatan untuk menangani isu akhir perjalanan (last-mile), sekali gus menggalakkan lebih banyak pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam.

Pengurusan Permintaan Perjalanan



- Mewujudkan pengawalan dan pengurusan ruang letak kendaraan yang lebih baik untuk tidak menggalakkan pengguna daripada memasuki bandar menggunakan kereta dan sebaliknya menggunakan pengangkutan awam untuk ke bandar.
- Mewujudkan perancang perjalanan yang membolehkan pengguna merancang perjalanan mereka berdasarkan keperluan masing-masing, termasuklah laluan terpantas, laluan dengan pertukaran stesen yang paling sedikit dan sebagainya.

Projek Pemboleh



- Kajian semula tambang untuk memastikan kemampumannya secara komersial
- Mempertingkatkan bilangan pemandu bas dengan menubuhkan sebuah Akademi pemandu selain penambahbaikan terhadap pakej kerjaya pemandu.
- Membentuk sebuah pasukan petugas penguatkuasaan bersama yang akan mendapatkan bantuan daripada pelbagai badan untuk menangani masalah pengangkutan awam
- Mewujudkan pemantauan (watching brief) untuk mengenal pasti dan memberikan keutamaan terhadap bidang-bidang penambahbaikan di seluruh negara
- Membangunkan Zon Pengaktifan Semula Perniagaan atau Zon Bebas Kereta (Car Free Zones) di Greater Kuala Lumpur untuk tidak menggalakkan penggunaan kenderaan persendirian

Pengangkutan Awam Bandar dalam Program Transformasi Koridor & Bandar Raya



Kerajaan menyedari bahawa sistem pengangkutan yang maju dan cekap di seluruh negara merupakan komponen yang penting untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, dan oleh hal yang demikian kerajaan telah melabur dalam program pembangunan lain selain GTP.

Fokus GTP terhadap inisiatif mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (UPT) di Greater KL/Lembah Klang tidak seharusnya ditafsirkan sebagai membawa maksud bahawa kerajaan menganggap pengangkutan di kawasan lain sebagai tidak penting. Sebaliknya, kerajaan telah memperlihatkan perhatian yang signifikan terhadap kawasan bandar lain dengan mengambil berat keperluan setiap kawasan tertentu masing-masing.

Fokus GTP terhadap inisiatif mempertingkatkan pengangkutan awam bandar di Greater KL/Lembah Klang

terutamanya adalah untuk memastikan bahawa isu pengangkutan tidak menjadi masalah endemik yang menjelaskan dalam tempoh yang terdekat. Menyedari hakikat ini, perkaedahan yang digunakan oleh NKRA UPT memberikan penekanan terhadap keberhasilan besar yang pantas, iaitu penyelesaian yang segera dan memberikan impak yang besar kepada rakyat. Oleh yang demikian, Lembah Klang merupakan wilayah pilihan yang paling sesuai untuk memulakan inisiatif ini. NKRA UPT beroperasi dalam lingkungan tiga fasa GTP, iaitu dari tempoh 2010-2012, 2013-2015, dan akhirnya dari tahun 2016 dan seterusnya sehingga negara mencapai Wawasan 2020.

Dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang, dengan pengangkutan merupakan agenda yang sama penting tetapi kurang sensitif dari segi masa, Kerajaan telah melaksanakan rancangan yang turut bercita-cita tinggi meskipun

pelaksanaannya dibuat dalam tempoh jangka masa yang lebih panjang. Di kawasan Greater KL/Lembah Klang, di bawah Program Transformasi Ekonomi, terdapat projek Transit Aliran Massa (MRT) yang diawasi pelaksanaannya oleh NKEA Greater KL. Terdapat juga pelan yang dijajarkan dengan lima koridor pembangunan yang mencakupi seluruh negara, yang menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) secara kumulatif sebanyak RM176 bilion. Koridor-koridor tersebut termasuk:

- **Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)**
- **Iskandar Malaysia**
- **Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)**
- **Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)**
- **Koridor Pembangunan Sabah (SDC)**

Dalam setiap kes, PEMANDU menggunakan perkaedahan yang sama

untuk menangani isu dan cabaran tertentu yang mungkin dihadapi oleh setiap wilayah, khususnya dalam hal berkaitan dengan pengangkutan awam. Makmal yang serupa dengan makmal yang dibuat untuk NKRA UPT dan NKEA Greater KL digunakan dengan usaha sama pihak berkepentingan koridor yang melihat kepada dua isu berasingan: pembangunan ekonomi koridor dan juga isu berkaitan dengan daya boleh huni (livability) di bandar utama.

Tema utama keseluruhan proses makmal ialah "Making the Most" (memanfaatkan sebaik mungkin), yang melibatkan pemfokusan terhadap program dan inisiatif sedia ada untuk menambah

baik dan mempertingkatkan program dan inisiatif tersebut. Justeru, makmal menumpukan pada program laluan pantas dan penyelesaian masalah sedia ada yang dimiliki oleh Koridor itu sendiri, Kerajaan Negeri, Rancangan Malaysia Ke-10 dan Program Transformasi Ekonomi.

Fokus terhadap koridor ekonomi memastikan bahawa pusat ekonomi dan pertumbuhan utama di seluruh negara disasarkan dan ditumpukan, dengan demikian memberikan manfaat kepada seramai mungkin penduduk. Rancangan pembangunan yang holistik dan menyeluruh ini juga memastikan bahawa setiap masyarakat di koridor masing-

masing akan meraih manfaat daripada sistem pengangkutan awam bandar yang maju dan cekap.

Pelan induk koridor juga direka khas untuk memastikan bahawa setiap aktiviti ekonomi koridor akan melengkapi setiap koridor yang lain bagi memastikan pertindihan yang paling minimum dan memaksimumkan kecekapan pengeluaran. Justeru, sebuah sistem pengangkutan yang kukuh akan membantu koridor-koridor ini untuk mencapai matlamat dan sasaran, dan oleh hal yang demikian ia merupakan suatu keutamaan bagi pihak Kerajaan.


1 Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Makmal ECER telah mengenal pasti 10 buah projek infrastruktur dan pengangkutan dalam lingkungan wilayah koridor ECER, yang akan membantu meningkatkan produktiviti ekonomi dan menyumbang kepada peningkatan RM176 bilion dalam PNK pada tahun 2020. Bidang ekonomi utama yang dikenal pasti dalam ECER termasuk pertanian, pembuatan, minyak dan gas, serta pelancongan.

Infrastruktur pengangkutan adalah amat penting bagi industri utama ini, dan kesalinghubungan jalan raya, rel, udara dan maritim yang lebih cekap akan terus mempertingkatkan perdagangan di ECER dan juga dengan kawasan lain Semenanjung Malaysia dengan lebih giat. Ia juga akan membantu menggalakkan pelaburan yang lebih besar di wilayah ini, terutamanya berdasarkan minat yang kukuh terhadap sumber dan kemudahan petrokimia wilayah.

Pelan pembangunan juga memberikan penekanan yang lebih berat terhadap bidang keberhasilan utama di bandar Kuantan, yang merupakan bandar paling padat penduduk di ECER. Meskipun jumlah bilangan lalu lintas di Kuantan tidak mencecah tahap lembah Klang, namun ia merupakan hal yang semakin jelas bahawa Kuantan akan meraih banyak manfaat daripada infrastruktur pengangkutan yang dipertingkatkan. Fakta ini amat jelas khususnya dalam konteks kepentingan pelabuhan Kuantan bagi import dan eksport barang industri.

Koridor-koridor dan pembangunan bandar mempunyai beberapa projek pengangkutan di ECER termasuk membangunkan jalan raya bagi akses yang lebih baik ke Pelabuhan Kuantan dan Bandar pelabuhan Kuantan yang dirancang. Jalan raya baharu juga akan dibina untuk memudahkan akses yang lebih cekap ke kawasan



hotspot pelancongan seperti Mersing dan Kampung Peta di Taman Negara Endau-Rompin, dan juga jambatan baharu di Bukit Kuang untuk melegakan kesesakan lalu lintas di kawasan Kemaman.

2 Iskandar Malaysia

Koridor Iskandar Malaysia terletak di hujung selatan Semenanjung Malaysia, dan terkandung hampir keseluruhan dalam negeri Johor. Iskandar Malaysia menghadapi situasi yang kritikal setakat ini dari aspek pengangkutannya disebabkan oleh kesesakan di sepanjang laluan utamanya: Johor Bahru – Singapore, Johor Bahru – Kulai, Johor Bahru – Pasir Gudang dan Johor Bahru – Ulu Tiram.

Untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan sedia ada, sejumlah inisiatif seperti pengembangan dan penambahbaikan rangkaian perkhidmatan bas sedang dilaksanakan. Bersama-sama dengan laluan baharu dan penaiktarafan kemudahan seperti perhentian bas, pelan juga melihat pelaksanaan sistem transit bas laju (bus rapid transit system) di laluan padat

penduduk, sama seperti apa yang dirancang untuk Lembah Klang.

Sementara itu, terminal bas juga akan dibaik pulih, manakala jalan raya pula akan dinaik taraf untuk memastikan perjalanan yang lebih selamat dan cekap. Iskandar Malaysia juga akan membuat pembaharuan terhadap sistem teksi untuk menangani tahap perkhidmatan pelanggan dan memperbaik masa memberikan respons di bawah rubrik perkhidmatan Transit Responsif terhadap Permintaan (Demand Responsive Transit).

Makmal juga akan mengkaji hambatan lalu lintas di Iskandar Malaysia, dan beberapa penaiktarafan jalan telah dikenal pasti untuk membantu melegakan kesesakan lalu lintas di kawasan padat. Walau bagaimanapun,



perjalanan melalui jalan raya sahaja tidak akan berupaya memenuhi pertumbuhan masa hadapan, oleh itu sistem rel ringan telah dicadangkan bagi pusat bandar, demikian juga pembangunan sistem perkhidmatan rel komuter.



3 Koridor Utara Malaysia (NCER)

Projek pengangkutan di NCER akan memfokuskan bukan sahaja pengguna yang berulang alik dan muatan, akan tetapi ia juga akan memberikan penekanan khusus terhadap logistik untuk mengambil manfaat daripada keupayaan pembuatan wilayah. Sebagai contoh, logistik NCER menuntut pembangunan sebuah hab logistik automotif, yang akan mempertingkatkan pembinaan dan pengagihan pembuat kereta kecil dan sederhana di kawasan wilayah ini.

Dalam konteks koridor ECER, perundingan dengan pihak berkepentingan NCER telah mengenal pasti aktiviti ekonomi utama wilayah ini dan mereka khas pelbagai inisiatif, termasuk pengangkutan, untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti sedia ada ini. Aktiviti yang dikenal pasti dalam NCER termasuk pertanian, pembuatan,

pengangkutan dan logistik, serta pelancongan.

Sejumlah 35 buah projek telah dikenal pasti untuk NCER, dan akan meningkatkan PNK tahunan kepada RM17.45 bilion pada tahun 2020. Di samping hab automotif yang dinyatakan di atas, inisiatif lain berkaitan dengan pengangkutan telah dikenal pasti bagi NCER termasuk mendalamkan perairan Selat Utara di Pelabuhan Pulau Pinang untuk membolehkan kapal yang lebih besar berlabuh di pelabuhan.

Akhinya, kawasan Greater Georgetown juga akan menyaksikan penaiktarafan yang ekstensif terhadap sistem pengangkutan awamnya melalui inisiatif yang serupa di Lembah Klang seperti pelaksanaan hab pengangkutan awam bersepadu, selain penaiktarafan dan peluasan kemudahan sedia ada.



Matlamatnya adalah untuk menjadikan Georgetown sebuah bandar bertaraf dunia, iaitu sesuatu yang hanya mungkin direalisasikan dengan pewujudan infrastruktur pengangkutan awam yang bersesuaian.



4 Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)

Matlamat pembangunan Model Ekonomi Baru adalah untuk mewujudkan sebuah ekonomi yang berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan termasuklah negeri Malaysia Timur, Sarawak. Meskipun Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan sudah sememangnya berjalan untuk mempertingkatkan dan memperbaik ekonomi dan taraf kehidupan di sana, namun sebuah enjin pertumbuhan yang lebih mantap diperlukan untuk terus merangsang perindustrian di kawasan tersebut.

Di sinilah SCORE, sebuah rancangan selama 20 tahun yang dijajarkan dengan rancangan pembangunan keseluruhan negeri memainkan peranannya. Program Transformasi Koridor dan Bandar Raya Sarawak menyasarkan untuk memastikan bahawa pembangunan SCORE diagihkan sama rata ke seluruh negeri, dan juga memastikan bahawa pembangunan ekonomi adalah seimbang, Tiga bidang ekonomi utama

di koridor SCORE yang akan disasarkan dalam pelan transformasi termasuklah Samalaju, Tanjung Manis dan Mukah.

Meskipun Sarawak telah mencebur rancangan perindustrian seawal tahun 1980-an, namun sebahagian besar daripada pembangunan telah mengambil tempat di zon-zon yang bertaburan, yang memerlukan kesalinghubungan yang lebih baik menerusi rangkaian pengangkutan yang cekap. Selain itu, dengan negeri Sarawak bersedia untuk menikmati pertumbuhan, bandar Greater Kuching perlu bersiap sedia untuk menerima kemasukan beramai-ramai penduduk dan oleh hal yang demikian, rancangan ini menuntut penyediaan sebuah asas bagi pengangkutan awam.

Buat masa ini, pelan ini adalah untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan awam Greater Kuching dengan mewujudkan lorong bas, dan mempertingkatkan pentadbiran dan



penyusunan sistem pengangkutan awam. Bandar Greater Miri juga akan menyaksikan penambahbaikan sistem pengangkutan awamnya, dengan matlamat untuk meningkatkan nisbah modnya kepada 25% pada tahun 2015.



5 Koridor Pembangunan Sabah (SDC)

Matlamat SDC adalah untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah di Malaysia Timur. Seperti Sarawak, terdapat keperluan untuk memberikan rangsangan yang besar terhadap tahap infrastruktur fizikal di Sabah, yang merangkumi pewujudan rangkaian dan laluan pengangkutan. Sebagai contoh, tahap kesalinghubungan darat yang lemah bagi pusat-pusat penduduk telah menyebabkan kebergantungan yang besar terhadap pengangkutan melalui laut bagi pergerakan kargo antara negeri (intra-state).

Hal yang demikian telah menghambat kemajuan industri logistik di Sabah, yang telah dikenal pasti sebagai satu daripada bidang ekonomi utama di bawah fokus. Bidang yang lain termasuklah pertanian, pendidikan, pembuatan, minyak dan gas, minyak sawit dan pelancongan.

Dalam konteks pusat bandar kawasan bandar di negeri Sabah, pertumbuhan

pengangkutan awam tidak dapat mengimbangi pertumbuhan penduduk hingga membawa kepada kemudahan yang penuh sesak dan beroperasi di bawah keupayaan (under capacity). Matlamat rancangan ini adalah untuk meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam kepada 25%, yang kemudiannya akan mewujudkan pada masa yang sama pekerjaan baharu dalam industri. Sebuah sistem transit bas laju yang sama dengan apa yang terdapat di Lembah Klang juga telah dicadangkan melalui pembinaan kemudahan yang lebih baik dan pembelian bas baharu.

Akhir sekali, pembangunan sebuah hab pengangkutan di Tanjung Aru di kawasan bandar Greater Kota Kinabalu akan mewujudkan aliran rel baharu sejauh 36 kilometer, yang juga akan berperanan sebagai pemangkin kepada pengembangan laluan yang lain. Ini juga akhirnya akan menjadi rangsangan pelancongan bagi negeri Sabah.



Penarafan pengangkutan juga akan dilaksanakan bagi kawasan di luar Greater Kota Kinabalu, seperti akses ke kawasan perumahan kos rendah bagi pendatang tanpa izin (illegal immigrants) di Pulau Gaya sekali gus membebaskan pulau tersebut bagi tujuan pembangunan pelancongan.



**MEMASTIKAN
PENCAPAIAN
DIUTAMAKAN**

TINJAUAN KESELURUHAN

Komponen Pencapaian Diutamakan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan penanda aras utama bagi tadbir urus dan pencapaian dalam memastikan kerajaan mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang pelan ini. Memandangkan GTP dibahagikan kepada tiga fasa atau ruang lingkup yang akan menyaksikan perubahan yang lebih baik, penanda aras Pencapaian Diutamakan juga akan berkembang seiring untuk memastikan matlamat setiap fasa dapat dicapai.

Dalam fasa pertama pelan transformasi atau GTP 1.0, setiap inisiatif direka untuk menjana keberhasilan besar yang pantas, yang akan

dapat menyekat penurunan bidang keberhasilan utama negara (NKRA) dan oleh hal yang demikian memerlukan penanda aras prestasi yang boleh mengukur semua matlamat ini. Apabila kerajaan melancarkan fasa kedua GTP – fasa kedua yang memfokuskan pada usaha memperluas dan memperincikan transformasi yang dilaksanakan dalam GTP 1.0 – penanda aras prestasi mestilah juga dipertingkatkan untuk mengukur matlamat baru ini.

Dengan erti kata lain, jika GTP 1.0 membina jentera perubahan yang baharu, maka matlamat GTP 2.0 adalah untuk memperbaik dan mengubah suai jentera tersebut

agar pelan transformasi keseluruhan menjadi jentera yang berprestasi lebih tinggi dan lebih cekap. Pencapaian ini akan merintis jalan bagi GTP 3.0 yang bermatlamatkan pelan transformasi yang bukan lagi berteraskan pembaharuan, tetapi menggerakkan perkhidmatan awam negara dan institusi kerajaan secara aktif ke tahap yang lebih tinggi. Secara khusus, GTP 3.0 akan menyaksikan pelan yang menggabungkan inovasi dan model mesra rakyat dalam tahap perkembangan yang seterusnya.

Fasa Perubahan	Tarikh Dikuatkuasakan	Matlamat Transformasi
GTP 1.0	2009 – 2012	<p>Untuk melaksanakan perubahan besar dan segera kepada struktur perkhidmatan awam dan kerajaan, menyekat kemerosotan NKRA utama dan mengembalikan keyakinan rakyat.</p> <p>Ruang lingkup transformasi yang pertama ini menasarkan perubahan budaya prestasi yang berakar umbi dalam perkhidmatan awam dengan memberikan cabaran kepada pelbagai kementerian untuk membuat pembaharuan dan menangani isu-isu besar yang melibatkan rakyat.</p>
GTP 2.0	2013 – 2015	<p>Fasa kedua GTP dibangunkan untuk meneruskan kejayaan GTP 1.0, dengan memperdalam dan memperluas pembaharuan bagi memperlengkapkan transformasi perkhidmatan awam.</p> <p>Sementara itu, langkah akan diambil untuk terus membangunkan budaya prestasi yang penting dalam persediaan Malaysia untuk mencapai fasa pembangunan yang seterusnya.</p>
GTP 3.0	2016 – 2020	<p>Fasa terakhir untuk membantu Malaysia mencapai aspirasi Wawasan 2020 yang bercita-cita tinggi. GTP 3.0 tidak lagi menasarkan pembaharuan, tetapi bermatlamat untuk mengerakkan kerajaan ke tahap seterusnya dengan memfokuskan pada keutamaan seperti inovasi dan model penyampaian yang bersifat mesra rakyat.</p> <p>Dengan tercapainya matlamat ini, kedudukan Malaysia akan diiktiraf sebaris dengan negara bertaraf dunia yang lain dengan sistem tadbir urus berada dalam standard yang terunggul.</p>

Sasaran ini sememangnya diakui bercita-cita tinggi dan memerlukan pelbagai usaha dilakukan dalam tempoh lapan tahun yang akan datang untuk merealisasikannya. Penanda aras Pencapaian Diutamakan akan memastikan kita mencapai sasaran dengan bertindak sebagai pengukur kejayaan dan kegagalan GTP secara berterusan.

GTP 2.0 Struktur Tadbir Urus

Struktur tadbir urus Pencapaian Diutamakan 2.0 adalah sama seperti yang terdapat dalam GTP 1.0, dan perubahan adalah bersifat kualitatif bagi memastikan setiap NKRA mencapai matlamat untuk memperdalam amalan transformasi masing-masing. Secara amnya, komponen Prestasi Diutamakan dalam 2.0 akan memastikan perkara yang berikut:

- Memperkuuhkan pengurusan prestasi yang mencakupi semua peringkat dalam kerajaan, dengan melaksanakan penggunaan KPI pada semua penjawat awam dan penawaran ganjaran berdasarkan prestasi serta kesan daripadanya.
- Meningkatkan keupayaan kerajaan, termasuk melaksanakan perkembangan profesional yang berstruktur dan meningkatkan standard kemasukan ke dalam perkhidmatan awam.
- Mempertingkatkan keberkesan dengan memperkemas struktur Kerajaan, seperti mengurangkan lapisan birokrasi dengan menyusun semula kementerian dan agensi.

GTP ialah sebuah rangka tindakan atau kerja yang sedang berlangsung (work in progress), dan ini bermaksud


bahawa akauntabiliti perlu wujud pada setiap peringkat. Pelan struktur tadbir urus merupakan komitmen kerajaan dan semua pihak berkepentingan lain untuk memastikan pelaksanaan pelan pembangunan yang cekap dan lancar.

Setiap NKRA menggunakan kaedah tadbir urus yang sama untuk memastikan pencapaian mereka seiring dengan pelan transformasi kerajaan secara keseluruhan. Peranan struktur tadbir urus adalah untuk memastikan pihak atasan kerajaan menerima kemas kini yang kerap dan lengkap mengenai pembangunan pada peringkat akar umbi. Struktur tadbir urus menetapkan peranan pemantauan yang penting pada peringkat persekutuan, daerah dan perbandaran bagi mewujudkan rantai pelaporan holistik yang bermula dari peringkat akar umbi sehingga barisan pimpinan tertinggi negara.

Timbalan Perdana Menteri telah dilantik sebagai pengurus Pasukan Petugas Pelaksanaan (DTF) yang bermesyuarat secara tetap setiap empat hingga enam bulan untuk menilai pelaksanaan pelan transformasi. Sementara itu, setiap Kementerian akan menerajui NKRA masing-masing. Misalnya, Kementerian

Pelajaran untuk NKRA Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri untuk NKRA Jenayah – untuk melaksanakan inisiatif yang terkandung dalam rangka tindakan ini.

Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) akan mengawas kementerian secara langsung dan PEMANDU pula akan memantau pelan pelaksanaan dan mengemukakan laporan kemajuan semasa mingguan pada setiap peringkat kerja. DMO dan PEMANDU juga akan melaporkan terus kepada DTF semasa mesyuarat yang dijadualkan secara tetap, yang juga akan dihadiri oleh para pihak berkepentingan yang berkaitan bagi setiap NKRA.



Rajah 1: Contoh daripada NKRA Pengangkutan Awam Bandar

PEMANDU Mempercepat Pelaksanaan

PEMANDU ditubuhkan pada tahun 2009 sebelum pelaksanaan GTP 1.0 untuk mempercepat pelaksanaan inisiatif yang terkandung dalam pelan hala tuju. Peranan dan tanggungjawab PEMANDU terus kekal sama dalam GTP 2.0, iaitu membantu dan memantau pelaksanaan pelan tindakan transformasi. PEMANDU telah diberikan mandat untuk:

- Membantu sektor awam memperbaik proses dan prosedur mereka untuk memantapkan keupayaan penyampaian mereka
- Menyokong Kementerian dalam proses perancangan, termasuk membantu dalam penyelesaian masalah dan andaian yang mencabar

- Memperkemas proses kerajaan, khususnya isu-isu merentas kementerian dan kesalingbergantungan yang terbukti menjadi halangan
- Memberikan pandangan bebas mengenai prestasi dan kemajuan kepada Perdana Menteri dan para menteri, di samping menawarkan khidmat nasihat dan perundingan

Dari segi pengurusan dan pelaporan prestasi, PEMANDU akan:

- Mengemukakan Laporan Kilat kepada semua Menteri Kabinet pada setiap bulan
- Membantu mesyuarat DTF dan

pengiraan stok

- Mengemukakan Laporan Pelaksanaan setengah tahun kepada Perdana Menteri
- Menerbitkan kemajuan Kerajaan berbanding sasaran NKPI dan MKPI pada setiap tahun

Laporan Tahunan GTP akan terus diterbitkan pada suku pertama setiap tahun untuk kegunaan orang ramai. Ini merupakan satu lagi alat akauntabiliti untuk rakyat menilai prestasi kerajaan dan mengukur keberkesanannya inisiatif GTP sepanjang tahun lepas.



BIDANG
KEBERHASILAN
UTAMA
KEMENTERIAN

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) memainkan peranan yang penting dalam memperkuuh ketujuh-tujuh NKRA dan menghasilkan satu pendekatan yang bersepdua ke arah pencapaian sasaran GTP dan kaedah akauntabiliti yang membolehkan rakyat mengukur prestasi kementerian tertentu.

Merangkumi bidang fungsi utama yang berada di bawah skop setiap

kementerian, MKRA disasarkan ke arah mempertingkatkan kesejahteraan rakyat agar sejajar dengan fokus GTP untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam. MKRA juga berusaha menangani isu yang tidak terkandung dalam NKRA sedia ada, sekali gus memastikan pelaksanaan GTP yang lebih menyeluruh dan berkesan. Setiap MKRA mempunyai Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPI) untuk mengukur kejayaan MKRA

tersebut. MKPI ini, yang seterusnya menjadi Scorecard menteri yang akan dinilai oleh Perdana Menteri, mewakili pencapaian utama setiap menteri pada tahun tertentu. Scorecard ini menggunakan sistem wajaran untuk menilai prestasi menteri.

Pencapaian Diutamakan

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) merupakan bahagian yang penting daripada GTP sejak awal lagi. Idea untuk melaksanakan penunjuk prestasi utama bagi Jemaah Menteri dicetuskan oleh Perdana Menteri sendiri, yang menggabungkan penggunaan penunjuk prestasi utama dan bidang keberhasilan utama yang ketat untuk mentransformasikan budaya prestasi pada peringkat kerajaan yang tertinggi.

Setiap MKRA mempunyai Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPI) untuk mengukur kejayaan MKRA. Seterusnya, MKPI ini digunakan untuk membentuk 'scorecard' seseorang menteri untuk dinilai oleh Perdana Menteri, yang mencerminkan pencapaian utama yang dipertanggungjawabkan terhadap setiap menteri pada tahun yang tertentu. 'Scorecard' ini menurut sebuah sistem pewajaran yang digunakan untuk menilai prestasi kementerian.

Dalam melaksanakan perubahan ini, Perdana Menteri menuntut semua

Garis Panduan Meluas bagi Penetapan MKPI

1. Menerajui agenda nasional dan keutamaan rakyat, menggunakan KPI KSU
2. Memfokuskan 2 daripada 4 keberhasilan yang paling penting
3. Memastikan KPI mencerminkan keberhasilan dan impak, dan bukannya input atau aktiviti
4. Menjadikan setiap KPI ringkas dan mudah difahami
5. Memastikan KPI adalah spesifik dan boleh diukur
6. Mewujudkan sasaran, garis masa dan trajektori yang jelas bagi setiap KPI
7. Mewujudkan keberhasilan jangka pendek (4-6 bulan), sederhana (9-24 bulan) dan panjang (5 tahun)
8. Merumuskan pelan pelaksanaan penyampaian
9. Menetapkan akauntabiliti terfokus (single point) tetapi bekerjasama dalam penyampaian keberhasilan
10. Menetapkan dan menguruskan jangkaan yang sesuai

Jadual 1: Garis Panduan untuk menetapkan MKPI

menteri memperjelas MKRA dan MKPI masing-masing dalam tempoh 30 hari pertama daripada pelantikan mereka.

Akhirnya, Perdana Menteri melantik seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memantau prestasi menteri-menteri tersebut berbanding dengan MKPI masing-masing yang telah ditetapkan. Perdana Menteri juga akan menilai sendiri kemajuan yang dicapai semua menteri pada setiap enam bulan.

Perdana Menteri kini bersedia untuk meneruskan pemantauan yang utuh ini terhadap prestasi menteri-menteri beliau dalam GTP 2.0 dan berdasarkan garis masa sebelum tahun 2020 yang semakin pantas berakhir, proses pemantauan oleh beliau kini menjadi semakin bertambah penting. Garis panduan yang dikeluarkan terhadap menteri-menteri (lihat jadual di atas) akan terus membentuk asas kepada sistem MKPI.

Pemangkin Transformasi

Teras utama MKRA ialah hasrat untuk mengubah cara dalaman dan struktur bekerja birokrasi kerajaan ke arah bersifat mesra rakyat dan berorientasikan keberhasilan. Pada dasarnya, inisiatif ini melambangkan semangat 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Oleh itu, di bawah GTP 1.0, inisiatif ini dan MKPI menyasarkan penanda aras yang lebih tinggi setiap tahun, lantas mendorong menteri dan kementerian untuk senantiasa berusaha meraih pencapaian yang lebih baik.

Fasa pertama GTP juga menyaksikan inisiatif MKRA terus diperhalus dalam usaha untuk mencapai matlamat paling penting, iaitu mempertingkatkan keberkesanan dan kualiti perkhidmatan kerajaan. Pada akhir GTP, usaha MKRA telah diperhalus untuk memastikan lebih banyak KPI yang berorientasikan pencapaian berbanding dengan pencapaian yang dipacu oleh proses.

Selain itu, setiap menteri mempunyai komponen MKRA dalam Scorecard

masing-masing. KPI Bidang Ekonomi Utama Negara juga telah digabungkan ke dalam Scorecard di samping KPI tambahan lanjutan daripada pelaksanaan Inisiatif Pembaharuan Strategik.

Pembangunan MKPI menggunakan format seragam yang diterima guna di semua kementerian yang terdiri daripada komponen utama yang berikut:

- Bidang Keberhasilan Utama yang dibangunkan berdasarkan visi dan misi kementerian
- MKPI yang berorientasikan keberhasilan dan yang menumpukan keperluan rakyat
- Sasaran KPI mestilah yang bersifat berani, dengan sasaran yang tinggi dan menyampaikan keberhasilan yang pantas
- Mengenal pasti kesalingbergantungan antara kementerian dan titik sentuhan, iaitu bagaimana setiap MKPI mempunyai kesan yang positif kepada negara dan rakyat

Setiap menteri masing-masingnya adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan kejayaan MKRA. Pegawai KPI yang khusus telah dilantik untuk memantau kemajuan MKPI. Mereka bertanggungjawab untuk mengemaskinikan laporan mengenai pembangunan dan isi-isu MKPI kepada menteri dan PEMANDU.



GTP 2.0: Memperkuuh Prestasi dan Akauntabiliti

Untuk mendorong pemilikan (ownership) dan akauntabiliti terhadap tanggungjawab masing-masing, setiap menteri bertanggungjawab terhadap kemajuan dan pelaksanaan MKRA masing-masing. Melangkah ke hadapan, untuk menggalakkan peningkatan berterusan, menteri akan terus diberi penilaian dua kali setahun berdasarkan Scorecard masing-masing. Perdana Menteri akan terus menyokong usaha jemaah menteri untuk mencapai kecemerlangan dengan

mengetengahkan bidang yang boleh ditambah baik, atau mencadangkan bidang yang perlu ditangani sebelum sesi penilaian seterusnya.

Sebagai sebuah inisiatif penting dalam mengekalkan komitmen, akauntabiliti dan pemilikan kementerian terhadap tanggungjawab masing-masing, usaha MKRA akan terus menjadi penanda aras yang penting, bukan sahaja untuk menilai prestasi menteri tetapi juga untuk menggalakkan menteri agar

meletakan sasaran yang lebih tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada rakyat. Melalui inisiatif MKRA, 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan bukanlah semata-mata slogan iklan, tetapi hakikatnya merupakan kayu ukuran yang nyata yang membolehkan rakyat menjangkakan perkhidmatan yang paling berkualiti daripada kerajaan.

MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA

Mentransformasikan Malaysia

Malaysia kini berada di sebuah persimpangan. Meskipun dengan pencapaian ekonomi dan sosiopolitik yang diraih sejak negara mencapai kemerdekaan, terdapat risiko serius yang memerlukan negara berubah seandainya ia ingin mencapai matlamat besar Wawasan 2020 atau sebaliknya kekal menjadi sebuah kuasa sederhana seperti apa yang telah digapainya pada hari ini. Pihak kerajaan menyedari risiko

ini tiga tahun yang lalu dan oleh hal yang demikian melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang pada dasarnya bertujuan mentransformasikan Malaysia menjadi negara yang berprestasi tinggi.

Inisiatif GTP menasarkan hasrat dan matlamat yang tinggi namun matlamat tersebut bukanlah lahir daripada idealisme yang tidak wajar atau aspirasi

yang penuh dengan harapan semata-mata. Ia juga bukan angan-angan jentera politik yang dicipta untuk mengaburi mata rakyat. Sebaliknya, ia merupakan cita-cita yang lahir daripada keperluan dan didorong oleh wujudnya ancaman yang nyata bahawa Wawasan 2020 mungkin akan terlepas daripada genggaman kita. Dari perspektif inilah, GTP sesungguhnya merupakan program yang amat penting.

Pelan Hala Tuju

Pelan hala tuju GTP 2.0 memiliki persamaan dengan pelan hala tuju pertama, yang membentangkan program yang nekad, berani dan belum pernah dilaksanakan sebelum ini dalam usaha mentransformasikan kerajaan. Isi kandungan pelan hala tuju ini telah dibangunkan bersama-sama dengan semua pihak yang berkepentingan, sama ada daripada sektor kerajaan maupun swasta memandangkan zaman ‘kerajaan mengetahui segalanya’ telah pun lama berakhir.

Kerajaan sedar bahawa terdapat pertimbangan yang pragmatik serta bidang kepakaran yang perlu dijana daripada sumber bukan kerajaan, dan semua ini telah diberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam penghasilan dokumen ini.

Pelan hala tuju ini berperanan sebagai perjanjian prestasi antara kerajaan dengan rakyat selain berfungsi sebagai penanda aras untuk menentukan kejayaan pelan transformasi ini.

Sasarannya ternyata jauh dan tinggi namun sememangnya ia harus begitu sekiranya Malaysia ingin kekal berada di landasan yang tepat dalam menggapai impian Wawasan 2020. Sasaran ini juga penting dalam membina keyakinan rakyat terhadap GTP, dan itulah sebabnya Kerajaan benar-benar nekad dan komited untuk melaksanakan perubahan yang terkandung dalam pelan ini meskipun terdapat pelbagai cabaran yang bakal menggalang.

GTP 1.0 (2010 - 2012): Mentransformasikan Kerajaan

Proses transformasi adalah sesuatu yang sukar, dan menjadi lebih mencabar apabila pelbagai pihak yang berkepentingan – dalam isu ini, seluruh rakyat Malaysia – tidak sepenuhnya yakin terhadap faedah dan merit pelan ini. Dalam menggembung sokongan rakyat terhadap tujuan murni ini, kerajaan sedar bahawa ia sendiri harus menerajui tanggungjawab selain

ditransformasikan untuk mencurahkan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, termasuklah sebagai penjawat awam dan juga sebagai contoh kepada proses transformasi yang perlu dilaksanakan di negara ini.

Justeru, tempoh tiga tahun yang pertama ini telah menyaksikan berbagai inisiatif dilaksanakan pada

semua peringkat kerajaan dan dalam pelbagai sektor tadbir urus yang diistilahkan oleh GTP sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). GTP 1.0 telah menyaksikan kerajaan melakukan penilaian yang sukar dan jauh berliku terhadap amalannya sendiri di samping menetapkan langkah pemulihan dan perubahan yang agresif dalam menyerlahkan

transformasi kendiri. Sebagaimana yang dibuktikan oleh pelbagai episod usaha NKRA, sebahagian besar inisiatif yang digariskan telah pun meraih banyak kejayaan.

Walau bagaimanapun, tugas ini masih belum sempurna. Proses transformasi sehingga kini sering kali dipandu oleh

tema perubahan dengan harapan bahawa dengan melakukan agenda perubahan, negara akan mencapai potensinya yang sebenar. GTP telah pun mencapai kemajuan ke arah itu, namun Wawasan 2020 bukan sahaja memerlukan kita mencapai potensi ini, malah sebaliknya berupaya mempertingkatkan standard potensi

tersebut lagi. Dengan erti kata lain, Wawasan 2020 hanya akan menjadi kenyataan sekiranya kita berupaya membawa Malaysia, iaitu pihak kerajaan dan seluruh warganya, ke tahap yang lebih tinggi. Sesungguhnya inilah matlamat utama GTP.

GTP 2.0 (2013 - 2015): Mempertingkatkan Transformasi

Fasa pertama GTP kini telah pun sempurna. Dalam tempoh tiga tahun yang akan datang, kerajaan akan melaksanakan fasa kedua yang juga dikenali sebagai GTP 2.0. Pada peringkat ini, kerajaan sedang berusaha untuk terus memperdalam dan memperluas proses transformasi yang telah dimulakan dalam GTP 1.0 dengan mengembangkan ruang lingkup inisiatif terdahulu dan memperkenalkan inisiatif baru bagi menangani rintangan yang telah dikenal pasti dalam fasa pertama.

Kerajaan juga sedang meninjau sokongan yang lebih besar daripada

sektor swasta dalam GTP 2.0, dan oleh hal yang demikian, telah menumpukan usaha terhadap beberapa inisiatif yang memerlukan kerja sama syarikat korporat dan badan bukan kerajaan yang lain. GTP 2.0 juga akan menangani sebahagian daripada ketidaksempurnaan dalam GTP 1.0 dan akan terus mengembangkan inisiatif sedia ada untuk memangkinkan transformasi yang holistik dan menyeluruh dalam perkhidmatan awam.

Dengan berbuat demikian, GTP 2.0 akan meletakkan batu asas kepada pembinaan GTP 3.0, iaitu fasa ketiga

GTP yang bertujuan menjulang negara ke tahap yang seterusnya. Menjelang akhir GTP 2.0, seluruh warga Malaysia akan menikmati tahap perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur yang saksama, ketirisan dalam kerajaan akan disebat dan perkhidmatan awam ditransformasikan menjadi lebih peka dan berdedikasi.

Demikianlah besarnya impian dan hasrat kerajaan.

GTP 3.0 (2016 - 2020): Rintangan Terakhir

Fasa terakhir proses transformasi ini akan menyaksikan Malaysia dijulang ke tahap lebih tinggi yang seterusnya. Masih terlalu awal untuk menyatakan apakah yang akan terkandung dalam fasa ketiga ini, namun kerajaan membayangkan inisiatif yang tertumpu pada inovasi yang bersifat mesra rakyat. Dengan pembinaan asas yang kukuh dalam kedua-dua fasa GTP yang pertama, kita berharap rakyat telah pun membina keyakinan yang secukupnya terhadap pelan ini dan seterusnya melibatkan diri dalam proses transformasi.

Wawasan 2020 merupakan sebuah gagasan untuk seluruh warga Malaysia, dan meskipun kerajaan akan memastikan bahawa setiap seorang daripada rakyat, tanpa mengira bangsa dan latar belakang, akan diberi setiap kelebihan dan peluang yang ada, ia juga bergantung pada setiap individu untuk merebut segala peluang yang timbul.

GTP merupakan pelan yang dirangka khusus untuk semua rakyat Malaysia. Ia merupakan proses yang perlu kita harungi bersama-sama, dengan kepercayaan dan juga semangat, untuk

memastikannya membawa hasil yang diharapkan. Pertelungan dan cabaran pasti merintangi sepanjang perjalanan ini, namun kerajaan tetap nekad dan komited untuk memastikan pelan ini mencipta kejayaan. Kegigihan, semangat dan azam yang sama inilah yang diharapkan kerajaan akan turut dikongsi bersama oleh seluruh rakyat Malaysia.



LAMPIRAN

Penghargaan

Penghasilan Pelan Hala Tuju GTP 2.0 berjaya direalisasikan menerusi usaha bersama, sokongan dan komitmen oleh pelbagai entiti awam dan swasta dan juga individu. Kerajaan Malaysia berbesar hati merakamkan penghargaan kepada semua badan dan individu yang telah turut mengambil bahagian dan membantu dalam memetakan rangka

tindakan fasa kedua GTP, yang bakal membawa negara lebih hampir dalam mencapai matlamatnya untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Meskipun secara praktikalnya mustahil untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada semua agensi, organisasi dan entiti yang telah

memberikan sumbangan kepada penghasilan dokumen ini, namun Kerajaan ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan secara khusus organisasi-organisasi yang berikut ini. Sumbangan mereka sesungguhnya telah berjaya memastikan penghasilan Pelan Hala Tuju GTP 2.0 yang kukuh dan bersifat mesra rakyat yang terbaik.

NKRA Mengurangkan Jenayah

- Jabatan Peguam Negara
- Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi (JPNIN)
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)

- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
- Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Kesihatan
- Kementerian Dalam Negeri
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
- Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
- Jabatan Penjara Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Kerajaan Negeri Sarawak

NKRA Membanteras Rasuah

- Jabatan Peguam Negara
- Bursa Malaysia Berhad
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Institut Integriti Malaysia (IIM)
- Majlis Peguam Malaysia
- Kementerian Kewangan
- Jabatan Audit Negara
- Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS)
- Jabatan Kerja Raya

- Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Socio-Economic Research Centre (SERC)

NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti

- Agensi Inovasi Malaysia (AIM)
- Institut Aminuddin Baki
- Arise Asia Sdn. Bhd.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Majlis Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE)

- Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- LeapEd Service Sdn. Bhd.
- McKinsey & Company
- Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Kewangan
- PriceWaterHouse Coopers Malaysia

- Jabatan Perkhidmatan Awam(JPA)
- Kolej Universiti SEGi
- Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp Malaysia)
- YTL Corporation
- Yayasan AMIR

NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
- Amanah Ikhtiar Malaysia
- Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Jabatan Buruh (Kementerian Sumber Manusia)
- EPIC Homes
- Hospital Orang Asli, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Majlis Amanah Rakyat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Kementerian Pertanian
- Kementerian Pelajaran
- Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Perbadanan Pembangunan Multimedia Multimedia(MDeC)
- Yayasan MyKasih
- Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara Negara Berkecuali (NIEW)
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri
- PETRONAS
- Jabatan Penjara Malaysia
- PROTON
- Pejabat Pembangunan Negeri Sabah
- Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak Sarawak
- Syarikat Perumahan Negara Berhad
- Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
- Yayasan Kebajikan Negara
- Yayasan Kemajuan Insan Sarawak (YAKIN)
- Yayasan Sejahtera
- Kerajaan Negeri Sarawak
 - Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera (BEDU), Jabatan Ketua Menteri Sarawak
 - Jabatan Pertanian
 - Pejabat Daerah Marudi
 - Kementerian Perumahan
 - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti
 - Pejabat Residen Miri
 - Jabatan Perancang Negeri Sarawak, Jabatan Ketua Menteri Sarawak
- Kerajaan Negeri Sabah
 - Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah
 - Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna
 - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
 - Kementerian Belia dan Sukan
 - Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sabah

NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar

- Jabatan Pertanian (DoA)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DoS)
- Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
- Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU)
- Lembaga Air Kuching
- Jabatan Tanah dan Survei
- Lembaga Air Kawasan Utara (LAKU)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
- Kerajaan Negeri Melaka
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
- Kementerian Pelancongan
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
- Kerajaan Negeri Perak
- Jabatan Kerja Raya (JKR)
- Kerajaan Negeri Sabah
- Sarawak Energy Berhad (SEB)
- Kerajaan Negeri Sarawak
- Sibu Water Board (SWB)
- Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- KTM Berhad
- Kementerian Kewangan
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
- Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
- Majlis Perbandaran Klang (MPK)
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
- Majlis Perbandaran Sepang (MPS)
- Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- Kementerian Pengangkutan
- Perbadanan Aset Keretapi
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
- Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)

SENARAI ANGGOTA MAKMAL

BAGI MAKMAL GTP 2.0

Abd. Halim bin Hassan	Ahmad Ishrakh Hj. Saad	Ashvin Khera
Abdul Halim bin Embong	Ahmad Lotfi bin Zubir	Asnawi Haji Mohd Arun
Abdul Rahim Haji Taha	Ahmad Ridzwan b Rabu	ASP Mohd Rosdi bin Daud
Abdul Rahman Hasan	Ahmad Ridzwan bin Abd. Rahman	ASP Rosli bin Hj Ariff
Abdul Rashid Basiran	Ahmad Rizal b Ramlan	Atan Hamdan b Hj Muhammad
Abdur Rahim Ahmad	Ahmad Sudin	Atiqah Nadiah Zailani
Abrar bin Idris	Ahmad Zafiru bin Mat Yassin	Audrey Lim Bee Yoke
Abu Bakar Md Ali	Ahmad Zaki Salleh	Awang Besar Hj Mohd Yusof
Abu Hashim bin Abdul Saman	Ahmad Zubir bin Ab Ghani	Awang Putarakasuma Awang Dolhan
Abu Hassan bin Hj Ishak	Aida Hazlin bt Hassan	Aziz Bin Mamat
ACP Azmi B Abu Kassim	Aida Jasrina binti Jalaludin	Azlan Sharom
ACP Fadzil B Ahmat	Aiyob B. Shaharuddin	Azleen Binti Abu Talib
ACP Hjh Fatimah bt Abd Hamid	Ajmal Jumah	Azme Hussain
ACP Mohd Fuad B Abd Latiff	Alex Iskandar Liew	Azmi Abd Aziz
ACP Muhammad Azlee bin Abdullah	Alfian bin Bawi	Azmi bin Johar
ACP Sun Teoh Tia	Alias B. Salim	Azmil Zakaria
Adeline Lee	Aminudin Adam	Aznan bin Saad
Afiza Aksan	Andrew Loh Zhu An	Azran Ahmad
Ahmad Asmadi bin Normat	Ang Hoo How (Kenneth)	Azreen Mohamed Yusup
Ahmad Denney B. Hj. Ahmad Fauzi	Anisah Saidin	Azura Hitam
Ahmad Faeizal Hassan	Annafi Zulkifli	Azyyati Aziz
Ahmad Faizal Baharuddin	Anuar Fariz Fadzil	
<hr/>		
Ba'yah Bachok	Bashah Bin Bachik	
Bakar bin Yunus	Benedict Teo Chung Beng	
<hr/>		
Carol Wong	Che Ridzuan Mohamad Isa	Cik Nor Juliena Azleen binti Ahmad
Celemans b. Haji Kasim	Cheryl Lim	Cik Thilagam a/p Kolandapayyan
Chai Kim Thai	Chong Mui Sia	Clement Langet Sabang
Charles Siaw	Christopher Ranggau Unting	Col (CD) Khor Khee Lim
<hr/>		
Dahniar Rosman	Douglas Ling Hau Yong	Dr. Rahimah bt Adam
Daniel Choy	Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim	Dr. Ranjit Singh Gill
Daniel Mahmud Abd Bakir	Dr. Azwan Bin Aziz	Dr. Razianna Abdul Rahman
Danien anak Rangu	Dr. Habibah Abdul Rahim	Dr. Rusilawati Othman
Daryl Cheah	Dr. Mohd Akmal bin Dahlan	Dr. Sarinder Kumari
Datin Azah Ismail	Dr Zaini Binti Ahmad	Dr. Soon Seng Thah
Datin Sitti Haishah bt Abd Rahman	Dr. Aliah Haji Ahmed Shah	Dr. Suhaimi bin Kadir
Dato' Ahmad Suhaili bin Idrus	Dr. Amin Senin	Dr. Wagheeh Shukry B. Hassan
Dato' Dr. Ir. Andy Seo	Dr. Azian T.S Abdullah	Dr. Waitchalla RRV Suppiah
Datu Dr. Haji Yusoff bin Nook	Dr. Chua Hong Teck	Dr. Zaitol bt Salleh
Datuk Aziyah Bahauddin	Dr. Devan V. Rajaram	DSP Chung Aik Peng
Dg Mas Safiah Mahali	Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek	DSP Mohamed Mokhsein B. Mohamed
Diana Fatimah bt Ahmad Sahani	Dr. Hajar bt Mohd Nor	Zon
Diana Taty Md Azman	Dr. Isham bt. Ishak	DSP Mohd Amin bin Mohd Zain
Dikhwan Hady Darnalis	Dr. Kamaruzaman bin Moidunny	Dzafarullah bin Daud
Dina Sufia Shafeek	Dr. Mehander Singh	

Ednel Ashraff Bin Misran Eileen Jessie Ah Guan Ezzat Syuaqi bin Ahmad Elaine Tan Elizabeth Lim Geok Chin En. Khairulizam bin Othman En. Hazhar Muhamad Hanip	En. Krishna Mohd Fadzli b. Abd. Rozan En. Md Aris bin Chonin Encik Ahmad Nazif Muhammad Encik Engku Ahmad Rashdi bin Engku Abdillah Encik Md Erwan Sahran bin Isa@Darami Encik Muhd. Fauzi Iskandar bin Dahalan	Engku Fazuin binti Engku Azahan Ernawati Dasuki Esa bin Rahimin Eugene Teh Yee Ewe Choy Choo
Fadilatusrah Othman Fahimah Husna binti Baharom Farah Syazwani Bashir Ahmad Faridah bt Abd Rahman	Faridah Lani Faruq Yunus Fatimah bt Othman Fauzi Ezuden Ismail	Fauziah Yusof Fawwaz Syakir bin Mohd Ariff Foziah Buang
Geraldine Lim	Goh Wei Liang	Gurpreet Singh
Hafizah bt. Nayan Hairuddin bin Abdullah Hajah Norhayati bt Abd. Latif Haji Ahmad bin Haji Mataral Haji Nordin Bin Mahmud Halif Hamzah Hama Hakim Wayudi bin Awang Hamid bin Momong Hamidah bt Dahol	Hamidi Zakaria Hamirul Ariffin Hamzah Abu Bakar Hartini Abdul Rahim Hashim Muhamad Hashimi Bin Alwi Hasni bin Mohamad Hasnor Faiz bin Mohd Salleh Hasreena Abd Rahman	Hazhar B. Muhamad Hanip Hazizul Hafiz bin Abu Safiyan Hazwani Harun Heidylia ak Joshua Hishammudin bin Ahmad Hj Adli Hj Kiprawie Hj Md Kasim bin Md Noah Ho Swee Phoon Ho Wooi Cheng
Imran Yussof Indira Nair Insp Noor Azwan Bin Mohammed	Irene Cheok Ismail bin Ali Ismail Haji Mosli	Ivy Lim Chen Chen Izaidi Ahmad
Jacinta Vythilingam Jagathisvaran Ramachandran Jamilah bt. Hanafi Jeffrey Jalong	Jenny Yeoh Jesmani B. Yusof Jocelyn Tan Kim Heong Joehari Iskander bin Effendi	John Low Johnson Oei Joyce Tagal
Kaipin Rosmin Kalsom binti Hamid Kamarudin bin Ahmad Kamarul Faridah Kamarul Zaman Kamarul Izam Bin Jalani Kamarul Jalani Kamsiah Muhamad	Kastina bte. Othman Jalel Kathleen Chew Khadijah Hassan Khairil Khalid Khairil Nisaak Osman Khairiyah Md Adnan Khairolin binti Ismail	Khairul Zaman bin Ishak Khairuzaki Paiman Khalid bin Ibrahim Khamsiyah bt Haji Yahya Ku Kok Peng Kyle E

Lailiyah bt Baharuddin	Lee Tick Seng	Lionel Jackson
Larvin Rengasamy	Leslie Chai Kim Pau	Liyana Taff
Lau Pon Yin	Li-Kai Chen	Lokman Affandy Yahya
Lawrence Tseu S.K.	Liaw Vui Phing	Low Wen Long
Lee Yip Cheong	Lim Lam Beng	Lydia Foong
<hr/>		
Marilyn Loke	Mohammad Fauzi Bin Mahson	Mohd Shamsul Nizam bin Abdul Wahid
Marinda Stewart Thaim	Mohammed Suzalie Sulaiman	Mohd Sufian bin Mohd Saifuddin
Mashanizat Bin Ngasri	Mohd Azim b Nordin	Mohd Syafiq Anas Abdullah
Maslina binti Bakri	Mohd Azri Abdullah	Mohd Syahrul Syahid Mohd Salleh
Masturah Ma'arof	Mohd Azrin bin Abdull Rahim	Mohd Syariff bin Abdul Wahab
Maswadi B. Mohamat	Mohd Azrul b Hj Mat Said	Mohd Yunus bin Abdull Aziz
Maszuraini Miswan	Mohd Dzikrullah Junus	Mohd Zufri Mahmud
Mazlan Suratman	Mohd Fauzi bin Mat Zin	Mohd Fuad Arshad
Mazli Binti Muhamad	Mohd Fawwaz Nazmi Bin Mohd. Fuzi	Mokhtar Ishak
Maznee Mahyuddin	Mohd Fazari bin Mohd Salleh	Mokhtar Sulai
Md. Kasim bin Md. Noah	Mohd Hadi B. Khalid	Mubarak Ali Bin Rakhir Mohamed
Md. Razif Wan	Mohd Hafiz Aswad bin Nadzri	Muhamad Firdaus b. Musa
Md. Yaisa Effendy bin Yahya	Mohd Hafizzudin bin Mohd Hashim	Muhamad Zamani bin Mohd Ali
Melissa Lim	Mohd Hanapi bin Mohammad Hanipah	Muhammad Ahnaf b. Abd. Rahim
Mien Dee Yong	Mohd Hasraff b. Hashim	Muhammad Ahnaf b. Abd. Rahim
Mior Najmuddin	Mohd Khalid Mat Yunus	Muhammad Aziyan Hussim
Mohamad Fahmi Mod Latib	Mohd Nawawi Mohd Hassan	Muhammad Hanif bin Nasir
Mohamad Sabari Shakeran	Mohd Nizam bin Abdul Aziz	Muhammad Irwan Abdullah
Mohamad Tarmize b. Abdul Manaf	Mohd Nizam bin Mohd Ali	Munir bn Ab Rashid
Mohammad Asif Afifi Bin Mohd Yusoff	Mohd Rosdi Ismail	Murugan a/l Subramaniam
Mohammad Azwar Iq'bal Bin Tahir	Mohd Sabri b. Zainal	
Mohammad Azwar Iq'sal	Mohd Shahizan bin Abdullah	
<hr/>		
Nafsiah Binti Jaafar	Nor Diana Binti Azmi	Norzawatil Amali Alias
Nah Teik Ong	Nor Diana bt Azmi	Norzila Mohd Yusof
Nazilah Mohd. Yusof	Nor Hazlee bin Hassan	Norzhilah bt Abdullah
Ng Chean Yeaw	Nor Marini Ibrahim	Nur Azhani binti Ab Ghani
Ng Yew Kee	Norazlina Taib	Nurlida binti Ahmad
Nik Muhammad bin Nik Dir	Norena Jaafar	Nurshuhada Suhaimi
Nishan Veerakumar	Norhayati bt Khamidin	Nursyazana Amiruddin
Noorliza Hj Zakuan	Norhayati Mohamed Nordin	Nurul Izzah binti Ahmad
Noorul Fitri b Md Salleh	Norliah Abdul Aziz	Nurulhani bt Azini
Nor Akmar	Norliza binti Mohammad Basiron	Nurzawani Mukhtarah bt Awi
Nor Akmar binti Ibrahim	Norma Nun	
Nor Azlina bt Abd. Rahim	Norsheila Abdullah	
<hr/>		
Omar Nazari Aziz	Othman bin Saad	

Petrus Kang
Philip See
Pn. Asiah Hamzah

Pn. Noryate Muda
Puan Nor Amalina binti Ismail
Puan Nurazreen binti Sulaiman

Puan Nurhidayah binti Anuar
Puan Siow Suan Neo

Ghamariah Samu

Rahmat Ismail
Raizah Mohd Yaman
Raja Hamizah Raja Harun
Rajesh Krishnan
Ram a/l Narayanan
Ramdan bin Baba
Ramlah binti Hassan
Ravindran Devagunam

Razak Ab karim
Razlee bin Mohamad
Rifaela bt.Hj. Shuib
Rita Irina Abd Wahab
Rokiah binti Don
Rose Lina Binti Ismail
Rosina Daisy Julius
Rosli bin Abdul

Rosmawati Binti Mohamad
Rosnarizah bt Abdul Halim
Rozi Puteh Ismail
Roziah binti Abdul Razak
Rozita binti Ali
Rozyla bt Ahmad Fauzi
Rudi Abang Zamhari
Ryan Hardin

Sabrina Erna bt Shabri
SAC Dato' Huzir B. Mohamed
SAC Dato' Paramasivam a/l Arunasalam
Sahara Ahmad
Saifudin Katang
Saiful Effendi Bin Mohd Zahari
Sainursalwa Sani
Salasiah binti Ghazali
Salmah Ahmad
Salmah Mohd Salleh
Sanusi Wahab
Sapiah bt Hj. Daud
Sarinah bt Mohd Sari
Selena Zahiruddin

Shadhana Popatial
Shahilon Abd Halim
Shahnaz Al-sadat
Shahrizal Norwawi
Shahrizan bin Ab Rahim
Shamshul Huzaairy b. Sahazali
Shamsul Saniron
Sharul Azwa Abd Rani
Sim Kwong Hiong
Sing Ai Lee
Siti Altaf Deviyati
Siti Nooraznie Abd Rahim
Sofiah binti Abdul Hamid
Sudin Bin Jaya

Sudirman bin Aban
Suhaimi bin Sapari
Suhairy bin Abdul Ghani
Sukeman Suradi
SUPT Dennis Lim Kwang Keng
SUPT Dorairaja a/l R.Nathan
SUPT Law Tiang Huat
SUPT Mohd Munir Bin Mohd Hashim
SUPT Mohd Soaihami bin Rahim
SUPT Ng Guat Choo
SUPT Soo Me Tong
SUPT Victor Anthony Gopal
Syahirah Abdul Rahman
Syazrul Nizam Sulaiman

Tamida bin Da'adi
Tamrin bin Zaharudin
Tan Kim Bock @ Steven
Tan Kim Heong
Tan Mei Ling
Tan Sven Sern

Tengku Khairul Zahirah bt Tengku
Kamaludin
Tengku Nurul Azian Tengku Shahriman
Teresa Rose Gilbert
Tn. Hj. Abang Ali bin Abang Masagus
Toh Lay See

TPP Vijayan a/l Krishnan
Tuan Ir. Sabran Saperi

Ummi Sajidah binti Ahmad Bustamam

Ungku Mohammad Alhady bin Ungku
Mohd. Zam

Visvapurna Mahadevan

W.Husin W. Hassan Wahab Ibrahim Wan Azilawati bt Wan Mahmood Wan Norwidayawatty binti Mohammad	Wan Razuki bin Wan Ismail Wan Rosliza bt Abdul Rashid Wan Zakiah bt Wan Mohamed Wendy Moh	Wong Kay Yong Wong Siu Ping Wong Swee Chin
Yeoh Pei Lou Yuspaizal Ponachi	Yvonne Phan Yng Yih	
Zadil Hanief Mohamad Zaidi Zafran Zakaria Zaid Iskandar bin Jaraiee Zaid Karim Shaari Zaimy bin Shaari Zain Rocky Zainal Abidin Osman Zaini bin Ramli	Zainon Zainal Abidin Zainudin Abas Zainun bin Johari Zaiton binti Hj Daud Zakaria Md Tap Zakariya Kasim Zalifah Salakin Zalirizal Abdul Rahman	Zamlee Sabanah Zamruddah Bt Mahfar Zarul Hidayat Mokhtar Zia Mohzani Zoe Ng Zuraida Ahmad

